

**APLIKASI KONSEP SIASAH SYAR'IYYAH DALAM  
PELAKSANAAN DASAR WANITA NEGERI  
KELANTAN DARI TAHUN 2001  
HINGGA 2015**

**NURUL AKMA BINTI MOHAMED**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**APLIKASI KONSEP SIASAH SYAR'IYYAH DALAM  
PELAKSANAAN DASAR WANITA NEGERI  
KELANTAN DARI TAHUN 2001  
HINGGA 2015**

**NURUL AKMA BINTI MOHAMED**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: NURUL AKMA BINTI MOHAMED [REDACTED]

No. Matrik: IHA090043

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

APLIKASI KONSEP SIASAH SYAR'IYYAH DALAM PELAKSANAAN DASAR WANITA NEGERI KELANTAN DARI TAHUN 2001 HINGGA 2015

Bidang Penyelidikan: SIASAH SYAR'IYYAH (SAINS KEMASYARAKATAN)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

**APLIKASI KONSEP SIASAH SYAR'IYYAH DALAM PELAKSANAAN DASAR WANITA  
NEGERI KELANTAN DARI TAHUN 2001 HINGGA 2015**

**ABSTRAK**

Kajian ini dibuat bertujuan untuk menilai sejauh mana konsep Siasah Syar'iyyah telah diaplikasikan dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan bermula dari tahun 2001 hingga tahun 2015. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini meneliti data-data lapangan mengenai aspek pelaksanaan dasar yang diperolehi melalui kaedah dokumentasi dan temubual. Data-data kualitatif yang diperolehi telah disusun dan dianalisis mengikut kronologi penggubalan dasar dan pelaksanaannya, di mana penilaian terhadap penggubalan dasar telah dibuat berdasarkan elemen Siasah Syar'iyyah yang utama. Kajian ini menggunakan kaedah analisis secara tematik bagi menilai perkaitan dan ketepatan strategi dasar dan program yang dilaksanakan dengan peranan-peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita. Kajian ini mendapati bahawa terdapat lima peranan utama Siasah Syar'iyyah terhadap wanita iaitu memandu wanita melaksanakan syariat, melindungi wanita daripada mungkar, meninggikan martabat wanita, menjamin kebajikan wanita dan membentuk wanita yang bertanggungjawab. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dalam tempoh kajian adalah bertepatan dengan konsep Siasah Syar'iyyah dari sudut inspirasi, prinsip dan matlamatnya. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa kesemua strategi dan program yang dianalisis telah memenuhi kelima-lima peranan utama Siasah Syar'iyyah terhadap wanita yang dengan sendirinya telah dapat mengukuhkan kedudukan wanita sebagai penyumbang dalam pembangunan masyarakat dan negara.

**Kata kunci:** Siasah Syar'iyyah, dasar wanita, Kelantan

**THE APPLICATION OF SIASAH SYAR'IYYAH IN THE IMPLEMENTATION OF  
KELANTAN POLICY ON WOMEN FROM 2001 TO 2015**

**ABSTRACT**

This study aimed to assess the extent to which the Siasah Syar'iyyah concept was applied in the implementation of Kelantan Policy on Women from 2001 to 2015. In order to achieve the objective, this study examines the field data on the implementation of the policy obtained through documentation method and interviews. The qualitative data has been compiled and analyzed according to the chronology of its policy formulation and implementation, where the evaluation of policy formulation has been made based on the main elements of Siasah Syar'iyyah. This study uses thematic method of analysis to assess the accuracy of the strategies and programs implemented with the role of Siasah Syar'iyyah towards women. The study discovered that there are five main roles of Siasah Syar'iyyah towards women which are to guide them to practice shari'a, to protect them from mischief and damage, to elevate their dignity, to ensure their welfare and to form responsible women. The result of this study shows that the implementation of Kelantan State Policy on Women from 2001 to 2015 has applied the Siasah Syar'iyyah concept from the point of its inspiration, principles and goals. The findings also show that all of the strategies and programs analysed have fulfilled the five major roles of Siasah Syar'iyyah towards women which have been able to strengthen their position as contributors in community and state development.

**Keywords:** Siasah Syar'iyyah, policy on women, Kelantan

## PENGHARGAAN

الحمد لله الذي هدانا لهذا، وما كانا لننهدي لو لا أن هدانا الله، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه ومن سار على نحجه إلى يوم الدين.

Segala puji dan syukur dirafakkan kepada Allah SWT yang telah memberikan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya ia tidak dapat disempurnakan tanpa ilham, petunjuk dan pertolongan dari-Nya.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Shukeri bin Mohamad yang telah banyak berkorban memberi bimbingan, komentar dan motivasi sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Semoga Allah memberi kebahagiaan dan kesejahteraan buat Prof. Madya sekeluarga. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada seluruh tenaga kerja di Jabatan Siasah Syar'iyyah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), terutama kepada Yang Berusaha Ketua Jabatan dan semua pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar dan kritikan yang membina sehingga akhirnya kajian ini berjaya disempurnakan. Di sini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Eksekutif Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan pihak pengurusan kolej yang telah menyediakan kemudahan kerjaya dan meluluskan cuti belajar sehingga memungkinkan saya menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Bahagian Ijazah Tinggi APIUM, Kuala Lumpur dan seluruh warga kerja di APIUM, Nilam Puri, Kelantan. Begitu juga, ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada barisan panel jawatankuasa pemeriksa dan *Viva Voce* Ijazah Tinggi Doktor Falsafah dari APIUM dan pemeriksa-pemeriksa luar bagi tesis ini.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh kakitangan Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Kebajikan Negeri Kelantan, Urus Setia Penerangan Negeri Kelantan dan Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, yang telah menyediakan sebahagian besar rekod dan data yang diperlukan. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua informan yang telah mengizinkan saya menjalankan temubual bagi menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih buat sahabat-sahabat seperjuangan yang telah banyak memberi cetusan idea, semangat dan motivasi; serta semua pihak yang telah membantu dan memberi inspirasi kepada penulis secara langsung dan tidak langsung sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Hanya Allah SWT sahaja yang selayaknya membalias budi kalian dengan sebaik-baik pembalasan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas pengorbanan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi, iaitu buat ayahanda Prof. Datuk Dr. Mohamed@Sheikh Mohd Amin bin Sheikh Mubarak dan bonda Datin Rosni binti Mohd Yusoff. Semoga Allah mengganjari kalian berdua dengan syurga Firdaus yang tertinggi. Begitu juga buat suami tercinta Nik Faisal al-Hafiz di atas pengertian, pengorbanan dan dukungan. Buat anakanda-anakanda yang soleh dan solehah; Afif Nu'man al-Hafiz, Afif Azzam, Tasnim Afifah dan Nik Nurul Husna, terima kasih kerana sentiasa cuba memahami, menghiburkan, ringan membantu dan memberi kerjasama yang berterusan kepada bonda kalian. Terima kasih juga buat semua adik-beradik dan seluruh keluarga mertua yang sentiasa mendoakan kejayaan ini. Semoga jasa dan pengorbanan ini mendapat keberkatan daripada Allah dan dikurniakan sebaik-baik ganjaran di dunia dan akhirat.

Sekian, terima kasih.

**Nurul Akma binti Mohamed,  
5191-N Batu 2 Jalan Kuala Krai,  
15100 Kota Bharu, Kelantan.**

## **DAFTAR KANDUNGAN**

Abstrak .....	iii
Abstract .....	iv
Penghargaan .....	v
Daftar Kandungan .....	vii
Senarai Rajah .....	xii
Senarai Jadual .....	xiii
Senarai Kependekan dan Simbol .....	xiv
Jadual Transliterasi dan Jadual .....	xix
Senarai Lampiran .....	xxii
 <b>BAB SATU: PENGENALAN .....</b>	 1
1.1 Pendahuluan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	1
1.3 Permasalahan Kajian .....	7
1.4 Persoalan Kajian .....	8
1.5 Objektif Kajian .....	9
1.6 Definisi Tajuk .....	9
1.6.1 Aplikasi Konsep Siasah Syar'iyyah .....	10
1.6.2 Pelaksanaan Dasar .....	10
1.6.3 Dasar Wanita Negeri Kelantan .....	11
1.7 Skop Kajian .....	13
1.8 Kepentingan Kajian .....	14
1.9 Sorotan Literatur .....	16
1.9.1 Aspek Siasah Syar'iyyah .....	16
1.9.2 Hak-hak Wanita Dalam Negara Islam .....	19

1.9.3 Dasar Wanita .....	24
1.10 Metodologi Kajian .....	32
1.10.1 Metode pengumpulan data .....	33
1.10.2 Metode analisis data .....	42
1.11 Kesimpulan .....	44
<b>BAB DUA : PERANAN SIASAH SYAR'IYYAH TERHADAP WANITA ....</b>	<b>45</b>
2.1 Pendahuluan .....	45
2.2 Pandangan Ulama Tentang Konsep Siasah Syar'iyyah .....	47
2.3 Prinsip Siasah Syar'iyyah Dalam Membangunkan Wanita Pada Zaman Rasulullah SAW .....	61
2.4 Peranan Siasah Syar'iyyah Terhadap Wanita .....	70
2.4.1 Memandu Wanita Melaksanakan Syariat .....	71
2.4.2 Melindungi Wanita Daripada Mungkar dan Kerosakan .....	76
2.4.3 Meninggikan Martabat Wanita .....	84
2.4.4 Menjamin Kebajikan Wanita .....	91
2.4.5 Membentuk Wanita Yang Bertanggungjawab .....	94
2.5 Kesimpulan .....	97
<b>BAB TIGA : LATAR BELAKANG DAN PELAKSANAAN DASAR WANITA NEGERI KELANTAN .....</b>	<b>98</b>
3.1 Pendahuluan .....	98
3.2 Latar Belakang Dasar Wanita Negeri Kelantan .....	98
3.2.1 Dasar Membangun Bersama Islam 1990 Permulaan Pembaharuan Untuk Kepentingan Wanita .....	99
3.2.2 Peraturan Berpakaian Menutup Aurat 1992 dan Kawalan Pergaulan Bebas .....	105

3.2.3	Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin 1991 .....	107
3.2.4	Menyusun Semula Hari dan Masa Bekerja 1995 .....	108
3.2.5	Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 ....	109
3.2.6	Penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan .....	112
3.3	Perincian Dasar Wanita Negeri Kelantan .....	113
3.4	Pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan Berpandukan Strategi Pelaksanaan Dasar .....	134
3.4.1	Pembentukan Unit Pembangunan Wanita (UPW) .....	136
3.4.2	Pembentukan Majlis Perundingan Wanita (MPW) Kelantan .....	141
3.4.3	Program Induksi Dasar Wanita Kelantan .....	142
3.4.4	Kempen Kepekaan Gender .....	143
3.4.5	Peruntukan Anggaran Belanjawan .....	144
3.5	Persediaan Lanjutan Wanita Kelantan dan Strateginya .....	148
3.6	Penilaian Dasar Wanita Negeri Kelantan Dari Sudut Operasi .....	161
3.7	Kesimpulan .....	172

**BAB EMPAT: ANALISIS SIASAH SYAR'IYYAH TERHADAP  
PELAKSANAAN DASAR WANITA NEGERI KELANTAN ..... 174**

4.1	Pendahuluan .....	174
4.2	Mengurus Aktiviti Wanita Berpandukan Syarak .....	175
4.2.1	Arahan Berpakaian Menutup Aurat .....	176
4.2.2	Sistem Pajak Gadai Islam .....	177
4.2.3	Pendedahan Ilmu Agama .....	178
4.2.4	Garis Panduan Syarak Bagi Penglibatan Wanita Dalam Aktiviti Masyarakat .....	181
4.3	Melindungi Wanita Daripada Mungkar Dan Kerosakan .....	184

4.3.1	Aplikasi Kaedah <i>Sad al-Dharā'i'</i> .....	184
4.3.2	Pemerkasaan Sistem Wali .....	190
4.3.3	Peruntukan Undang-undang .....	194
4.4	Meninggikan Kedudukan Wanita .....	195
4.4.1	Pengiktirafan Terhadap Sumbangan Wanita, Ibu dan Suri Rumah .....	195
4.4.2	Ilmu Pengetahuan dan Kemahiran .....	198
4.4.3	Penglibatan Wanita Pada Peringkat Pembuat Keputusan .....	200
4.5	Memelihara Kebajikan Wanita .....	202
4.5.1	Kebajikan Wanita Bersalin .....	203
4.5.2	Kebajikan Wanita Bekerja .....	203
4.5.3	Khidmat Kaunseling .....	204
4.5.4	Kesihatan Wanita .....	204
4.5.5	Kebajikan Golongan Armalah .....	205
4.5.6	Peruntukan Belanjawan Untuk Wanita .....	206
4.6	Membentuk Wanita Yang Bertanggungjawab .....	207
4.6.1	Penerapan Konsep UMI .....	207
4.6.2	Perlantikan Wanita Sebagai Pemimpin .....	208
4.6.3	Penyertaan Wanita Dalam NGO .....	212
4.6.4	Penganjuran Program Teknikal Pengurusan .....	212
4.6.5	Pengasingan Dasar Keluarga Daripada Dasar Wanita .....	213
4.6.6	Peranan Wanita Kelantan .....	213
4.7	Kesimpulan .....	214
	<b>BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>216</b>
5.1	Pendahuluan .....	216

5.2	Rumusan Hasil Kajian .....	216
5.2.1	Siasah Syar'iyyah Memelihara Kesejahteraan Wanita .....	217
5.2.2	Pemakaian Konsep Siasah Syar'iyyah Dalam Penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan .....	219
5.2.3	Penilaian Dasar Wanita Negeri Kelantan Dari Sudut Operasi .....	221
5.2.4	Pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan Mengukuhkan Kedudukan Dan Peranan Wanita .....	224
5.3	Cadangan .....	226
5.3.1	Cadangan Kepada Kerajaan Negeri Kelantan .....	226
5.3.2	Cadangan Kepada Kerajaan Persekutuan .....	228
5.3.3	Cadangan Kepada Pihak NGO .....	229
5.3.4	Cadangan Kajian Lanjutan .....	229
5.4	Penutup .....	230
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>		<b>231</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>		<b>256</b>

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1 : Analisis Jenis Kerangka

Rajah 3.1 : Carta Kerajaan Negeri Kelantan

## **SENARAI JADUAL**

- Jadual 3.1 : Rumusan Peranan Wanita Kelantan
- Jadual 3.2 : Strategi Pelaksanaan Dasar
- Jadual 3.3 : Ringkasan Peruntukan Anggaran Belanjawan Untuk Kebajikan Dan Pembangunan Wanita Dari Tahun 2005 Hingga 2015
- Jadual 5.1 : Peranan Siasah Syar'iyyah Terhadap Wanita dan Elemeninya

## **SENARAI MAKSUD KEPENDEKAN DAN SIMBOL**

ABIM	:	Angkatan Belia Islam Malaysia
ADN	:	Ahli Dewan Negara
ADUN	:	Ahli Dewan Undangan Negeri
ADR	:	Ahli Dewan Rakyat
APU	:	Angkatan Perpaduan Ummah
AS	:	‘Alaihissalam
BERJASA	:	Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia
Bil.	:	Bilangan
BN	:	Barisan Nasional
CDHRI	:	Cairo Declaration on Human Rights in Islam (Perisyiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia Dalam Islam)
CEDAW	:	Convention on the Elimination of all Forms of Discrimination Against Women (Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita)
CRC	:	Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak
Dr.	:	Doktor
DUN	:	Dewan Undangan Negeri
DWN	:	Dasar Wanita Negara
DWNK	:	Dasar Wanita Negeri Kelantan
EXCO	:	State Executive Council (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri)
GLC	:	Government-Linked Company
H	:	Hijrah
HAMIM	:	Parti Hizbul Muslimin Malaysia
HAWA	:	Hal Ehwal Wanita

hb.	:	haribulan
HIV	:	<i>Human Immunodeficiency Virus</i> (virus kurang imun manusia)
Ibid	:	Ibidem (sumber rujukan yang telah digunakan sama seperti di atasnya atau sebelumnya)
IC	:	Islamic Councils
IPT (A/S)	:	Institusi Pengajian Tinggi (Awam/ Swasta)
IVF	:	Persenyawaan in vitro
JAKIM	:	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JASA	:	Jabatan Sekolah-sekolah Agama
JAHEAIK	:	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
JPW	:	Jabatan Pembangunan Wanita
KIAS	:	Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
KPWKM	:	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
LPPKN	:	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
M	:	Masihi
MAIK	:	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MB	:	Menteri Besar
MBI	:	Membangun Bersama Islam
MDGs	:	Matlamat Pembangunan Milenium
MMK	:	Majlis Mesyuarat Kerajaan
MPKB-BRI	:	Majlis Perbandaran Kota Bharu- Bandar Raya Islam
MTD	:	Majlis Tindakan DUN
MPW (N/P)	:	Majlis Perundingan Wanita (Negeri/ Parlimen)
NACIWID	:	National Advisory Council on The Integration of Women in Development (Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Integrasi Wanita)

NAM	:	Pergerakan Negara-negara Berkecuali
NGO	:	Pertubuhan Bukan Kerajaan
no.	:	nombor
OIC	:	Organisation of Islamic Cooperation (Pertubuhan Persidangan Islam)
OKU	:	Orang Kurang Upaya
PAS	:	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	:	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	:	Pihak Berkuasa Tempatan
PKINK	:	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
PKS	:	Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan
PMBK	:	Perbadanan Menteri Besar Kelantan
PMS46	:	Parti Melayu Semangat 46
PPAD	:	Penyelaras Pembangunan Armalah DUN
PPWK	:	Pusat Pembangunan Wanita Kelantan
Prof.	:	Profesor
PTMW	:	Penghulu Tanpa Mukim Wanita
PTN	:	Pegawai Tadbir Negeri
PTU	:	Pegawai Tadbir Ugama
PURNAMA	:	Persatuan Isteri-isteri Wakil Rakyat dan Pegawai Kanan Kerajaan Kelantan
PUSPANITA	:	Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia
PUTIK	:	Pusat Tarbiah Islamiyyah Kelantan
r.a	:	Radiallahu ‘anhu/ ‘anha/ ‘anhum
RM	:	Ringgit Malaysia

SAW	:	Sallallahu ‘alaihi wa sallam (selawat ke atas Nabi)
SUK	:	Setiausaha Kerajaan Negeri
SWT	:	Subhanahu Wa Ta‘ala (Allah Maha Suci dan Maha Tinggi)
t.t.	:	tanpa tahun terbitan
t.tp.	:	tanpa tempat terbitan
terj.	:	terjemahan
TG	:	Tuan Guru
TMB	:	Timbalan Menteri Besar
UDHR	:	Universal Declaration of Human Rights (Perisyiharan Hak Asasi Manusia Sejagat)
UIDHR	:	Universal Islamic Declaration of Human Rights (Perisyiharan Sejagat Islam Mengenai Hak Asasi Manusia)
UMI	:	Ubudiyyah, Mas’uliyyah dan Itqan
UMNO	:	United Malays National Organisation
UPEN	:	Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan
UPIBSN	:	Urus Setia Pembangunan Insan, Belia, Sukan dan NGO Negeri Kelantan
UPKN	:	Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan
UPW	:	Unit Pembangunan Wanita
UPWK	:	Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan
UPWKK	:	Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan Negeri Kelantan
UUK	:	Undang-undang Kecil
YAB	:	Yang Amat Berhormat
YABrs.	:	Yang Amat Berusaha

YB	:	Yang Berhormat
YBrs.	:	Yang Berusaha
YIK	:	Yayasan Islam Kelantan
YPEIM	:	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
YPTIK	:	Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan

## JADUAL TRANSLITERASI

Transliterasi yang digunakan ialah berdasarkan kepada Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur sebagaimana terdapat dalam Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

### 1. Huruf

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ء	a, '(Hamzah)	سَأْلٌ	sa'ala
ب	b	بَدْلٌ	badala
ت	t	تَمْرٌ	tamr
ث	th	ثُورَةٌ	thawrah
ج	j	جَمَالٌ	jamāl
ح	h	حَدِيثٌ	hadīth
خ	kh	خَالِدٌ	khālid
د	d	دِيْوَانٌ	dīwān
ذ	dh	مَذْهَبٌ	madhab
ر	r	رَحْمَانٌ	rahmān
ز	z	زَمْزَمٌ	zamzam
س	s	سَرَابٌ	sarāb
ش	sy	شَمْسٌ	shams
ص	ṣ	صَبْرٌ	ṣabr
ض	ḍ	ضَمِيرٌ	ḍamīr
ط	ṭ	طَاهِرٌ	ṭāhir

ظ	z	ظہر	zuhr
ع	'	عبد	'abd
غ	gh	غیب	ghayb
ف	f	فقہ	fiqh
ق	q	قاضی	qādī
ك	k	کاس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmār
ن	n	نوم	nawm
ه	h	ھبط	hābāṭā
و	w	وصل	wāṣl
ي	y	یسار	yasār
ة	h	سیدۃ	sayyidah

## 2. Vocal Pendek

<u>Baris Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
— (fatḥah)	a	فَعَلَ	fa'ala
— (dammah)	ū	كَمْلَ	kamula
— (kasrah)	i	حَسِبَ	hasiba

### 3. Vocal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
أ، ئ	ā	قضى ، كاتب	kātib, qadā
و	ū	معروف	ma'rūf
ي	ī	كريم	karīm

### 4. Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
او	aw	فوق ، سوف	sawfa, fawqa
اي	ay	سيف	sayf
يء	iyy/ī	رجعي	raj'iyy / raj'ī
ؤ	uww/ū	عدو	*aduww / 'adū

### 5. Ta' Marbūtah

<u>Contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
السياسة الشرعية	al- Siyāsah al-Syar'iyyah
مصلحة مرسلة	Maṣlahah Mursalah
دار الوهبة	Dār al-Wahbah

## **SENARAI LAMPIRAN**

- Lampiran A : Dasar Wanita Negeri Kelantan
- Lampiran B : Dasar Wanita Negara
- Lampiran C : Ringkasan Soalan Utama Temubual
- Lampiran D : Pekeliling Waktu Bekerja Bulan Ramadhan
- Lampiran E : Ahli Jawatankuasa Induk Majlis Perundingan Wanita Negeri Kelantan.
- Lampiran F : Pekeliling Cuti Kematian Suami
- Lampiran G : Senarai III, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan
- Lampiran H : Bidang Tugas Unit-Unit Bagi Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Kebajikan Negeri Kelantan
- Lampiran I : Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan
- Lampiran J : Pekeliling Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Dan Pelarasan Gaji Kakitangan Urusetia
- Lampiran K : Surat Kelulusan Pembentangan Seminar *Candidature Defense*
- Lampiran L : Surat Keputusan Pembentangan Seminar Sebelum Penyerahan Tesis
- Lampiran M : Surat Kelulusan Tajuk Tesis PhD
- Lampiran N : Surat Jemputan Pembentangan *Viva Voce* Tesis PhD

## BAB SATU: PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Bab ini bertujuan untuk memberikan gambaran asas yang komprehensif mengenai latar belakang aplikasi konsep Siasah Syar'iyyah dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan. Konteks dualisme pentadbiran di negara ini menguji sejauh mana Siasah Syar'iyyah mampu diaplikasikan dalam pelaksanaan sesebuah dasar di peringkat negeri yang tertakluk kepada undang-undang negara yang bersifat sekular. Kajian ini memberi tumpuan khusus terhadap pengaplikasian Siasah Syar'iyyah oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dari tahun 2001 hingga 2015.

Bab Satu kajian akan menjelaskan latar belakang, permasalahan, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian, di samping menghuraikan istilah-istilah utama yang digunakan dan mengemukakan sorotan literatur yang berkait dengan kajian ini. Bab ini juga menjelaskan metode yang digunakan dalam pengumpulan dan penganalisisan data sepanjang kajian ini dijalankan.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Isu-isu mengenai wanita telah menjadi sebahagian daripada perbahasan Siasah Syar'iyyah sejak zaman pemerintahan Islam di bawah pimpinan Rasulullah SAW dan para Khulafā' al-Rāshidīn.<sup>1</sup> Baginda SAW dan para Khulafā' al-Rāshidīn telah

<sup>1</sup> Sebahagian pengkaji menganggap bahawa asas pelaksanaan Siasah Syar'iyyah pada zaman Rasulullah SAW bermula selepas hijrah iaitu apabila terbentuknya negara Islam Madinah yang memerlukan kepada sistem politik dan pentadbiran Islam yang tersusun. Manakala tindakan-tindakan Rasulullah SAW sebelum daripada itu dianggap sebagai tugas seorang Rasul sebagai pendakwah dan pemulih sosial. Lihat Tawfiq Sultan al-Yuzabakki, *Nushū' al-Fikr al-Siyāsi 'Inda al-Muslimīn* (Riyadh: t.p, t.f), 13. Walau bagaimanapun, Dr 'Abd al-Şamad al-Ridā berpandangan bahawa asas kepada pelaksanaan Siasah Syar'iyyah tersebut bermula sejak awal kerasulan Nabi Muhammad SAW lagi yang telah dipilih oleh Allah SWT sebagai Rasul-Nya. Lihat 'Abd al-Şamad al-Ridā, *Qawā'id al-Ijtihād fī al-Siyāsah al-Syar'iyyah Dirāsah Tārikhīyyah Ta'sīliyyah Mustaqbaliyyah* (Irbid: 'Ālam al-Kutub al-Hadīth, 2011), 83.

menegaskan aspek pembelaan dan penjagaan kaum wanita<sup>2</sup> serta menggariskan asas-asas yang berkaitan dengan hak-hak wanita di dalam masyarakat, termasuk penglibatan wanita dalam aktiviti sosial, ekonomi dan politik.<sup>3</sup> Asas-asas tersebut telah dikembangkan dengan baik oleh pemerintahan Islam selepas itu dengan bantuan para ulama dan sarjana Islam melalui pandangan dan penulisan mereka, berkaitan isu-isu kepimpinan wanita dalam politik, hukum wanita menjawat jawatan hakim, hak-hak wanita dalam negara Islam, syarat penglibatan wanita dalam masyarakat dan seumpamanya. Muhammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris misalnya telah menegaskan di dalam kajianya bahawa pelaksanaan syariat secara menyeluruh telah memberikan kebahagiaan kepada golongan wanita sehingga tidak terdapat aduan daripada kaum wanita tentang kezaliman yang dilakukan ke atas mereka sepanjang pemerintahan Islam.<sup>4</sup>

Apabila negara umat Islam mulai dijajah, Siasah Syar'iyyah tidak lagi dapat diimplementasikan secara menyeluruh dan bersepadan di dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan negara umat Islam. Pembelaan Islam secara realiti terhadap kaum wanita juga semakin diragui dan dipandang sinis. Islam telah ditohmah sebagai agama yang menindas kaum wanita dengan mengetengahkan kes-kes penganiayaan terhadap wanita seperti kes-kes pembunuhan wanita yang dilakukan oleh ahli keluarga sendiri dengan

<sup>2</sup> Sebagai contoh, aspek pembelaan kaum wanita telah disentuh oleh Rasulullah SAW dalam Piagam Madinah yang menjadi perlembagaan negara Islam yang pertama. Fasal 41 Piagam Madinah menyebut:

وَلَا يُنْهَا حُرْمَةٌ إِلَّا يُذْنَى لَهُبَّهَا.

Terjemahan: Tidak boleh diganggu sebarang kehormatan dan ketenteraman wanita melainkan setiap kunjungan harus dengan izin suami (atau wali)nya sendiri<sup>2</sup>. Ibrāhīm al-'Alī, Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawiyyah (Amman: Dār al-Nafā'is, 1995), 148.

Manakala dalam Haji Perpisahan pula, Rasulullah SAW juga telah menyentuh mengenai hak wanita dalam sabda baginda:

فَأَنْهَوُ اللَّهُ فِي النِّسَاءِ

Terjemahan: Maka bertakwalah kepada Allah dalam urusan kaum wanita. Muhammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris, *Huqūq al-Mar'ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fī al-Islām* ('Ammān: Dār al-Furqān, 2000), 6.

<sup>3</sup> Wanita pada zaman tersebut telah menyertai perperangan dan himpunan umum bersama lelaki, memikul tanggungjawab amar makruf dan nahi mungkar, diambil pandangan dalam hal-hal yang berkaitan dengan masalah umum serta mempunyai hak ke atas harta yang dimiliki. 'Abd al-Ḥalīm Abū Shuqqah, *Tahrīr al-Mar'ah fī 'Aṣr al-Risālah*, (Kuwait: Dār al-Qalam, 2002), 1: 115-130.

<sup>4</sup> Muhammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris, *Huqūq al-Mar'ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fī al-Islām* (Amman: Dār al-Furqān, 2000), 6.

alasan untuk menjaga maruah keluarga, sebagaimana yang berlaku di Jordan, Iraq, Pakistan dan lain-lain.<sup>5</sup>

Kejatuhan khilafah Islam yang terakhir di Turki pada 3 Mac 1924 pula telah menyebabkan umat Islam berada dalam kegelapan dan perpecahan. Kebanyakan negara umat Islam menerima sistem pentadbiran sekular yang menetepikan pendekatan Islam dalam pentadbiran negara. Akibatnya, hak-hak umat Islam dalam negara sendiri semakin terabai dan dinafikan.<sup>6</sup>

Dalam konteks politik moden, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu<sup>7</sup> telah mengumumkan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sedunia (UDHR) pada 10 Disember 1948<sup>8</sup> yang mengandungi tiga puluh fasal berkenaan hak asasi manusia. Walau bagaimanapun negara-negara umat Islam telah bertindak mengemukakan deklarasi hak asasi manusia mengikut perspektif Islam melalui Perisyiharan Sejagat Islam Mengenai Hak Asasi Manusia (UIDHR)<sup>9</sup> oleh *Islamic Councils* (IC) pada 19 September 1981 dan

<sup>5</sup> Lihat: Robert Spencer dan Phyllis Chesler, *The Violent Oppression Of Women In Islam* (Los Angeles: David Horowitz Freedom Center, 2007), 20-24. Sebagai contoh, tulisan ini telah memetik laporan daripada Chichago Tribune bahawa pada 31 Mei 1994, Kifaya Husayn, seorang gadis Jordan berusia 16 tahun, telah dibunuh oleh saudara lelakinya yang berusia 32 tahun demi membersihkan nama baik keluarga. Memetik berita daripada majalah Time pula, pada bulan September 2003 di Iraq, seorang lelaki bernama Ali Jasib Mushiji, 17 tahun, telah menembak ibu dan saudara lelakinya dan adik perempuannya yang berusia 4 tahun untuk menutup malu. Penulis mendakwa bahawa berlakunya kes-kes sedemikian adalah didorong oleh budaya malu atau kehormatan yang diciptakan oleh Islam. Di samping itu isu-isu mengenai penindasan Islam terhadap wanita juga banyak menyentuh tentang hukum Islam berkenaan poligami, isu aurat wanita dan seumpamanya. Tulisan ini juga telah diterjemahkan ke Bahasa Indonesia oleh Faith Freedom Forum Indonesia.

<sup>6</sup> 'Abd al-Halīm 'Uways, *Dirāsah li Suqūt Thalāthīn Dawlah Islāmiyyah* (Kaherah, Dār al-Šāhwah, 1989), 198.

<sup>7</sup> Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah ditubuhkan di San Francisco, California pada 24 Oktober 1945 selepas tamat Perang Dunia Ke-2 dengan keanggotaan 51 buah negara. Pada tahun 2004, sebanyak 191 buah negara telah menganggotai pertubuhan ini. Lihat "History of The United Nations", laman sesawang *United Nations*, dicapai pada 10 Ogos 2017, <http://www.un.org/en/sections/history/history-united-nations/index.html> dan "Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu," laman sesawang *Wikipedia*, dicapai pada 10 Ogos 2017, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pertubuhan\\_Bangsa-Bangsa\\_Bersatu](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pertubuhan_Bangsa-Bangsa_Bersatu)

<sup>8</sup> "Universal Declaration of Human Rights", laman sesawang *United Nations*, dicapai pada 10 Ogos 2017, <http://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/>

<sup>9</sup> "Universal Islamic Declaration of Human Rights", laman sesawang *al-Hewar*, dicapai pada 10 Ogos 2017, <http://www.alhewar.com/ISLAMDECL.html> dan "Universal Islamic Declaration of Human Rights", laman sesawang *Human Rights Library, University of Minnesota*, dicapai pada 10 Ogos 2017, [http://hrlibrary.umn.edu/instore/islamic\\_declaration\\_HR.html](http://hrlibrary.umn.edu/instore/islamic_declaration_HR.html)

Perisytiharan Kaherah Mengenai Hak Asasi Manusia Dalam Islam (CDHRI)<sup>10</sup> oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 1990 setelah berpandangan bahawa Deklarasi Hak Asasi Manusia Sedunia (UDHR) yang diketengahkan oleh PBB adalah terlalu bersifat sekular dan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh umat Islam melainkan dengan melanggar undang-undang syariah.<sup>11</sup>

Dalam konteks wanita dalam dunia moden pula, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) telah diadakan pada 18 Disember 1979 dan dikuatkuasakan di peringkat antarabangsa pada 3 September 1981 sebagai sebuah perjanjian hak asasi manusia antarabangsa pertama dan instrumen undang-undang utama yang dikhurasukan untuk memenuhi keperluan wanita.<sup>12</sup> Malaysia telah meratifikasi konvensyen tersebut pada 5 Julai 1995, menjadikannya sebagai salah satu daripada 189 buah negara yang meratifikasi CEDAW di dunia.<sup>13</sup> Sehubungan itu, Dasar Wanita Negara<sup>14</sup> dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita<sup>15</sup> telah memasukkan prinsip-prinsip

<sup>10</sup> David Boersema, "Cairo Declaration on Human Rights", *Encyclopedia of Global Justice*, ed. Deen K. Chatterjee, laman sesawang Spinger Link, dicapai pada 10 Ogos 2017, [https://link.springer.com/referenceworkentry/10.1007%2F978-1-4020-9160-5\\_580](https://link.springer.com/referenceworkentry/10.1007%2F978-1-4020-9160-5_580)

<sup>11</sup> David Boersema, "Cairo Declaration on Human Rights", *Ibid.* Untuk keterangan lanjut, lihat: Abdul Azeem Maruf Olayemi, Abdul Majeed Hamzah Alabi dan Ahmad Hidayah Buang, "Islamic Human Rights Law," *Journal of Islam, Law and Judiciary* 1, 3 (2015), 27-36.

<sup>12</sup> "Convention on The Elimination of All Forms of Discrimination Against Women, New York, 18 December 1979", laman sesawang United Nations Human Rights Office of The High Commissioner, dicapai pada 10 Ogos 2017, <http://www.ohchr.org/EN/ProfessionalInterest/Pages/CEDAW.aspx>. Fadilla Shaharom dan Mahamatayuding Samah, "Ratifikasi CEDAW Di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang Dan Hukum Syarak," *Journal of Shariah Law Research* 2, 2 (2017): 207-234.

<sup>13</sup> "Human Rights", laman sesawang United Nations Treaty Collection, dicapai pada 10 Ogos 2017, [https://treaties.un.org/Pages/ViewDetails.aspx?src=TREATY&mtdsg\\_no=IV-8&chapter=4&lang=en](https://treaties.un.org/Pages/ViewDetails.aspx?src=TREATY&mtdsg_no=IV-8&chapter=4&lang=en)

<sup>14</sup> Lihat Lampiran B, *Dasar Wanita Negara 1989 dan 2009*. Dasar ini bertujuan untuk mendukung prinsip tiada diskriminasi berdasarkan gender seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing (Beijing Platform for Action), Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) serta Deklarasi Putrajaya dan Program Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita Dalam Negara Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM Putrajaya Declaration). Urusetia Hal Ehwal Wanita, *Dasar Wanita Negara* (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 2009). "Dasar Wanita Negara," laman sesawang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dicapai pada 16 September 2015, [https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR%20WANITA%20NEGARA\\_bm.pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR%20WANITA%20NEGARA_bm.pdf). *Dasar-dasar Negara* (Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, 1993), 48-54. *Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita* (Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2009), 1-6.

<sup>15</sup> "Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009", laman sesawang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dicapai pada 16 September 2015, <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/PELAN%20TINDAKAN%20PEMBANGUNAN%20WANITA%202009.pdf>

CEDAW untuk dilaksanakan dalam konteks Malaysia khususnya dalam hal menghapuskan diskriminasi terhadap wanita.

Dalam konteks negeri-negeri pula, setiap negeri di dalam negara Malaysia adalah tertakluk kepada pelaksanaan Dasar Wanita Negara. Walau bagaimanapun, setelah negeri Kelantan ditadbir oleh Parti Islam Se-Malaysia pada tahun 1990, kerajaan negeri Kelantan yang melaksanakan dasar Membangun Bersama Islam telah mengisyiharkan pelaksanaan dasar-dasar Islam dalam setiap sektor pentadbiran termasuk hal ehwal wanita.<sup>16</sup> Rentetan daripada itu, pada tahun 1998, Dasar Wanita Negeri Kelantan mula digubal dengan menjadikan aspirasi Islam sebagai inspirasi penggubalannya meskipun masih mengambil kira prinsip-prinsip yang terdapat dalam Dasar Wanita Negara yang didapati tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam.<sup>17</sup>

Berdasarkan konteks dualisme pentadbiran di Malaysia, penggubalan Dasar Wanita di peringkat negeri adalah tidak bercanggah dengan kuasa yang diperuntukkan oleh perlembagaan dan undang-undang, kerana kedua-dua pihak iaitu Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri diberi kuasa untuk membuat dan melaksanakan dasar-dasar yang tertentu berpandukan kepada Senarai Bidangkuasa Persekutuan, Senarai Negeri Dan Senarai Bersama sebagaimana yang telah digariskan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.<sup>18</sup> Wan Azmi Ramli menggambarkan proses pembuatan dasar di Malaysia boleh dibentuk melalui salah satu daripada tiga proses. Pertama adalah melalui proses dan saluran politik, sama ada berikutan arahan Kabinet atau cadangan anggota parti yang menjadi wakil di parlimen. Kedua ialah melalui proses pentadbiran terutamanya di peringkat pemerintah dan ketiga melalui proses yang melibatkan kedua-dua saluran, iaitu politik dan pentadbiran dengan berdasarkan interaksi

<sup>16</sup> Resolusi Seminar Memahami Dasar Membangun Bersama Islam 1993.

<sup>17</sup> Nik Mohd. Azlan Abdul Hadi, "Pembangunan Insan Di Negeri Kelantan Tahun 1978-2002: Kajian Cabaran dan Masalah," (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 122.

<sup>18</sup> Perlembagaan Persekutuan. Jadual Kesembilan, Perkara 74, 77, Senarai I, II dan III.

secara bersepada melalui jawatankuasa yang berkaitan.<sup>19</sup> Oleh yang demikian, secara asasnya penggubalan dasar-dasar di peringkat negeri dalam perkara yang disenaraikan sebagai bidang kuasa negeri atau bersama dan telah melalui prosedur yang diiktiraf adalah sah untuk diterima pakai dan dilaksanakan di peringkat negeri.

Dari sudut pandang politik pula, sistem demokrasi berpilihanraya yang dilaksanakan di Malaysia telah menyebabkan corak pentadbiran sebuah negara atau negeri ditentukan mengikut dasar parti politik yang memerintah. Sehubungan itu, perbezaan parti pemerintah di negeri-negeri menyebabkan terdapat perbezaan dari sudut corak pentadbiran yang dibawa sehingga membawa kepada penggubalan dasar yang tersendiri. Sungguhpun demikian, dari segi amalannya, penggubal dan pelaksana dasar di semua peringkat dituntut supaya menjalankan tugas mereka sebagai satu sistem yang memerlukan perhubungan, kerjasama dan penyelarasaran yang erat.<sup>20</sup>

Justeru itu, apabila negeri Kelantan telah menggubal dasar wanitanya sendiri di peringkat negeri dengan dakwaan bahawa dasar tersebut dibentuk daripada aspirasi Islam yang berbeza daripada Dasar Wanita Negara, penggubalan dan pelaksanaannya wajar untuk dijadikan subjek kajian akademik khususnya untuk menilai aspek ketepatannya dengan konsep Siasah Syar'iyyah dan pelaksanaannya terhadap wanita. Kewujudan Dasar Wanita Negeri Kelantan sebagai satu-satunya Dasar Wanita di peringkat negeri di Malaysia ketika ini yang menjadikan Islam sebagai dasar utama adalah sangat menarik untuk dikaji memandangkan di peringkat nasional, Kerajaan Persekutuan sudahpun menggunakan pakai Dasar Wanita Negara yang menjadi panduan dan hala cara utama untuk mencapai kesaksamaan gender dan pembangunan negara yang seimbang dan lestari.

<sup>19</sup> Wan Azmi Ramli, *Dasar Awam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Golden Books Center Sdn. Bhd, 1993), 1:83.

<sup>20</sup> Sabitha Marican, *Dasar Awam di Malaysia: Isu dan Konsep* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1997), 11.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Selama ini, kebanyakan penulisan berkenaan dasar-dasar pentadbiran secara umumnya dilakukan dengan merujuk kepada tulisan-tulisan dan teori-teori Barat meskipun rujukan terhadap teori-teori Usul Fiqh mahupun Siasah Syar'iyyah sudah semakin mendapat perhatian dalam konteks kajian mengenai pentadbiran Islam.<sup>21</sup>

Dalam perkembangan yang berkait dengan topik kajian berkenaan Dasar Wanita Negeri Kelantan, didapati bahawa pendekatan keislaman yang dibawa oleh dasar Membangun Bersama Islam di negeri Kelantan dalam tempoh kajian yang dijalankan telahpun mengambil bentuk Siasah Syar'iyyah dari segi falsafah dan penghayatannya, cuma tidak menggunakan istilah Siasah Syar'iyyah secara langsung kerana istilah tersebut pada ketika itu lebih difokuskan dalam perbincangan akademik dan tidak begitu ditonjolkan dalam masyarakat awam<sup>22</sup>. Pelaksanaan dasar wanita di negeri Kelantan dibawah dasar Membangun Bersama Islam sejak tahun 1990 secara umumnya juga didapati selaras dengan misi Islam dalam penjagaan dan pembangunan kaum wanita.<sup>23</sup> Walaubagaimanapun, timbul persoalan tentang bagaimakah matlamat dan prinsip penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan yang dikatakan bertepatan dengan piawaian Siasah Syar'iyyah itu?

Seterusnya timbul pula persoalan tentang fungsi yang sepatutnya direalisasikan oleh pelaksanaan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita secara khusus. Fungsi atau peranan tersebut sesuai dijadikan tema kepada landasan teori kajian terhadap pelaksanaan dasar

<sup>21</sup> Sebagai contoh, lihat Bharuddin Che Pa, Siti Arni Basir, dan Shukeri Mohamed, "Pelaksanaan Siyāsah Shar'iyyah Dalam Pentadbiran di Malaysia," *Jurnal al-Tamaddun* 5 (2010): 57-72.

<sup>22</sup> Sebagai contoh, lihat Shukeri Mohamad, "Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Shar'iyyah Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Kelantan" (tesis kedoktoran, Jabatan Siasah Shar'iyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009), 316.

<sup>23</sup> Lihat juga Shukeri Mohamad, Mohd Yakub dan Mohd Azreen, *Analisis Pelaksanaan Dasar Wanita di Negeri Kelantan dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Masyarakat* (artikel dalam World Conference on Islamic Thought and Civilization, 2012) dalam laman sesawang *UM Repository*, dicapai pada 31 Ogos 2015, <http://repository.um.edu.my/23709/>

berkenaan wanita sepetimana kajian yang sedang dijalankan ini. Justeru itu, peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita perlu dikenalpasti melalui kajian perpustakaan terhadap penulisan-penulisan berkenaan Siasah Syar'iyyah yang melibatkan hak-hak wanita dalam negara Islam. Peranan tersebut akan menjadi penanda aras untuk menilai sejauh mana pelaksanaan sesuatu dasar itu bertepatan dengan fungsi Siasah Syar'iyyah terhadap wanita secara khusus.

Antara permasalahan utama bagi kajian berkenaan dasar adalah tentang keselariannya dari sudut teori yang termaktub secara bertulis dengan pelaksanaannya secara praktikal. Kajian yang merujuk kepada pernyataan yang termaktub secara bertulis semata-mata meskipun penting sebagai asas kajian, namun adalah tidak memadai untuk menilai ketepatannya dengan konsep Siasah Syar'iyyah. Ia masih perlu dilengkapkan dengan data lapangan yang menyokong dari sudut praktikal. Justeru itu, bagi merungkai permasalahan tersebut, kajian lapangan mengenai strategi dan program pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan perlu dijalankan untuk menilai pelaksanaannya dari sudut operasional mahupun ketepatannya dengan konsep Siasah Syar'iyyah.

Justeru permasalahan-permasalahan yang telah disebutkan, penulis memfokuskan kajian ini untuk menganalisis aplikasi konsep Siasah Syar'iyyah dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dengan membataskan tempoh kajian bermula dari tahun 2001 hingga 2015.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Terdapat beberapa persoalan yang terbentuk daripada permasalahan kajian yang ditimbulkan. Soalan-soalan tersebut dapat disenaraikan sebagaimana di bawah:

1. Apakah peranan yang dimainkan oleh Siasah Syar'iyyah terhadap wanita?
2. Bagaimanakah penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan menepati konsep Siasah Syar'iyyah?

3. Bagaimakah bentuk strategi dan program yang telah dilaksanakan di bawah Dasar Wanita Negeri Kelantan?
4. Dalam aspek apakah pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan telah menepati peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita?

### **1.5 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada persoalan kajian di atas, kajian ini dilakukan bagi mencapai tujuan-tujuan berikut:

1. Mengkaji peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita.
2. Mengesan ketepatan penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan dengan konsep Siasah Syar'iyyah.
3. Menilai strategi dan program yang telah dilaksanakan di bawah Dasar Wanita Negeri Kelantan.
4. Menganalisis pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan berdasarkan peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita.

### **1.6 Definisi Tajuk**

Tajuk lengkap bagi kajian ini ialah “Aplikasi Konsep Siasah Syar'iyyah Dalam Pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dari tahun 2001 hingga 2015”.

Bagi membataskan skop kajian dan memberikan interpretasi awal mengenai hala tuju kajian ini, penulis mendapat terdapat tiga istilah utama yang perlu diuraikan lebih dahulu bagi menjelaskan maksud yang dikehendaki dalam kajian ini iaitu aplikasi Siasah Syar'iyyah, pelaksanaan dasar dan Dasar Wanita Negeri Kelantan.

### **1.6.1 Aplikasi Konsep Siasah Syar‘iyyah**

Kamus Dewan mendefinisikan “aplikasi” dengan maksud kegunaan pada praktiknya.<sup>24</sup> Iaitu bagaimana sesuatu digunakan secara praktik atau amali, dilaksanakan atau digunakan pada amalan.

Perkataan “konsep” pula bermaksud pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu.<sup>25</sup>

Manakala “Siasah Syar‘iyyah” yang menjadi fokus perbincangan di dalam kajian ini adalah berkenaan metode pentadbiran secara menyeluruh sama ada yang berpandukan kepada peruntukan nas maupun ijтиhad bagi menjamin kepentingan Islam dan masyarakat.<sup>26</sup>

Apabila ketiga-tiga istilah tersebut dicantumkan, maka ia memberi maksud apa ju bentuk penggunaan atau pelaksanaan pendekatan yang berasaskan Islam dalam pentadbiran secara praktikal.

### **1.6.2 Pelaksanaan Dasar**

Pengertian “dasar” dari sudut bahasa membawa pelbagai erti dan makna. Adapun pengertian yang dimaksudkan secara langsung dalam kajian ini ialah polisi ataupun pendirian yang menjadi asas kepada segala tindakan, sikap, keputusan dan lain-lain.<sup>27</sup>

Manakala “pelaksanaan dasar” pula membawa maksud penguatkuasaan atau pelancaran sesuatu dasar yang telah digubal oleh pemerintah, di mana setiap penguatkuasaan perlu mempunyai strategi tertentu bagi memastikan pelaksanaan itu

<sup>24</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 73, entri “aplikasi”.

<sup>25</sup> Ibid., 816, entri “konsep”.

<sup>26</sup> Pengertian ini telah dirumuskan oleh Shukeri Mohamad dalam kajian beliau setelah membuat kajian perpustakaan terhadap lebih daripada lima puluh buah rujukan klasik dan kontemporari. Lihat Shukeri Mohamad, “Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Shar‘iyyah Di Negeri Kelantan”, 70. Perbincangan lanjut mengenai konsep Siasah Syar‘iyyah akan dihuraikan di dalam bab dua kajian.

<sup>27</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4, 317, entri “dasar”.

sempurna.<sup>28</sup> Pelaksanaan dasar boleh diadakan dalam bentuk program tertentu, perbelanjaan yang diagih dan digunakan, serta berkait rapat dengan penguatkuasaan sesuatu undang-undang atau peraturan. Pelaksanaan dasar boleh bersifat terhad tempohnya seperti Dasar Ekonomi Baru yang memakan masa 20 tahun, tetapi boleh juga bersifat berpanjangan seperti Dasar Pertanian Negara, sehinggalah satu pindaan dibuat terhadap undang-undang yang berkaitan dengannya.<sup>29</sup>

### **1.6.3 Dasar Wanita Negeri Kelantan**

Dasar Wanita Negeri Kelantan merupakan sebuah dasar di peringkat kerajaan negeri Kelantan yang telah digubal untuk menjadi panduan dan rujukan bagi menentukan neraca, nilai, halatuju dan objektif strategik yang dianjurkan oleh kerajaan Kelantan dalam hal ehwal menjaga kepentingan dan pembangunan wanita selaras dengan wawasan kerajaan negeri iaitu Membangun Bersama Islam. Oleh kerana kerajaan negeri masih tertakluk kepada pelaksanaan Dasar Wanita Negara, penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan ini telah diselaraskan dengan prinsip Perkembagaan Persekutuan Malaysia, Dasar Wanita Negara serta Agenda Wanita Untuk Perubahan yang telah diisyiharkan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita nasional dalam tahun 1999.<sup>30</sup>

Kertas dasar yang menjadi rujukan utama penulis bagi kajian ini ialah kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan yang diterbitkan sebagai dokumen rasmi kerajaan pada tahun 2005 bersama dengan dasar-dasar negeri Kelantan yang lain di dalam buku Dasar-dasar Utama Kerajaan Negeri Kelantan.<sup>31</sup> Penulis juga telah meneliti deraf Dasar Wanita Negeri Kelantan yang telah disediakan sebelumnya oleh Wan Nik Wan Yussof pada tahun 2000<sup>32</sup> dan kertas dasar yang telah dikemaskinikan pada tahun 2002 oleh Mohd

<sup>28</sup> Kamus Sains Politik dan Pentadbiran Awam (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 90, entri “pelaksanaan dasar”.

<sup>29</sup> Kamus Sains Politik dan Pentadbiran Awam, 90, entri “pelaksanaan dasar”.

<sup>30</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

<sup>31</sup> *Dasar-dasar Utama Kerajaan Negeri Kelantan* (Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, 2005) 3: 1-19.

<sup>32</sup> Wan Nik Wan Yussof, “Deraf Dasar Wanita Kelantan”, 2000.

Saidy Ismail, Ketua Penulis Dasar bagi Jawatankuasa Menggubal Dasar Wanita Kelantan.<sup>33</sup> Berdasarkan kertas dasar tersebut, terdapat sembilan item utama dan dua lampiran yang telah dikemukakan bagi menjelaskan tentang dasar sebagaimana di bawah:

- i. Dasar Utama
- ii. Matlamat Dasar
- iii. Pernyataan Dasar
- iv. Objektif Strategik Dasar
- v. Agenda Perubahan untuk Wanita
- vi. Peranan Wanita Kelantan
- vii. Strategi Pelaksanaan Dasar
- viii. Strategi Persediaan Lanjutan untuk Wanita Kelantan
- ix. Lampiran Garis Panduan Syarak untuk Penglibatan Wanita Islam dalam Masyarakat
- x. Lampiran Pengiktirafan Islam Untuk Wanita (Dalil-dalil Nas)<sup>34</sup>

Huraian mengenai kertas dasar tersebut akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab Tiga kajian ini.

Rumusnya, definisi tajuk kajian ini menunjukkan bahawa ia merupakan sebuah kajian yang akan mengesan dan menganalisis sejauh mana pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan telah mengaplikasikan konsep Siasah Syar'iyyah untuk mencapai matlamat yang telah dihasratkan melalui strategi dan program yang digariskan sepanjang tempoh yang telah ditentukan.

<sup>33</sup> Lihat "Dasar Wanita Negeri Kelantan," laman sesawang Kerajaan Negeri Kelantan, dicapai pada 9 November 2016, [www.kelantan.gov.my/index.php/en/polisi-kerajaan/218-dasar-wanita-negeri-kelantan/](http://www.kelantan.gov.my/index.php/en/polisi-kerajaan/218-dasar-wanita-negeri-kelantan/) file.

<sup>34</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini merupakan sebuah kajian dalam bidang Siasah Syar'iyyah di mana penulis menumpukan perbincangan berkenaan lima peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita sebagai landasan teori iaitu memandu wanita melaksanakan syariat, melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan, meninggikan martabat wanita, menjamin kebajikan wanita dan membentuk wanita yang bertanggungjawab. Ia bukan bermatlamat untuk menghuraikan secara detil seluruh aspek yang berkait dengan Siasah Syar'iyyah dalam sistem pentadbiran.

Kajian ini memperkenalkan Dasar Wanita Negeri Kelantan dan aspek pelaksanaannya dari tahun 2001 sehingga tahun 2015 mengikut strategi yang digariskan, bentuk program, aktiviti dan sasarannya. Perbincangan mengenai latar belakang penggubalan dasar dilakukan bagi menjelaskan dorongan dan tahap-tahap yang telah dilalui oleh kerajaan negeri Kelantan atau pihak pelaksana sehingga membawa sebuah dasar wanita di peringkat negeri secara rasmi dalam satu bidangkuasa yang diperuntukkan dalam senarai bersama antara kerajaan negeri dan Persekutuan.

Pelaksanaan dasar dalam tempoh kajian dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu:

- (i) Program yang telah diperkenalkan sebelum penggubalan dasar dan diteruskan selepasnya
- (ii) Program yang telah diperkenalkan sebelum penggubalan dasar dan ditambah baik selepasnya
- (iii) Program-program baru yang telah diperkenalkan selepas penggubalan dasar

Seterusnya pelaksanaan dasar tersebut dianalisis dan disintesiskan mengikut konsep Siasah Syar'iyyah yang telah ditentukan sebagai landasan teori. Meskipun dikaitkan dengan kajian mengenai dasar-dasar awam, kajian ini tidak bertujuan untuk menganalisis dasar tersebut berdasarkan kerangka dasar-dasar awam negara memandangkan kerana

kedudukan Dasar Wanita Negeri Kelantan hanyalah sebagai satu dasar sokongan di peringkat negeri yang masih perlu dilaksanakan secara bersama dengan Dasar Wanita Negara.

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian ini menampilkan kelainan dari sudut subjek dan pendekatan kajian. Dasar Wanita Negeri Kelantan dijadikan subjek kajian dandianalisis secara tematik berdasarkan perspektif Siasah Syar‘iyyah. Justeru itu, kajian ini diharapkan menjadi satu sumbangan yang dapat mengisi kelompongan kajian-kajian lepas dari beberapa sudut.

Kajian ini diharapkan mampu mengisi kelompongan literatur tentang peranan Siasah Syar‘iyyah terhadap wanita dalam Islam, kerana setakat ini masih terdapat kelompongan kajian dan penulisan berkaitan fungsi Siasah Syar‘iyyah terhadap wanita secara khusus. Sehubungan itu, diharap kajian ini dapat mengemukakan satu landasan teori yang praktikal dan dinamik berkenaan peranan Siasah Syar‘iyyah terhadap wanita untuk menjadi rujukan kepada pelaksanaan dasar-dasar yang melibatkan wanita di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Kajian ini juga penting untuk menentukan status dan kedudukan Dasar Wanita Negeri Kelantan dari sudut undang-undang dan pentadbiran negeri Kelantan. Seterusnya menjelaskan secara empirikal mengenai pelaksanaan Dasar Wanita yang menepati piawaian syariat Islam. Ia juga penting bagi mempekayakan bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan Dasar Wanita menurut perspektif Islam, tetapi pada masa yang sama tetap terpakai kepada wanita bukan Islam. Hal ini mistahak untuk diketengahkan ketika mana ramai di kalangan ahli sains politik, sains sosial mahupun pemimpin masyarakat mencari pelbagai pendekatan Barat untuk memeliharamartabat wanita, pendekatan yang

berteraskan agama khususnya Islam seringkali diketepikan lantaran timbulnya sikap yang prejedis terhadap kemampuan Islam untuk memartabatkan wanita.<sup>35</sup>

Kajian ini juga akan membina hubungan antara literatur berkenaan dasar-dasar kerajaan dengan Siasah Syar'iyyah kerana selama ini kedua-dua topik tersebut dikaji secara terpisah. Dengan menggunakan elemen Siasah Syar'iyyah sebagai instrumen analisis, kajian ini diharap menjadi titik tolak kepada penerokaan dan penulisan berkaitan dengan pentadbiran Islam yang melibatkan wanita dalam mana-mana jabatan dan organisasi di Malaysia. Hal ini perlu diberi perhatian kerana kebanyakan kajian terhadap pelaksanaan dasar sering menggunakan teori-teori Barat sebagai kerangka analisis sedangkan konsep Siasah Syar'iyyah juga boleh digunakan sebagai kerangka analisis yang bersepadu dan kompeten.

Seterusnya dengan mengenalpasti sudut-sudut pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan yang menepati piawaian Siasah Syar'iyyah, penulis berharap agar kajian ini akan memberi manfaat kepada Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan (UPWK)<sup>36</sup> secara khusus bagi memperkasakan lagi pendekatan Siasah Syar'iyyah yang harus diamalkan sebagai perancang dan pelaksana utama bagi pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan. Kajian ini juga penting untuk dijadikan panduan bagi meningkatkan penguasaan ilmu pentadbiran Islam di UPWK.

Di samping itu juga, kajian ini diharap akan memberi dimensi baru kepada pihak pelaksana dasar yang lain di Malaysia. Dapatan kajian ini akan membawa kepada pembentukan ciri-ciri pelaksanaan Siasah Syar'iyyah dalam konteks pentadbiran negara dari segi teori dan praktis, khususnya dalam urusan dan program yang melibatkan kaum wanita. Justeru itu, kriteria tersebut boleh dijadikan panduan dan ikutan kepada jabatan-

<sup>35</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim, "Persoalan Gender di dalam Perundangan Islam Di Malaysia: Suatu Analisis Ringkas" dalam *Wanita dan Perundangan Islam*, ed. Raihanah Abdullah (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn Bhd, 2001), 2- 8.

<sup>36</sup> Selepas ini dirujuk sebagai UPWK.

jabatan yang terlibat bagi memastikan bahawa konsep Siasah Syar‘iyyah diaplikasikan secara sedar dan bukan hanya secara kebetulan. Secara tidak langsung, Siasah Syar‘iyyah sebagai sistem pentadbiran dapat disebar luas dan dibudayakan kepada seluruh masyarakat di Malaysia dan seterusnya mencapai matlamat untuk memelihara kesejahteraan wanita dan seluruh ummah dan diredhai oleh Allah SWT.

## 1.9 Sorotan Literatur

Sorotan literatur bagi kajian ini akan mengulas kajian-kajian lepas berkenaan dua topik utama iaitu Siasah Syar‘iyyah dan dasar wanita. Ini adalah kerana kedua-dua topik tersebut menyentuh tajuk kajian secara langsung dan akan memperlihatkan kelompongan yang menjustifikasikan kajian ini dijalankan.

### 1.9.1 Aspek Siasah Syar‘iyyah

Istilah siasah pada peringkat awal Islam tidak digunakan sebagai satu istilah yang dinisbahkan kepada syariah sebagaimana yang dikenali sekarang sebagai istilah Siasah Syar‘iyyah, kerana semua bentuk siasah yang dilaksanakan di dalam negara Islam pada zaman tersebut difahami oleh golongan terdahulu sebagai siasah yang menepati syariat sahaja. Justeru itu, perkataan siasah yang bererti urus tadbir yang membawa kebaikan kepada pihak yang ditadbir secara umum ini pernah digunakan oleh Rasulullah SAW di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari sebagaimana di bawah:

كَانَتْ بُنُو إِسْرَائِيلَ تَشْوِهُمُ الْأَنْبِيَاءُ...<sup>37</sup>

Terjemahan: Bani Israel pada suatu ketika dahulu dipimpin oleh para nabi...<sup>37</sup>

<sup>37</sup> Hadith riwayat *al-Bukhārī*, *Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā'*, *Bāb Dhikr 'an Bani Isrā'īl*, no. Hadith 3455. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* cetak bersama *Fath al-Bārī* (Kaherah: Dār al-Rayyān, 1986), 6: 571.

Namun setelah bermulanya era pemerintahan Bani ‘Abbasiyyah<sup>38</sup> dan para qadi yang dilantik telah membuat keputusan-keputusan yang tidak menzahirkan keadilan Islam, timbul perbezaan kefahaman terhadap antara istilah syariah dan siasah.<sup>39</sup> Golongan yang menyeru kepada syariah ketika itu dikatakan tidak mempunyai pengetahuan yang cukup tentang aspek pemerintahan atau siasah sehingga banyak menimbulkan ketidak adilan, manakala golongan yang cenderung kepada siasah pula didakwa mentadbir dengan menggunakan logik akal tanpa berpegang teguh kepada keaslian ajaran al-Quran dan Sunnah. Maka di situ lah munculnya keperluan kepada para ulama untuk menerangkan perbezaan antara siasah yang menepati syariat dengan yang sebaliknya,<sup>40</sup> atau dengan kata lain bermulalah penggunaan istilah “*Siyāsah Shar‘iyyah*” secara lebih meluas bagi membezakannya dengan “*siyāsah zālimah*”.

Ibn al-Qayyim menegaskan bahawa semua bentuk siasah yang adil tidak boleh disifatkan sebagai bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah, malah ia adalah sebahagian daripada syariat. Beliau menyatakan:

Apa yang kita sebutkan sebagai *siyāsah* itu hanyalah pada istilahnya sahaja, sedangkan pada hakikatnya ia adalah keadilan Allah dan Rasul-Nya yang terzahir melalui petanda-petanda yang ada.<sup>41</sup>

Sehubungan itu, penulisan mengenai Siasah Syar‘iyyah didapati telah banyak dibincangkan oleh para ulama dahulu dan sekarang. Bermula dengan perbincangan Siasah Syar‘iyyah sebagai mekanisme penentuan hukum, sehinggalah kepada kedudukan Siasah Syar‘iyyah sebagai metode pentadbiran negara Islam, konsep Siasah Syar‘iyyah ini dilihat sebagai suatu konsep yang sudah digarap secara jelas dan mantap oleh para ulama yang pakar dalam bidang tersebut. Meskipun terdapat sebahagian ulama silam

<sup>38</sup> Memerintah kerajaan Islam dari tahun 750 hingga 1258.

<sup>39</sup> Taqīyyūddīn Ahmad ibn Taymiyyah, *Majmū‘ah al-Fatāwā* (Mansurah: Dār al-Wafā’, 1998), 20: 393.

<sup>40</sup> Muhammād Shākir al-Shārif, “al-Siasah al-Shar‘iyyah Ta’ñīf wa Ta’sīl”, laman sesawang *Sayd al-Fawā’id*, dicapai pada 5 Mac 2016, <http://www.saaid.net/Doat/al-sharef/6.htm>.

<sup>41</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyāsah al-Shar‘iyyah* (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2002), 18.

yang mengkhususkan pengertian Siasah Syar'iyyah kepada hukuman takzir,<sup>42</sup> namun pengertian Siasah Syar'iyyah sebagai sistem politik dan pentadbiran negara Islam secara umum dilihat dominan dan lebih banyak dibincangkan oleh sarjana Islam sebagaimana kandungan perbincangan mengenai *al-Ahkām al-Sulṭāniyyah*, *Niẓām al-Hukm fī al-Islām* atau *al-Niẓām al-Siyāsī fī al-Islām*.<sup>43</sup>

Sebagai contoh, dari sudut aplikasi Siasah Syar'iyyah dalam pentadbiran, Ibn Taimiyah melalui bukunya *al-Siyāsah al-Shar'iyyah fī Islāḥ al-Rā'i wa al-Ra'iyyah* telah mengutarakan gagasannya yang masyhur bahawa pelaksanaan Siasah Syar'iyyah dalam pentadbiran negara bukan sahaja dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat yang dipimpin tetapi dalam masa yang sama dapat menggarap kewibawaan pihak yang memimpin.<sup>44</sup>

Turut membincangkan mengenai kedudukan Siasah Syar'iyyah sebagai metode pentadbiran ialah Ibn Qayyim al-Jawziyyah di dalam bukunya yang bertajuk *al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar'iyyah* yang telah membahagikan Siyāsah kepada dua bahagian iaitu “siyāsah ‘ādilah” dan siyāsah zālimah.<sup>45</sup> Beliau membayangkan bahawa siasah yang syarie ini penuh keadilan manakala siasah yang mengandungi unsur kezaliman sama sekali tidak akan menepati kehendak syarak.

Hasil penelitian terhadap penulisan ulama silam, para ulama kontemporari telah menyusun dengan lebih jelas perincian ilmu Siasah Syar'iyyah merangkumi prinsip-prinsip asasnya, maqasidnya, metodologinya, kewajipan pemimpin dan rakyat, polisi

<sup>42</sup> Lihat Muhammad Amin Ibn 'Abidin, *Hāshiah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar* (Beirut: Dar al-Fikr, 1966), 4: 15.

<sup>43</sup> Ibrāhīm Shamsuddīn Ibn Farhūn, *Tabṣirah al-Hukkām fī Uṣūl al-Aqdiyah wa Manāhij al-Ahkām* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1301H), 2: 104. Taqīyyuddīn ibn Ḥāmid ibn Taymiyyah, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah Fī Islāḥ al-Rā'i wa al-Ra'iyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1988), 9. Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar'iyyah*, 18. Maḥmūd 'Abd al-Majīd al-Khālidī, *Qawā'id Niẓām al-Hukm fī al-Islām* (Kuwait: Dār al-Buhūth al-Islāmiyyah, 1980). Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī al-Māwardī, *al-Ahkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyat al-Diniyyah* (Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, 1994).

<sup>44</sup> Ibn Taymiyyah, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah Fī Islāḥ al-Rā'i wa al-Ra'iyyah*, 8-9.

<sup>45</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar'iyyah*, 18.

kewangan negara dan lain-lain. Contohnya ialah sebagaimana yang dibincangkan oleh ‘Abd al-Wahhāb Khallāf di dalam bukunya *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah wa Niżām al-Dawlah al-Islāmiyyah fī al-Shu’ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah wa al-Māliyyah*<sup>46</sup> dan ‘Abd al-Rahmān Tāj di dalam bukunya *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah wa al-Fiqh al-Islāmī*.<sup>47</sup> Kesemua mereka membincangkan aspek Siasah Syar‘iyyah yang berdasarkan nas dan juga ijтиhad. Walau bagaimanapun, ‘Abd al-‘Āl ‘Aṭwah dalam bukunya *al-Madkhāl ilā al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*<sup>48</sup> telah mengehadkan aspek perbincangan Siasah Syar‘iyyah kepada apa yang dirumuskan melalui ijтиhad sahaja. Meskipun terdapat perbezaan dari sudut aspek Siasah Syar‘iyyah yang dibincangkan, keperluan untuk menjelaskan mengenai aplikasi Siasah Syar‘iyyah dilihat semakin mendesak pada masakini apabila kebanyakan negara umat Islam menerima corak pentadbiran yang ditinggalkan oleh penjajah dan terkesan dengan isme-isme moden seperti sekularisme, sosialisme, liberalisme dan lain-lain.

Hasil sorotan literatur berkenaan aspek Siasah Syar‘iyyah yang pelbagai, kajian ini akan merumuskan pandangan ulama tentang konsep Siasah Syar‘iyyah, khususnya yang berkait dengan prinsip, metodologi dan maqasidnya.

### **1.9.2 Hak-hak Wanita Dalam Negara Islam**

Dalam mengaitkan Siasah Syar‘iyyah dengan wanita, penulis telah menyoroti penulisan-penulisan yang membincangkan tentang hak-hak dan kedudukan wanita dalam Islam, khasnya yang terlibat dengan kepemimpinan politik atau *wilāyah ‘āmmah*. Sebagai contoh, Muḥammad ‘Abd al-Qādir Abū Fāris di dalam bukunya *al-Mar’ah wa al-Huqūq al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fī al-Islām* telah membahaskan hak-hak sivil dan politik

<sup>46</sup> ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Shu’ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah* (Kuwait: Dār al-Qalam, 2010), 24.

<sup>47</sup> ‘Abd al-Rahmān Tāj, *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah wa al-Fiqh al-Islāmī* (Kaherah: Dār al-Salām, 2014), 58.

<sup>48</sup> ‘Abd al-‘Āl Aḥmad ‘Aṭwah, *al-Madkhāl ilā al-Siyāsah al-Shar‘iyyah* (Kaherah: Dār al-Salām, 2014), 62.

yang diberikan oleh Islam kepada wanita. Dalam penulisan tersebut beliau telah menegaskan bahawa tidak dicatatkan dalam sejarah awal Islam ketidak puasan hati wanita terhadap hak-hak yang diberikan kepada mereka dalam Islam. Hal yang demikian merupakan satu isyarat bahawa wanita Islam secara keseluruhannya hidup sejahtera di bawah pemerintahan Islam.<sup>49</sup> Munīr Muḥammad Ghāḍbān pula telah menulis bukunya yang bertajuk *al-Huqūq al-Mi'ah li al-Mar'ah al-Muslimah* yang menyenaraikan seratus hak wanita yang diperuntukkan oleh Islam. Beliau telah membahagikan seratus hak tersebut kepada sepuluh bahagian iaitu hak memilikisepuluh sifat keimanan sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat 35 daripada Surah al-Alzab, hak sebagai seorang individu, hak seksual, hak sebagai isteri, hak sosial, hak politik, hak ekonomi, hak untuk mendapat ganjaran pahala, hak untuk menerima hukuman dan hak untuk diberikan peluang yang sama.<sup>50</sup> Kebanyakan daripada hak tersebut adalah sebagaimana yang diperolehi oleh kaum lelaki, manakala perbezaan hak yang diberikan oleh Islam antara lelaki dan wanita adalah lantaran perbezaan dari sudut fitrah dan juga beban tanggungjawab yang dikhurasukan ke atas mereka. Perbezaan-perbezaan tersebut dianggap sebagai keistimewaan yang saling melengkapi demi menyempurnakan tugas khilafah di atas muka bumi ini sebagai bukti ubudiyah kepada Allah SWT.<sup>51</sup>

Manakala penulisan-penulisan lain yang menyentuh berkenaan hak-hak wanita di dalam masyarakat Islam antaranya adalah seperti yang ditulis oleh Asmā' Muḥammad Aḥmad Ziyādah di dalam bukunya yang bertajuk *Dawr al-Mar'ah al-Siyāsi fī 'Ahd al-Nabi SAW wa al-Khulafā' al-Rāshidin* yang memfokuskan kepada aspek politik,<sup>52</sup> Fadl

<sup>49</sup> Lihat Muḥammad 'Abd al-Qādir Abū Fāris, *Huqūq al-Mar'ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fī al-Islām*, 6.

<sup>50</sup> Munīr Muḥammad al-Ghāḍbān, *al-Huqūq al-Mi'ah li al-Mar'ah al-Muslimah* (Kaherah: Dār al-Salām, 2011), 105-299.

<sup>51</sup> *Ibid.*, 33.

<sup>52</sup> Asmā' Muḥammad Aḥmad Ziyādah, *Dawr al-Mar'ah al-Siyāsi Fī 'Ahd al-Nabi SAW wa al-Khulafā' al-Rāshidin* (Kaherah: Dār al-Salām, 2001). Buku ini merupakan hasil kajian yang memberi tumpuan kepada penyertaan wanita dalam politik pada zaman Rasulullah SAW dan para sahabat RA serta memberi kritikan khusus tentang peranan Saidatina Aishah dalam menghadapi zaman fitnah sewaktu pemerintahan Khalifah 'Uthmān dan 'Alī RA.

Ilāhi di dalam buku beliau yang bertajuk *Mas’ūliyyah al-Nisā’ fī al-Amr bi al-Ma’rūf wa al-Nahy ‘an al-Munkar fī Daw’ al-Nuṣūṣ wa Siyar al-Ṣalihāt* yang memfokuskan kepada penglibatan wanita dalam dakwah dan pencegahan mungkar,<sup>53</sup> ‘Abd al-Ḥalīm Abū Shuqqah di dalam bukunya yang bertajuk *Tahrīr al-Mar’ah fī ‘Aṣr al-Risālah* yang memfokuskan kepada aspek-aspek kebebasan yang diberikan oleh Islam kepada wanita,<sup>54</sup> Rāshid Al-Ghannūshi di dalam bukunya yang bertajuk *al-Mar’ah Baina al-Qur’ān wa Wāqi‘ al-Muslimīn* yang membandingkan antara kedudukan wanita yang terkandung dalam nas-nas syariat dengan kedudukan wanita dalam masyarakat Islam secara realiti,<sup>55</sup> dan Muḥammad Baltājī dalam bukunya *Makānah al-Mar’ah fī al-Qur’ān al-Karīm wa al-Sunnah al-Ṣāḥīḥah: al-Huqūq al-Siyāsiyyah wa al-Ijtīmā‘iyyah wa al-Shakhṣiyyah li al-Mar’ah fī al-Mujtama‘ al-Islāmī* yang menjawab pelbagai kekeliruan dan tohmahan terhadap hak-hak wanita dalam Islam.<sup>56</sup> Kesemua kajian tersebut secara positif merumuskan bahawa wanita dalam sumber-sumber rujukan syarak yang asal telah diberikan hak yang adil dan sesuai dengan tanggungjawabnya sebagai individu, anggota keluarga dan masyarakat, termasuk yang berkaitan dengan bidang sosial, ekonomi dan politik.

Dari sudut pandang yang lain pula, terdapat perbahasan terhadap hak-hak wanita dalam Islam yang telah dikemukakan oleh beberapa orang penulis seperti Khoiruddin Nasution dalam bukunya Hukum Perkahwinan I Dilengkapi Perbandingan Undang-undang Negara Muslim Kontemporer. Menurut beliau, kedudukan wanita dalam Islam

<sup>53</sup> Faḍl Ilāhī, *Mas’ūliyyah al-Nisā’ Fī al-Amr bi al-Ma’rūf wa al-Nahy ‘an al-Munkar fī Daw’ al-Nuṣūṣ wa Siyar al-Ṣalihāt* (Beirut: Mu’assasah al-Rayyān, 1999). Buku ini merupakan kajian yang mengupas tentang penyertaan wanita sejak zaman Nabi SAW hingga zaman para *salaf al-ṣāliḥ* dalam pelaksanaan amar makruf dan nahi mungkar.

<sup>54</sup> ‘Abd al-Ḥalīm Abū Shuqqah, *Tahrīr al-Mar’ah fī ‘Aṣr al-Risālah*. Bahagian satu dan dua buku ini menumpukan kepada hak-hak wanita pada zaman Nabi SAW.

<sup>55</sup> Rāshid al-Ghannūshi, *al-Mar’ah Baina al-Qur’ān wa Wāqi‘ al-Muslimīn* (Beirūt: Al-Mu’assasah al-Islāmiyyah, 2000). Buku ini membandingkan antara hak wanita yang sebenar dalam Islam sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dengan hak yang diberikan kepada wanita dalam realiti masyarakat Islam.

<sup>56</sup> Muḥammad Baltājī, *Makānah al-Mar’ah fī al-Qur’ān al-Karīm wa al-Sunnah al-Ṣāḥīḥah: Al-Huqūq al-Siyāsiyyah wa al-Ijtīmā‘iyyah wa al-Shakhṣiyyah li al-Mar’ah fī al-Mujtama‘ al-Islāmī: Dirāsah Mu’assalah Muwaththaqah Muqāranah* (Kaherah: Dār al-Salām, 2000).

kebanyakannya difahami secara terpisah sehingga menyebabkan peranan wanita dihadkan kepada memberi khidmat kepada suami dan kduarga semata-mata meskipun kefahaman Islam yang sebenar ialah meletakkan wanita sejajar dengan lelaki dalam masyarakat.<sup>57</sup> Beliau juga berpandangan bahawa terdapat beberapa hukum yang melibatkan hak wanita dalam perkahwinan yang diputuskan melalui pendekatan Siasah Syar'iyyah atau Sadd al-Dhari'ah akhirnya difahami sebagai hukum yang tidak boleh diubah oleh masyarakat Islam, sedangkan perbincangannya terpisah daripada tujuan atau maqasid perkahwinan yang asal.<sup>58</sup>

Begitu juga dengan perbahasan yang dikemukakan oleh Fatima Mernessi terhadap hak-hak yang diberikan kepada wanita dalam masyarakat Islam terdahulu menggambarkan wanita tidak mampu berfikir dan beramal sebagaimana lelaki, sehingga melahirkan kajian dan gerakan “pembebasan wanita”<sup>59</sup> Annelies Moors dalam bukunya yang bertajuk *Registering a Token Dower: The Multiple Meanings of a Legal Practice* pula cuba mendedahkan berkenaan risiko yang perlu ditanggung oleh wanita di Nablus, Palestin pada tahun 1960-an untuk menuntut hak mereka dalam perkahwinan yang dilihat mencabar budaya patriaki yang begitu subur.<sup>60</sup>

Kajian oleh John Hursh terhadap hak wanita di Morocco, khususnya melalui pelaksanaan undang-undang “Mudawwanah” pula merumuskan bahawa undang-undang di negara Islam yang melibatkan wanita seperti Morocco dilihat mempunyai kerangka yang tersendiri bagi memelihara kehendak syarak, meskipun masih bersedia menerima

<sup>57</sup> Khoiruddin Nasution. *Hukum Perkahwinan I Dilengkapi Perbandingan Undang-undang Negara Muslim Kontemporer* (Yogyakarta: Penerbit Academia & Tazzafa, 2004), 3.

<sup>58</sup> Ibid., 7.

<sup>59</sup> Fatima Mernisi. *Menengok Kontroversi Peran Wanita Dalam Politik*. Terj. M. Masyhur Abadi (Surabaya: Dunia Ilmu, 1997), 127.

<sup>60</sup> Annelies Moors, “*Registering a Token Dower: The Multiple Meanings of a Legal Practice*,” dalam *Narratives of Truth In Islamic Law*. Ed. Baudouin Dupret, Barbara Drieskens, Annelies Moors (London, New York:I. B. Tauris, 2008), 85-104.

perubahan atau perkembangan dalam memberi perlindungan kepada hak wanita mengikut keperluan semasa.<sup>61</sup>

Dalam membandingkan hak-hak wanita Islam dan bukan Islam dalam sebuah negara Islam, Jawiyah Dakir dalam huraiannya terhadap Prinsip Ketujuh bagi Pendekatan Islam Hadari iaitu Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita telah menyentuh bukan hanya aspek persamaan dan perbezaan hak antara wanita dan lelaki dalam Islam<sup>62</sup>, tetapi juga sudut persamaan dan perbezaan hak antara wanita Islam dan bukan Islam. Dalam menghuraikan perbezaan hak wanita Islam dan bukan Islam di sebuah negara Islam seperti Malaysia, beliau menegaskan bahawa perbezaannya ialah kewajipan wanita Islam menutup aurat, mendapat hak yang sama di kalangan isteri, mewarisi harta pusaka melalui sistem faraid dan mewujudkan batasan pergaulan di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram bagi menjauhi fitnah. Sedangkan menjadi hak wanita bukan Islam untuk tidak diwajibkan menutup aurat, tidak mengiktiraf perkahwinan selain isteri pertama, tiada kaedah pembahagian harta pusaka yang jelas dan berhak bergaul dengan bebas antara lelaki dan wanita.<sup>63</sup>

Jaclyn Ling-Chien Neo<sup>64</sup> pula telah membandingkan antara kepelbagai pandangan dan tuntutan berkenaan hak-wanita di Malaysia sama ada oleh kumpulan Islamis maupun anti-Islam. Beliau menegaskan bahawa percanggahan yang timbul antara hak wanita dalam Islam dengan standard amalan yang ingin dicapai di peringkat antarabangsa

<sup>61</sup> John Hursh, "Advancing Women's Rights Through Islamic Law: The Example of Morocco," dalam *Berkeley Journal of Gender, Law & Justice* 27, No. 2 (2012), 252-306.

<sup>62</sup> Iaitu hak untuk beriman, beribadat, menuntut ilmu, memilih jodoh, memiliki harta pusaka dan pusaka, mendapat pekerjaan, bergiat dalam bidang ekonomi, berpolitik dan hak sosial. 67-74.

<sup>63</sup> Jawiyah Dakir, "Prinsip Ketujuh: Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita," dalam Siri Penerbitan Pendekatan Islam Hadari (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, 2008), 88-92.

<sup>64</sup> Jaclyn Ling-Chien Neo, "Anti-God, Anti-Islam and Anti-Quran: Expanding The Range of Participants and Parameters in Discourse Over Women's Rights and Islam in Malaysia," *Pacific Basin Law Journal* 21 (2003), 29-74.

harus diselesaikan melalui penganjuran dialog di peringkat nasional dan antarabangsa bagi memelihara hak wanita secara keseluruhan.

Begitu juga dengan Nik Salida Suhaila Nik Saleh dalam, *A Brief Study on the Positive Attentions to Muslim Women's Rights in Malaysia* dalam membincangkan sama ada hak-hak wanita yang telah diperuntukkan melalui undang-undang di Malaysia telah mencapai standard yang disarankan oleh Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) di peringkat antarabangsa telah menegaskan bahawa Islam menyokong kesaksamaan gender mengikut definisinya yang tersendiri terhadap istilah “kesaksamaan” yang harus difahami oleh semua pihak.<sup>65</sup>

Kajian-kajian lepas berkenaan hak-hak wanita yang telah diberikan oleh Islam sama ada yang telah dilaksanakan di Malaysia mahupun negara-negera Islam yang lain sama ada dipandang dari sudut positif mahupun negatif menjadi asas kepada kajian ini untuk mengisi kelompongan kajian berkenaan hubungkait antara peranan Siasah Syar'iyyah atau fungsi sistem pentadbiran Islam terhadap wanita secara khusus. Kelompongan tersebut akan diisi dalam kajian ini bagi memperlihatkan bahawa pelaksanaan Siasah Syar'iyyah dalam pentadbiran negara akan memenuhi keseluruhan hak wanita dalam Islam serta memberi kesejahteraan dan manfaat yang berkesan kepada golongan wanita dalam pelbagai aspek.

### 1.9.3 Dasar Wanita

Dalam menyoroti kajian terdahulu yang berkait dengan dasar wanita pula, penulis telah mengenalpasti beberapa penulisan yang mengkaji tentang Dasar Wanita Negara Malaysia dan Dasar Wanita Negeri Kelantan.

---

<sup>65</sup> Nik Salida Suhaila Nik Saleh, “A Brief Study on the Positive Attentions to Muslim Women's Right in Malaysia,” *International Journal of Business, Humanities and Technology* 2, no. 2 (March 2012), 163-172.

### *(a) Dasar Wanita Negara*

Antara penulisan lepas tentang Dasar Wanita Negara ialah sebuah makalah yang dihasilkan oleh Rashila Ramli dan Saliha Hassan yang bertajuk *Wanita dan Pembangunan Politik di Malaysia: Alaf Baru, Politik Baru*.<sup>66</sup> Kajian tersebut telah mengemukakan sepuluh saranan untuk menghapuskan amalan diskriminasi gender dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negara. Antara saranan tersebut ialah menjalankan latihan *gender-sensitization*, memastikan wujudnya keseimbangan keahlian dalam badan-badan utama pembuat keputusan, meningkatkan peluang wanita dalam proses pembentukan polisi, memasukkan isu gender ke dalam agenda politik, mewujudkan suasana mesra gender untuk menghasilkan kesaksamaan peluang, mewujudkan suasana sosial dan pendidikan yang sensitif gender, mengambil langkah-langkah positif untuk membina kelompok utama wanita di peringkat badan-badan pembuat keputusan di sektor awam dan swasta, memastikan amalan yang adil dan menghasilkan mekanisme pemantauan serta penilaian semula kerangka konsep dan institusi.<sup>67</sup>

Manakala Nik Safiah binti Abdul Karim di dalam sebuah makalah yang bertajuk *Sejauh Manakah Kerajaan Mengambil Kira Era Pasca-Modenisma Dalam Polisi Tentang Wanita*<sup>68</sup> pula mengemukakan pandangan beliau tentang cabaran era pasca modenisma terhadap Dasar Wanita Negara dan mengaitkan kesannya terhadap wanita, kerajaan dan juga NGO. Beliau berpendapat, Kerajaan Malaysia sedikit sebanyak sedar tentang pemikiran aliran pascamodenisma ini, tetapi tidak secara sedar mengambil kira pendekatan tersebut dalam penggubalan dasar dan pelaksanaan perancangan negara.

<sup>66</sup> Rashila Ramli dan Saliha Hassan, "Wanita dan Pembangunan Politik di Malaysia: Alaf Baru, Politik Baru," dalam *Himpunan Makalah Wanita dan Pembangunan di Malaysia: Satu Kesiambungan*, ed. Jamilah Ariffin (Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd, 2010).

<sup>67</sup> *Ibid.*

<sup>68</sup> Nik Safiah binti Abdul Karim, "Sejauh Manakah Kerajaan Mengambil Kira Era Pasca-Modenisma Dalam Polisi Tentang Wanita." (makalah, Seminar Wanita dan Cabaran Aliran Pasca-Modenisma: Penilaian Dari Perspektif Islam, Institut Kefahaman Islam dengan kerjasama JAKIM, 19-20 April 2011).

Nor Aini Haji Idris dalam sebuah kajian yang bertajuk *Dasar Wanita Negara Malaysia: Satu Analisis Perbandingan*<sup>69</sup> pula telah menggariskan lima elemen yang perlu diambil kira dalam menilai status wanita iaitu penglibatan wanita dalam politik, kerja dan mobiliti, keluarga, pendidikan, kesihatan dan kawalan seksual dan budaya. Kajian tersebut telah membandingkan status wanita Malaysia di bawah Dasar Wanita Negara dengan status wanita di Sudan, Arab Saudi, Amerika Syarikat, United Kingdom, Filipina dan Qatar yang tidak semuanya mempunyai dasar yang khusus terhadap wanita. Kajian merumuskan bahawa usaha untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara memerlukan inisiatif daripada pihak kerajaan dan dengan kerjasama pihak swasta dan juga NGO. Sebuah kerajaan yang peka terhadap isu wanita akan cuba mewujudkan dasar bagi memastikan penglibatan wanita sepenuhnya dalam proses pembangunan. Walau bagaimanapun kejayaan sesuatu dasar bergantung kepada peringkat pelaksanaannya. Justeru itu dasar yang diwujudkan perlu diterjemahkan ke dalam bentuk arahan kerajaan, peruntukan perbelanjaan, susun atur institusi, prosedur birokratik dan pemantauan yang standard. Kajian turut menegaskan bahawa hubungan antara komitmen politik dengan pelaksanaan dasar yang berkesan akan menggambarkan kualiti tadbir urus sesebuah negara khususnya yang melibatkan isu wanita.<sup>70</sup>

Sorotan kajian lepas juga mendapati bahawa kebanyakan penulisan berkenaan dasar-dasar secara umum termasuk Dasar Wanita Negara telah berpandukan kepada tulisan-tulisan Barat khususnya Amerika Syarikat, memandangkan ilmu berkenaan dasar-dasar awam ini mula dimasyhurkan oleh Barat dengan merujuk kepada penulisan-penulisan yang masyhur seperti *Understanding Public Policy* oleh Thomas R.Dye,<sup>71</sup> *Public Policy Making* oleh James E. Anderson<sup>72</sup> dan *An Approach to the Analysis of Political System*

<sup>69</sup> Nor Aini Haji Idris, *Wanita dan Pembangunan Ekonomi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 149-185.

<sup>70</sup> *Ibid.*, 184-185.

<sup>71</sup> Thomas R. Dye, *Understanding Public Policy* (USA: Englewood Cliffs, 1970).

<sup>72</sup> James E. Anderson, *Public Policy Making* (New York: Holt, Rinehart and Winston, 1979).

oleh David Easton.<sup>73</sup> Antara penulisan yang berhubung dengan kajian dasar secara umum termasuk Dasar Wanita Negara ialah buku yang bertajuk *Dasar Awam di Malaysia* oleh Sabitha Marican<sup>74</sup> dan buku dengan tajuk yang sama oleh Wan Azmi Ramli.<sup>75</sup> Kajian-kajian tersebut tidak melihat dari perspektif syariah mahupun Siasah Syar'iyyah.

(b) *Dasar Wanita Negeri Kelantan*

Shukeri Mohamad melalui tesisnya yang bertajuk *Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan*<sup>76</sup> telah menyentuh aspek pelaksanaan Siasah Syar'iyyah yang melibatkan wanita di Kelantan secara makro sebagai sebahagian daripada pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam kerana dalam tempoh kajian beliau, Dasar Wanita Negeri Kelantan masih belum dilaksanakan secara rasmi di peringkat kerajaan negeri. Kajian lapangan tersebut merumuskan bahawa pelaksanaan Siasah Syar'iyyah di negeri Kelantan diterima dengan baik oleh masyarakat di kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu iaitu dengan 81.5% persetujuan.<sup>77</sup>

Kamaruzzaman Yusof dan Wan Abdul Rahman Wan Ab. Latif dalam penulisan yang bertajuk *Pelaksanaan Dasar Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Syariah*,<sup>78</sup> melalui subtajuk *Dasar Wanita: Sama Tetapi Tidak Serupa*,<sup>79</sup> telah merumuskan bahawa kerajaan negeri Kelantan melalui Dasar Wanita telah memulakan beberapa pembaharuan

<sup>73</sup> David Easton, *An Approach to the Analysis of Political System* (t.p.: World Politics, 1957).

<sup>74</sup> Lihat: Sabitha Marican, *Dasar Awam di Malaysia: Isu dan Konsep*.

<sup>75</sup> Lihat: Wan Azmi Ramli, *Dasar Awam di Malaysia*.

<sup>76</sup> Shukeri Mohamad, "Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Shar'iyyah Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Kelantan," (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).

<sup>77</sup> Analisis terperinci kajian mendapati bahawa program pembangunan pendidikan Islam mendapat persetujuan yang tertinggi iaitu 85.9%, diikuti slogan Membangun Bersama Islam (85.83%), program pembangunan dakwah dan penghayatan Islam (83.8%), konsep kepimpinan ulama (82.5%), program pembasmian dan pencegahan mungkar (81.1%), program penyelarasan aktiviti ekonomi dan kewangan dengan prinsip Islam (80.6%), program penyelarasan budaya dan seni dengan prinsip Islam (79.3%), program kebijakan (75.1%) dan program penyediaan Undang-undang Islam (75.0%). *Ibid.*, 321.

<sup>78</sup> Kamaruzzaman Yusof dan Wan Abdul Rahman Wan Ab. Latif, "Pelaksanaan Dasar Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Syariah," dalam *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*, ed. Mohd Fadli Ghani, (Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, 2011), 195-202.

<sup>79</sup> *Ibid.*, 195-202.

yang praktikal dengan mengambil kira beberapa perspektif iaitu pembinaan sahsiah, menyantuni kemuliaan dan meningkatkan peranan mereka dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Kesemua tindakan tersebut dianggap tercetus daripada satu pemahaman yang holistik dan selari dengan konsep Islam sebagai cara hidup yang syumul, berbeza dengan Dasar Wanita Negara yang tidak meletakkan Islam sebagai inspirasi penggubalannya.<sup>80</sup>

Shukeri Mohamad, Mohd. Yakub dan Mohd. Azreen dalam makalah yang bertajuk *Analisis Pelaksanaan Dasar Wanita di Negeri Kelantan dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Masyarakat*<sup>81</sup> pula telah membahagikan langkah-langkah yang melibatkan pembangunan dan kesejahteraan wanita oleh Kerajaan Negeri Kelantan kepada empat agenda utama selepas membentangkan dokumen bertulis Dasar Wanita Negeri Kelantan secara lengkap. Empat agenda tersebut ialah agenda mempertahan dan membina kemuliaan dan kemaslahatan wanita melalui pengukuhan akhlak, terutamanya misi penjagaan aurat dan kehormatan wanita, agenda mempertahan dan meneguhkan sistem kekeluargaan berdasarkan cara hidup Islam atau ketuhanan, nilai dan kepercayaan kaum serta moral sejagat, agenda menjayakan matlamat perkongsian yang adil terhadap peluang penyertaan dan manfaat pembangunan serta perkongsian terhadap sumber-sumber di antara wanita dan lelaki dan agenda membangunkan wanita sebagai potensi sumber manusia untuk pembangunan masyarakat.<sup>82</sup> Langkah-langkah yang dianalisis adalah termasuk yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan pada tahun 2001 kerana kajian mendapati bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telahpun melaksanakan polisi-polisi terhadap wanita berpandukan kehendak syarak

<sup>80</sup> *Ibid.*, 202.

<sup>81</sup> Shukeri Mohamad, Mohd. Yakub dan Mohd. Azreen, "Analisis Pelaksanaan Dasar Wanita di Negeri Kelantan dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Masyarakat," (makalah, World Conference on Islamic Thought and Civilization, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, 2012) dalam laman sesawang *UM Repository*, dicapai pada 31 Ogos 2015, <http://repository.um.edu.my/23709/>

<sup>82</sup> *Ibid.*

semenjak mula mengishtiharkan Dasar Membangun Bersama Islam pada tahun 1990 lagi, meskipun tanpa Dasar Wanita yang termaktub secara rasmi.<sup>83</sup>

Begini juga tulisan yang dihasilkan oleh Nurul Akma Mohamed melalui makalah yang berjudul *Jaminan Kesejahteraan Wanita Melalui Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah: Mengungkap Pengalaman Kerajaan Negeri Kelantan*.<sup>84</sup> Kajian tersebut menganalisis secara ringkas program-program kesejahteraan wanita di negeri Kelantan bermula pada tahun 1990 berpandukan konsep Siasah Syar'iyyah dan merumuskan bahawa kerajaan negeri Kelantan telah melaksanakan program-program kesejahteraan wanita berdasarkan objektif-objektif strategik yang bertepatan dengan piawaian Siasah Syar'iyyah seperti kaedah *sadd al-dharā'i* dan *māṣāliḥ mursalah*.<sup>85</sup>

Beberapa kajian yang memfokuskan tentang polisi kerajaan negeri Kelantan selepas tahun 1990 terhadap wanita dalam aspek yang pelbagai seperti Mohd Asri Che Ibrahim dan Shukeri Mohamad melalui kajian yang bertajuk *Langkah-langkah Penjagaan Wanita Dalam Aktiviti Hiburan dan Kesenian di Negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015*<sup>86</sup> telah merumuskan bahawa langkah-langkah penjagaan wanita dalam aktiviti hiburan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Kelantan telah mengaplikasikan kaedah *Sadd al-Dharā'i* untuk mengawal kaum wanita yang terlibat dengan aktiviti hiburan daripada pelbagai masalah gejala sosial. Namun kajian ini tidak menjadikan Dasar Wanita Negeri Kelantan sebagai subjek kajian. Ia memfokuskan kepada langkah-langkah penjagaan wanita berpandukan Dasar Kebudayaan dan Kesenian Kelantan.<sup>87</sup>

<sup>83</sup> *Ibid.*, 11.

<sup>84</sup> Nurul Akma binti Mohamed, "Jaminan Kesejahteraan Wanita Melalui Pelaksanaan Siasah Shar'iyyah: Mengungkap Pengalaman Kerajaan Negeri Kelantan," (makalah, Seminar Pelaksanaan Siasah Shar'iyyah Dalam Konteks Semasa (SPSS'11) Peringkat Kebangsaan, Jabatan al-Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Nilam Puri, 17 September 2011), 159-182.

<sup>85</sup> *Ibid.*, 175-180.

<sup>86</sup> Mohd Asri Che Ibrahim dan Shukeri Mohamad, "Langkah-langkah Penjagaan Wanita Dalam Aktiviti Hiburan dan Kesenian Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2015," dalam *Wanita Islam Kontemporeri: Isu-isu, Cabaran dan Amalan Terbaik*, ed. Badlihisham Mohd Nasir, Nurhafizah Musa dan Asmak Hussin, (Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2016), 191-199.

<sup>87</sup> *Ibid.*

*Analisis Program Kebajikan Wanita Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2015*,<sup>88</sup> hasil kajian Shukeri Mohamad dan Nur Shuhada Abd Kadir pula menumpukan pada polisi Kerajaan Negeri Kelantan terhadap wanita dari sudut kebajikan. Hasil analisis ringkas terhadap tiga puluh tiga buah program kebajikan dan kesejahteraan wanita yang telah dilaksanakan sejak tahun 1990 telah merumuskan bahawa pendekatan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Kelantan adalah menepati misi Islam dalam penjagaan dan pembangunan wanita.

Selain itu, Asmak Husin dan lain-lain telah membuat satu kajian tentang peranan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) dalam memperkasakan wanita Islam melalui tulisan mereka, *Empowering Muslim Women: The Role Of Kelantan Women Development Centre (PPWK)*.<sup>89</sup> Kajian tersebut mengaitkan peranan PPWK dengan pemerksaan wanita dari sudut psikologi, kedudukan sosial dan ekonomi.

Samhani Ismail di dalam penulisannya telah menghimpunkan Dasar Wanita Negeri Kelantan dan Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan di dalam sebuah buku yang bertajuk *Membangun Bersama Islam Memartabatkan Wanita Kelantan*.<sup>90</sup> Perbincangan yang dipaparkan adalah mengenai pembangunan wanita Kelantan dan aspek-aspek pemacu kejayaan wanita Kelantan yang banyak berkisar tentang peranan Urus Setia Pembangunan Wanita dan Keluarga (UPWK) dan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK). Seratus langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam tempoh 26 tahun pentadbiran Membangun Bersama Islam turut dilampirkan dengan topik

<sup>88</sup> Shukeri Mohamed dan Nor Shuhada Kadir, "Analisis Program Kebajikan Wanita Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2015," dalam *Wanita Islam Kontemporari: Isu-isu, Cabaran dan Amalan Terbaik*, ed. Badlihisham Mohd Nasir, Nurhafilah Musa dan Asmak Hussin, 233-245.

<sup>89</sup> Asmak Husin et al., "Empowering Muslim Women: The Role of Kelantan Women Development Centre (PPWK)," dalam *Wanita Islam Kontemporari: Isu-isu, Cabaran dan Amalan Terbaik*, ed. Badlihisham Mohd Nasir, Nurhafilah Musa dan Asmak Hussin, (Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2016), 355-370.

<sup>90</sup> Samhani Ismail, *Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Wanita Kelantan* (Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Kerajaan Negeri Kelantan, 2016), 5-48.

“100 Inisiatif Kelantan Cakno<sup>91</sup> Wanita”.<sup>92</sup> Kajian tersebut memaparkan maklumat-maklumat penting untuk menonjolkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah menggalakkan penglibatan wanita di dalam aktiviti kemasyarakatan, malah turut berperanan mempersiapkan golongan wanita dengan usaha-usaha peningkatan untuk menghadapi cabaran hidup.<sup>93</sup> Kajian ini merumuskan bahawa sistem pentadbiran Islam yang diamalkan oleh kepimpinan ulama di Kelantan telah berjaya membawa nilai-nilai pembangunan yang bersifat keberkatan, kemakmuran dan kebijakan kepada golongan wanita.<sup>94</sup>

Satu-satunya kajian dalam bentuk disertasi tentang Dasar Wanita Negeri Kelantan telah dikemukakan oleh Widad binti Mat Ali melalui disertasi sarjana yang bertajuk *Dasar Wanita Kelantan Daripada Perspektif Maqāṣid al-Shari‘ah*<sup>95</sup> yang secara khusus cuba menghuraikan hubungan yang terbentuk di antara prinsip-prinsip Dasar Wanita Negeri Kelantan dengan lima *al-Darūriyyāt al-Khamsah*. Kajian tersebut mendapati bahawa pentadbiran berteraskan Islam merupakan mekanisme utama pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan di bawah tema Membangun Bersama Islam yang menjadikan Maqasid Syariah sebagai matlamat utama pembangunan negeri.<sup>96</sup> Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak memberi gambaran yang jelas tentang bagaimakah dasar tersebut dilaksanakan. Justeru itu satu kajian lapangan telah dicadangkan bagi memperoleh data yang lengkap tentang aspek pelaksanaan dasar yang sebenar.<sup>97</sup>

Di sini penulis menyimpulkan bahawa kajian tentang aplikasi Siasah Syar‘iyyah dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan boleh dianggap baru dalam dunia akademik.

<sup>91</sup> “Cakno” merupakan dialek Kelantan bagi perkataan cakna yang bermaksud prihatin, ambil peduli dan mengambil berat. Kamus Dewan mengkelaskan asal usulnya dari Terengganu. *Kamus Dewan*, ed. Ke-4, entri “cakna”.

<sup>92</sup> *Ibid.*, 105-125.

<sup>93</sup> *Ibid.*, 49.

<sup>94</sup> *Ibid.*, 104.

<sup>95</sup> Widad binti Mat Ali, “Dasar Wanita Kelantan Daripada Perspektif Maqasid al-Shari‘ah” (disertasi sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2013).

<sup>96</sup> *Ibid.*, 91.

<sup>97</sup> *Ibid.*, 95.

Berbeza dengan kajian tentang dasar Membangun Bersama Islam di negeri Kelantan yang agak popular di kalangan para penyelidik dan pengkaji tempatan, kajian-kajian tentang pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dalam merealisasikan peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita adalah masih di peringkat baharu. Kebanyakan kajian yang telah dijalankan adalah berbentuk penulisan umum dan ringkas atau lebih menjurus kepada kajian terhadap dasar Membangun Bersama Islam di Negeri Kelantan atau berbentuk kajian yang tidak menganalisis dari perspektif Siasah Syar'iyyah secara terfokus. Meskipun terdapat disertasi sarjana yang mengkaji tentang Dasar Wanita Negeri Kelantan mengikut perspektif Maqasid Syariah, namun kajian yang akan dijalankan oleh penulis menggunakan elemen Siasah Syar'iyyah sebagai instrumen kajian dan melibatkan kajian lapangan mengenai aspek-aspek pelaksanaan dasar tersebut secara praktis.

Rumusnya, kajian ini akan mengisi kelompongan kajian mengenai Dasar Wanita Negeri Kelantan bagi menilai sejauhmana pelaksanaannya telah menepati kehendak Siasah Syar'iyyah sebagaimana yang didakwa secara umum oleh pengkaji-pengkaji terdahulu tanpa mengemukakan perincian dari sudut lapangan.

### **1.10 Metodologi Kajian**

Kajian ini memilih rekabentuk penyelidikan kualitatif<sup>98</sup> secara kajian kes berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikemukakan. Menurut Robson, reka bentuk kajian kualitatif berkembang, membangun dan terbuka seiring dengan kemajuan kajian. Ia merupakan kajian berkaitan persoalan seperti apa, bagaimana dan mengapa, melibatkan penakulan induktif bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman

<sup>98</sup> Punch menyatakan bahawa penyelidikan kualitatif ialah penyelidikan empirikal yang datanya bukan dalam bentuk nombor. Manakala Denzin dan Lincoln pula berpendapat penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaiannya kaedah secara terfokus, termasuk menggunakan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek. Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2010), 276.

individu.<sup>99</sup> Menurut Creswell, kajian kes merupakan eksplorasi ke atas satu sistem yang mempunyai batasan atau satu kes yang diselidik dalam satu jangkamasa yang agak panjang dan melibatkan proses kutipan data secara terperinci, mendalam dan diperolehi daripada sumber yang berbeza-beza seperti pemerhatian, temubual, pemerolehan bahan audio visual dan pengumpulan dokumen dan laporan.<sup>100</sup> Justeru itu, pemilihan rekabentuk kajian kes digunakan dalam kajian ini untuk memahami secara mendalam dan mendapatkan penjelasan sebenar tentang aspek pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan yang merangkumi strategi dasar dan program-programnya yang dapat memenuhi peranan dan fungsi Siasah Syar'iyyah terhadap wanita sepanjang tempoh kajian yang dijalankan.

Umumnya metodologi kajian ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu metode pengumpulan data dan metode analisis data. Sebagai perincinya, kajian ini dijalankan dengan menggunakan metode-metode berikut:

#### **1.10.1 Metode Pengumpulan Data**

Bagi mencapai objektif kajian yang telah disenaraikan, pengumpulan data bagi kajian ini menggabungkan antara kajian perpustakaan, pengumpulan dokumen dan temubual.

##### *(a) Kajian perpustakaan*

Metode kajian perpustakaan digunakan khususnya pada peringkat awal kajian di mana penulis mengumpulkan pandangan-pandangan ulama berkenaan aspek Siasah Syar'iyyah dan hak-hak wanita dalam negara Islam daripada penulisan-penulisan klasik dan semasa.

<sup>99</sup> Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016), 385.

<sup>100</sup> John W. Creswell, *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches* (California: SAGE Publications, Inc., 2007), 78-80. Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 288.

Data yang diperolehi adalah penting untuk membentuk landasan teori kajian berkenaan peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita.

Dalam menjalankan kaedah perpustakaan ini, penulis telah menggunakan perkhidmatan di beberapa buah perpustakaan seperti berikut:

- i. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri
- ii. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- iii. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- iv. Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- v. Perpustakaan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Nilam Puri
- vi. Perpustakaan Peringatan Zaaba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- vii. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Gombak
- viii. Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Kota Bharu
- ix. Pusat Dokumentasi Melayu Tengku Anis, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, Kota Bharu
- x. Perpustakaan Islam Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Kelantan

*(b) Pengumpulan dokumen*

Terdapat dua jenis dokumen yang digunakan sebagai sumber data bagi kajian ini. Jenis pertama adalah dalam kategori bahan ilmiah seperti tesis, jurnal, makalah dan kertas kerja. Dokumen ini menjelaskan kajian terdahulu berkaitan topik kajian yang dijalankan sebagai asas untuk membina rekabentuk kajian. Dokumen kategori ini diperoleh daripada perpustakaan-perpustakaan yang telah disenaraikan di atas mahupun dimuat turun secara atas talian daripada laman sesawang institusi pengajian tinggi dan jurnal yang diiktiraf.

Jenis dokumen yang kedua adalah dalam kategori rekod dan terbitan seperti laporan dan kertas kerja program, minit mesyuarat, surat-surat pekeliling, risalah-risalah, buletin,

buku panduan, warta kerajaan, laporan berita, ucapan belanjawan dan data perangkaan. Kebanyakan dokumen kategori ini diperolehi daripada institusi-institusi yang berautoriti seperti Pejabat Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan (UPWK), Urus Setia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan (PKS), laman sesawang jabatan-jabatan kerajaan dan simpanan individu. Kesemua data yang diperoleh dalam kategori ini merupakan asas yang penting untuk memahami skop kajian dengan lebih mendalam. Data-data yang diperoleh daripada dokumen-dokumen yang dikumpul telah disusun mengikut kronologi masa dan juga tema bagi memahami pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dalam tempoh kajian.

*(c) Temubual*

Dalam sesebuah kajian yang bersifat kualitatif seperti kajian ini, kaedah temubual merupakan kaedah yang penting untuk mengumpul data deskriptif.<sup>101</sup> Dalam kajian ini, tanpa penggunaan kaedah temubual, data yang dikumpul daripada kaedah dokumentasi yang lepas tidak dapat memberi gambaran yang lengkap tentang pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan. Apatah lagi apabila sebahagian dokumen yang bersangkutan dengan kajian ini tidak berjaya diperolehi sama ada kerana ia sudahpun dilupuskan setelah lebih lima tahun, atau hilang setelah berlaku pertukaran pejabat, rosak akibat banjir dan lain-lain. Penggunaan kaedah temubual ini juga membolehkan penulis mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk pernyataan langsung daripada informan sendiri. Melalui kaedah temubual ini, data yang diperolehi dapat diperkuuh dan diperlengkapkan.

---

<sup>101</sup> Marohaini Yusoff, ed., *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 108.

Dalam kajian ini, penulis telah menjalankan dua bentuk temubual. Bentuk pertama yang dijalankan adalah temubual separa berstruktur yang mendalam (*in-depth semi-structured interview*), manakala bentuk kedua ialah temubual kumpulan berfokus (*focus group interview*).

Dalam temubual bentuk pertama yang bersifat individu, penulis telah menyediakan soalan-soalan temubual yang dibina berpandukan kepada tema-tema yang telah dikenalpasti. Soalan-soalan tersebut menjadi panduan supaya tidak ada maklumat yang terlepas daripada proses temubual berkenaan. Soalan-soalan utama disenaraikan dengan lebih awal untuk mendapat pengesahan pakar daripada ahli-ahli akademik yang berpengalaman.<sup>102</sup> Dengan menjalani temubual separa berstruktur, penulis berpeluang untuk mengemukakan soalan-soalan terbuka dengan lebih lanjut kepada informan tentang fakta sesuatu perkara dan juga pendapat informan tentang sesebuah peristiwa berdasarkan respon yang diberikan.<sup>103</sup> Contohnya apabila informan menyebut tentang isu pelanggaran terhadap Dasar Wanita Negeri Kelantan, penulis boleh meneruskan pertanyaan tentang pendekatan yang digunakan oleh pihak kerajaan negeri Kelantan untuk menangani pelanggaran tersebut. Hasilnya, informan boleh berfikir dengan lebih luas dan memberi lebih banyak penjelasan tentang pengaruh pelbagai polisi serta cabaran yang dihadapi oleh mereka. Temubual secara mendalam juga dilakukan melalui telefon dan aplikasi telefon pintar sebagai rentetan daripada pertemuan kali pertama sekiranya memerlukan data yang lebih lanjut.

Dalam menguruskan sesi temubual, kesemua informan yang dipilih telah dihubungi dengan lebih awal untuk membuat temujanji dan memberikan persetujuan tentang tujuan temubual ini diadakan serta kepentingan ianya dirakam bagi tujuan transkripsi. Malah

<sup>102</sup> Lihat Lampiran C, *Ringkasan Soalan Utama Temubual*.

<sup>103</sup> Ibid., 125. Dalam temubual separa berstruktur, urutan soalan, cara soalan diaju dan bentuk soalan boleh berubah-ubah, bergantung kepada reaksi dan tindak balas yang diberi oleh informan. Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 320.

soalan-soalan temubual juga diberikan ketika membuat temujanji agar informan dapat menyediakan maklumat yang diperlukan dengan lebih tersusun. Penulis juga mendapati bahawa pendedahan atau makluman mengenai kajian yang sedang dijalankan kepada pihak yang terbabit adalah amat perlu demi mendapatkan kepercayaan dan minat mereka untuk memberikan maklumat yang diperlukan meskipunnya bersifat dalaman dan sulit.

Kebanyakan temubual telah direkod dengan menggunakan perakam elektronik dengan izin informan dan ditulis semula dalam bentuk transkrip. Transkrip tersebut dikodkan mengikut tema bagi memudahkan rujukan untuk mendapatkan hasil kajian yang diperlukan. Adapun sebahagian kecil yang lain dicatat secara bertulis sewaktu temubual dijalankan atas permintaan daripada informan.

Bagi menentukan kriteria informan yang ditemubual, metode persampelan bertujuan atau purposif digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Metode persampelan ini penting dalam melaksanakan temubual kerana cara yang betul dalam memilih sampel atau informan akan menghasilkan data yang *valid* dan rumusan yang berkredibiliti.<sup>104</sup> Penulis menggunakan kaedah persampelan purposif dengan menentukan ciri-ciri informan sebagai asas untuk memilih unit sampel yang akan ditemubual.<sup>105</sup> Kriteria informan yang hendak ditemubual ditentukan berdasarkan kepada maklumat yang hendak dikumpul daripada seseorang individu yang sepatutnya. Sehubungan itu, pihak yang berautoriti dan terlibat secara langsung dengan pelaksanaan dasar-dasar negeri Kelantan terhadap wanita selepas tahun 1990 telah ditemubual bagi mendapatkan penjelasan yang lebih tepat atau secara *first-hand* berkenaan dengan dasar tersebut berdasarkan tiga ciri berikut:

<sup>104</sup> Lihat Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam* (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 85.

<sup>105</sup> *Ibid.*, 88.

- i. Informan terlibat secara langsung dengan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan negeri Kelantan sebelum dibentuk dokumen rasmi bagi Dasar Wanita Negeri Kelantan (tahun 1990 hingga 1998)
- ii. Informan terlibat secara langsung dengan proses penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan secara rasmi (tahun 1998 hingga 2001)
- iii. Informan terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan setelah dokumennya dilaksanakan (tahun 2001 hingga 2015)

Manakala bilangan informan yang ditemubual tidak menjadi isu dalam kajian kualitatif kerana sampel yang ditemubual dipilih secara bertujuan mengikut kriteria yang ditetapkan sesuai dengan permasalahan yang hendak dikaji.<sup>106</sup> Dalam kajian ini, seramai tiga belas orang informan telah ditemubual secara individu manakala empat belas orang yang lain ditemubual dalam kumpulan terfokus. Informan yang telah ditemubual secara individu berdasarkan ciri-ciri yang telah ditentukan di atas adalah sebagaimana senarai di bawah:

- i. Muhammad bin Daud al-Iraqi, mantan EXCO Kerajaan Negeri Kelantan dan salah seorang penggubal Dasar Wanita Negeri Kelantan
- ii. Abdul Fattah Mahmod, Mantan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan Kerajaan Negeri Kelantan (2005-2008)
- iii. Wan Ubaidah Omar, Mantan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan Negeri Kelantan (2008-2013)
- iv. Mumtaz Md. Nawi, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan (2013 hingga kini), yang turut terlibat dalam proses penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan

<sup>106</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 126.

- v. Wan Nik Wan Yussof, Pengarah Pusat Kajian Strategik Kerajaan Negeri Kelantan dan terlibat di dalam proses penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan
- vi. Rohani Ibrahim, Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan, mantan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan (2008-2012)
- vii. Zainiah Halim, Pengarah Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Kerajaan Negeri Kelantan (UPWK)
- viii. Mohd. Saiba Yaacob, mantan Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan
- ix. Nik Mohd. Azlan Abdul Hadi, mantan Setiausaha Sulit Menteri Besar Kelantan
- x. Hunaizah Mohd Noor, mantan senator yang mewakili Kerajaan Negeri Kelantan ke Dewan Negara
- xi. Zulqarnain Hassan, Ahli Jawatankuasa Dewan Ulamak PAS Negeri Kelantan
- xii. Nur Adyani Mohamed, Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Wanita UPWK
- xiii. Azlina Che Harun, bekas pegawai Unit Pembangunan Wanita Negeri Kelantan (2004 - 2012)

Manakala informan yang telah ditemubual dalam kumpulan terfokus adalah seramai empat belas orang sebagaimana di bawah:

- i. Hasnah Mahmud, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Kota Bharu.
- ii. Dr. Wan Martina Wan Yusoff, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Bachok.
- iii. Mainun Mahmud, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Machang.
- iv. Nor Asilah Mohd Zain, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Pasir Putih.
- v. Nazrah Mohd Salleh, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Tanah Merah.

- vi. Sofiah Saad, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Pasir Mas.
- vii. Saodah Mohd Noor, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Kubang Kerian.
- viii. Wan Rafizah Wan Abdullah, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Rantau Panjang.
- ix. Ramlah Saad, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Jeli.
- x. Siti Zahidah Ramli, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Gua Musang.
- xi. Asmawani Hashim, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Kuala Krai.
- xii. Farawaheeda Matwi, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Pengkalan Chepa.
- xiii. Hunaizah Md. Nor, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Ketereh.
- xiv. Kamariah Yaacob, ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Tumpat.

Kesemua informan bagi temubual kumpulan terfokus merupakan ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP) dari seluruh negeri Kelantan. Temubual tersebut telah berjaya diadakan pada 3 Mac 2018, dengan kerjasama Unit Pembangunan Wanita, Urus Setia Pembangunan Wanita Negeri Kelantan (UPWK). Melalui temubual berkenaan, pelbagai keluhan, persoalan dan respon terhadap situasi mereka yang terlibat dengan pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan di peringkat parlimen masing-masing dapat didengari. Kaedah temubual kumpulan terfokus ini merupakan satu kaedah yang berkesan untuk memperoleh data-data kualitatif yang banyak dalam masa yang singkat, khususnya bagi kajian yang bertujuan menilai perancangan, perkembangan dan pelaksanaan sesebuah program,<sup>107</sup> sebagaimana kajian ini. Pemilihan informan juga telah dibuat berdasarkan kepada ciri-ciri yang telah ditentukan melalui kaedah persampelan purposif,<sup>108</sup> iaitu mereka yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan program-

---

<sup>107</sup> Rana Muhammad Dishad dan Muhammad Ijaz Latif, "Focus Group Interview as a Tool for Qualitative Research: An Analysis," *Pakistan Journal of Social Sciences* 33, no.1 (2013), 191-198.

<sup>108</sup> Morgan, D.L. *Focus Groups as Qualitative Reaseach*. Newberry Park: Sage, 1997.

program wanita di semua parlimen.<sup>109</sup> Soalan-soalan temubual yang diberikan dalam kumpulan terfokus pula adalah bersifat terbuka dan tidak berstruktur. Kaedah ini adalah penting untuk melihat kefahaman ahli kumpulan terhadap pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan, isu-isu, permasalahan dan pandangan mereka berdasarkan pengalaman yang hampir sama.<sup>110</sup> Apatah lagi apabila keseluruhan informan yang hadir merupakan ahli Majlis Perundingan Wanita yang mempunyai peranan yang serupa dalam melaksanakan program-program wanita di peringkat parlimen masing-masing. Bagi tujuan merekod dan menyusun setiap maklumat temubual berkumpulan tersebut, penulis telah membuat rakaman video selama 160 minit. Catatan pada buku nota lapangan juga dibuat secara langsung bagi mengelakkan segala kemungkinan yang tidak dijangka pada bahan rakaman. Data mentah yang diperolehi telah ditranskripkan dalam aplikasi *documents* dan seterusnya disusun mengikut kategori yang telah ditentukan bagi tujuan analisis.

Demikianlah tiga metode utama yang telah digunakan oleh penulis untuk mengumpul data bagi kajian ini. Dari sudut kategori data pula, data-data yang diperoleh dapat dikategorikan kepada data primer (*raw data*) dan data sekunder (*secondary data*). Data primer ialah data-data yang diperolehi daripada sumber asli atau pertama yang dikumpulkan sendiri oleh penulis. Dalam kajian ini, data primer yang dikumpulkan diperoleh melalui temubual dan dari dokumen rasmi seperti dokumen Dasar Wanita, dokumen pentadbiran, laporan rasmi, minit mesyuarat, catatan teks ucapan dan lain-lain. Manakala data sekunder pula ialah data-data yang dikumpulkan oleh pengkaji lain, atau dikumpul sebelumnya untuk satu tujuan yang lain, tetapi sesuai digunakan oleh penulis dalam menjawab persoalan kajian. Sumber data sekunder ini adalah termasuk jurnal, tesis, buku, majalah dan surat khabar. Data-data sekunder juga penting dalam kajian ini

<sup>109</sup> Lihat Lampiran D, *Senarai Nama Informan Yang Terlibat Dalam Temubual Berkumpulan Secara Terfokus*.

<sup>110</sup> Kitzinger, J, "Introducing Focus Group," British Medical Journal, 311 (1997).

khususnya dalam membuat triangulasi terhadap data-data yang dikumpul dan membantu penulis untuk memahami dan menyusun data-data primer yang diperolehi. Ia juga mudah dikumpul untuk dijadikan perbandingan dengan data terdahulu. Malah sesetengah data dalam kajian ini hanya boleh didapati melalui data sekunder. Kepelbagaiannya data yang dikumpul bagi sesebuah kajian kualitatif seperti ini adalah perlu bagi mengelakkan daripada maklumat yang bias.<sup>111</sup>

### 1.10.2 Metode Analisis Data

Proses analisis data kualitatif merupakan satu proses yang agak kompleks kerana ia melibatkan proses mengatur, menstruktur dan menginterpretasi data-data yang telah dikumpul oleh penyelidik yang berpunca daripada pelbagai sumber. Tambahan pula, walaupun proses analisis telah bermula, proses pengumpulan data kualitatif tidak akan berakhir, sebaliknya akan berlaku secara berterusan kerana maklumat yang kurang sempurna akan terus ditambahbaik sehingga maklumat yang baru tidak lagi memberikan kefahaman dan penambahbaikan. Sepanjang proses pengumpulan data berjalan, penilaian kritikan luaran yang difokuskan kepada ketulenan dan keautoritrian sumber serta kritikan dalam ke atas ketepatan data turut sama berlaku.<sup>112</sup>

Dalam menjalankan analisis data kualitatif secara manual, data berdasarkan teks seperti transkrip temubual dan dokumen-dokumen yang telah dikumpul perlu diuruskan secara sistematis supaya dapat dianalisis mengikut komponennya seperti pengumpulan, penguncutan, pengolahan dan kesimpulan.<sup>113</sup> Pada peringkat pengumpulan, semua data daripada pelbagai sumber dikumpulkan dan rakaman temubual perlu dibuat transkrip.

<sup>111</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 411. Sebagai contoh, penulis juga merujuk kepada kajian yang berbeza pandangan terhadap dasar negeri Kelantan terhadap wanita. Lihat misalnya: Hassan Harun, *Kelantan Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan* (Kuala Lumpur: DD Mediaconsult Sdn. Bhd, 1999), xiv.

<sup>112</sup> Lihat: W. Lawrence Neuman. *Social Research Methods, Qualitative and Quantitative Approaches*. USA: Allyn & Bacon, 1997.

<sup>113</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 492.

Seterusnya proses pengekodan dilakukan untuk menggabungkan data yang sama mengikut kod-kod yang telah ditentukan. Peringkat ini dikenali sebagai peringkat penguncupan atau pembersihan data yang memerlukan penulis membaca berulang kali dan memahami maklumat sambil meninjau jenis-jenis pengekodan yang akan dibuat, sama ada maklumat itu boleh dikategorikan dengan tema-tema tertentu yang berkaitan dengan fokus kajian.<sup>114</sup> Selepas itu barulah data boleh diolah dan diorganisasikan semula untuk menjawab persoalan kajian dan seterusnya dirumuskan sebagai hasil kajian.<sup>115</sup>

Menurut Othman Lebar, analisis data dalam kajian kes dibuat berdasarkan deskripsi, tema dan kenyataan.<sup>116</sup> Crabtree dan Miller pula mengemukakan dua jenis analisis kualitatif iaitu jenis suntingan dan jenis kerangka. Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan kaedah kerangka untuk menganalisis data yang dikumpul. Ringkasan terhadap analisis jenis kerangka ini dapat dilihat sebagaimana Rajah 1.1 di bawah:

**Rajah 1.1 Analisis Jenis Kerangka**



Sumber: Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 493.

Kerangka jenis ini dibina berdasarkan teori, pengetahuan atau rumusan daripada teks yang dibaca. Data diasingkan berdasarkan unit-unit yang bermakna atau tema (kategori)

<sup>114</sup> Ibid.

<sup>115</sup> Ibid.

<sup>116</sup> Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod* (Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009), 103.

tertentu. Dalam kajian ini, lima tema telah dibentuk berdasarkan kepada lima peranan utama Siasah Syar ‘iyyah terhadap wanita yang menjadi landasan teori kajian. Data-data kajian telah dikategorikan mengikut tema-tema tersebut untuk dihuraikan perkaitannya secara kritis selepas menjalani semakan semula dan seterusnya disahkan melalui proses triangulasi.<sup>117</sup> Menurut Bryman, kaedah triangulasi membolehkan seseorang penyelidik menggunakan lebih daripada satu kaedah atau pelbagai sumber data dalam sesuatu kajian bagi membuktikan kebolehpercayaan kajian yang tinggi.<sup>118</sup> Proses tersebut membantu mengatasi ancaman terhadap keabsahan kajian ini.

### **1.11 Kesimpulan**

Kajian ini dijalankan dengan berpandukan kepada tatacara yang telah diterangkan di atas. Penerangan mengenai konsep-konsep utama dalam kajian ini telah dijadikan panduan oleh penulis semasa menjalankan kajian hingga selesai.

---

<sup>117</sup> Proses triangulasi ialah proses menentusahkan maklumat yang diperolehi daripada sesuatu sumber dengan merujuk kepada perkara yang sama daripada sumber-sumber lain yang berlainan. Ia dilakukan bagi memastikan maklumat yang diperoleh dalam penyelidikan kualitatif lebih tepat dan sah dari segi konstruk serta boleh dipercayai. Lihat Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 490-491.

<sup>118</sup> A. Bryman, *Social Research Methods*, ed. Ke-3 (Oxford: Oxford University Press, 2008).

## BAB DUA: PERANAN SIASAH SYAR'IYYAH TERHADAP WANITA

### 2.1 Pendahuluan

Siasah Syar'iyyah merupakan instrumen pentadbiran yang memelihara kepentingan umum yang dijamin oleh Islam ke atas seluruh rakyat. Menurut 'Abd al-Rahmān Tāj, pelaksanaan Siasah Syar'iyyah dalam sistem pentadbiran negara berperanan untuk menjelmakan pelaksanaan syariat Islam secara menyeluruh dalam kehidupan bermasyarakat, mampu memenuhi tuntutan zaman dan menjamin kemaslahatan umum, sesuai dengan perubahan masa dan keadaan.<sup>1</sup> Sehubungan itu, pelaksanaan Siasah Syar'iyyah dalam pentadbiran secara menyeluruh oleh sebuah kerajaan dengan berpegang kepada prinsipnya yang teguh demi mencapai objektifnya yang luhur akan menyerlahkan dinamisme syariat Islam dan seterusnya menjelmakan kesan-kesan positif kepada seluruh masyarakat tanpa mengira agama, bangsa, keturunan maupun jantina, selari dengan tujuan pengutusan Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat kepada seluruh alam. Allah SWT berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾

Al-Anbiyā' 21: 107

Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Melalui Sunnah 'amaliyyah yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW sebagai ketua negara Islam yang pertama dan diteruskan pula oleh para Khulafā' al-Rāshidīn selepas baginda, para ulama telah menggarap prinsip-prinsip yang jelas dalam pelaksanaan Siasah Syar'iyyah sebagai metode pentadbiran negara untuk dijadikan pedoman oleh ummah sepanjang zaman. Walaupun istilah "Siyāsah Shar'iyyah" dari segi terminologinya belum digunakan pada zaman Nabi SAW sebagaimana yang telah

<sup>1</sup> 'Abd al-Rahmān Tāj, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah wa al-Fiqh al-Islāmi*, 70.

dibincangkan sebelum ini, namun para ulama bersepakat bahawa konsep urus tadbir negara yang diistilahkan oleh para ulama sebagai “*Siyāsah Shar‘iyyah*” sama ada yang disebut sebagai *khilāfah* atau *imāmah* atau *nizām al-hukm* atau *al-ahkām al-sultāniyyah* merupakan salah satu daripada perkara utama yang telah dilaksanakan dan diperjuangkan oleh baginda SAW sepanjang tempoh kerasulan untuk mendaulatkan hukum Allah secara syumul demi kesejahteraan umat manusia di dunia dan di akhirat.<sup>2</sup> Tanpa menegakkan Islam di dalam sistem pentadbiran negara, sudah tentu akan terdapat banyak hukum syariat yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.<sup>3</sup>

Terdapat beberapa kajian yang berpendapat bahawa aplikasi Siasah Syar‘iyyah telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW lagi, meskipun mereka berbeza pandangan dari sudut titik permulaannya kerana sistem politik dan urus tadbir negara pada zaman baginda SAW tidak menggunakan istilah Siasah Syar‘iyyah sebagaimana yang dikenali sekarang.<sup>4</sup> Namun apa yang pasti, sistem pemerintahan negara Islam pada zaman Rasulullah SAW telah menjadi noktah penting dalam meninggikan semula martabat wanita setelah sekian lama dinafikan hak dan kemuliaan mereka oleh masyarakat jahiliyyah. Tambahan pula, ayat al-Quran juga telah menyentuh kebijaksanaan siasah

<sup>2</sup> Muḥammad Rawwās Qal‘ah Jī. *Qirā'ah Siyāsiyyah li al-Sīrah al-Nabawiyah* (Beirut: Dār al-Nafā’is, 2000), 107 dan 304. Sa‘ad al-Dīn al-‘Uthmāni, *Taṣarrufāt al-Rasūl bi al-Imāmah, al-Dalālāt al-Manhajiyah al-Tashrī‘iyyah* (Kaherah: Dār al-Kalimah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2011), 69-70. ‘Abd al-Razzāq Al-Sanhūrī, *Fiqh al-Khilāfah*, ed. Tawfiq Muḥammad al-Shāwī dan Nādiyah ‘Abd al-Razzāq al-Sanhūrī (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001), 277-280.

<sup>3</sup> Muṣṭafā Dīb al-Bughā, *Buhūth fī Maqāṣid al-Tashrī‘ al-Islāmi* (Damsyik: Dār al-Muṣṭafā, 2009), 139-140.

<sup>4</sup> Sebahagian pengkaji menganggap bahawa asas pelaksanaan Siasah Syar‘iyyah pada zaman Rasulullah SAW bermula selepas hijrah iaitu apabila terbentuknya negara Islam Madinah yang memerlukan kepada sistem politik dan pentadbiran Islam yang tersusun. Manakala tindakan-tindakan Rasulullah SAW sebelum daripada itu dianggap sebagai tugas seorang Rasul sebagai pendakwah dan pemulih sosial. Lihat: Tawfiq Sultān al-Yūzabakki, *Nushū‘ al-Fikr al-Siyāsī ‘Inda al-Muslimīn* (Riyadh: t.p., t.t.), 13. Walau bagaimanapun, Dr. ‘Abd al-Šamad al-Ridā berpandangan bahawa asas kepada pelaksanaan Siasah Syar‘iyyah tersebut bermula sejak awal kerasulan Nabi Muhammad SAW lagi yang telah dipilih oleh Allah SWT sebagai Rasul-Nya. Lihat ‘Abd al-Šamad al-Ridā, *Qawā‘id al-Ijtihād fī al-Siyāsah al-Syar‘iyyah Dirāsaḥ Tārikiyyah Ta’siliyyah Mustaqbaliyyah* (Irbid: ‘Ālam al-Kutub al-Hadīth, 2011), 83.

seorang pemerintah wanita dalam kerajaan Saba<sup>5</sup> sebagaimana yang termaktub di dalam Surah al-Naml.<sup>6</sup>

Sehubungan itu, Bab Dua ini akan memfokuskan kajian mengenai peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita yang membentuk kerangka teori bagi kajian ini dengan menjadikan prinsip-prinsip Siasah Syar'iyyah dalam membangunkan wanita pada zaman Rasulullah SAW sebagai rujukan utama. Lima peranan Siasah Syar'iyyah yang akan dikemukakan di dalam bab ini bukanlah satu teori baru yang diketengahkan oleh penulis, tetapi merupakan hasil rumusan dari pelbagai sumberrujukan yang disusun semula untuk dijadikan landasan kajian dalam konteks pelaksanaannya di Malaysia.

## 2.2 Pandangan Ulama Tentang Konsep Siasah Syar'iyyah

Hasil sorotan terhadap kajian lampau mendapati bahawa konsep Siasah Syar'iyyah sudah digarap secara jelas dan mantap oleh para ulama yang pakar dalam bidang ini. Dengan merujuk kepada penulisan-penulisan klasik tentang Siasah Syar'iyyah yang turut disebut sebagai *Nizām al-Hukm fī al-Islām* atau *al-Ahkām al-Sultāniyyah*<sup>7</sup> yang memuatkan perbincangan tentang *khilāfah*, *imāmah* dan *wilāyah*, serta tanggungjawab negara Islam dan hak-hak rakyat di dalam negara Islam, para ilmuwan pada zaman moden telah menyusun kembali prinsip-prinsip, metodologi dan maqasid Siasah Syar'iyyah untuk menjadi pedoman umat Islam dalam bernegara. Dalam proses membentuk dan melaksanakan sesuatu polisi atau dasar negara, kaedah Siasah Syar'iyyah merupakan instrumen yang perlu digunakan oleh para pemerintah Islam bagi memastikan bahawa

<sup>5</sup> 'Abd al-Rahmān al-Barbarī, *al-Qur'ān Yataḥaddath 'An al-Siyāsah* (Tanta: Dār al-Bashīr, 2002), 41. 'Abd al-Ḥalīm Muḥammad Abū Shuqqah, *Tahrīr al-Mar'ah fī 'Aṣr al-Risālah*, 104. Abu Shuqqah telah menyenaraikan lima kriteria siasah Ratu Saba' iaitukemampuannya memerintah sebuah kerajaan yang luas dan kaya, melaksanakan syura dengan pembesarnya dalam menentukan hubungan dengan pihak luar, mengamalkan politik yang bijaksana dengan mengambil kira akibat sesuatu tindakan terhadap negara dan cepat menerima kebenaran apabila terserlah.

<sup>6</sup> Lihat Surah al-Naml 27: 20-44.

<sup>7</sup> Lihat misalnya: Taqiyuddīn ibn Aḥmad ibn Taymiyyah, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah Fī Islāḥ al-Rā'i wa al-Rā'iyyah*, 4-5. Ibn Farhūn, *Tabṣirah al-Hukkām*, 2: 104. Ibn Qayyim al-Jauziyyah, *al-Turuq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar'iyyah*, 18. Abū al-Hasan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī al-Māwardī, *al-Ahkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat al-Dīniyyah*, 29.

sistem pentadbiran yang dilaksanakan bertepatan dengan piawaian syariat yang membawa kesejahteraan dan diredaya oleh Allah SWT. Justeru itu, bagi menjelaskan konsep Siasah Syar'iyyah yang dimaksudkan di dalam kajian ini, pandangan ulama tentang definisi, prinsip-prinsip asas, metodologi serta maqasid pelaksanaan Siasah Syar'iyyah akan dibincangkan secara ringkas dan padat agar konsep Siasah Syar'iyyah yang dimaksudkan di dalam kajian ini dapat difahami secara jelas dan menyeluruh.

### *(a) Definisi Siasah Syar'iyyah*

Perkataan Siasah Syar'iyyah terdiri daripada dua perkataan Bahasa Arab iaitu *al-Siyāsah* dan *al-Shar'iyyah*. Secara literalnya, “*siyāsah*” di dalam Bahasa Arab berasal daripada perkataan سیاسَةٌ – سیاسَةٌ – يَسْوِنْ yang bererti menegakkan sesuatu yang mendatangkan kemaslahatan atau kebaikan.<sup>8</sup> *Siyāsah* terhadap rakyat bermaksud mengurus dan mentadbir hal ehwal rakyat dengan tindakan yang memberikan kemaslahatan atau kebaikan kepada mereka. Ia juga membawa erti kuasa menyuruh dan melarang.<sup>9</sup> Manakala “*al-shar'iyyah*” pula bermaksud mengikut syarak, berkaitan dengan syariah atau bersandar pada hukum Islam.<sup>10</sup>

Dari segi istilah, apabila digabungkan menjadi istilah “*Siyāsah Shar'iyyah*”, pelbagai definisi yang lebih khusus telah dikemukakan oleh para ulama berdasarkan kepada kefahaman masing-masing. Sebahagian ulama silam seperti al-Tarābulī dan Ibn Fūdī telah mengkhususkan penggunaan istilah Siasah Syar'iyyah kepada hal-ehwal yang melibatkan proses kehakiman dan penentuan hukuman takzir.<sup>11</sup> Namun pengertian umum

<sup>8</sup> Muhammad bin Mukrim Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, 1994), 6: 108.

<sup>9</sup> Muhammad bin Ya'qūb al-Fairūz Ābādī, *al-Qāmūs al-Muhiṭ* (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 496.

<sup>10</sup> *Ibid.*, 1559.

<sup>11</sup> Al-Tarābulī mentakrifkan siasah sebagai penentuan hukuman yang keras. Lihat: Abū al-Ḥasan 'Ali bin Khalīl al-Tarābulī, *Mu'īn al-Hukkām fīmā Yataraddad Bayna al-Khaṣmayn min al-Hukkām* (t.t.: Dār al-Fikr, t.t.), 169. Lihat juga: 'Abd Allah bin Muḥammad Ibn Fūdī, *Qiyā' al-Siyāsāt wa Fatāwā al-Nawāzīl* (Kaherah: Al-Zahrā' li al-I'lām al-'Araby, 1988), 75. Manakala Ibn 'Ābidīn juga menegaskan bahawa secara zahirnya pengertian siasah dan takzir adalah sama. Lihat: Muḥammad Amin Ibn 'Ābidīn, *Hāshiah Rad al-Mukhtār 'alā al-Dur al-Mukhtār*, 4: 15.

yang membawa maksud pentadbiran negara secara menyeluruh tanpa dikhususkan kepada mana-mana bidang adalah lebih masyhur dan meluas penggunaannya sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Ibn ‘Aqīl,<sup>12</sup> Ibn Nujaym,<sup>13</sup> Ibn ‘Ābidīn,<sup>14</sup> al-Bujayrimī<sup>15</sup> dan al-Nasafī.<sup>16</sup> Sebagai contoh, Ibn ‘Aqīl telah mengemukakan definisi Siasah Syar‘iyyah sebagai suatu tindakan yang boleh membawa manusia lebih hampir kepada kemaslahatan dan terhindar jauh daripada kebinasaan meskipun tindakan tersebut tidak pernah diungkapkan oleh wahyu al-Quran dan al-Sunnah.<sup>17</sup>

Penegasan Ibn ‘Aqīl tersebut memberi maksud yang bersifat umum, iaitu apa sahaja tindakan atau keputusan pihak pemerintah yang membawa kebaikan sama ada sebagai kaedah dan sistem urus tadbir negara, atau sebagai metode ijтиhad dalam bidang perundangan dan kehakiman, kesemuanya termasuk dalam ruang lingkup Siasah Syar‘iyyah yang umum. Sehubungan itu, definisi yang dikemukakan oleh beliau telah menjadi rujukan dan asas perbincangan bagi para ulama selepasnya mengenai Siasah Syar‘iyyah.<sup>18</sup>

Pengertian yang umum bagi Siasah Syar‘iyyah ini mencakupi tindakan-tindakan pentadbiran yang dikendalikan oleh ketua negara dan wakil-wakilnya termasuklah para pegawai kerajaan yang mendapat mandat hukum seperti gabenor, hakim-hakim, pegawai penguatkuasa dan lain-lain pemegang jawatan eksekutif dalam menguruskan hal ehwal

<sup>12</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*, 17.

<sup>13</sup> Zayn al-Dīn Ibn Nujaym, *Al-Bahr al-Rā‘iq Sharḥ Kanz al-Daqā‘iq* (Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmi, t.t.) 5: 11.

<sup>14</sup> Muhammad Amin Ibn ‘Ābidīn, *Hāshiyah Radd al-Mukhtār ‘alā al-Durr al-Mukhtār*.

<sup>15</sup> Sulaymān Ibn ‘Umar Ibn Muḥammad al-Bujayrimī, *Hāshiyah al-Bujayrimī ‘alā al-Manhaj* (Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, 1965), 2: 178.

<sup>16</sup> Najm al-Dīn Ibn Ḥafṣ ‘Umar Ibn Muḥammad al-Nasafī, *Tilbah at-Talabah fi al-İştilāh al-Fiqhiyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 302.

<sup>17</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*, 17.

<sup>18</sup> Sebagai contoh al-Qaradāwī dalam bukunya *al-Siyāsah al-Syar‘iyyah* tidak mengemukakan definisi beliau sendiri tentang Siasah Syar‘iyyah ini tetapi telah menyinggung pentakrifan yang telah dikemukakan oleh Ibn ‘Aqīl sebagaimana yang telah dirakamkan oleh Ibn al-Qayyim di dalam *al-Turuq al-Hukmiyyah*. ‘Abd al-Āl Ahmad ‘Atwah juga telah menjadikan definisi Ibn ‘Aqīl sebagai rujukan utama dan begitu juga dengan ‘Abd al-Rahmān Tāj. Lihat: ‘Abd al-Āl Ahmad ‘Atwah, *āl-Madkhāl ilā al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*, 53. ‘Abd al-Rahmān Tāj, *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah wa al-Fiqh al-Islāmi*, 47.

rakyat, meliputi aspek dasar, perancangan, strategi, pendekatan dan langkah-langkah yang dilakukan oleh sebuah kerajaan dengan berpandukan nas dan upun kaedah ijtihad yang terdapat dalam ajaran Islam. Skopnya juga merangkumi seluruh aspek pemerintahan seperti politik, pentadbiran, kewangan, ekonomi dan sosial.<sup>19</sup> Hasil daripada itu lah munculnya pelbagai istilah yang digandingkan dengan siasah seperti *siyāsah dustūriyyah*, *siyāsah māliyyah*, *siyāsah qaḍā'iyyah*, *siyāsah dākhiliyyah*, *siyāsah khārijīyyah* dan sebagainya.<sup>20</sup>

Berdasarkan kepada pelbagai definisi yang dikemukakan oleh para ulama silam, para sarjana merumuskan bahawa Siasah Syar'iyyah dari sudut aplikasinya boleh diklasifikasikan kepada dua aspek yang utama iaitu sebagai kaedah pentadbiran negara dan sebagai kaedah penentuan hukum di bawah bidangkuasa kerajaan Islam. Meskipun keduanya adalah saling berkaitan, namun yang menjadi fokus perbincangan dalam kajian ini adalah berhubung dengan Siasah Syar'iyyah sebagai kaedah pentadbiran negara. Pengertian ini disokong oleh para ulama kontemporari yang telah mengemukakan definisi masing-masing bagi menjelaskan konsep tersebut. Sebagai contoh, definisi yang telah dikemukakan oleh 'Abd al-Wahhāb Khallāf boleh diterjemahkan sebagai mentadbir urusan awam bagi negara Islam dengan tindakan yang dapat menjamin kemaslahatan dan mengelakkan kemudarat dengan cara yang tidak melampaui batasan syarak dan prinsipnya yang umum meskipun langkah yang diambil itu tidak bertepatan dengan pandangan para imam mujtahid.<sup>21</sup>

Hampir sama ialah definisi yang telah dikemukakan oleh 'Abd al-Rahmān Tāj yang diterjemahkan sebagai peraturan yang digunakan oleh kerajaan bagi menyusun atur urusan rakyat dengan mengambil kira keselarasannya dengan roh syariat Islam,

<sup>19</sup> Bharuddin Che Pa, Siti Arni Basir dan Shukeri Mohamed, "Pelaksanaan Siyāsah Shar'iyyah Dalam Pentadbiran di Malaysia," *Jurnal al-Tamaddun* 5 (2010): 57-72.

<sup>20</sup> 'Abd al-Rahmān Tāj, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah wa al-Fiqh al-Islāmi*, 42.

<sup>21</sup> 'Abd al-Wahhāb Khallāf, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah fi Shu'un al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah*, 20.

ketepatannya dengan prinsip umum agama, tercapainya matlamat sosial walaupun ia tidak ada dalil yang terperinci daripada nas sama ada di dalam al-Quran maupun al-Sunnah.<sup>22</sup>

Muhamad Hashim Kamali pula mendefinisikan Siasah Syar'iyyah sebagai:

*A broad doctrine of Islamic law which authorizes the ruler to determine the manner in which the Shari'ah should be administered. The ruler may accordingly take discretionary measures, enact rules and initiate policies as he deems are in interest of good government, provided that no substantive principle of the Shari'ah is violated thereby.*<sup>23</sup>

Selain daripada itu, para sarjana Islam masa kini seperti Fathī Aḥmad al-Duraynī<sup>24</sup> dan ‘Abd al-‘Āl Aḥmad ‘Aṭwah juga telah menerima konsep Siasah Syar'iyyah sebagai sistem pentadbiran negara secara umum sebagaimana yang terdapat di dalam penulisan mereka. Walau bagaimanapun, ‘Abd al-‘Āl Aḥmad ‘Aṭwah telah mengehadkan ruang lingkup perbincangan Siasah Syar'iyyah pada perkara yang berbentuk ijtihad sahaja, iaitu pada amalan yang tidak disokong atau dilarang oleh nas, tetapi dilaksanakan setelah menimbang objektif syariat secara menyeluruh.<sup>25</sup> Pandangan ini telah disokong oleh muridnya ‘Abd al-Ghālib ‘Abd al-Kāfi al-Qurashi.<sup>26</sup>

Setelah melihat kepada kepelbagaian sudut pandang ulama terhadap pengertian Siasah Syar'iyyah sama ada dari sudut aplikasi maupun sumbernya sebagaimana perbincangan di atas, kajian ini memfokuskan pengertian Siasah Syar'iyyah sebagai metode urus tadbir negara dalam semua sektor kerajaan sama ada yang berpandukan kepada peruntukan nas

<sup>22</sup> ‘Abd al-Rahmān Tāj, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah wa al-Fiqh al-Islāmi*, 45.

<sup>23</sup> Mohamad Hashim Kamali, “Siasah Shar'iyyah or The Policies of Islamic Government,” *The American Journal of Islamic Social Sciences* 6, 1 (September 1989), 59-80.

<sup>24</sup> Fathī al-Duraynī, *Khaṣā'is al-Tashrī’ al-Islāmī fī al-Siyāsah wa al-Hukm*. (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1987), 189.

<sup>25</sup> Lihat ‘Abd al-‘Āl Aḥmad ‘Aṭwah, *āl-Madkhāl ilā al-Siyāsah al-Shar'iyyah*, 62.

<sup>26</sup> Lihat: ‘Abd al-Ghālib ‘Abd al-Kāfi al-Qurashi, *Awwaliyyāt al-Fāruq al-Siyāsiyyah* (Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 1990), 51.

mahupun ijтиhad bagi menjamin kepentingan rakyat asalkan tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam.

### (b) Prinsip-prinsip Asas Siasah Syar'iyyah

Prinsip-prinsip asas Siasah Syar'iyyah merupakan ciri-ciri yang bersifat dasar dan pokok serta menonjolkan identiti wajib bagi Siasah Syar'iyyah yang membezakannya dengan siasah yang tidak syarie. Dalam hal ini, para pengkaji politik dan pentadbiran Islam berbeza pandangan dalam menyenaraikan bilangan atau jumlah prinsipnya. Sebagai contoh, Sa'ді Abū Jayb telah menyenaraikan enam prinsip<sup>27</sup> iaitu tiada hukum selain hukum Allah,<sup>28</sup> kesatuan, persamaan, syura, kebebasan dan keadilan.

Farīd 'Abd al-Khāliq pula hanya meringkaskannya kepada tiga prinsip<sup>29</sup> sahaja iaitu syura, keadilan dan persamaan. Manakala Mušir 'Umar al-Miṣrī pula menggariskan empat prinsip utama<sup>30</sup> iaitu *al-hākimiyah*, keadilan dan kesamarataan, ketaatan dan juga syura.

Muhammad al-Mubārak di dalam bukunya *Niżām al-Islām: al-Hukm wa al-Dawlah* pula telah menyenaraikan sebanyak dua belas prinsip bagi sistem pemerintahan negara Islam iaitu menentukan ketua negara, prinsip baiah, mematuhi syariat, prinsip syura, *mas'ūliyyah* (kebertanggungjawaban), memberi hak kepada rakyat untuk menegur, memantau dan mengkritik, mengasingkan pemilikan rakyat daripada pemilikan kerajaan, prinsip persamaan, keadilan, memberi hak kemanusiaan, memberi jaminan sosial dan prinsip ketaatan.<sup>31</sup>

<sup>27</sup> Sa'دی Abū Jayb, *Dirāsa fī Minhāj al-Islām al-Siyāsī* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1985), 447.

<sup>28</sup> Prinsip ini juga disebut sebagai prinsip *al-hākimiyah* berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran yang menegaskan bahawa tiada yang layak meletakkan hukum yang sebenar melainkan Allah. Lihat misalnya: Surah al-An'ām 6: 57 dan Surah al-Mā'idah 5: 44-50.

<sup>29</sup> Farīd 'Abd al-Khāliq, *Fī al-Fiqh al-Siyāsī al-Islāmī: Mabādi' Dustūriyyah* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1998), 36.

<sup>30</sup> Mušir 'Umar al-Miṣrī, *al-Musyārakah fī al-Ḥayāh al-Siyāsiyyah fī Zil Anzimah al-Hukm al-Mu'āşir* (Manṣūrah: Dār al-Kalimah, 2006), 25.

<sup>31</sup> Muhammad al-Mubārak, *Niżām al-Islām: Al-Hukm wa al-Dawlah* (t.t.p.: Dār al-Fikr, 1981), 29- 50.

Kesemua prinsip yang dikemukakan oleh para sarjana di atas mempunyai dalil-dalil yang masyhur daripada al-Quran dan juga Sunnah walaupun agak berbeza dari sudut penyusunan prinsipnya. Kesemua mereka juga bersetuju bahawa syura, keadilan dan persamaan merupakan prinsip Siasah Syar'iyyah yang paling jelas.

Dalam kajian ini, penulis merumuskan prinsip-prinsip utama bagi Siasah Syar'iyyah sebagaimana berikut:

- i) Prinsip *hākimiyah* bagi Allah, yang membawa maksud kedaulatan Syariat Islam. Para ulama telah berbincang secara panjang lebar mengenai ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan prinsip *hākimiyah* sehingga hampir kesemua mereka berpandangan bahawa ia merupakan prinsip yang paling asas dalam melaksanakan sistem pentadbiran dan pemerintahan Islam. Pengabaian terhadap prinsip ini akan membawa kepada kepincangan prinsip-prinsip yang lain serta kepincangan akhlak pentadbiran dalam menyempurnakan hak bagi golongan yang berhak.<sup>32</sup> Malah dengan berpegang kepada prinsip inilah, objektif syariat untuk menjaga agama dapat dicapai, demi membawa kesejahteraan di dunia dan di akhirat.
- ii) Prinsip *mas'ūliyyah*, iaitu menunaikan amanah dan tanggungjawab.<sup>33</sup> Prinsip ini perlu ditekankan kepada pemimpin dan juga rakyat, di mana dalam pelaksanaan Siasah Syar'iyyah, pembinaan rakyat yang bertanggungjawab adalah sama pentingnya dengan pembinaan kepimpinan yang amanah. Dalam konteks amalan sistem demokrasi pada masa kini di mana rakyat diberikan tanggungjawab untuk memilih pemimpin, maka rakyat yang bertanggungjawab sudah tentu akan memilih pemimpin yang amanah dan dapat merealisasikan keadilan sebagaimana kehendak syariat. Manakala pemimpin yang amanah pula akan memelihara hak rakyat dan menerapkan

<sup>32</sup> Lihat misalnya: Sa'dī Abū Jayb, *Dirāsah fī Minhāj al-Islām al-Siyāsī*, 370- 391.

<sup>33</sup> Muhammad al-Mubārak, *Nizām al-Islām: Al-Hukm wa al-Dawlah*, 36- 38. 'Abd al-Wahhāb Khallāf menghuraikan prinsip ini sebagai *mas'ūliyyah* yang dipikul oleh pemerintah terhadap ummah. Lihat 'Abd Wahhāb Khallāf, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah fi Shu'un al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah*, 33.

rasa kebertanggungjawaban kepada seluruh anggota masyarakat melalui pelaksanaan dasar dan polisi kerajaan. Walau bagaimanapun, *mas'ūliyyah* yang lebih besar sudah tentu dipikul oleh kepimpinan negara.

iii) Prinsip *al-tā'ah*, iaitu ketaatan. Prinsip ini diasaskan daripada maksud firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 59 yang mewajibkan orang yang beriman mentaati pemimpin dalam kerangka ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya. Manakala ketaatan yang diwajibkan terhadap pemerintah itu pula adalah dalam ruang lingkup yang makruf sahaja dan tidak boleh sama sekali untuk mentaati perkara yang berbentuk maksiat atau pelanggaran terhadap hukum Allah. Rasulullah SAW bersabda:

لَا طَاعَةَ فِي مَعْصِيَةِ اللَّهِ، إِنَّمَا الطَّاعَةُ فِي الْمَعْرُوفِ.

Terjemahan: Tiada ketaatan yang wajib diberikan pada perkara yang berbentuk maksiat kepada Allah, sesungguhnya ketaatan itu hanya wajib diberikan pada perkara yang makruf.<sup>34</sup>

iv) Prinsip *al-shūrā*, iaitu bermesyuarat. Pelaksanaan syura bukan sahaja bukan sahaja perlu ditegakkan dalam sistem pemerintahan Islam, tetapi menjadi antara ciri-ciri istimewa yang amat penting bagi setiap muslim yang sempurna imannya, tidak kira sebagai pemimpin mahupun rakyat.<sup>35</sup> Dalam Surah al-Shūrā ayat 38, Allah SWT menyenaraikan sifat melaksanakan urusan secara syura ini sebagai sifat utama orang beriman, yang sama tarafnya dengan sifat mematuhi perintah Allah, menyempurnakan solat dan mendermakan sebahagian harta yang dikurniakan oleh Allah SWT. Justeru itu, apabila sifat *al-shūrā* ini dimiliki oleh setiap individu muslim, maka dalam hal ehwal urus tadbir negara Islam prinsip *al-shūrā* ini akan tertonjol sebagai prinsip yang paling asas. Di sebalik pelaksanaan syura juga terkandung pengertian ukhuwwah

<sup>34</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Imārah, Bab Wujūb Tā'ah al-Umarā' fī Ghayr Ma'shah wa Tahrimuhā fī al-Ma'shah, no. Hadith 1840. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Sahīh Muslim* (Beirut: Maktabah al-'Aṣriyyah, 2004), 717.

<sup>35</sup> 'Abd al-Qādir 'Awadah. *Al-Islām wa Awqā' unā al-Siyāsiyyah* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1997), 193-194.

persaudaraan yang kukuh di samping menjadi usaha untuk mengurangkan kesilapan dalam pentadbiran, mengelakkan penyelewengan dan mengukuhkan kepercayaan rakyat kepada pemimpin.

- v) Prinsip *al-'adālah wa al-musāwāh*, iaitu mempertahankan keadilan dan menggarap persamaan. Prinsip ini berperanan memberikan jaminan dan perlindungan hak rakyat dalam segenap aspek.<sup>36</sup> Ini kerana keadilan merupakan intipati kepada keseluruhan pelaksanaan Siasah Syar'iyyah manakala persamaan pula merupakan prinsip asas untuk merealisasikan keadilan terhadap rakyat. Prinsip ini juga merupakan antara matlamat yang hendak direalisasikan melalui pelaksanaan Siasah Syar'iyyah. Ia merupakan satu perbincangan yang luas dan pendekatannya perlu disesuaikan dengan konteks semasa.

Ringkasnya, kesemua prinsip di atas membentuk satu kefahaman asas berkenaan konsep Siasah Syar'iyyah dalam pentadbiran. Apa jua pendekatan dan ijтиhad dalam urustadbir negara pada masa kini hendaklah memastikan bahawa prinsip-prinsip di atas terus dipelihara dan diperkuuhkan.

### (c) Metodologi Siasah Syar'iyyah

Para ulama telah merumuskan beberapa metodologi atau kaedah untuk digunakan sebagai instrumen pentadbiran oleh pemerintah. Dalam konteks Siasah Syar'iyyah, kaedah-kaedah ini diguna pakai untuk merangka pelantindakan bagi pelaksanaan hukum yang terdapat di dalam nas mahupun untuk menimbang antara maslahah dan *mafsadah* sebelum merangka atau melaksanakan dasar, strategi, program dan tindakan berasaskan ijтиhad. Kaedah-kaedah tersebut menjadikan Siasah Syar'iyyah sebagai satu instrumen

<sup>36</sup> Prinsip keadilan dan kesamarataan ini telah dibincangkan secara panjang lebar dalam begitu banyak penulisan mengenai sistem politik dan pentadbiran Islam. Lihat misalnya: Farid 'Abd al-Khalīq, *Fī al-Fiqh al-Siyāsi al-Islāmī*, 193-246. Sa'dī Abū Jayb, *Dirāsah fī Minhāj al-Islām al-Siyāsi*, 537-587 dan 747-772. Mušīr 'Umar al-Miṣri, *al-Muṣyārakah fī al-Ḥayāh al-Siyāsiyyah*, 43-52. Khālid Aḥmad al-Shāntūt, *al-Tarbiyah al-Siyāsiyyah fī al-Mujtama'* al-Muslim. (Amman: Dār al-Bayāriq, 2000), 116-123.

pentadbiran Islam yang begitu dinamik sehingga ke hari ini. Ia juga berperanan untuk memastikan agar aspek pelaksanaan Siasah tidak melanggar prinsip-prinsip syarak, terutama pada urusan yang tiada sandaran nas dan berbentuk ijтиhad.

Umumnya, metodologi Siasah Syar'iyyah merujuk kepada kaedah asas yang melihat kepada akibat sesuatu tindakan yang dipanggil *al-ma'ālāt* (المالات). *Al-Shāṭībī* menegaskan bahawa melihat kepada akibat sesuatu perbuatan adalah perkara yang dituntut oleh syarak.<sup>37</sup> Sebagai kaedah asas bagi pelaksanaan Siasah Syar'iyyah, ia menekankan bahawa sebarang polisi, strategi, pendekatan dan program yang ingin dilaksanakan oleh pemerintah perlu mengambil kira kesudahan atau impaknya sama ada membawa kemaslahatan ataupun sebaliknya. Para ulama telah merumuskan bahawa kaedah-kaedah ijтиhad fiqh termasuk *qawā'id fīqhiyyah* digunakan bagi menentukan kesudahan sesuatu perkara. Antaranya ialah kaedah *al-istihsān*, *māṣāliḥ mursalah*, *sadd al-dharā'i'*, *al-istiṣḥāb* dan *al-'urf*. Dalam kajian ini, penulis hanya menumpukan kepada tiga kaedah usul yang paling banyak dipraktikkan dalam urusan pentadbiran khususnya yang melibatkan hal ehwal wanita iaitu kaedah *māṣāliḥ mursalah*, *sadd al-dharā'i'* dan *al-'urf*.

Kaedah *māṣāliḥ mursalah* atau *istiṣlah* membawa maksud apa juu kemaslahatan yang menepati prinsip syariah hendaklah diambil kira dalam menentukan polisi pentadbiran negara meskipun tiada nas yang menyokong atau melarangnya.<sup>38</sup> Kaedah ini merupakan metode Siasah Syar'iyyah yang paling asas, selaras dengan kaedah fiqh yang menegaskan bahawa tindak tanduk pemerintah terhadap rakyat mesti dikaitkan dengan maslahah, manakala kedudukan pemerintah berbanding rakyat pula adalah seperti kedudukan wali

<sup>37</sup> Ibrāhīm bin Mūsā Abū Ishāq al-Shāṭībī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari'ah*, ed. Ibrāhīm Ramaḍān (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), 4: 552. Lihat juga: Sa'ad al-Dīn al-'Uthmānī, *Fiqh al-Ma'ālāt, Majhūmahū wa Qawā'idah* (Kaherah: Dār al-Kalimah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2015), 15–17.

<sup>38</sup> Yūsuf al-Qarādāwī, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah fī Daw'i Nuṣūṣ al-Shari'ah wa Maqāṣidihā* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1998), 82–105.

yang mentadbir urusan anak yatim.<sup>39</sup> Justeru itu, demi memelihara kebaikan dan keperluan rakyat yang mungkin berubah pada setiap tempat dan masa, penggunaan kaedah ini dalam sistem pentadbiran adalah signifikan. Apatah lagi dalam menguruskan hal ehwal wanita, kemaslahatan wanita amat perlu dititik beratkan kerana ia memberi kesan langsung terhadap pembinaan modal insan, kerukunan keluarga dan kestabilan masyarakat.

Kaedah *sadd al-dharā'i'* pula membawa maksud menutup pintu keburukan atau dalam erti kata yang lain ialah mengambil kira kaedah menegah aktiviti yang tidak bermoral, maksiat dan jenayah sebelum ianya berlaku.<sup>40</sup> Kaedah ini digunakan untuk menyusun tindakan dan strategi apabila berhadapan dengan perkara yang menggugat kesejahteraan dan keamanan di dalam masyarakat dan negara. Berpandukan kepada kaedah ini, kerajaan berhak untuk menguatkuasakan sesuatu larangan atau sekatan terhadap sesuatu perkara yang membawa kepada akibat yang buruk kepada rakyat dan negara walaupun ia tidak dilarang secara langsung di dalam mana-mana nas al-Quran dan al-Sunnah.<sup>41</sup> Dalam kaedah ini, bukan hanya perkara buruk itu sahaja yang perlu dielakkan, tetapi jalan-jalan yang membawa ke arahnya juga perlu disekat dari awal. Kaedah ini kerap dipraktikkan dalam perkara yang melibatkan wanita sehingga Abu Shuqqah menghususkan satu bab perbincangan mengenai kesan pemakaian kaedah *sadd al-dharā'i'* terhadap wanita dengan mengemukakan garis panduan yang sederhana dalam pelaksanaan kaedah tersebut. Abu Shuqqah berpandangan bahawa pemakaian kaedah ini secara terlalu ketat akan menghalang pergerakan wanita sehingga tidak dapat memberikan sumbangan yang

<sup>39</sup> Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Naẓā'ir* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 1: 269.

<sup>40</sup> 'Abd al-Raḥmān Tāj, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah wa al-Fiqh al-Islāmī*, 119.

<sup>41</sup> *Ibid.*, 127. Ibn al-Qayyim telah mengutarakan sebanyak 99 contoh pemakaian kaedah *sadd al-dharā'i'* di dalam al-Quran dan Sunnah. Lihat: Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'An Rabb al-'Ālamīn* (Beirut: Sharikat Dār al-Arqam bin Abī al-Arqam, 1997), 3: 109-125.

diperlukan oleh masyarakat. Manakala jika terlalu longgar pula akan mengakibatkan wanita mudah terlibat dengan perkara mungkar dan kerosakan.<sup>42</sup>

Kaedah ketiga iaitu *al-'urf* pula membawa maksud adat kebiasaan setempat diambil kira dalam penentuan hukum. Dalam konteks Siasah Syar'iyyah, budaya setempat diterima sebagai faktor penentuan hukum syarak yang berbentuk *ijtihādī* apabila ia mendatangkan maslahah dan kepentingan kepada Islam dan masyarakat setempat.<sup>43</sup> Contohnya ialah pembahagian harta sepencarian bagi pasangan suami isteri yang bercerai dikanunkan di dalam enakmen keluarga Islam mengikut uruf di Malaysia kerana ia merupakan hasil ijтиhad ulama berpandukan kepada uruf tempatan.

Dengan mengaplikasi kaedah-kaedah di atas, pihak pelaksana Siasah Syar'iyyah memiliki instrumen yang dapat diaplikasikan secara praktikal demi memastikan bahawa setiap keputusan yang dibuat melalui *ijtihād siyāsī* menepati roh perundangan Islam.

#### *(d) Maqāṣid Siasah Syar'iyyah*

Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah merupakan instrumen yang akan memastikan bahawa penjagaan kelima-lima *al-Darūriyyāt al-Khamsah*<sup>44</sup> benar-benar tercapai dalam skala yang besar melalui pelaksanaan dasar, strategi, program dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak pemerintah. Hal yang demikian adalah kerana kuasa pemerintahan bertanggungjawab untuk menggariskan semua polisi negara yang berkaitan dengan kelima-lima elemen tersebut seperti dasar hal ehwal Islam, kesihatan, pendidikan, kebijakan, penerangan, media massa, belia, sukan, hal ehwal wanita, hubungan luar, pertahanan dan lain-lain.<sup>45</sup>

<sup>42</sup> Abd al-Ḥalīm Muḥammad Abū Shuqqah, *Tahrīr al-Mar'ah fī 'Asr al-Risālah*, 3: 131-222.

<sup>43</sup> Abd al-Rahmān Tāj, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah wa al-Fiqh al-Islāmi*, 142-148.

<sup>44</sup> Iaitu penjagaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.

<sup>45</sup> Lihat Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimī, *al-Maqāṣid al-Shar'iyyah: Ta'rīfuhā- Amthalatuhā- Ḥujjiyyatuhā* (Riyadḥ: Dār Ishbiliya, 2003), 78- 80. 'Abd al-Salām Muḥammad Sharīf al-'Alīm, *Nazariyyah al-Siyāsah al-Shar'iyyah* (Banghāzī: Manshūrāt Jāmi'ah Qaryūnis, 1996), 16-17. Abdul Hadi Awang pula meletakkan

Sehubungan itu, terdapat beberapa pandangan yang sering diketengahkan oleh para sarjana dalam menyenaraikan *Maqāṣid* Siasah Syar‘iyyah atau matlamat urus tadbir negara Islam. ‘Abd al-Wahhāb Khallāf telah menggariskan tiga matlamat bagi Siasah Syar‘iyyah iaitu memandu pentadbiran negara supaya selaras dengan kehendak Islam, menjamin seluruh kepentingan dan kemaslahatan rakyat di sepanjang masa dan tempat, serta menjadikan Islam sebagai sistem yang relevan dalam pentadbiran negara.<sup>46</sup>

Manakala Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimī pula berpendapat bahawa *Maqāṣid* Siasah Syar‘iyyah yang paling utama ialah memelihara dan mengukuhkan agama dalam segenap lapangan kehidupan, seterusnya memelihara keamanan negara dan kestabilan sosial yang melibatkan individu dan masyarakat dengan memelihara jiwa, akal, keturunan dan harta, serta merealisasikan keadilan, kesamarataan, syura, kasih sayang dan hikmah kebijaksanaan yang menjadi kewajipan pemerintah terhadap rakyat umumnya.<sup>47</sup> Kesemua *maqāṣid* tersebut dirumuskan daripada kajian terhadap sirah perjuangan Nabi Muhammad SAW.

Al-Māwardī di dalam bukunya *al-Aḥkām al-Sultāniyyah* telah menegaskan bahawa menjadi tanggungjawab pemerintah dalam Islam untuk menegakkan agama dan menguruskan dunia dengan agama.<sup>48</sup> Ia bukan sahaja tertumpu kepada memperkenalkan enakmen dan peraturan kekeluargaan yang selaras dengan kehendak Islam, tetapi lebih luas daripada itu, mesti dikaitkan dengan hukum-hukum Islam dalam semua aspek seperti ekonomi, politik, sosial dan tatacara umum masyarakat.

matlamat negara Islam sebagai 1-Matlamat Khalifah, 2-Matlamat Amanah, 3-Matlamat Ibadah. Abdul Hadi Awang, *Bagaimana Islam Memerintah Negara* (Selangor: PTS Islamika, 2009), 45-62. Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, 29.

<sup>46</sup> ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fi Shu‘ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah*, 7.

<sup>47</sup> Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khādimī, *al-Maqāṣid al-Shar‘iyyah: Ta’rifuhā- Amthalatuhā- Ḥujjiyyatuhā*, 78-79.

<sup>48</sup> Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, 29.

Sehubungan itu, al-Māwardī telah menggariskan sepuluh peranan asas atau tanggungjawab pemerintah di dalam sesebuah negara Islam yang bernaung di bawah dua bidang utama iaitu hal ehwal agama dan hal ehwal pditik pentadbiran. Beliau juga memberi pandangan bahawa peranan-peranan tersebut boleh diperincikan lagi mengikut perkembangan semasa di setiap zaman.<sup>49</sup>

Menurut teori al-Māwardī lagi, pihak pemerintah bertanggungjawab terhadap segala urusan yang berkaitan dengan agama Islam terutamanya urusan berkaitan dengan kesucian agama. Maksud memelihara agama menurut pandangan beliau ialah komitmen pemerintah untuk melaksanakan hukum syarak, menjaga batasan-batasannya dan menjatuhkan hukuman terhadap mereka yang melanggarinya. Apabila agama ditegakkan dalam negara, ia dapat melindungi dari pelbagai kecacatan dan mampu menghindarkan umatnya daripada dosa. Ini kerana undang-undang dan sistem pentadbiran Islam yang menitik beratkan persoalan halal haram, dosa pahala dan syurga neraka memiliki kekuatan spiritual yang tersendiri, tidak sebagaimana yang terdapat di dalam sistem pentadbiran yang lain. Memelihara agama dari sudut praktikalnya merupakan satu tanggungjawab kolektif yang dipikul oleh setiap individu muslim. Setiap seorang bertanggungjawab untuk memelihara kesucian agama untuk dirinya, masyarakat dan negara. Walau bagaimanapun bagi pihak pemerintah atau kerajaan, memastikan agama dipelihara dengan sepenuhnya merupakan tanggungjawab utama dalam menerajui sebuah negara Islam. Justeru itu, segala langkah ke arah pemeliharaan agama perlu diatur mencakupi segala aspek perundangan, pendidikan, ekonomi, politik dan sosial.

Menurut teori al-Māwardī, sekiranya hukum Allah dapat ditegakkan, syariah dapat dilaksanakan, hak manusia dapat dipelihara dan keadilan akan dicapai.<sup>50</sup> Dengan jaminan keadilan ini maka keamanan, kestabilan dan kesejahteraan dapat dikecapi oleh

<sup>49</sup> *Ibid.*, 51.

<sup>50</sup> *Ibid.*, 30.

masyarakat dan negara. Pandangan ini juga boleh disimpulkan sebagai *maqāṣid* atau matlamat pelaksanaan Siasah Syar‘iyyah dalam pentadbiran negara.

Rumusnya, keempat-empat skop di atas iaitu definisi, prinsip asas, metodologi dan maqasid Siasah Syar‘iyyah membentuk kefahaman yang menyeluruh terhadap konsep Siasah Syar‘iyyah dalam pentadbiran.

### **2.3 Prinsip Siasah Syar‘iyyah Dalam Membangunkan Wanita Pada Zaman Rasulullah SAW**

Pengutusan Nabi Muhammad SAW pada kurun ke-7M sebagai Nabi dan Rasul akhir zaman yang membawa cahaya Islam di saat masyarakat jahiliah di Semenanjung Tanah Arab dan seluruh dunia sedang menindas dan menafikan kemanusiaan wanita telah menjadi satu titik perubahan dalam membawa kesejahteraan kepada kaum wanita. Apatah lagi selepas berhijrah ke Kota Madinah pada tahun 622M, golongan wanita dimuliakan dengan pelbagai hak yang selayaknya dengan kedudukan dan fitrah mereka bagi membina dan membangunkan potensi yang ada dalam diri mereka sebagai seorang hamba Allah dan khalifah di muka bumi.

Jika diperhatikan kepada sejarah pembinaan hukum Islam, bermula dengan tahap Makkiyyah yang menekankan aspek akidah, ibadah, akhlak, akauntabiliti manusia di hadapan Allah tanpa mengira jantina, hukum pemilikan harta, perkahwinan, nafkah dan seterusnya, kesemuanya sudah memberi gambaran yang jelas tentang kedudukan wanita yang dipandang tinggi dan dipelihara oleh syariat Islam. Namun pada tahap tersebut, hukum hakam yang digariskan oleh syariat tidak dapat ditegakkan dengan sempurna kerana tiada kerajaan yang menaunginya.

Rasulullah SAW seterusnya diperintahkan oleh Allah SWT agar mencari tapak untuk membina negara yang boleh melaksanakan hukum syariat secara bebas dan berdaulat,

seterusnya meninggalkan tanahair baginda untuk tujuan tersebut dan mewajibkan para sahabat r.a. berhijrah ke Yathrib yang kemudiannya dinamakan sebagai Kota Madinah al-Munawwarah. Lalu bermulalah tahap Madaniyyah yang merupakan fasa pembinaan negara. Rentetan daripada itu, kedudukan wanita dapat dilindungi bukan sahaja melalui hukum hakam yang difahami melalui *khiṭāb* al-Quran dan Sunnah, tetapi turut diberi jaminan secara serius melalui kuasa pemerintahan yang dipimpin oleh Rasulullah SAW di Madinah. Tahap-tahap tersebut menjadi panduan penting kepada pelaksanaan Siasah Syar'iyyah dalam kepimpinan politik dan pentadbiran negara sehingga ke hari ini.<sup>51</sup> Sehubungan itu, mentadbir urusan negara merupakan satu tuntutan syarak yang paling utama demi memastikan bahawa semua hukum Islam tidak hanya dilakukan sebagai ayat-ayat Allah yang terkandung di dalam kitab al-Quran, tetapi juga dibaca sebagai undang-undang Allah yang wajib dikuatkuasakan dan dipatuhi dalam menjalani kehidupan.

Kajian ini memfokuskan kepada tiga prinsip utama yang menjadi asas kepada pembangunan wanita pada zaman Rasulullah SAW iaitu prinsip keadilan, persamaan dan kebebasan. Prinsip-prinsip ini juga diterjemahkan sebagai hak-hak rakyat di dalam sesebuah kerajaan Islam yang diperuntukkan kepada kaum wanita sebagaimana lelaki. Walaupun prinsip atau hak tersebut dinikmati oleh seluruh rakyat di dalam sesebuah negara Islam, namun anugerahnya terhadap kaum wanita merupakan satu pembelaan terbesar dan menjadi prinsip yang telah membangunkan mereka setelah mereka begitu lama dipergunakan, ditindas dan dinafikan hak kemuliaan dan kemanusiaan.<sup>52</sup>

<sup>51</sup> Hal ini telah disepakati oleh ramai ulama yang terkenal, contohnya seperti al-Shaykh Muḥammad al-Khidr Ḥusayn, al-Shaykh Muḥammad Bakht al-Muṭī'i dan al-Shaykh Muḥammad Tāhir bin ‘Āshūr. Lihat Mohamad S. El-Awa, *On The Political System Of The Islamic State* (Indiana: American Trust Publication, 1980), 66. Lihat juga Muḥammad Dīyā' al-Dīn al-Rays, *al-Naẓariyyāt al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah* (Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, t.t.), 31.

<sup>52</sup> Sebagai contoh penindasan yang berlaku pada zaman jahiliah terhadap wanita ialah kelahiran anak perempuan dianggap sebagai satu perkara yang memalukan sehingga anak perempuan sanggup ditanam hidup-hidup, para isteri pula dikurung secara hina, secara dinafikan hak untuk mewarisi harta.

### 2.3.1 Menegakkan keadilan

Keadilan merupakan prinsip utama Siasah Syar'iyyah bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang hidup aman dan sejahtera.<sup>53</sup> Malah keadilan juga merupakan intipati kepada seluruh syariat Islam sebagaimana yang terkandung dalam ayat ke-8 dari Surah al-Mā'idah. Keadilan wajib ditegakkan pada setiap masa dan keadaan, walaupun terhadap musuh yang dibenci. Betapa uniknya prinsip keadilan dalam Islam sehingga Allah menjanjikan pembelaan di sisi-Nya terhadap golongan yang dizalimi.

Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ دُعَوَةَ الْمَظْلُومِ، فَإِنَّهُ لَيْسَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَابٌ.

Terjemahan: Takutlah terhadap doa orang yang dizalimi, sesungguhnya tiada di antaranya dengan Allah sebarang hijab.<sup>54</sup>

Prinsip keadilan tidak dapat ditegakkan dengan hanya melaksanakan amalan yang berbentuk syiar seperti solat berjemaah di masjid, menyambut hari-hari kebesaran Islam, berzikir, bernasyid dan seumpamanya. Ia hanya dapat ditegakkan apabila Islam memerintah dan mentadbir kehidupan secara menyeluruh, menyusun atur hak-hak rakyat dan mengemukakan penyelesaian terhadap masalah masyarakat.<sup>55</sup> Di situdah akan terserlah nilai-nilai dan hukum hakam yang mengandungi keadilan mutlak dalam memberi hak kepada pemiliknya, dan menyusun atur hubungan sosial dengan penyusunan yang adil. Pihak pemerintah Islam wajib memberi jaminan bahawa keadilan yang akan dilaksanakan di dalam negara meliputi ruang lingkup yang luas, meliputi semua jantina, agama, bangsa, kedudukan mahupun usia.

<sup>53</sup> Keadilan membawa maksud meletakkan sesuatu kena pada tempatnya. *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 9, entri “adil”.

<sup>54</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Īmān, Bab al-Du‘ā’ ilā al-Shahādatayn wa Sharā’i’ al-Islām, no.h.19. Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al- Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 35.

<sup>55</sup> Muhammad ‘Alī al-Hāshimī, *al-Mujtama‘ al-Muslim Kamā Yubayyinuhū al-Islām fī al-Kitāb wa al-Sunnah* (Beirût: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2002), 115.

Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ إِن تَحْكُمُوْا  
بِالْعَدْلِ

Al-Nisā' 4: 58

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil.

Sehubungan dengan itu, Ibn al-Qayyim telah membahagikan siasah kepada dua bahagian iaitu *siasah ‘adilah* dan *siasah zālimah*.<sup>56</sup> Beliau menegaskan bahawa siasah yang adil itulah Siasah Syar‘iyyah manakala siasah yang tidak mengikut syarak pasti akan bertindak zalim. Antara contoh pelaksanaan prinsip keadilan dalam kerajaan Islam terhadap wanita ialah apabila Rasulullah SAW sebagai pemimpin negara didatangi oleh Usāmah bin Zayd untuk menyampaikan permintaan kaum Quraisy agar membebaskan seorang wanita Bani Makhzūm daripada hukuman mencuri, Rasulullah SAW dengan tegas sekali menjawab:

أَتَسْقَعُ فِي حَدٍّ مِنْ حُدُودِ اللَّهِ؟

Terjemahan: Adakah kamu memberi syafaat kepadanya dalam urusan hudud yang telah ditetapkan oleh Allah?

Seterusnya baginda SAW bangun berkhutbah dengan tegas:

إِيَّاهَا النَّاسُ! إِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ قَبْلَكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوا إِذَا سَرَقَ فِيهِمُ الشَّرِيفُ ثَرَكُوهُ، وَإِذَا  
سَرَقَ فِيهِمُ الْفَعِيفُ أَقْامُوا عَلَيْهِ الْحَدَّ، وَإِنَّمَا اللَّهُ لَوْلَآ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَفَطَعَتْ  
يَدَهَا.

Terjemahan: Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya telah musnah kaum sebelum kamu lantaran sikap mereka apabila orang yang bangsawan dari kalangan mereka mencuri, mereka membiarkannya. Namun apabila orang yang lemah dari kalangan mereka mencuri, mereka menjatuhkan hukuman ke atasnya. Demi Allah! Kalau lauh

<sup>56</sup> Ibn al-Qayyim, *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar‘iyyah*, 18.

sekiranya Fatimah binti Muhammad sendiri yang mencuri, nescaya aku akan potong tangannya.<sup>57</sup>

Apa yang ditunjukkan oleh baginda Rasulullah SAW dengan meletakkan anakandanya sendiri sebagai contoh bagi kes di atas sudah cukup jelas menggambarkan keadilan pemerintahan Islam ke atas lelaki dan wanita, bangsawan mahupun rakyat biasa. Ia juga menggambarkan bahawa wanita dalam Islam dipertanggungjawabkan di atas apa yang dilakukan dan akan menerima akibat perbuatannya sebagaimana lelaki. Keadilan terhadap wanita juga memberi maksud mendapat hak yang setimpal dengan tanggungjawab atau sumbangan mereka. Allah SWT berfirman:

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Al-Baqarah 2: 228

Terjemahan: Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajibannya menurut cara yang makruf.

Ayat ini menjadi asas yang menjelaskan bahawa perbezaan yang terdapat dalam sesetengah hak antara lelaki dan wanita timbul lantaran perbezaan tanggungjawab antara kedua-duanya.

### 2.3.2 Menggarap persamaan

Di dalam sistem pentadbiran Islam, persamaan merupakan prinsip utama yang akan merealisasikan keadilan. Tidak akan sempurna keadilan di dalam sesebuah kerajaan Islam jika pihak pemerintah tidak mengamalkan konsep persamaan dalam kalangan rakyatnya, tidak kira Islam mahupun bukan Islam, lelaki mahupun wanita, berketurunan bangsawan, pemimpin mahupun rakyat biasa. Prinsip persamaan ini ditegakkan berdasarkan akidah kepercayaan bahawa semua manusia adalah hamba Allah, yang diciptakan oleh-Nya

<sup>57</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Ḥudūd, Bab Qaṭ' al-Sāriq al-Sharīf wa Ghayruh wa al-Nahy 'an al-Shafā'ah fi al-Ḥudud, no. Hadith 1688. Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Sahīh Muslim*, 649.

daripada asal usul dan kejadian yang sama. Adapun perbezaan bangsa, budaya, bahasa dan jantina, kesemuanya itu merupakan antara tanda kebesaran Allah SWT dan keistimewaan manusiawi dalam mengatur kehidupan. Allah SWT berfirman:

يَأَيُّهَا الْنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ لِتَعْارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَقَكُمْ

Surah al-Hujurāt, 49: 13

Terjemahan: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya).

Pelaksanaan prinsip persamaan ini mencakupi aspek undang-undang, sosial, pendidikan, ekonomi, politik mahupun hak asasi. Ia memberi jaminan pelaksanaan syariat Islam secara konsisten dan berprinsip. Dalam menegaskan prinsip persamaan ini, Khalifah Umar bin al-Khattab telah mengutuskan sepucuk surat kepada Abū Mūsā al-Ash'ari antara lainnya beliau menegaskan:

آسِ بَيْنَ النَّاسِ (أَيْ سُوْءُ بَيْنَهُمْ) فِي وَحْيِكَ وَجَلِيلِكَ وَقَضَائِكَ حَتَّى لا يَطْمَعَ شَرِيفٌ  
فِي حَيْفِكَ وَلَا يَئْسَ ضَعِيفٌ مِنْ عَدْلِكَ.

Terjemahan: Sama ratakan antara manusia yang berhadapan denganmu, di dalam majlismu dan dalam penghakimanmu sehingga tiada bangsawan yang mengharapkan sikap pilih kasihmu dan tiada orang lemah yang berputus asa daripada keadilanmu.<sup>58</sup>

Dalam memberikan hak persamaan kepada kaum wanita pula, nas-nas al-Quran dan Sunnah telah memberikan perhatian secara khusus berkenaan isu-isu wanita. Kewujudan nas-nas tersebut adalah sangat penting untuk mengubah pandangan masyarakat jahiliah yang sebelum itu menganggap wanita sebagai makhluk yang tidak setaraf dengan lelaki.

<sup>58</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'An Rabb al-'Ālamīn*, 1: 70.

Justeru itu, terdapat ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW yang menggarap persamaan dan menegaskan kedudukan wanita yang diiktiraf setaraf dengan golongan lelaki dalam aspek-aspek yang utama.

Sebagai contoh, Islam telah meletakkan wanita setaraf dengan lelaki dari sudut keturunan dan ganjaran amalan mereka sebagaimana yang termaktub di dalam ayat di bawah:

فَاسْتَجِابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَدِيلٍ مِّنْكُمْ مَّنْ ذَكَرَ أَوْ أُنْثَى بَعْضُكُمْ مِّنْ  
بَعْضٍ

Āli ‘Imrān 3: 195

Terjemahan: Maka Tuhan mereka memperkenankan doa mereka (dengan firmanNya): "Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amalan orang-orang yang beramat dari kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengah yang lain.

Pengertian "setengah kamu adalah keturunan setengah yang lain" di dalam ayat di atas membawa maksud bahawa lelaki dan wanita tidak dapat melepaskan diri daripada satu sama lain kerana lelaki berasal daripada keturunan wanita dan wanita juga berasal dari keturunan lelaki.<sup>59</sup> Justeru itu, tugas wanita dan lelaki adalah untuk sama-sama melengkapi dalam merealisasikan kerukunan dan keharmonian hidup kerana mereka saling memerlukan, dan bukan bersaing secara yang tidak sihat untuk memenangkan jantina masing-masing dan merendahkan pihak yang lain.

Begitu juga yang ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis baginda:

إِنَّمَا النِّسَاءُ شَقَائِقُ الرِّجَالِ

Terjemahan: Sesungguhnya kaum wanita itu adalah saudara kandung (atau gandingan bagi) kaum lelaki.<sup>60</sup>

<sup>59</sup> Yusuf al-Qaradhawi, *Agama dan Politik: Wawasan Ideal dan Menyanggah Kekeliruan Pemikiran Sekular – Liberal*, terj. Ibnu Sham (Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise, 2009), 197.

<sup>60</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Tahārah, Bab Fī al-Rajul Yajid al-Billah Fī Manāmih, no. Hadith 236. Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sajastāni, *Sunan Abū Dāwūd*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albāñi (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, t.t.), 41.

Hadis ini juga membentuk prinsip asas dalam membangunkan wanita sebagai gandingan yang setaraf dengan lelaki pada zaman Rasulullah SAW.

Ayat ke-35 dari Surah al-Ahzāb pula memperincikan sifat-sifat beragama yang boleh sama-sama dimiliki oleh kaum wanita dengan kaum lelaki iaitu sifat beriman, taat, benar, sabar, merendah diri kepada Allah, bersedekah, berpuasa, memelihara kehormatan diri dan banyak mengingati Allah.<sup>61</sup> Ayat tersebut membuktikan bahawa wanita dan lelaki sama-sama setaraf untuk berlumba-lumba mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan amalan masing-masing kerana setiap seorang akan dinilai mengikut apa yang dilakukan dan bukan kerana jantina.

Penglibatan wanita dalam aktiviti sosio-politik juga adalah setaraf dengan lelaki, walaupun adab dan pendekatannya mungkin berbeza tetapi asasnya tetap sama, sebagaimana firman Allah SWT:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَأُولَئِكَ سَيِّرَتُهُمُ اللَّهُ

Al-Tawbah 9: 71

Terjemahan: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahanan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah.

Sehubungan itu, konsep kesamarataan yang dicetuskan oleh al-Quran telah menjadi prinsip asas yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW bermula pada zaman baginda sehingga berjaya membangunkan wanita untuk sama-sama memberikan pelbagai sumbangan yang signifikan kepada masyarakat dan negara, dan tidak lagi dianggap sebagai makhluk sampingan kepada lelaki. Ia juga menjadi asas kefahaman bahawa perintah-perintah untuk beramal yang terkandung di dalam ayat-ayat al-Quran ditujukan

<sup>61</sup> Al-Ahzāb 33: 35.

kepada kedua-dua jantina secara saksama, manakala jika terdapat perbeaan tertentu yang ditetapkan oleh syarak, ia adalah berbentuk pengecualian.<sup>62</sup>

### 2.3.3 Memberi kebebasan

Satu lagi prinsip yang memainkan peranan penting dalam meninggikan martabat wanita di dalam negara Islam ialah dengan memberi kebebasan kepadanya selaku individu dan menganggapnya sebagai kehormatan manusia. Pengutusan Rasulullah SAW dengan syariat Islam itu sendiri merupakan satu pembebasan terhadap wanita daripada pelbagai cengkaman jahiliyyah sehingga seorang pengkaji iaitu ‘Abd al-Ḥalīm Muḥammad Abu Shuqqah telah menulis tiga jilid buku yang bertajuk *Tahrīr al-Mar’ah fi ‘Aṣr al-Risālah* bagi menghuraikan aspek kebebasan yang telah diberikan oleh Islam kepada wanita pada zaman Rasulullah SAW.<sup>63</sup>

Prinsip kebebasan ini telah terserlah sejak awal kerasulan Nabi Muhammad SAW di Makkah lagi dan lebih jelas dinikmati oleh kaum wanita pada peringkat Madaniyyah setelah tertegaknya negara Islam yang pertama. Wanita diberikan kebebasan untuk menyatakan pendapat mereka,<sup>64</sup> kebebasan untuk hidup berpandukan agamanya sendiri bagi yang bukan Islam,<sup>65</sup> kebebasan untuk bekerja,<sup>66</sup> kebebasan untuk memiliki harta sendiri,<sup>67</sup> kebebasan untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial, ekonomi, politik dan

<sup>62</sup> Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad Ibn Rushd al-Qurtubī, *Bidāyah al-Mujtahid wa Niḥāyah al-Muqtaṣid* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1995), 1: 172. Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'An Rabb al-'Ālamīn*, 92.

<sup>63</sup> ‘Abd al-Ḥalīm Muḥammad Abū Shuqqah, *Tahrīr al-Mar’ah fi ‘Aṣr al-Risālah*, 1: 28.

<sup>64</sup> Muḥammad ‘Abd al-Qādir Abū Fāris, *Huqūq al-Mar’ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fi al-Islām*, 112. Kebebasan bersuara merupakan satu pengiktirafan terhadap buah fikiran wanita. Ini menunjukkan bahawa wanita dan lelaki sama-sama diberikan kebebasan untuk menyuarakan pendapat mereka sama ada dalam isu sosial, ekonomi mahupun keilmuan dan lain-lain. Dengan itu mereka juga berhak untuk melibatkan diri dalam mesyuarat-mesyuarat yang pentng bagi memberi pandangan dalam isu-isu yang berkaitan.

<sup>65</sup> Muḥammad ‘Alī al-Hāshimī, *Shakhṣiyyah al-Mar’ah al-Muslimah Kamā Yaṣūghuhā al-Islām fi al-Kitāb wa al-Sunnah*, 130.

<sup>66</sup> Wanita diharuskan oleh syarak untuk bekerja bukan hanya ketika darurat, iaitu apabila tiada sesiapa yang menanggung nafkah kehidupannya, tetapi mereka juga dibenarkan untuk bekerja sekalipun nafkah mereka telah ditanggung sepenuhnya kerana mahu memperolehi pendapatan sendiri untuk bersedekah daripadanya. Ummu al-Mu’mīnīn Zaynab binti Jaḥsh merupakan seorang wanita yang bekerja dengan usaha tangannya dan bersedekah di jalan Allah. Ibn al-Athīr, *Usud al-Ghābah*, no. hadith 295.

<sup>67</sup> Muḥammad ‘Abd al-Qādir Abū Fāris, *Huqūq al-Mar’ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fi al-Islām*, 17.

lain-lain.<sup>68</sup> Kesemua hak kebebasan tersebut diberikan kepada wanita selagi tidak melanggar batas syarak atau mendatangkan kemudarat.

Ayat al-Quran juga menegaskan bahawa wanita di dalam Islam mempunyai hak untuk membentuk keperibadian dan masa depannya sendiri dengan bebas dan tidak menjadi milik sesiapa termasuk suami mereka sendiri melalui contoh beberapa orang wanita iaitu isteri Nabi Nuh, isteri Nabi Lut dan isteri Firaun sebagaimana yang telah dirakam dalam Surah al-Tahrim.<sup>69</sup> Allah SWT memilih wanita sebagai contoh perbandingan di dalam dua ayat tersebut lantaran hikmah yang besar untuk menunjukkan bahawa wanita juga adalah seorang manusia sebagaimana lelaki, mempunyai peribadi yang tersendiri dan bebas membuat pilihan dalam hidupnya sebagaimana lelaki. Mereka juga akan menerima kesan dan akibat daripada amalan dan usaha mereka sendiri.<sup>70</sup> Bermula daripada kefahaman asas terhadap prinsip kebebasan yang dinikmati oleh wanita dalam Islam, mereka diberi peluang yang sama untuk berusaha dan bekerja sebagai seorang individu yang diiktiraf kepentingan dan sumbangannya sebagaimana lelaki.

Rumusnya, ketiga-tiga prinsip di atas telah membangunkan wanita bermula pada zaman Rasulullah SAW sehingga mampu memberi sumbangan terhadap pembangunan masyarakat dan negara sehingga ke hari ini.

#### **2.4 Peranan Siasah Syar'iyyah Terhadap Wanita**

Berpandukan kepada prinsip-prinsip keadilan, persamaan dan kebebasan yang telah berjaya membangunkan wanita pada zaman Rasulullah SAW serta pandangan para ulama tentang konsep Siasah Syar'iyyah dalam pentadbiran, penulis merumuskan bahawa

<sup>68</sup> Ibid., 110. Lihat juga: Muhammad ‘Alī al-Hāshimī *Shakhsiyah al-Mar’ah al-Muslimah Kamā Yaṣūghuhā al-Islām fī al-Kitāb wa al-Sunnah*, 297- 487. ‘Abd al-Ḥalīm Muḥammad Abū Shuqqah, *Taḥrīr al-Mar’ah fī ‘Aṣr al-Risālah*, 2: 174- 454.

<sup>69</sup> Al-Tahrim 66: 10-11.

<sup>70</sup> Al-Nisā’ 4: 32.

terdapat lima peranan utama Siasah Syar'iyyah terhadap wanita iaitu memandu wanita melaksanakan syariat, melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan, menjamin kebijakan wanita, meninggikan martabat wanita dan membentuk wanita yang bertanggungjawab.

#### **2.4.1 Memandu Wanita Melaksanakan Syariat**

Peranan terpenting bagi pelaksanaan Siasah Syar'iyyah ialah memandu wanita untuk melaksanakan syariat. Malah inilah antara matlamat utama Siasah Syar'iyyah, iaitu membentuk sebuah negara yang terlaksana di dalamnya hukum-hukum dan syariat Islam secara berdaulat kerana aspek penjagaan agama merupakan aspek yang paling utama di antara *al-Darūriyyāt al-Khamsah*. Imam al-Māwardī menekankan bahawa menjadi tanggungjawab pemerintah dalam negara Islam untuk menegakkan agama dan menguruskan dunia dengan agama.<sup>71</sup> Peranan ini tidak terdapat dalam sistem pentadbiran sekular yang mengasingkan agama daripada sistem pentadbiran dan pemerintahan.

Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

الَّذِينَ إِنْ مَكَنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِنْ تُوْلُوا الرَّزْكَوَةَ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ  
الْمُنْكَرِ

Al-Hajj 22: 41

Terjemahan: Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanan dan perkara yang mungkar...

Ayat di atas menjelaskan bahawa tugas utama bagi sebuah kerajaan Islam ialah untuk menegakkan agama melalui pelaksanaan solat, pengukuhan institusi zakat, melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar yang dapat diterjemahkan melalui pelbagai langkah dan

<sup>71</sup> Al-Māwardī, *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, 29.

pendekatan yang wajar seperti pendidikan, pengawalan, penguatkuasaan undang-undang dan peruntukan hukuman demi mencapai kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Malah kekuatan spiritual yang terkandung di dalam semua sistem Islam termasuk sistem pentadbiran ini mampu menjadi dorongan kepada semua pihak untuk melakukan kebaikan dan menghindari kejahanan walaupun tanpa sebarang imbalan dalam bentuk fizikal.

Kepentingan kuasa pemerintahan terhadap jaminan pelaksanaan syariat secara umumnya telah diutarakan oleh Saidina ‘Uthmān bin ‘Affān melalui kata-kata beliau:

إِنَّ اللَّهَ لَيَرْعَى بِالشُّلْطَانِ مَا لَا يَرْعَى بِالْقُرْآنِ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah mencegah melalui kuasa pemerintahan apa yang tidak dapat dicegah melalui (perintah) al-Quran.<sup>72</sup>

Tanpa menjadikan Siasah Syar‘iyyah sebagai mekanisme pentadbiran negara, akan terdapat banyak hukum syarak yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.<sup>73</sup> Hal yang demikian adalah kerana tanggungjawab pemerintah untuk memastikan syariat didaulatkan di dalam negara dan dipatuhi oleh rakyat bukan hanya melalui kempen kesedaran secara besar-besaran, tetapi juga melalui penguatkuasaan undang-undang melibatkan akhlak dan moral sejahtera dengan prinsip asas yang ada dalam agama dan selaras dengan tuntutan syarak. Sebagai contoh, dalam sebahagian negara yang mempunyai penduduk Muslim secara majoriti seperti Kosovo, Azerbaijan, Tunisia dan Turki, undang-undang pernah digunakan untuk menghalang

<sup>72</sup> Ibn Kathīr di dalam tafsirnya menuliskan kata-kata ini sebagai hadis Nabi di dalam pentafsiran ayat 81 Surah al-Isrā’. Lihat: Abū al-Fidā’ Ismā‘il Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm* (Riyadh: Maktabah Dār al-Salām, 1994), 3: 82. Namun ia sebenarnya merupakan sebuah athar daripada ‘Uthmān bin ‘Affān dan bukannya hadis yang *marfū’*. Lihat Yūsuf bin ‘Abd Allāh bin Muḥammad Ibn ‘Abd al-Bar, *al-Tamhīd limā fi al-Muwatṭa’ min al-Ma’āni wa al-Asāni* (Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Hikam, 1967), 1: 118. Athar daripada Saidina ‘Uthmān ini diriwayatkan daripada Ibn al-Qāsim daripada Malik bin Anas dengan lafadz مَا يَرْعَى الْأَعْمَمُ أَكْثَرُ مَا يَرْعَى الْقُرْآنُ.

Terjemahan: Apa yang dapat dihalang oleh pemerintah adalah lebih banyak daripada apa yang dapat dihalang oleh al-Quran.

<sup>73</sup> Muṣṭafā Dīb al-Bughā, *Buhūth fī Maqāṣid al-Tashrī’ al-Islāmī* (Dimashq: Dār al-Muṣṭafā, 2009), 139-140.

wanita daripada memakai hijab di tempat-tempat awam<sup>74</sup> sedangkan menutup aurat daripada pandangan golongan ajnabi adalah kewajipan yang mesti dipatuhi oleh golongan wanita Islam. Pelanggaran terhadap kewajipan tersebut akan membawa kepada masalah-masalah akhlak dan moral yang lain di dalam masyarakat hasil daripada pengabaian terhadap pelaksanaan syariat sebagaimana yang dituntut. Contoh di atas membuktikan bahawa pemerintah memiliki peranan yang berkesan dalam memastikan pelaksanaan syariat, mahupun sebaliknya.

Dengan kuasa politik yang dimiliki, kerajaan dapat menyediakan ruang-ruang yang subur untuk wanita melaksanakan syariat, dalam semua aspek kehidupan. Ia bukan sahaja tertumpu kepada memperkenalkan enakmen dan peraturan kekeluargaan yang selaras dengan kehendak Islam, tetapi lebih luas daripada itu, semua aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial dan tatacara umum masyarakat juga hendaklah tidak melanggar hukum-hukum Islam.

Oleh kerana penglibatan wanita dalam masyarakat merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan, pihak pemerintah berkewajipan untuk menyediakan garis panduan yang patuh syariah bagi memastikan bahawa penglibatan mereka tidak melanggar syariat. Dalam hal ini, para ulama telah mengemukakan syarat-syarat penglibatan wanita dalam apa jua aktiviti sosial, ekonomi dan politik supaya tidak mendatangkan kemudaratan terhadap diri mereka sendiri, institusi keluarga dan masyarakat. Syarat-syarat tersebut tidak bertujuan untuk menyukarkan wanita, tetapi sebenarnya bertujuan untuk memastikan wanita dapat memberi sumbangan yang maksima, selamat dan diredayai Allah SWT.

<sup>74</sup> Kosovo, Azerbaijan, Tunisia dan Turki merupakan negara umat Islam yang telah melarang pemakaian hijab di sekolah-sekolah kerajaan, pusat-pusat pengajian tinggi dan pejabat-pejabat kerajaan. Pengharaman hijab di Tunisia yang berlaku sejak tahun 1981 telah dibatalkan sebahagiannya pada tahun 2011, manakala undang-undang yang hampir sama di Turki juga telah dilonggarkan sedikit demi sedikit. Lihat: "Hijab by Country," laman sesawang *Wikipedia The Free Encyclopedia*, dicapai pada 25 Ogos 2017, [https://en.wikipedia.org/wiki/Hijab\\_by\\_country](https://en.wikipedia.org/wiki/Hijab_by_country)

Jika diperhatikan, asas-asas kepada garis panduan penglibatan wanita dalam masyarakat telahpun dinyatakan di dalam al-Quran. Sebagai contoh, ayat 33 daripada Surah al-Ahzāb walaupun secara zahirnya memerintahkan wanita tetap tinggal di rumah, namun ia sebenarnya memberi satu isyarat penting bahawa apabila wanita perlu keluar untuk apa jua urusan yang diperlukan, mereka hendaklah mengelakkan diri daripada bertabarruj sebagaimana perlakuan orang jahiliyyah dahulu kerana sifat wanita yang menarik itu mudah mengundang fitnah.<sup>75</sup>

Hasil daripada penelitian terhadap ayat-ayat al-Qur'an dan al-Sunnah mengenai adab-adab wanita di luar rumah serta adab berinteraksi sosial bersama golongan bukan mahram, para ulama telah mengetengahkan garis panduan bagi penglibatan wanita dalam pelbagai bidang kemasyarakatan. Oleh kerana penglibatan wanita dalam aktiviti sosial banyak melibatkan alam pekerjaan yang semakin berkembang mengikut perkembangan masa dan tempat, para ulama kontemporari telah banyak memfokuskan tentang garis panduan bagi pekerjaan wanita Islam agar dilaksanakan dalam keadaan yang patuh syariah.<sup>76</sup>

<sup>75</sup> Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الدُّنْيَا خَلْوَةٌ حَضُورٌ وَإِنَّ اللَّهَ مُسْتَخْلِفُكُمْ بِهَا فَيَنْظُرُ كُلَّ فَعْلَمْ لَوْمَهُمْ فَإِنَّمَا يُؤْلِمُ فِتْنَةَ بَنِي إِسْرَائِيلَ كَانَتْ فِي النِّسَاءِ  
Terjemahan: Sesungguhnya dunia itu manis menghijau dan sesungguhnya Allah menjadikan kamu khalifah di dalamnya untuk Dia melihat apa yang kamu lakukan, maka takutlah kamu terhadap fitnah dunia dan takutlah kamu terhadap fitnah wanita. Sesunggahnya fitnah pertama yang menimpa kaum Bani Israel adalah bersangkutan wanita. Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Riqāq, Bab Akthar Ahl al-Jannah al-Fuqarā' wa Akthar Ahl al-Nār al-Nisā' wa Bayān al-Fitnah bi al-Nisā', no. Hadith 2742. Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1023.

Rasulullah SAW juga bersabda:

مَا تَرَكْتُ بَعْدِي فِتْنَةً هِيَ أَصْرَرُ عَلَى الرِّجَالِ مِنَ النِّسَاءِ.

Terjemahan: Tidak aku tinggalkan selepas ketiadaanku satu fitnah yang lebih bahaya ke atas lelaki daripada wanita. Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Riqāq, Bab Akthar Ahl al-Jannah al-Fuqarā' wa Akthar Ahl al-Nār al-Nisā' wa Bayān al-Fitnah bi al-Nisā', no. Hadith 2740. Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 1023.

<sup>76</sup> Lihat misalnya: Hind Maḥmūd al-Khwālī, 'Amal al-Mar'ah: Dawābiṭuhū, Aḥkāmuḥu, Thamarātuḥū – Dirāṣah Fiqhīyyah Muğāranah (Damsyik: Dār al-Farābī lī al-Ma'ārif, 2001). Hafṣah Aḥmad Ḥasan, Usūl Tarbiyah al-Mar'ah al-Muslimah al-Mu'āṣirah (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2001). 'Abd al-Rabb Nuwāb al-Dīn, 'Amal al-Mar'ah wa Mawqif al-Islām Minhu (Manṣūrah: Dār al-Wafā', 1986).

Antara syarat utama yang harus dipatuhi oleh wanita yang memilih untuk bergiat di luar rumah ialah sebagaimana berikut:<sup>77</sup>

- (i) Mengenakan hijab, iaitu menutup aurat dengan erti kata yang sebenar.
- (ii) Tidak melakukan pekerjaan yang haram atau mengaibkan.
- (iii) Selamat daripada fitnah, seperti pergaulan yang tidak syarie.
- (iv) Mendapat izin wali atau suami untuk keluar bekerja, kerana nafkah ke atas wanita sebenarnya ditanggung oleh pihak wali atau suami dan keselamatan wanita juga hendaklah dilindungi oleh mereka.
- (v) Pekerjaan yang dilakukan termasuk dalam keperluan masyarakat atau fardu kifayah dan tidak menyalahi fitrah wanita.<sup>78</sup>
- (vi) Penyertaan wanita tidak menyebabkan wanita mengabakan tanggungjawab asasnya terhadap rumah tangga.
- (vii) Penglibatan wanita dalam pekerjaan tidak sampai menghalang kaum lelaki untuk mencari rezeki kerana yang diwajibkan oleh syarak untuk menanggung nafkah isteri dan ahli keluarga sebenarnya adalah kaum lelaki.<sup>79</sup>

<sup>77</sup> ‘Abd al-Rabb Nuwāb al-Dīn, ‘Amal al-Mar’ah wa Mawqif al-Islām Minhu, 114- 122. Hind Mahmud al-Khawlī, ‘Amal al-Mar’ah: Dawābiṭuhū, Aḥkāmuḥū, Thamarātuḥū, 125- 185. ‘Arafah Muḥammad ‘Arafah Ahmād, Mubāsharah al-Mar’ah li al-Huqūq wa al-Hurriyyāt al-Siyāsiyyah (Kaherah: Dār al-Kutub al-Qānūni, 2011), 2: 301-310.

<sup>78</sup> Para ulama juga telah membincangkan secara terperinci mengenai hukum pekerjaan wanita dalam bidang politik, pentadbiran, pengurusan, kehakiman, sehingga kepada bidang pekerjaan yang tidak termasuk dalam kategori fardu kifayah seperti dalam bidang nyanyian, tarian, bermain alat muzik, pelayan dan seumpamanya. Perbincangan tersebut boleh dirujuk dalam buku-buku mengenai wanita kontemporari. Lihat misalnya: Hind Mahmūd al-Khawlī, ‘Amal al-Mar’ah: Dawābiṭuhū, Aḥkāmuḥū, Thamarātuḥū, 103-121 dan 167-184.

<sup>79</sup> Syarat ini telah dikemukakan oleh ‘Arafah Muḥammad ‘Arafah Ahmād dan Umaymah Fu’ād Muḥannā. Lihat: ‘Arafah Muḥammad ‘Arafah Ahmād, Mubāsharah al-Mar’ah li al-Huqūq wa al-Hurriyyāt al-Siyāsiyyah, 2: 309. Umaymah Fu’ād Muḥannā, al-Mar’ah wa al-Waṣīfah al-Āmmah (t.t.: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, t.t.), 186.

Selain daripada itu, wanita juga perlu dipersiapkan dengan kelayakan yang diperlukan untuk setiap lapangan yang diceburi dari sudut ilmu dan kemahiran agar penglibatannya itu memberi manfaat dan kesan yang optimum.<sup>80</sup>

Untuk memastikan garis panduan sebegini dipatuhi, pihak yang berkuasa perlu memainkan peranan untuk memberi penerangan dan kefahaman kepada masyarakat khususnya kepada para majikan, agar menyediakan suasana yang kondusif dan patuh syariah untuk wanita bekerja. Melalui pelaksanaan Siasah Syar'iyyah juga, peraturan umum mahupun undang-undang yang berkaitan boleh dikuatkuasakan, kerana tanpa diimplementasikan dalam bentuk peraturan dan etika, semua garis panduan yang disusun dengan sebegini teliti hanya akan tersimpan sebagai teori dalam karangan ulama dan tidak dapat dirasai kebaikannya oleh masyarakat secara menyeluruh. Sebagai contoh, bagi memastikan wanita memakai pakaian yang memenuhi piawaian syariah, satu garis panduan bagi pakaian pekerja wanita hendaklah dikuatkuasakan. Pelanggaran terhadap peraturan tersebut boleh diambil tindakan oleh pihak kerajaan.

#### **2.4.2 Melindungi Wanita Daripada Mungkar dan Kerosakan**

Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah juga berperanan untuk melindungi wanita daripada terjerumus ke dalam pelbagai bentuk kemungkaran dan kerosakan sama ada yang melibatkan agama, jiwa, akal, keturunan mahupun harta. Perlindungan dan pembelaan Islam terhadap wanita dalam skala yang besar melalui pelaksanaan Siasah Syar'iyyah ini dapat dilihat melalui tiga elemen utama iaitu pensyariatan sistem wali, pengaplikasian kaedah *sadd al-dhari'ah* dan penguatkuasaan undang-undang demi menyelamatkan wanita daripada kehinaan di dunia dan kesengsaraan di akhirat.

<sup>80</sup> Lihat: 'Abd al-Halīm Abū Shuqqah, *Taḥrīr al-Mar'ah fī 'Asr al-Risālah*, 2:452. Beliau telah memberi pandangan bahawa kajian lapangan perlu dibuat untuk mengenal pasti bidang-bidang yang memerlukan sumbangan wanita secara optimum.

Sewaktu mengisytiharkan piagam negara Islam pertama di Madinah, Rasulullah SAW telah membuat satu peruntukan khas kepada kaum wanita iaitu dalam Fasal 41.<sup>81</sup> Melalui peruntukan tersebut, adalah jelas bahawa Islam telah mentaklifkan ke atas golongan lelaki untuk menjadi pembela dan pelindung kepada kaum wanita di dalam keluarga masing-masing sebagaimana yang telah ditentukan dalam sistem wali. Sistem wali yang disyariatkan oleh Islam bertujuan untuk memastikan agar wanita sentiasa selamat dan keperluannya juga dipastikan mencukupi oleh pihak yang bertanggungjawab.

Tanggungjawab khusus seorang wali pula adalah berkait rapat dengan isu perkahwinan iaitu dengan memikul tanggungjawab untuk menyiasat dan mengenal pasti latar belakang lelaki yang bakal menjadi suami kepada wanita di bawah tanggungannya kerana perkahwinan merupakan satu permulaan baharu yang begitu besar kesannya kepada kehidupan wanita.<sup>82</sup> Bermula dengan ayah kandung sebagai wali yang pertama, diganti pula ketiadaannya oleh kerabat lelaki terdekat sebagaimana yang telah disenaraikan oleh para ulama fiqh<sup>83</sup> sehingga akhirnya pihak pemerintah diwajibkan menjadi wali kepada wanita yang tidak mempunyai wali dari kalangan ahli keluarganya.<sup>84</sup> Meskipun menguruskan perkahwinan merupakan matlamat khusus bagi pensyariatan sistem wali dalam Islam, namun matlamat umum daripadanya ialah untuk memastikan bahawa wanita sentiasa dilindungi daripada kemudaratan dan kerosakan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan.

Sehubungan itu, pencegahan mungkar dan kerosakan terhadap wanita hendaklah diusahakan dengan menimbulkan kesedaran ke atas golongan lelaki yang menjadi

<sup>81</sup> Ibrāhīm al-‘Alī, *Ṣaḥīḥ al-Sīrah al-Nabawiyyah* (Amman: Dar al-Nafā’is, 1995), 148.

<sup>82</sup> Muhammad Baltājī, *Makānah al-Mar’ah fī al-Qur’ān al-Karīm wa al-Sunnah al-Ṣaḥīḥah*, 330-333.

<sup>83</sup> Muhyiddin Abū Zakariyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Minhāj al-Tālibīn* (Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2011), 2: 428.

<sup>84</sup> Rasulullah SAW bersabda:

السلطانُ فِي مَنْ لَا وَلَيْهِ.

Terjemahan: Sultan (pemerintah) menjadi wali kepada orang (wanita) yang tidak mempunyai wali. Al-Hākim Muhammad bin ‘Abd Allāh al-Naysābūrī, *al-Mustadrak ‘ala al-Ṣaḥīhayn. Kitab al-Nikah*, (Beirut: Dar al-Fikr, 2002), no.h.2755, 2: 288.

pelindung bagi kaum wanita.<sup>85</sup> Kesedaran ini perlu ditimbulkan melalui pendidikan di dalam keluarga supaya mementingkan pendidikan kepimpinan terhadap anak-anak lelaki. Kempen-kempen kesedaran terhadap tanggungjawab wali untuk melindungi wanita di bawah jagaannya juga perlu dijadikan agenda yang penting oleh pihak kerajaan yang melaksanakan Siasah Syar'iyyah.

Dalam khutbah Haji Perpisahan, Rasulullah SAW telah menegaskan aspek perlindungan dan penjagaan kaum wanita sebagai isteri secara khusus kerana setelah berkahwin, tanggungjawab untuk melindungi dan memberi nafkah ke atas wanita telah berpindah daripada pihak wali kepada si suami. Rasulullah SAW bersabda:

فَاتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ فَإِنَّكُمْ أَخْذَنُوهُنَّ بِأَمَانِ اللَّهِ وَاسْتَحْلَلْتُمْ فِرْوَجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللَّهِ وَلَكُمْ عَلَيْهِنَّ أَنْ لَا يُؤْطِفْنَ فُرْشَكُمْ أَخْدًا تَكْرُمُونَهُ، فَإِنْ قَعَلْنَ ذَلِكَ فَاضْرِبُوهُنَّ ضَرَّبًا عَيْرَ مُبَرِّحٍ وَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Terjemahan: Maka bertakwalah kepada Allah dalam urusan kaum wanita. Sesungguhnya kalian telah mengambil mereka dengan janji Allah dan menghalalkan hubungan jenis bersama mereka dengan kalimah Allah. Menjadi hak kamu ke atas mereka untuk tidak membawa sesiapa yang kamu benci ke tempat pembaranganmu. Dan seandainya mereka ingkar, maka pukullah mereka dengan pukulan yang tidak mencederakan. Manakala hak mereka ke atas kamu pula ialah dengan memberi nafkah makanan dan pakaian kepada mereka dengan cara yang makruf.<sup>86</sup>

Sehubungan itu, bagi wanita yang mempunyai suami, menjadi kewajipan ke atas para suami untuk melindungi para isteri daripada sebarang bentuk pengabaian, mungkar dan kemudaratan. Namun apabila wanita itu sendiri ingkar terhadap perintah suami dalam perkara yang makruf, mereka wajar diperbetulkan walaupun melalui sedikit pukulan yang

<sup>85</sup> Nurulbahiah binti Awang dan Nik Salida Suhaila Nik Saleh, "Empowering The Role Of Wali In Strengthening Women's Right" dalam *Wanita Islam Kontemporari: Isu-isu, Cabaran dan Amalan Terbaik*, ed. Badlihisham Mohd Nasir, Nurhafilah Musa dan Asmak Husin (Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2016), 95-108.

<sup>86</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Hajj, Bab Hajjah al-Nabi, no. Hadith 1218. Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al- Naysābūrī, *Sahīh Muslim*, 444.

tidak boleh menimbulkan kecederaan atau kerosakan fizikal maupun mental. Pukulan yang diharuskan itu hanya dibenarkan untuk menyedarkan jiwa yang ingkar setelah dinasihati dan setelah dipulaukan di tempat tidur, bukannya untuk mendera atau menyakiti si isteri. Adalah tidak wajar sekiranya seorang suami yang diamanahkan sebagai pelindung memukul isteri sebagai langkah pertama untuk memperbetulkannya kerana Rasulullah SAW sendiri tidak pernah memukul wanita sepanjang hayat baginda.<sup>87</sup> Baginda pernah melarang kaum lelaki daripada memukul isteri mereka<sup>88</sup> kerana ianya harus, ia bukanlah akhlak yang baik pada seorang suami.

Rasulullah SAW sebagai seorang ketua negara juga pernah mengarahkan seorang suami untuk menemani isterinya menunaikan haji bagaimelaksanakan tanggungjawabnya sebagai pelindung kepada si isteri.<sup>89</sup> Rasulullah SAW juga pernah berhadapan dengan seorang pemuda yang memohon izin baginda untuk berzina. Lalu baginda berjaya membangkitkan rasa tanggungjawab terhadap wanita yang terdekat dengannya sebagai

<sup>87</sup> ‘Aishah r.a. berkata:

تَمَا صَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْئًا قَطُّ بِيَدِهِ، وَلَا اُنْزَارًا، وَلَا خَادِمًا، إِلَّا أَنْ يُجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.

Terjemahan: "Tidak pernah Rasulullah SAW memukul sesuatu pun dengan tangan baginda, tidak (pernah sekalipun memukul) seorang wanita dan tidak (pernah juga memukul) seorang khadam, melainkan ketika baginda sedang berjihad di jalan Allah." Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Faqā'il, Bab Mubā'adatuh SAW li al-Āthām wa Ikhtiyāruh min al-Mubāh Ashaluh wa Intiqāmuh li Allāh 'inda Intihāk Ḥurumātih, no. Hadith 2328. Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Sahīh Muslim*, 886.

<sup>88</sup> Hal ini dapat dijelaskan melalui hadis di bawah:

عَنْ إِيَّاسِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي ذِئْبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَصْبِرُونَا إِمَامَ اللَّهِ، فَجَاءَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إِلَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "ذَرْبَنَ النِّسَاءَ عَلَى أَزْوَاجِهِنَّ". فَرَحَّصَ فِي ضَرِبِهِنَّ، فَأَطَافَ يَالِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نِسَاءً كَثِيرًا يَشْكُونَ أَزْوَاجَهُنَّ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَقَدْ أَطَافَ يَالِ بَيْتِ مُحَمَّدٍ نِسَاءً كَثِيرًا يَشْكُونَ أَزْوَاجَهُنَّ لَيْسَ أُولَئِكَ بِخَيْرٍ".

Terjemahan: Daripada Iyās bin ‘Abd Allah bin Abī Dhubbāb r.a. bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Janganlah kamu memukul hamba-hamba perempuan Allah." Lalu datanglah Saidina ‘Umar kepada Rasulullah SAW dan mengatakan, "Ramai isteri yang berani membantah suami mereka." Lalu Rasulullah SAW pun membolehkan memukul mereka (sebagai rukhsah dalam memberi pengajaran). Akhirnya ramai isteri datang kepada keluarga Rasulullah SAW mengadukan perihal suami mereka. Lalu Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya ramai isteri yang datang menemui ahli keluarga Muhammad mengadukan perihal suami mereka. Mereka (yang memukul isteri itu) bukanlah orang yang baik dalam kalangan kalian." Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Nikāh, Bab Fi Ḏarb al-Nisā', no. Hadith 2145. Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sajastāni, *Sunan Abī Dāwūd*, 325.

<sup>89</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Hajj, Bab Safar al-Mar’ah Ma‘a Maḥram Ilā Hajj wa Ghayrih, no. hadith 1341. Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Sahīh Muslim*, 487.

orang wali, sehingga akhirnya melenyapkan keinginan beliau untuk berzina dengan wanita lain.<sup>90</sup>

Melalui contoh-contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam menzahirkan tanggungjawab untuk melindungi wanita, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan Siasah Syar'iyyah dalam pentadbiran negara akan memastikan bahawa pihak pemerintah memberi kesedaran yang berterusan kepada para suami dan golongan yang dipertanggungjawabkan sebagai wali ke atas wanita mengenai tanggungjawab ini. Pemerintah juga berperanan mengambil tanggungjawab sebagai wali hakim untuk melindungi masa depan wanita yang tidak mempunyai wali dari kalangan ahli keluarga serta bertindak sebagai pelindung kepada semua wanita yang menjadi rakyatnya dalam skala yang besar.

Seterusnya, kaedah *sadd al-dhari'i'ah* merupakan kaedah penting dalam pelaksanaan Siasah Syar'iyyah untuk meindungi wanita daripada kerosakan dan kemungkaran. Kaedah ini penting diaplikasikan dalam menyusun tindakan dan strategi apabila berhadapan dengan perkara yang menggugat kesejahteraan dan keamanan di dalam masyarakat dan negara.<sup>91</sup> Sebagai contoh, untuk memastikan perzinaan tidak berlaku, hendaklah diwujudkan peraturan yang melarang semua bentuk aktiviti yang boleh membawa kepada perzinaan seperti pergaulan bebas antara lelaki dan wanita, menguatkuaskan peraturan menutup aurat, menutup premis-premis yang mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk mencetuskan atau menjadi sarang maksiat dan seumpamanya.

Apa yang lebih kritikal dalam penggunaan kaedah *sadd al-dhari'i'ah* ini ialah untuk menghalang timbulnya kerosakan daripada perkara yang pada asalnya diharuskan oleh

<sup>90</sup> Hadith riwayat Ahmad, no. Hadith 22211. Abū 'Abd Allāh Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, Al-Shaybānī, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, ed. Shu'ayb al-Arnā'ut (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2001), 2.

<sup>91</sup> 'Abd al-'Āl Aḥmad 'Aṭwah, *āl-Madkhāl ilā al-Siyāsah al-Shar'iyyah*, 146.

syarak. Di sinilah peranan pemerintah untuk membuat keputusan berdasarkan pertimbangan antara maslahah dan mafsadah yang timbul daripada perkara yang harus setelah mengkaji kesan dan akibatnya terhadap masyarakat.<sup>92</sup>

Sebagai contoh, tindakan yang telah diambil oleh Khalifah ‘Umar bin al-Khattab r.a terhadap Naṣr bin Ḥajjāj yang beberapa kali dihukum sehingga akhirnya dibuang negeri kerana menjadi fitnah kepada kaum wanita pada zamannya telah membuktikan bahawa penggunaan kaedah *sadd al-dhari‘ah* diperlukan bagi melindungi golongan wanita daripada kemungkar dan kerosakan.<sup>93</sup> Meskipun keputusan tersebut dianggap oleh sesetengah pihak sebagai menzalimi Naṣr bin Ḥajjāj yang tidak bersalah di atas ketampanannya, namun sebagai khalifah yang mementingkan perlindungan wanita daripada segala bentuk kerosakan dan mungkar, Khalifah Umar r.a telah membuat keputusan yang terbaik dengan menggunakan kaedah *sadd al-dhari‘ah* demi menutup pintu kerosakan dan memelihara akhlak serta penghayatan agama kaum wanita daripada fitnah yang timbul.

Pendekatan ketiga dalam melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan ialah melalui pensyariatan hukuman jenayah moral. Islam telah menetapkan bahawa wanita yang mukallaf juga bertanggungjawab ke atas kesalahannya sendiri sebagaimana lelaki, di mana apabila wanita melakukan kesalahan jenayah, mereka juga mesti dihukum menurut cara Islam. Pelaksanaan hukuman jenayah moral merupakan satu cara untuk mencegah manusia daripada melakukan jenayah dan melindungi orang lain yang belum

<sup>92</sup> *Ibid.*, 144. ‘Abd al-Rahmān Tāj, *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah wa al-Fiqh al-Islāmi*, 123. Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'An Rabb al-'Ālamīñ*, 3: 109. Ibn al-Qayyim telah membahagikan *dhari‘ah* kepada empat bahagian iaitu: 1- perkara yang menjadi wasilah kepada mafsadah, 2- perkara harus yang dilakukan sebagai wasilah kepada sesuatu yang mungkar, 3- perkara yang asalnya harus dan dilakukan bukan untuk kerosakan, tetapi mafsadahnya lebih jelas daripada kemaslahatannya, 4- perkara harus yang boleh membawa mafsadah, tetapi kemaslahatannya adalah lebih jelas daripada mafsadahnya. ‘Abd al-Rahmān Tāj berpandangan bahawa bahagian yang kedua itulah yang menjadi medan khilaf yang perlu dititik beratkan oleh pemerintah dengan menggunakan kaedah *sadd al-dhari‘ah* ini dalam melaksanakan Siasah Syar‘iyyah.

<sup>93</sup> ‘Abd al-Ghālib ‘Abd al-Kāfi al-Qurashī, *Awwaliyyāt al-Fāruq al-Siyāsiyyah*, 81. Lihat juga: Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*, 18.

terjebak dalam kerosakan akhlak dan moral, melindungi maruah dan harta benda yang dimiliki oleh wanita dan juga lelaki. Bilangan pesalah jenayah moral juga akan berkurangan lantaran rasa gerun yang terbit daripada hukuman yang dikuatkuasakan melalui pelaksanaan Siasah Syar'iyyah secara adil dan saksama.<sup>94</sup>

Terdapat beberapa ayat al-Quran yang menjadi asas kepada pelaksanaan hukuman jenayah moral ke atas wanita sebagaimana lelaki. Pertamanya ialah firman Allah SWT dalam Surah al-Nur, ayat 2 yang menyentuh berkenaan hukuman zina.<sup>95</sup> Kedua ialah firman-Nya dalam Surah al-Ma'idah ayat 38 berkenaan hukuman mencuri.<sup>96</sup> Manakala yang ketiga ialah firman Allah SWT berkenaan hukuman qazaf.<sup>97</sup>

Hukuman jenayah moral sama ada yang melibatkan hudud mahupun takzir tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa pelaksanaan Siasah Syar'iyyah di dalam sebuah pemerintahan. Lantaran itulah perlindungan terhadap wanita akan menjadi pincang tanpa pelaksanaan Siasah Syar'iyyah secara menyeluruh di dalam pentadbiran negara.

Harus difahami bahawa dalam mana-mana masyarakat sekalipun, termasuk pada zaman terbaik iaitu zaman Rasulullah SAW, akan tetap wujud manusia yang melakukan kemungkaran secara sengaja mahupun tidak sengaja. Sebagai contoh, hukuman terhadap kesalahan zina dan qazaf telah dilaksanakan pada zaman Rasulullah SAW ke atas wanita-wanita yang terlibat sebagaimana yang termaktub di dalam kitab-kitab hadis dan sirah.<sup>98</sup> Sebagai contoh, al-Ghamidiyyah telah dijatuhkan hukuman rejam kerana berzina manakala Hamnah binti Jahsh telah dihukum 80 kali sebatan kerana terlibat dengan jenayah qazaf terhadap 'Aishah isteri Rasulullah SAW. Namun bilangan mereka adalah

<sup>94</sup> 'Abd al-Ghālib 'Abd al-Kāfi al-Qurashi, *Awwaliyyāt al-Fārūq al-Siyāsiyyah*, 489.

<sup>95</sup> Al-Nūr 24: 2.

<sup>96</sup> Al-Mā'idah 5:38.

<sup>97</sup> Al-Nūr 24: 4.

<sup>98</sup> Dalam peristiwa *Hadīth al-Ifk* atau tuduhan zina terhadap Sayidatina 'Aishah r.a, seorang wanita iaitu Hamnah binti Jahsh telah dijatuhkan hukuman qazaf bersama dua orang lelaki yang lain iaitu Hassān dan Mistah.

kecil dan tidak dapat dibandingkan dengan banyaknya kes-kes jenayah moral yang berlaku saban hari di dalam negara umat Islam yang tidak melaksanakan hukum Islam yang sebenar. Malah seandainya hukuman tersebut melibatkan hukuman hudud, kefahaman rakyat di dalam sebuah negara yang ditadbir mengikut acuan Islam mungkin mendesak dirinya untuk menyerah diri agar hukuman tersebut dilaksanakan ke atasnya bagi mendapat keampunan Allah SWT di akhirat nanti.<sup>99</sup>

Hukuman terhadap kesalahan jenayah moral juga telah dimasukkan dalam kandungan baiah para sahabat kepada Rasulullah SAW. Sebagai contoh, ‘Ubādah bin al-Şāmit telah meriwayatkan bahawa tatkala beliau dan sekumpulan sahabat berbaiah, Rasulullah SAW bersabda:

أَبَا يَعْمَكُمْ عَلَى أَلَا تُشْرِكُوا بِاللَّهِ شَيْئًا، وَلَا تَسْرِقُوا، وَلَا تَزُنُوا، وَلَا تَفْتَلُوا أُولَادَكُمْ، وَلَا تَأْثُرُوا  
بِهُنْتَانٍ تَفْتَرُونَهُ بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَأَرْجُلِكُمْ، وَلَا تَعْصُوْنِي فِي مَعْرُوفٍ: فَعَمَّ وَقَيْ مِنْكُمْ فَأَجْزِهُ  
عَلَى اللَّهِ، وَمَنْ أَصَابَ مِنْ ذَلِكَ شَيْئًا فَأَخِذْ بِهِ فِي الدُّنْيَا فَهُوَ كَفَارَةٌ لَهُ وَطَهُورٌ، وَمَنْ  
سَتَرَ اللَّهُ، فَذَلِكَ إِلَى اللَّهِ: إِنْ شَاءَ عَذَّبَهُ، وَإِنْ شَاءَ غَفَرَ لَهُ.

Terjemahan: Aku menerima baiah kamu untuk tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu pun, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anak kamu, tidak berbuat dusta yang diada-adakan antara tangan-tangan dan kaki-kaki kamu<sup>100</sup> dan tidak menderhakaiku dalam perkara yang makruf. Sesiapa yang memenuhi perjanjian ini, maka ganjarannya ada di sisi Allah. Manakala sesiapa yang melanggar sesuatu daripadanya lalu dijatuhkan hukuman di dunia maka ia merupakan kaffarah dan penyucian terhadap dosanya. Manakala sesiapa yang ditutup keaibannya oleh Allah, maka unisannya itu diserahkan kepada Allah, sekiranya Dia kehendaki diazabnya, sekiranya Dia kehendaki diampunkannya.<sup>101</sup>

<sup>99</sup> Contohnya ialah sebagaimana kes wanita al-Għāmidiyyah yang telah melakukan zina dan datang mengakui kesilapannya kepada Rasulullah SAW. Hamidi Abdul Ghani telah menghuraikan bahawa hukuman dalam undang-undang jenayah Islam mengandungi falsafah berikut: 1- Menjaga dan melindungi kepentingan awam, 2-Pembalasan, 3-Pencegahan; 4-Pemulihan dan pendidikan; 5-Memuaskan hati pihak mangsa; 6- Menghapus dosa; 7-Memberi rahmat; 8-Menegakkan keadilan. Hamidi Abdul Ghani, “Falsafah Hukuman Dalam Undang-undang Jenayah Islam, *Jurnal KIAS* 7 (2012) 70-88.

<sup>100</sup> Perbuatan yang dimaksudkan di sini ialah mengadakan pengakuan-pengakuan palsu tentang hubungan antara lelaki dan perempuan, seperti tuduhan berzina, tuduhan bahawa anak seseorang itu bukan anak suaminya dan seumpamanya.

<sup>101</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Hudūd, Bab Tawbah al-Sāriq, no.h. 6801. Lihat Ahmad bin ‘Alī Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-‘Azīz Ibn ‘Abd Allāh Ibn Bāz (Beirut: Dār al-Fikr, 1993), 14: 64.

Isi kandungan baiah ini adalah sama dengan baiah kaum wanita kepada Rasulullah SAW yang telah dirakamkan di dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Mumtahanah, ayat 12.

Melalui pensyariatan hukuman jenayah moral, setiap anggota masyarakat akan berwaspada daripada terlibat dengan apa jua jenayah moral, manakala anggota masyarakat yang lain khususnya wanita akan dilindungi maruah dan harta benda mereka daripada menjadi mangsa pencerobohan.

#### 2.4.3 Meninggikan Martabat Wanita

Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah berperanan untuk meninggikan martabat wanita melalui hak-hak yang diberikan kepada mereka oleh syariat Islam. Umar bin al-Khattab r.a telah menyebut:

وَاللَّهِ إِنْ كُنَّا فِي الْجَاهِلِيَّةِ مَا نَعْدُ لِلنِّسَاءِ أَمْرًا حَتَّىٰ أَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَىٰ فِيهِنَّ مَا أَنْزَلَ وَقَسَمَ لَهُنَّ مَا قَسَمَ.

Terjemahan: Demi Allah, sesungguhnya kami sewaktu zaman jahiliyyah tidak menganggap wanita memiliki apa-apa kepentingan sehingga Allah menurunkan apa yang Dia turunkan mengenai mereka dan membahagikan kepada mereka apa yang Dia telah bahagikan.<sup>102</sup>

Antara hak yang paling utama dalam meninggikan martabat wanita ialah hak untuk menimba ilmu sebagaimana kaum lelaki. Ilmu mengangkat kedudukan seseorang tanpa mengira jantina<sup>103</sup> dan menjadi cahaya yang menerangi kehidupan berkeluarga.<sup>104</sup> Allah telah memerintahkan isteri-isteri Rasulullah SAW agar menghidupkan rumah tangga dengan ilmu al-Quran dan juga al-Sunnah. Walaupun diturunkan secara khusus kepada

<sup>102</sup> Hadiih riwayat Muslim, Kitab al-Ta'lāq, Bab Fī al-Ilā' wa I'tizāl al-Nisā' wa Takhyīruhunn wa Qawluh Ta'ālā: ، وَإِنْ ظَهَرَ عَلَيْهِ ، no. hadith 1479. Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Sahīh Muslim*, 548.

<sup>103</sup> Al-Zumar 39: 9.

<sup>104</sup> Al-Ahzāb 33: 34.

mereka, namun antara pengajaran yang boleh diambil oleh para isteri yang lain juga ialah dengan mencontohi rumahtangga Rasulullah SAW yang sentiasa dihidupkan dengan ilmu yang menjadi asas penting dalam membentuk rumahtangga sakinah. Manakala para isteri dan ibu pula merupakan madrasah yang bertanggungjawab untuk mendidik ahli keluarga dengan ilmu yang benar sebagaimana yang digambarkan dalam sebuah syair Arab yang masyhur:

الْأُمُّ مَدْرَسَةٌ إِذَا أَعْدَدْتَهَا # أَعْدَدْتَ شَعْبًا طَيِّبَ الْأَعْرَاقِ

Terjemahan: Seorang ibu adalah umpama sebuah sekolah, jika kamu persiapkannya; kamu sebenarnya mempersiapkan sebuah generasi yang baik akhlak dan keturunannya.<sup>105</sup>

Justeru kepentingan ilmu terhadap kaum wanita, Rasulullah SAW sebagai Ketua Negara telah mengkhususkan satu hari dalam seminggu bagi mengadakan majlis ilmu untuk wanita sahaja. Perbuatan Rasulullah SAW ini sudah cukup untuk mengisyaratkan bahawa walaupun tugas memberi ilmu kepada wanita dipertanggungjawabkan ke atas ibu bapa dan suami, kerajaan Islam juga bertanggungjawab untuk menyediakan peluang menuntut ilmu kepada para wanita bagi mempersiapkan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab dan menyelesaikan masalah kehidupan dengan suluhan ilmu. Tambahan pula, sekiranya sesebuah keluarga tidak berjaya merangani permasalahan di dalam keluarganya atau tidak berjaya memberi didikan awal yang sempurna kepada anak-anak, sudah tentu ia akan memberi sedikit sebanyak kesan yang negatif kepada masyarakat dan negara. Pengabaian terhadap pasangan hidup mahupun anak-anak berkemungkinan besar akan menyumbang kepada suburnya perilaku sumbang dan pelbagai gejala sosial dalam kalangan masyarakat.<sup>106</sup>

<sup>105</sup> Syair ini merupakan satu bait syair daripada Qasidah Ilmu dan Akhlak oleh Hāfiẓ Ibrāhīm yang dikenali sebagai Penyair Nil. Beliau telah mempersembahkan syair tersebut pada 29 Mei 1910 di Bursa’id. “Diwān Hāfiẓ Ibrāhīm,” laman sesawang *al-Hakawātī*, dicapai pada 21 Disember 2015, <http://al-hakawati.net/arabic/Civilizations/diwanindex6a1.pdf>

<sup>106</sup> Hafṣah Ahmad Hasan, *Uṣūl Tarbiyah al-Mar’ah al-Muslimah al-Mu’āṣirah*, 185- 201.

Justeru itulah Rasulullah SAW sentiasa memberi ruang kepada kaum wanita untuk meminta penjelasan di atas persoalan yang bermain di benak mereka. Antara soalan yang pernah diajukan kepada Rasulullah SAW adalah sekitar persoalan taharah,<sup>107</sup> jihad wanita<sup>108</sup> dan permasalahan rumahtangga.<sup>109</sup> Persoalan-persoalan yang dikemukakan itu sentiasa dijawab dengan baik oleh baginda SAW, malah sikap wanita Ansar yang tidak malu dalam menuntut ilmu dipuji oleh ‘Aishah r.a.<sup>110</sup>

Jelasnya, antara peranan Siasah Syar‘iyyah dalam meninggikan martabat wanita ialah dengan menerapkan budaya ilmu dalam kalangan mereka. Wanita yang berilmu dapat melaksanakan tanggungjawab yang lebih baik di dalam keluarga, dan seterusnya dapat sama-sama memberikan sumbangan yang signifikan kepada masyarakat dan negara.

Hak pemilikan harta sendiri dan melibatkan diri dalam pembangunan ekonomi juga merupakan antara elemen yang meninggikan martabat wanita dalam pemerintahan Islam. Pengiktirafan Islam terhadap peranan wanita dalam pembangunan ekonomi telah timbul seiring dengan pengiktirafan Islam terhadap harta yang dimiliki oleh wanita adalah setaraf dengan harta yang dimiliki oleh lelaki. Wanita Islam sejak dahulu telah mengusahakan, memiliki dan membelanjakan harta merdeka bukan hanya dalam lingkungan domestik, tetapi juga dalam lingkungan masyarakat dan negara. Sewaktu Rasulullah SAW mula-mula diutuskan sebagai Rasul akhir zaman, isteri baginda iaitu

<sup>107</sup> Contohnya Fātimah binti Abī Ḥubaysh yang telah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang persoalan istihadah. Lihat: Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Hayd, Bab al-Istihādah, no. hadith 306. Ahmad bin ‘Alī Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, 1: 543.

<sup>108</sup> Asmā’ binti Yazid bin al-Sakan telah bertanya Rasulullah SAW tentang amalan wanita yang boleh menyamai amalan-amalan yang diwajibkan kepada lelaki iaitu solat Jumaat, solat berjemaah dan berjihad. Lalu Rasulullah SAW menjelaskan bahawa menjadi isteri yang baik, menggembirakan suami dan melakukan sesuatu berdasarkan kebenarannya adalah menyamai semua amalan lelaki yang disebutkan. Ibn ‘Abd al-Bar, *al-Tamhid limā fi al-Muwaṭṭa’ min al-Ma’āni wa al-Asāni*, 2: 228.

<sup>109</sup> Sebagai contoh, Hindun binti ‘Utbah telah bertanya pandangan Rasulullah SAW tentang suaminya yang kedekut dalam memberi nafkah. Lihat hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Nafaqāt, Bab Idhā Lam Yunfiq al-Rajul fa li al-Mar’ah An Ta’khudha bi Ghayr ‘Ilmih Mā Yakfīhā wa Waladahā bi al-Ma’rūf, no. Hadith 5364. Ahmad bin ‘Alī Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, 10: 636.

<sup>110</sup> Al-Bukhari merekodkan pengiktirafan ‘Aishah r.a. terhadap wanita Ansār yang tidak dihalang oleh sifat malu untuk mendalami ilmu agama. Lihat Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-‘Ilm, Bab al-Hayā’ fi al-‘Ilm, no. Hadith 130. Ahmad bin ‘Alī Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, 1: 308.

Sayidatina Khadijah r.a merupakan seorang usahawan wanita dan hartawan yang terkenal, menggunakan seluruh harta bendanya untuk kelangsungan dakwah dan perjuangan Rasulullah SAW terutama ketika masyarakat Quraisy bertindak mengenakan sekatan ekonomi ke atas pengikut baginda selama 3 tahun. Sumbangan Khadijah r.a dalam mempertahankan keperluan ekonomi para sahabat r.a yang berada dalam tekanan dan kegawatan adalah amat besar.

Dalam menyempurnakan rukun Islam yang lima, wanita juga diwajibkan menunaikan haji menggunakan hartanya sendiri dan diwajibkan pula mengeluarkan zakat daripada hartanya sendiri apabila cukup nisab dan haul. Wanita juga akan mewariskan harta setelah kematiannya dan berhak pula mewarisi harta warisnya yang meninggal dunia. Wanita juga berhak bermuamalah melalui akad jual beli, mudharabah, mushārakah, membuat pelaburan, memberi sewa, melantik wakil dan lain-lain sebagaimana lelaki. Wanita juga digalakkan bersedekah untuk membantu anggota masyarakat lain yang kurang berasib baik.

Dalam Islam, penglibatan wanita dalam pembangunan ekonomi tidak hanya dilihat dari sudut keupayaannya untuk menjana kewangan semata-mata. Tugas wanita sebagai isteri dan ibu telah diiktiraf oleh Islam sebagai satu pekerjaan yang cukup penting untuk membangunkan ekonomi negara walaupun dilihat tidak menjana kewangan dan tidak pula diberi gaji. Wanita yang menjadi suri rumah sepenuh masa tidak dianggap oleh sistem ekonomi Islam sebagai individu yang menganggur.<sup>111</sup>

<sup>111</sup> Hafṣah Ahmad Hasan, *Uṣūl Tarbiyah al-Mar'ah al-Muslimah al-Mu'āṣirah*, 405. Malah jika dihitung tugas-tugas yang dilaksanakan oleh seorang suri rumah dengan seorang pembantu rumah yang melakukan kerja yang sama mengikut tempoh jam bekerja, sudah tentu upahnya mencapai ribuan ringgit. Upah mendobi, memasak, mencuci pinggan mangkuk, mengemas rumah, mengasuh anak, menghantar dan mengambil anak ke sekolah, membantu anak-anak menyiapkan kerja rumah, menyapu halaman rumah, menguruskan binatang peliharaan, membeli keperluan rumah di pasar dan kadang-kadang terpaksa pula menjaga ahli keluarga yang sakit. Kesemua tugas itu dilakukan oleh seorang isteri dan ibu dengan penuh tanggungjawab dan kasih sayang, yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Justeru, adalah tidak adil menurut perspektif Islam untuk menganggap wanita berpelajaran yang memilih untuk menjadi seorang suri rumah sebagai menganggur kerana peranan besar yang dapat dimainkan dalam keluarga secara sepenuh masa. Dalam masa yang sama, sekiranya kepakarannya diperlukan di dalam masyarakat dan kemahirannya

Sebagai separuh populasi masyarakat dunia yang berperanan menguruskan keperluan rumah tangga dan menjadi pengguna terbesar dalam negara, wanita sangat berpengaruh dalam menentukan kestabilan ekonomi negara. Kegagalan wanita untuk menguruskan keperluan keluarga dengan mengamalkan cara hidup yang boros dan membazir akan memberi kesan kepada pembangunan ekonomi.<sup>112</sup>

Habakkuk menjelaskan bahawa:

*Economic development is an immensely complicated process. It is not just a matter of natural resources, capital and labour. It is part of the whole social development of a society, it depends not merely on economic circumstances but on social structure and the attitudes of people to life as a whole.*<sup>113</sup>

Dalam Islam, pembangunan ekonomi mestilah merujuk kepada asas-asas yang syarie dan halal. Segala transaksi yang fasid serta muamalat yang mengandungi unsur *gharar* tidak boleh diterima dalam membangunkan ekonomi. Pembangunan ekonomi dalam Islam juga mestilah menjulang dasar keadilan dan akhlak mulia bagi memenuhi tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah di bumi ini. Ia juga memfokuskan pada pengagihan hasil negara secara adil kepada rakyat serta tidak hanya memfokuskan kepada peningkatan kadar pengeluaran semata-mata.<sup>114</sup>

Bagi memastikan wanita dapat berperanan secara optimum dalam pembangunan ekonomi negara, Siasah Syar'iyyah berperanan menyediakan garis panduan bagi penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi secara lebih efektif. Wanita sewajarnya diberi

---

dapat digunakan untuk menjana pendapatan keluarga, maka sudah tentu ia menjadi satu bonus yang diberikan ganjaran pahala oleh Allah SWT dan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi keluarga dan negara secara langsung.

<sup>112</sup> Pembangunan ekonomi merupakan sebahagian daripada proses pembangunan negara. Ia berkait rapat dengan kualiti hidup masyarakat, di mana ia mampu menyelesaikan masalah yang berkait dengan kemiskinan, keperluan asasi dan kesejahteraan masyarakat seperti makanan, tempat tinggal, peluang pekerjaan, alam sekitar yang bersih dan sebagainya. Ia juga dapat dilihat melalui petunjuk-petunjuk sosial lain yang bersangkutan dengan suasana kehidupan yang sempurna yang layak dinikmati oleh manusia. Nor Aini Haji Idris, Wanita dan Pembangunan Ekonomi, 3.

<sup>113</sup> J. Habakkuk, "The Entrepreneur and Economic Development", dalam *Development Economics and Policy*, ed. Ian Livingstone (London: George Allen, Unwin, 1981), 14.

<sup>114</sup> Maḥmūd al-Khālidī, *Mafhūm al-Iqtisād fī al-Islām* (Amman: Maktabah al-Risālah al-Hadīthah, 1986), 33.

pengetahuan yang cukup dalam hal ehwal kepenggunaan agar kedudukan wanita sebagai pengguna dan pengurus ekonomi domestik dapat memberi saham kepada pembangunan ekonomi negara, khususnya umat Islam dan bukannya diambil kesempatan oleh sesetengah pihak untuk mengumpul keuntungan.<sup>115</sup> Pendidikan tentang hak-hak sebagai pengguna, pembeli, peniaga dan sebagainya, pengetahuan tentang transaksi-transaksi yang digunakan khususnya mengenai produk-produk perbankan Islam, produk takaful, pasaran saham, jual beli ansuran dan sistem pembiayaan hendaklah diperjelaskan kepada wanita agar mereka dapat membuat keputusan yang betul dalam menguruskan ekonomi. Malah wanita juga perlu didedahkan dengan persediaan untuk menguruskan harta pesaka, menguruskan harta anak yatim, harta wakaf dan lain-lain.

Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah juga berperanan meninggikan martabat wanita melalui peluang yang diberikan kepada wanita untuk melibatkan diri dalam politik. Antara penentu status kedudukan wanita yang diberikan oleh sesebuah masyarakat ialah dengan melihat ruang penglibatan yang diberikan kepada mereka dalam institusi kepimpinan. Dalam Islam, wanita diberi peluang yang luas untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.<sup>116</sup> Sebagai contoh, wanita berhak untuk menganggotai parti politik,<sup>117</sup> memilih pemimpin,<sup>118</sup> melibatkan

---

<sup>115</sup> *Ibid.*, 404- 448.

<sup>116</sup> Penglibatan wanita dalam aktiviti politik secara langsung adalah seperti menjawat jawatan menteri, ahli parlimen mahupun mana-mana jawatan eksekutif. Manakala penglibatan secara tidak langsung pula adalah seperti melaksanakan hak untuk mengundi, dipilih sebagai wakil rakyat, menganggotai parti politik dan lain-lain. ‘Arafah Muhammad ‘Arafah Ahmad, *Mubāsharah al-Mar’ah li al-Ḥuqūq wa al-Hurriyyāt al-Siyāsiyyah*, 1: 48. Lihat juga: Asmā’ Muhammad Ahmad Ziyādah (2001). *Dawr al-Mar’ah al-Siyāsi fi ‘Ahd al-Nabi SAW wa al-Khulafā’ al-Rāshidīn*. Qāherah: Dār al-Salām, 95- 96.

<sup>117</sup> ‘Arafah Muhammad ‘Arafah Ahmad, *Mubāsharah al-Mar’ah li al-Ḥuqūq wa al-Hurriyyāt al-Siyāsiyyah*, 2:135- 136. Muhammad ‘Abd al-Qadir Abu Faris, *Ḥuqūq al-Mar’ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fi al-Islām*, 118.

<sup>118</sup> ‘Arafah Muhammad ‘Arafah Ahmad, *Mubāsharah al-Mar’ah li al-Ḥuqūq wa al-Hurriyyāt al-Siyāsiyyah*, 2: 189. Muhammad ‘Abd al-Qadir Abu Faris, *Ḥuqūq al-Mar’ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fi al-Islām*, 152.

diri dalam proses syura,<sup>119</sup> menyertai pasukan jihad<sup>120</sup> dan berhak pula untuk dipilih sebagai pemimpin sama ada di peringkat parti mahupun kerajaan melainkan sebagai Ketua Kerajaan yang tertinggi.<sup>121</sup>

Oleh kerana bidang politik merupakan bidang yang mencabar bagi kaum wanita dan banyak didominasi oleh kaum lelaki, aplikasi Siasah Syar'iyyah dalam pentadbiran negara berperanan untuk memberi garis panduan yang selamat, khususnya bagi menjaga intitusi kepimpinan wanita sendiri. Walaupun penglibatan wanita dalam institusi kepimpinan tidak berlaku secara langsung pada zaman Rasulullah SAW sebagaimana sekarang, namun wanita pada zaman tersebut telah pun terlibat dalam proses syura, baiah, jihad, dakwah, amar makruf dan nahi mungkar. Dengan berkembangnya institusi pemerintahan Islam pada zaman Khulafā' al-Rāshidīn, wanita juga telah diberikan beberapa tanggungjawab yang penting oleh pihak kerajaan Islam. Contohnya ialah al-Syifa' binti 'Abd Allah al-'Adawiyyah pernah dilantik oleh Umar bin al-Khattab sebagai penguatkuasa pasar.<sup>122</sup>

Meskipun hak untuk melibatkan diri dengan aktiviti politik ini diberikan oleh Islam kepada semua wanita, namun hanya mereka yang layak dari sudut keilmuan, kemahiran, sokongan keluarga, mampu menjaga diri daripada perkara yang menyalahi syarak dan mampu melaksanakan tanggungjawab sahaja yang harus diketengahkan sebagai

<sup>119</sup> Muhammad Sa'īd Ramaḍān Al-Būṭī (1994). *Qadāya Fiqhiyyah Mu'āṣirah*. Jilid 2. Damshik: Maktabah al-Farābī, h. 179. Al-Buti berpandangan bahawa melibatkan wanita dalam proses syura bukan sahaja merupakan satu hak mereka, malah tindakan yang menghalang mereka daripada terlibat dalam syura dan proses-proses membuat keputusan yang penting tidak akan memberi kebaikan kepada wanita mahupun kepada ummah.

<sup>120</sup> Lihaturaian yang terperinci mengenai penglibatan wanita dalam jihad dalam: 'Arafah Muhammad 'Arafah Ahmad, *Mubāsharah al-Mar'ah li al-Huqūq wa al-Hurriyyāt al-Siyāsiyyah*, 2: 401-509. Lihat juga: Muhammad 'Abd al-Qadir Abu Faris, *Huqūq al-Mar'ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fi al-Islām*, 146- 151.

<sup>121</sup> Muhammad 'Abd al-Qadir Abu Faris, *Ibid.*, 118. Yusuf al-Qardhawi, *Fiqh Daulah Menurut Perspektif Islam*, terj. Juanda Jaya (Bandar Baru Bangi: Maktabah al-Qardawi, 2002), 296. Walau bagaimanapun al-Qaradawi di dalam penulisan beliau berpandangan bahawa jawatan yang diharamkan kepada wanita ialah jawatan Imam atau Khalifah kepada sebuah kerajaan Islam atau Khilafah Islamiah. Adapun jawatan sebagai Ketua Negara dalam konteks politik masa kini, maka ia masih tertakluk kepada permasalahan yang diperselisihan oleh para ulama.

<sup>122</sup> Ahmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *al-Isābah fī Tamyīz al-Sahābah*, ed. 'Alī Muḥammad al-Bajāwī (Beirut: Dār al-Jīl, 1412H) 7: 728.

pemimpin. Garis panduan ini wajib dikemukakan oleh pihak pemerintah dalam menerima penglibatan wanita dalam politik sama ada secara langsung maupun tidak langsung dan sekaligus akan dapat berfungsi meninggikan martabat wanita dalam masyarakat.

#### 2.4.4 Menjamin Kebajikan Wanita

Melalui sistem pemerintahan Islam, kebijakan golongan wanita telah diberi jaminan yang berterusan sehingga berjaya memperlihatkan bagaimana kedatangan syariat Islam telah membawa sinar kebahagiaan untuk golongan wanita setelah sekian lama dianiyai.<sup>123</sup> Kebajikan rakyat termasuk wanita di dalam negara Islam adalah meliputi aspek yang luas seperti jaminan keselamatan dan keamanan, keperluan hidup, akhlak dan peradaban, urusan beragama, keadilan, pendidikan, kebebasan dan lain-lain termasuk kebahagiaan yang kekal abadi di akhirat nanti.<sup>124</sup>

Dalam memberi jaminan keselamatan kepada wanita, Rasulullah SAW telah memerintahkan agar mengasihi mereka dan tidak membunuh anak perempuan.<sup>125</sup> Baginda juga melarang daripada membunuh wanita di dalam peperangan. Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa seorang wanita ditemui terbunuh di dalam sebuah peperangan yang disertai oleh Rasulullah SAW, lalu baginda pun melarang daripada membunuh wanita dan kanak-kanak, meskipun dalam peperangan.<sup>126</sup> Malah kelahiran anak perempuan yang dianggap sial pada zaman jahiliyyah diganti dengan janji Rasulullah SAW bahawa sesiapa yang mempunyai anak perempuan yang dijaga dengan baik sehingga baligh atau berkahwin akan diberi ganjaran syurga di akhirat kelak.<sup>127</sup>

<sup>123</sup> Muhammad Abdul Qādir Abū Fāris, *Huqūq al-Mar'ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fī al-Islām*, 6.

<sup>124</sup> 'Abd al-Rahmān Tāj, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah wa al-Fiqh al-Islāmi*, 91-97.

<sup>125</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitāb al-Adab, Bab 'Uqūq al-Wālidayn min al-Kabā'ir, no. Hadith 5975. Ahmad bin 'Alī Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 12: 9.

<sup>126</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Jihād wa al-Siyār, Bab Qatl al-Nisā' fī al-Harb, no. Hadith 3015. Ahmad bin 'Alī Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 6: 257.

<sup>127</sup> Antaranya ialah sabda Rasulullah SAW:

Rasulullah SAW juga menitik beratkan kebajikan golongan armalah atau ibu tunggal.

Baginda SAW bersabda:

السَّاعِي عَلَى الْأَرْمَلَةِ وَالْمِسْكِينِ كَالْمُحَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ - وَأَخْسِبُهُ قَالَ - وَكَالْفَائِمِ لَا يَقْتُرُ وَكَالصَّائِمِ لَا يَعْطَرُ.

Terjemahan: Orang yang berusaha membela golongan amalah dan orang miskin adalah seperti orang yang berjihad di jalan Allah – dan aku merasakan baginda menambah lagi – dan seperti orang yang berqiamullail yang tidak berehat dan seperti orang yang berpuasa yang tidak berbuka.<sup>128</sup>

Sebagai Ketua Negara, baginda SAW telah berusaha untuk memenuhi keperluan ibu-ibu tunggal dan hamba-hamba wanita pada zaman baginda.<sup>129</sup>

Demikianlah dalam sistem pemerintahan Islam, kebajikan golongan yang lemah sentiasa dititik beratkan, terutama terhadap golongan wanita tidak kira kedudukan mereka sebagai anak, isteri mahupun ibu. Apatah lagi bagi golongan ibu yang hamil, baru melahirkan, menyusukan anak, golongan armalah, wanita yang miskin, sakit, tua dan tidak berwali perlu diberikan perhatian yang khusus oleh pihak kerajaan Islam.

مَنْ عَالَ جَارِيَتَيْنِ حَتَّىٰ تَبْلُغَا حَاجَةَ يَوْمِ الْقِيَامَةِ أَنَا وَهُوَ. (وَضَمَّ أَصْنَاعَهُ).

Terjemahan: Sesiapa yang memelihara dua orang anak perempuan sehingga baligh, dia pasti akan datang pada hari kiamat kelak dalam keadaan aku dan dia seperti ini (baginda pun merapatkan dua jari baginda). Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Bir wa al-Šilah wa al-Ādāb, Bab Faḍl al-Iḥsān Ilā al-Banāt, no. Hadith 2631. Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Sahīh Muslim*, 986.

Antaranya lagi ialah sabda Rasulullah SAW di dalam hadis yang lain:

مَنْ عَالَ ثَلَاثَ شَبَابٍ أَوْ ثَلَاثَ أَخْوَاتٍ، أَوْ أَخْتَيْنِ أَوْ إِنْتَيْنِ، فَأَدَّبَهُنَّ وَأَخْسَنَ إِلَيْهِنَّ وَرَوَجَهُنَّ فَلَهُ الْجَنَّةُ.

Terjemahan: Sesiapa yang memelihara tiga orang anak perempuan atau tiga orang saudara perempuan atau dua orang anak perempuan atau dua orang saudara perempuan, lalu ia memperelokkan adab mereka, berbuat baik kepada mereka dan mengahwinkan mereka, dia akan mendapat balasan syurga. Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Adab, Bab Fī Faḍl Man ‘Āla Yatīma, no. Hadith 5147. Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash’ath al-Sajastāni, *Sunan Abī Dāwūd*, 770. Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Bir wa al-Šilah, Bab Mā Jā’ a Fī al-Nafaqah ‘alā al-Banāt wa al-Akhawāt, no. Hadith 1914. Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma‘rif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, t.t.), 438.

<sup>128</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Zuhd wa al-Raqā‘iq, Bab al-Iḥsān Ilā al-Armalah wa al-Miskīn wa al-Yatīm, no. Hadith 2982. Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Sahīh Muslim*, 1114.

<sup>129</sup> Direkodkan oleh al-Bukhārī bahawa hamba sahaya wanita di Madinah boleh mengajak Rasulullah SAW ke mana sahaja yang dia mahu dan Rasulullah SAW mengikutinya. Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Adab, Bab al-Kibr, no. Hadith 6072. Aḥmad bin ‘Alī Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 12: 113.

Melalui pelaksanaan Siasah Syar‘iyyah, pelbagai program kebajikan untuk mengukuhkan institusi keluarga boleh diperkenalkan sesuai dengan keperluan semasa. Sebagai contoh, pada zaman pemerintahan Khalifah Umar r.a, setiap bayi yang dilahirkan tidak kira lelaki atau perempuan telah diberi sumbangan tahunan daripada Baitul Mal secara tetap.<sup>130</sup> Malah semakin bertambah usia anak tersebut, semakin bertambah peruntukan tahunan yang diberi sehingga mencapai usia baligh.<sup>131</sup> Tindakan ini merupakan satu pembaharuan yang signifikan pada zaman Khalifah Umar kerana sebelum ianya dilaksanakan, Khalifah Umar r.a telahpun memperuntukkan sumbangan tahunan daripada Baitul Mal kepada kanak-kanak dengan syarat telah berhenti menyusu. Keadaan ini telah menyebabkan sebahagian ibu bapa bertindak memendekkan tempoh penyusuan bayi-bayi mereka lebih awal sebelum mencapai usia dua tahun sehingga memudaratkan si bayi semata-mata untuk memperoleh sumbangan daripada Baitul Mal. Bagi menyelesaikan isu tersebut, Khalifah Umar telah mengeluarkan arahan yang baru agar setiap anak yang dilahirkan terus mendapat peruntukan tahunan daripada Baitul Mal sehingga mencapai usia baligh. Sumbangan tersebut telah memberi kesan terhadap kebajikan wanita dan dapat mengukuhkan institusi keluarga kerana kehadiran orang baru dalam keluarga memerlukan sokongan moral dan material yang bukan sedikit.

Antara langkah yang telah dilakukan oleh Khalifah Umar r.a. untuk memelihara kebajikan wanita melalui pelaksanaan Siasah Syar‘iyyah juga ialah dengan mengehadkan tempoh seorang suami keluar berjihad meninggalkan isteri iaitu tidak melebihi 4 bulan sahaja.<sup>132</sup> Tindakan tersebut bertujuan untuk memberi jaminan keselamatan kepada kaum wanita, memelihara mereka daripada kelakuan sumbang dan seterusnya mengukuhkan institusi keluarga yang telah dibina.

<sup>130</sup> ‘Abd al-Ghālib ‘Abd al-Kāfi al-Qurashī, *Awwaliyyāt al-Fārūq al-Siyāsiyyah*, 362-364.

<sup>131</sup> Al-Māwardī, *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, 340.

<sup>132</sup> Al-Suyūṭī, *Tārīkh al-Khulafā* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 139. Lihat juga: ‘Abd al-Ghālib ‘Abd al-Kāfi al-Qurashī, *Awwaliyyāt al-Fārūq al-Siyāsiyyah*, 80.

Dalam konteks semasa, kerajaan boleh mengemukakan pelbagai polisi untuk memelihara kebijakan wanita kontemporari seperti galakan wanita bekerja dari rumah, menggalakkan majikan mengamalkan waktu bekerja secara anjal dan memberi insentif kepada majikan yang menyediakan kemudahan nurseri di dalam premis untuk pekerja wanita yang mempunyai bayi atau anak yang masih kecil.

#### 2.4.5 Membentuk Wanita Yang Bertanggungjawab

Konsep amanah merupakan antara prinsip Siasah Syar'iyyah yang paling utama. Allah SWT telah berfirman:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلُنَّهَا وَأَشْفَقُنَّ مِنْهَا وَحَمَلَهَا إِنْسَانٌ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ۝ لَعِذْبَتُ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ وَيَتُوبَ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا ۝  
R̄hīmā ۝

Al-Aḥzāb 33: 72-73

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikejadian. (Dengan kesanggupan manusia memikul amanah itu maka) akibatnya Allah akan menyeksa orang-orang lelaki yang munafik serta orang-orang perempuan yang munafik dan orang-orang lelaki yang musyrik serta orang-orang perempuan yang musyrik dan juga Allah akan menerima taubat orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman dan sememangnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Ayat di atas menggambarkan bahawa kemampuan manusia dalam memikul amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT akan membezakan antara golongan munafiq dan golongan yang beriman, lelaki maupun wanita. Begitu juga dengan ayat ke-58 dari Surah al-Nisā', ayat ke-27 dari Surah al-Anfāl, ayat ke-8 dari Surah al-

Mu'minūn dan ayat ke-32 dari Surah al-Mā'ārij, kesemuanya menyentuh berkenaan sifat memelihara amanah yang dianjurkan oleh Islam, kedudukan orang yang amanah di sisi Allah serta larangan daripada mengkhianati amanah.

Dalam hal ini, pemerintah berperanan untuk membentuk rasa bertanggungjawab dalam diri pemimpin dan rakyat melalui penghayatan terhadap konsep amanah. Imam Ibn Taimiyyah telah menjadikan ayat amanah sebagai pembuka bicara dalam bukunya yang masyhur iaitu *al-Siyāsah al-Shar'iyyah fī Islāḥ al-Rā'i wa al-Ra'iyyah* yang bermaksud “Siasah Syar'iyyah Dalam Memperbaiki Pemimpin dan Rakyat”.<sup>133</sup> Judul buku itu sendiri menjadi satu petanda penting bahawa dalam melaksanakan sistem pemerintahan Islam, pemimpin dan rakyat sama-sama bertanggungjawab untuk melaksanakan amanah yang dipikul dalam skop dan peranan masing-masing.<sup>134</sup>

Dalam konteks tanggungjawab seorang wanita, Rasulullah SAW telah bersabda:

وَالْمُرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتٍ رَّوْجَهَا وَمَسْنُوَّلَةٌ عَنْ رَعْتَهَا.

Terjemahan: Seorang wanita menjadi pemimpin ke atas rumah tangga suaminya, dan bertanggungjawab ke atas pihak yang dipimpin olehnya.<sup>135</sup>

Meskipun tanggungjawab wanita yang asas adalah sebagai seorang isteri dan ibu di dalam rumah tangga dan Islam telah menjadikan rumah sebagai tempat yang paling sesuai dan selamat untuk wanita, namun wanita juga harus diberi kesedaran oleh pemerintah bahawa tanggungjawab mereka tidak hanya berlegar dalam hal ehwal rumah tangga, suami dan anak-anak sahaja, tetapi juga dituntut untuk mengambil berat tentang urusan umat Islam. Perkara ini merupakan satu tuntutan kepada semua mukallaf kerana orang-orang beriman telah disifatkan oleh Rasulullah SAW sebagai sebuah

<sup>133</sup> Ibn Taymiyyah, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah Fī Islāḥ al-Rā'i wa al-Ra'iyyah*, 3.

<sup>134</sup> Lihat juga: Muhammad al-Mubārak, *Niżām al-Islām: Al-Hukm wa al-Daulah*, 36.

<sup>135</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Imārah, Bab Faqīlah al-Imām al-Ādil wa 'Uqūbah al-Jā'ir wa al-Hath 'alā al-Rifq bi al-Ra'iyyah wa al-Nahy 'an Idkhāl al-Mashaqqah 'Alaihim, no. Hadith 1829. Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Sahīh Muslim*, 711.

binaan yang saling menguatkan antara satu sama lain<sup>136</sup> dan seperti satu tubuh yang turut berasa sakit apabila mana-mana anggota tubuh itu sakit.<sup>137</sup>

Sehubungan itu, kaum wanita juga wajib diberikan penekanan terhadap tanggungjawab sosial yang dipikul bersama dengan kaum lelaki. Bermula dengan tanggungjawab mereka sebagai seorang individu yang merupakan hamba Allah yang bertanggungjawab ke atas semua taklif yang diberi, sebagai seorang anak yang mempunyai kewajipan terhadap ibu bapa, sebagai seorang isteri yang mempunyai kewajipan terhadap suami dan rumah tangganya, sebagai seorang ibu yang mempunyai kewajipan terhadap anak-anak, sebagai seorang ahli keluarga yang diberi tanggungjawab terhadap ahli keluarga yang lain, sebagai seorang jiran yang diperintahkan agar berbuat baik terhadap jirannya, sebagai seorang sahabat yang dianjurkan untuk memenuhi hak-hak sahabatnya, sebagai anggota masyarakat yang mempunyai kewajipan untuk dilaksanakan terhadap anggota masyarakat yang lain sehingga kepada seorang rakyat yang mempunyai kewajipan terhadap pemimpin dan negara.

Sepanjang pemerintahan Islam yang terdahulu, wanita turut mengambil berat tentang isu-isu umat Islam serta melaksanakan tugas dakwah, amar makruf dan nahi mungkar.<sup>138</sup> Wanita juga memiliki kerjaya dan pendapatan sendiri atas rasa tanggungjawab untuk memberi sumbangan terhadap golongan yang kurang berasib baik, bukan hanya dalam keadaan yang terdesak ataupun darurat. Wanita juga menyertai aktiviti-aktiviti kesukarelaan untuk membangunkan anggota masyarakat yang lain sebagai kesedaran terhadap tanggungjawab sosial. Apa yang penting ialah wanita perlu dilengkапkan

<sup>136</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Birr wa al-Šilah wa al-Ādāb, Bab Tarāhūm al-Mu'minīn wa Ta'ātufuhum wa Ta'āduduhum, no. Hadith 2585. Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Šahīh Muslim*, 974. Lihat juga: Muḥammad ‘Alī al-Hāshimī, *Šakhṣiyah al-Mar'ah al-Mu'simah Kamā Yaṣūghuhā al-Islām fī al-Kitāb wa al-Sunnah*, 407.

<sup>137</sup> *Ibid.*

<sup>138</sup> Lihat misalnya: Faḍl Ilāhi. *Mas'ūliyyah al-Nisā' fī al-Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar fi Dau' al-Nuṣūṣ wa Siyar al-Šāliḥāt*. ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd, *al-Mar'ah wa Fiqh al-Da'wah Ilā Allāh* (Mansurah: Dār al-Wafā', 1992).

dengan kemahiran pengurusan diri dan rumahtangga yang cekap agar dapat melaksanakan semua peranan mereka tanpa mengabaikan tanggungjawab yang asas.<sup>139</sup>

Ruang yang luas kepada wanita untuk melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat membuktikan bahawa Siasah Syar‘iyyah berperanan untuk membentuk wanita yang bertanggungjawab dan mampu berperanan secara efektif dalam masyarakat sekitarnya.<sup>140</sup>

## 2.7 Kesimpulan

Bagi mengakhiri perbincangan mengenai peranan Siasah Syar‘iyyah terhadap wanita, dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan Siasah Syar‘iyyah sejak zaman Rasulullah SAW telah memberi kesan yang positif terhadap wanita dalam semua aspek. Prinsip Siasah Syar‘iyyah dalam membangunkan wanita dengan menegakkan keadilan, menggarap persamaan dan memberikan kebebasan terhadap wanita telah membentuk beberapa fungsi dan peranan yang penting dalam memandu wanita melaksanakan syariat, melindungi wanita daripada mungkar, meninggikan maitabat wanita, memelihara kebijakan wanita dan membentuk wanita yang bertanggungjawab. Objektif utama yang sepatutnya dicapai daripada peranan-peranan tersebut ialah membawa kesejahteraan kepada wanita, keluarga, masyarakat dan negara melalui pengukuhan terhadap kelima-lima elemen yang terkandung dalam *al-darūriyyāt al-khamsah*. Peranan-peranan tersebut sewajarnya dijadikan landasan utama dalam membangunkan wanita dalam konteks semasa.

<sup>139</sup> Hafṣah Ahmad Hasan, *Uṣul Tarbiyah al-Mar’ah al-Muslimah al-Mu’āṣirah*, 299.

<sup>140</sup> Muḥammad ‘Alī al-Hāshimī, *Shakhṣiyah al-Mar’ah al-Muslimah kamā Yaṣūghuhā al-Islām fī al-Kitāb wa al-Sunnah*, 297.

## **BAB TIGA: LATAR BELAKANG DAN PELAKSANAAN DASAR WANITA NEGERI KELANTAN**

### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menghuraikan latar belakang Dasar Wanita Negeri Kelantan untuk melihat dengan lebih jelas mengenai sejarah penggubalannya. Ia juga akan meneliti secara analitikal berkenaan pelaksanaan dasar tersebut berdasarkan strategi yang telah digariskan bagi merumuskan perkaitannya dengan konsep Siasah Syar‘iyyah.

### **3.2 Latar belakang Dasar Wanita Negeri Kelantan**

Sejak mengisytiharkan Dasar Membangun Bersama Islam pada penghujung tahun 1990, kerajaan negeri Kelantan telah mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap wanita sehingga mencetuskan beberapa tindakan yang dianggap kontroversi dan menyongsong arus perdana.<sup>1</sup> Dengan mengisytiharkan matlamat untuk melaksanakan syariat Islam sepenuhnya dalam pentadbiran negeri, Kerajaan Kelantan mula membentuk dasar-dasar sokongan yang mendukung hasrat tersebut dalam semua bidang, antaranya ialah penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan. Justeru itu, adalah penting untuk menjelaskan lebih dahulu secara ringkas mengenai dasar Membangun Bersama Islam dan bagaimana ia telah melahirkan dasar-dasar sokongan yang bersepada. Setelah itu akan dibentangkan mengenai susur galur penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan sehingga membuaikan pernyataan dasar yang tersusun sebagai rujukan dan panduan kepada pihak

---

<sup>1</sup> Sebagai contoh, Menteri Besar Kelantan pernah mengeluarkan arahan agar wanita tidak bekerja malam. Arahan ini telah menerima pelbagai respon daripada masyarakat dan organisasi wanita. Lihat: New Straits Time, *Pas wants women to work day shifts only*, 24 Oktober 1990, h.24. Begitu juga dengan larangan kepada qariah untuk menyertai ujian tilawah al-Quran yang telah diumumkan oleh YB Menteri Besar Kelatan dianggap sebagai satu tindakan yang memecah tradisi. Larangan tersebut telah dibahaskan secara hangat oleh beberapa pihak termasuk pensyarah universiti, hakim ujian tilawah al-Quran di Kelantan dan johan qariah peringkat antarabangsa. Lihat: "Kelantan larang wanita sertai ujian tilawah al-Quran," *Utusan Malaysia*, 21 November 1990, 2. "Tilawah: Saranan Nik Aziz dibantah," *Berita Harian*, 22 November 1990, 2.

pelaksana dan rakyat dalam memelihara kepentingan wanita mengikut spesifikasi yang dikehendaki oleh pihak pembuat dasar.

### **3.2.1 Dasar Membangun Bersama Islam 1990 Permulaan Pembaharuan Untuk Kepentingan Wanita**

Pembentukan Dasar Membangun Bersama Islam oleh Menteri Besar Kelantan yang ke-17 iaitu YAB Tuan Guru Hj. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat merupakan satu bentuk pelaksanaan terhadap manifesto Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Kelantan atau “Program PAS Negeri Kelantan” dalam Pilihanraya Umum ke-8 yang bertema “Membangun Bersama Islam”.<sup>2</sup> Setelah memenangi pilihanraya tersebut pada 21 Oktober 1990<sup>3</sup> bersama dengan Angkatan Perpaduan Ummah (APU),<sup>4</sup> manifesto pilihanraya yang dikemukakan itu telah diterima dan disahkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Kelantan sebagai rujukan dalam membina kerangka dasar bagi perancangan program dan projek pembangunan Negeri Kelantan.<sup>5</sup> Setelah itu, pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) pula telah merumuskan kandungan manifesto tersebut dalam bentuk kertas panduan dasar pentadbiran kerajaan dan

<sup>2</sup> Lihat: Program PAS Negeri Kelantan 1990, Pejabat Perhubungan PAS Negeri Kelantan.

<sup>3</sup> Kerajaan Negeri Kelantan pernah ditadbir oleh PAS dari tahun 1959 hingga tahun 1978. Namun pada Pilihanraya Umum 1978, Barisan Nasional (BN) telah berjaya merampas semula Kelantan sehingga akhirnya tewas kembali apabila berlakunya Pilihanraya Umum pada tahun 1990. Mohd Fadli Ghani, ed., *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam* (Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, 2011), 10. Cari sumber SPRM.

<sup>4</sup> Angkatan Perpaduan Ummah atau APU merupakan satu pakatan politik yang dibina bagi menghadapi Pilihanraya Umum ke-8 pada tahun 1990. Ia terdiri daripada 3 buah parti politik iaitu Semangat 46, Berjasa dan Hamim. Hasil temubual bersama Dr. Wan Nik Wan Yussof, Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan pada 27 Januari 2016, beliau menegaskan bahawa PAS telah membuat satu permuafakatan politik atau tahaluf siyasi dengan APU bagi menghadapi PRU ke-8 dengan syarat PAS diiktiraf sebagai parti yang paling dominan dalam permuafakatan tersebut dan Islam dijadikan dasar pentadbiran seandainya berjaya memenangi kerusi majoriti di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Justeru itu, setelah PAS berjaya memenangi 24 kerusi daripada jumlah 39 DUN yang dipertandingkan dalam pilihanraya tersebut, dan selebihnya pula dimenangi oleh Parti Semangat 46 (13 DUN), Berjasa (1 DUN) dan Hamim (1 DUN), kerajaan negeri Kelantan yang dibentuk pada tahun 1990 bukanlah kerajaan APU seperti yang disebut-sebut tetapi hakikatnya merupakan Kerajaan PAS bersama APU di negeri Kelantan.

<sup>5</sup> MMK Negeri Kelantan kali pertama pada tahun 1990.

perancangan pembangunan negeri. Rumusan kepada kandungan manifesto itu telah diterbitkan oleh pihak UPEN dalam Laporan Ekonomi Negeri Kelantan tahun 1990/91.<sup>6</sup>

Meskipun peruntukan tentang wanita secara khusus tidak diungkapkan dalam manifesto pilihanraya umum 1990<sup>7</sup> sebagai janji untuk dilaksanakan pasca pilihanraya tersebut, namun langkah-langkah awal untuk memelihara kedudukan wanita berpanduan syarak telah dilaksanakan dengan segera selaras dengan dasar utama Kerajaan Negeri Kelantan untuk “Membangun Bersama Islam”. Menurut Wan Nik Wan Yussof, peruntukan tersebut tidak dinyatakan kerana panel penyusunnya masih belum mempunyai pengalaman mentadbir di dalam Kerajaan Negeri. Setelah memegang tampuk pentadbiran negeri, barulah keperluan untuk melaksanakan tuntutan Islam yang melibatkan wanita dilihat penting dan perlu disegerakan.<sup>8</sup> Tambahan pula Menteri Besar ketika itu merupakan seorang tokoh ulama yang memahami tuntutan-tuntutan syarak berkenaan wanita yang perlu dipatuhi. Justeru itu, pelbagai kaedah dan saluran telah digunakan untuk melaksanakan langkah-langkah awal bagi melindungi dan memelihara kepentingan wanita, antaranya ialah melalui arahan daripada YAB Menteri Besar sendiri, melalui keputusan mesyuarat Ahli MMK Negeri, melalui kertas Belanjawan Tahunan yang dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri setelah diluluskan oleh Dewan yang bersidang, melalui rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan mahupun merujuk kepada manifesto parti semasa kempeta pilihanraya diadakan sekiranya berkaitan.

Pada peringkat awal pelaksanaan dasar utama ini, ucapan-ucapan Menteri Besar di dalam majlis-majlis rasmi menjadi sumber utama untuk memahami intipati dan kehendak

<sup>6</sup> Mohd Fadli Ghani, ed., *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*, 33.

<sup>7</sup> Hal ini dapat diperhatikan di dalam buku manifesto pilihanraya tersebut yang telah menggariskan 10 perkara utama yang dijanjikan oleh PAS dalam PRU 1990 tanpa menyentuh berkenaan isu wanita secara jelas. Lihat: Program PAS Negeri Kelantan 1990. *Ibid.*

<sup>8</sup> Wan Nik Wan Yussof, temubual pada 27 Januari 2016 di Pejabat Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan (PKS).

dasar tersebut.<sup>9</sup> Seterusnya intipati penting tersebut digarap dan dimantapkan sehingga dapat dilihat dari dua sudut pandang yang saling melengkapi. Sudut pertama ialah sebagaimana yang dirumuskan oleh pihak UPEN dalam Laporan Ekonomi Negeri Kelantan tahun 1990/91 yang menumpukan kepada aspek pembangunan seimbang yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan pembangunan negeri serta penghormatan kepada kuasa dan tanggungjawab kerajaan. Manakala sudut kedua pula ialah sebagaimana yang dirumuskan oleh pihak Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan (PKS)<sup>10</sup> yang menekankan aspek prinsip pentadbiran dan perancangan berasaskan teras *Ubudiah, Mas'uliah dan Itqan* (UMI).<sup>11</sup> Rumusnya, keutamaan yang diberikan dalam pelaksanaan dasar ini sejak dari awal adalah untuk mencapai pembangunan yang seimbang bermula dengan pembangunan insan yang mementingkan aspek keimanan dan rohani yang bergerak seiring dengan aspek pembangunan fizikal.<sup>12</sup>

<sup>9</sup> Ucapan-ucapan MB telah dibukukan sebagai rekod dan bahan kajian dalam memahami dasar MBI. Lihat misalnya: Wan Ismail Wan Jusoh (1999). *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan*. Kota Bharu: Dian Darulnaim. Mohd Saiba bin Yaacob (2008). *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan*. Kota Bharu: Dian Darulnaim. Secara ringkasnya Dasar Membangun Bersama Islam membawa maksud tumbuh dan berubah mengikut ajaran Islam dan semua aspek. Pada tahun 2010, setelah 20 tahun dilaksanakan, Menteri Besar Kelantan telah menegaskan bahawa pengertian terhadap dasar Membangun Bersama Islam ini tidak pernah tergelincir daripada maksudnya yang asal. Ia memastikan bahawa pihak Kerajaan Negeri akan terus memacu pembangunan selari dengan landasan yang ditentukan oleh Allah SWT. Pembangunan perlu terus dilaksanakan kerana dunia ini dijadikan oleh Allah SWT untuk manusia, bukan untuk malaikat atau makhluk lain. Namun pembangunan yang kosong rohaninya hanyalah umpama pokok besar yang akarnya buruk dan reput. Sedutan daripada ucapan MB Kelantan sempena Sambutan 20 Tahun Kelantan Membangun Bersama Islam, pada 12 Zulkaedah 1431/ 20 Oktober 2010, di Dewan Konvensyen Kelantan Trade Centre (KTC), Kota Bharu. Dua Dekad Membangun Bersama Islam, h.xvii.

<sup>10</sup> Pusat Kajian Strategik (PKS) merupakan sebuah jabatan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan yang telah ditubuhkan pada tahun 1991. Pejabat PKS terletak di Blok 7 bangunan SUK Kota Darulnaim. PKS bertanggungjawab di dalam menjalankan penyelidikan dan kajian serta menyediakan analisis dan maklumat strategik kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Lihat: [pks.kelantan.gov.my](http://pks.kelantan.gov.my).

<sup>11</sup> Prinsip Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan menjadi teras pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Dasar Membangun Bersama Islam. Dengan meletakkan aspek kehambaan kepada Allah sebagai teras yang pertama menekankan bahawa pekerjaan adalah ibadah dan ladang pahala yang perlu dilaksanakan dengan baik sebagai bukti kehambaan diri kepada Allah. Teras Mas'uliyah pula menekankan aspek akauntabiliti, amanah dan tanggungjawab, bahawa setiap kaktungan kerajaan adalah bertanggungjawab terhadap tugas masing-masing dan akan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT di akhirat nanti. Setelah memenuhi kedua-dua teras tersebut, aspek Itqan ditekankan iaitu kecekapan, kecemerlangan dan kualiti. Lihat: Muhammad bin Daud al-Iraqi, Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam: Cabaran dan Halangan. Tidak diterbitkan. Hasil daripada penyusunan tiga teras tersebut Kerajaan Negeri Kelantan telah diisyitiharkan sifar rasuah dalam tempoh 25 tahun pelaksanaan Dasar Membangun Bersama Islam.

<sup>12</sup> Hal ini telah diulang-ulang oleh kepimpinan negeri Kelantan sama ada dalam ucapan rasmi, ceramah, ucapan belanjawan tahunan, taklimat, pembentangan kertas kerja dan sebagainya.

Pada tahun 1993, hasil daripada resolusi Seminar Memahami Dasar Membangun Bersama Islam,<sup>13</sup> semua Ahli MMK telah memulakan usaha untuk membina dasar-dasar khusus bagi setiap portfolio masing-masing. Sejak daripada itu, usaha penggubalan dasar-dasar yang menyokong pelaksanaan dasar utama Membangun Bersama Islam telah bermula. Antaranya ialah dasar kebudayaan,<sup>14</sup> dasar pelancongan,<sup>15</sup> dasar belia,<sup>16</sup> dasar wanita<sup>17</sup> dan diperlengkapkan dengan pindaan beberapa enakmen seperti Enakmen Kekeluargaan Islam 1998,<sup>18</sup> Enakmen Jenayah Syariah II (Hudud) 1993<sup>19</sup> dan Enakmen Kawalan Hiburan 1998.<sup>20</sup> Sementara itu, pihak Setiausaha Kerajaan Negeri turut mengeluarkan beberapa pekeliling pentadbiran untuk dipatuhi oleh para pegawai dan kakitangan awam negeri.

Hasil perkembangan dari sudut penggubalan dasar-dasar sokongan, dasar utama Membangun Bersama Islam juga telah dikemaskinikan penulisannya secara komprehensif pada tahun 2006 oleh sebuah panel yang dipengerusikan oleh YB Ustaz Hassan Mohamood, selaku Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Dakwah Negeri Kelantan ketika itu.<sup>21</sup>

Sehubungan itu, maksud Dasar Membangun Bersama Islam bagi Kerajaan Negeri Kelantan yang termaktub secara literal dalam kertas dasar edisi 2006 ialah:

Perlaksanaan pembangunan yang menyeluruh dan serasi dengan nilai-nilai Islam, mementingkan aspek kemanusiaan, dimantapkan dengan

<sup>13</sup> Seminar Memahami Dasar Membangun Bersama Islam telah diadakan pada tahun 1993 di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Darulnaim.

<sup>14</sup> *Dasar-dasar Utama Kerajaan Negeri Kelantan*, 4: 24-37.

<sup>15</sup> *Ibid.*, 3: 29-39.

<sup>16</sup> *Ibid.*, 3: 23-25.

<sup>17</sup> *Ibid.*, 3: 1-19.

<sup>18</sup> Lihat Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (1983). Negeri Kelantan. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (2002). Negeri Kelantan.

<sup>19</sup> Lihat Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II), 1993. Negeri Kelantan.

<sup>20</sup> Lihat: Enakmen Kawal Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Kerajaan Negeri Kelantan.

<sup>21</sup> *Kertas Dasar Membangun Bersama Islam*. Panel Penggubalan Dasar Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Ahli EXCO Kerajaan Negeri Kelantan, YB Haji Hassan Mahmood, bertarikh 11 Julai 2006.

ketaatan kepada agama dan tidak memudarangkan sosial dan moral manusia, demi mencapai keredaan Allah.<sup>22</sup>

Visi kepada dasar Membangun Bersama Islam pula termaktub sebagai:

Menjadikan Kelantan sebagai sebuah negeri yang terlaksananya nilai-nilai hidup Islam dan mendapat keredaan Allah.<sup>23</sup>

Misinya pula ialah:

Melaksanakan agenda pembangunan negeri dan ummah berdasarkan ajaran Islam yang syumul melalui pembangunan insan dan perancangan yang strategik.<sup>24</sup>

Bagi mencapai visi dan misi di atas, beberapa objektif telah disenaraikan sebagaimana berikut:

- i) Memperbetulkan pemahaman yang menafikan dasar-dasar Islam di dalam merealisasikan program pembangunan yang menyeluruh.
- ii) Menggubal dan melaksanakan dasar-dasar Islam ke arah merealisasikan anggota masyarakat Kelantan sebagai khalifah Allah yang beritaqwa, produktif, progresif dan menghayati kemajuan mengikut cara hidup Islam.
- iii) Menggubal dan melaksanakan dasar-dasar Islam dalam kerangka menggerak yang makruf dan mencegah yang mungkar.
- iv) Melaksanakan dasar pembangunan negeri bukan semata-mata atas perkiraan keuntungan berdasarkan prinsip persaingan yang tidak sihat tetapi menekankan keseimbangan di antara kemajuan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.<sup>25</sup>

---

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> *Ibid.*

Berdasarkan kepada keempat-empat objektif yang telah digariskan, dapat dirumuskan bahawa kerajaan negeri Kelantan telah meletakkan Islam sebagai acuan untuk membangunkan pemikiran, keyakinan dan cara hidup rakyat secara menyeluruh pada masa yang sama bersesuaian dengan kehendak masyarakat majmuk. Untuk tujuan tersebut, pelbagai dasar digubal dan dilaksanakan dalam kerangka pelaksanaan amar makruf dan nahi mungkar demi memelihara kemaslahatan dan menghindari kerosakan di dunia maupun di akhirat.

Kesemua perkara di atas adalah berkait rapat dengan pendekatan dan fikrah PAS sebagai parti yang mendominasi pentadbiran negeri Kelantan pasca Pilihanraya Umum 1990. Di dalam perlembagaan PAS, telah jelas termaktub bahawa Islam adalah dasarnya<sup>26</sup> manakala tujuannya pula ialah untuk memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah.<sup>27</sup> Ia juga menegaskan bahawa antara usaha-usaha PAS ialah memperjuangkan Islam serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara serta memperkenalkan nilai-nilai keislaman dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan di segenap bidang termasuk pemerintahan dan pentadbiran, ekonomi dan sosial serta pelajaran dan pendidikan.<sup>28</sup>

Demi memastikan objektif-objektif dasar Membangun Bersama Islam dapat direalisasikan di negeri Kelantan, kerajaan negeri telah memberi tumpuan kepada lima aspek berikut iaitu:

- a) Melaksana Syariat Islam
- b) Pembangunan Pendidikan

<sup>26</sup> *Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (Pindaan 2011)*, Bab 2, Fasal 3, 2.

<sup>27</sup> *Ibid.* Bab 3, Fasal 5, 2. Manakala satu lagi tujuan PAS ialah untuk mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara. *Ibid.*

<sup>28</sup> *Ibid.* Bab 3, Fasal 6, 2.

- c) Pembangunan Ekonomi
- d) Pembangunan Pentadbiran
- e) Pembangunan Sosial dan Budaya<sup>29</sup>

Seiringan dengan itu juga, Kerajaan Negeri Kelantan telah menekankan nilai dan pendekatan yang tersendiri terhadap golongan wanita di negeri Kelantan yang menyentuh kesemua aspek di atas secara umum dan dalam aspek pembangunan sosial dan modal insan secara lebih khusus. Hasil daripada itu, beberapa pembaharuan yang menyentuh kepentingan wanita telah berjaya dicetuskan sehingga dianggap sebagai peneraju perubahan.<sup>30</sup>

### **3.2.2 Peraturan Berpakaian Menutup Aurat 1992 dan Kawalan Pergaulan Bebas**

Sebaik sahaja memegang kuasa pentadbiran negeri pada tahun 1990, YAB Menteri Besar Kelantan telah mengarahkan supaya papan-papan iklan yang memaparkan wanita-wanita yang tidak menutup aurat ditutup dan dipadamkan.<sup>31</sup> Semua kakitangan wanita termasuk yang bertugas dengan badan-badan berkanun juga diarahkan memakai tudung.<sup>32</sup> Tindakan ini memberi gambaran bahawa peraturan Islam mengenai aurat

<sup>29</sup> Mohd Fadli Ghani, ed., *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*, 45-50. Bermula pada 1 Februari 2015 pula, Menteri Besar Kelantan yang ke-18 telah melancarkan fasa baru kepada dasar Membangun Bersama Islam iaitu “Program Kelantan Melangkah Kehadapan- Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan”, yang dimasyhurkan sebagai pelan “Merakyatkan Dasar Membangun Bersama Islam”. Berdasarkan pelan tersebut, Kerajaan Negeri Kelantan memberi tumpuan kepada tujuh nilai teras iaitu amalan kebersihan, menyempurnakan solat, pembangunan pendidikan, menyuburkan kebudayaan dan kesenian, menerajui pembangunan ekonomi serta penyelidikan dan penilaian. Lihat: <http://www.kelantan.gov.my/index.php/ms/berita-terkini/160-working-group-pelan-strategik-kelantan-melangkah-ke-hadapan-keberkatan-kemakmuran-kebajikan>

<sup>30</sup> Mohd Fadli Ghani, ed., *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*, 76 dan seterusnya.

<sup>31</sup> Rozi Bainon telah mengemukakan ulasan beliau mengenai perkara ini dengan menyebut bahawa, “Tindakan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat untuk menutup dan memadamkan papan-papan iklan (bill-board) yang memaparkan wajah-wajah wanita (yang mendedahkan aurat) di sekitar Bandar Kota Bharu adalah disokong. Haji Nik Aziz mengarahkan papan-papan iklan itu ditampal atas alasan untuk menghindarkan perbuatan mengeksploritasikan wanita dengan gaya yang kurang sopan di papan-papan tanda iklan. Jika dinilai dari aspek keuntungan hasil daripada papan-papan tanda tentulah lumayan, namun Dato’ Haji Halim Mohammad, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) yang juga Pengurus Jawatankuasa Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar lebih mengutamakan nilai-nilai murni dan sopan dari iklan berkenaan.” Lihat Rozi Bainon, *Wanita: Penghapusan Diskriminasi dari Perspektif Islam dan Undang-undang Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 151.

<sup>32</sup> “Kakitangan wanita diarah pakai tudung – Rozali,” *Utusan Malaysia*, 8 November 1990.

wanita telah dilaksanakan secara serta merta di bawah Dasar Membangun Bersama Islam. Walaupun demikian, arahan bertulis secara rasmi kepada semua kakitangan awam untuk memakai pakaian yang menutup aurat semasa bertugas telah dikeluarkan pada tahun 1993.<sup>33</sup>

Melalui Pihak Berkuasa Tempatan pula, Undang-undang Kecil mengenai peraturan berpakaian yang menutup aurat bagi wanita Islam dan berpakaian sopan bagi wanita bukan Islam telah dikuatkuasakan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) bermula pada 1 Januari 1992 lagi. Peraturan aurat ini dikuatkuasakan ke atas pemegang lesen melalui Syarat Lesen.<sup>34</sup> Penguatkuasaan pada peringkat awal ini lebih banyak mengambil pendekatan nasihat dan peringatan,<sup>35</sup> di mana Jabatan Pelesenan memberikan penerangan untuk menyedarkan peniaga tujuan peraturan berpakaian menutup aurat dan berpakaian sopan.<sup>36</sup> Pada 3 Januari 2002 pula peraturan dalam Syarat Lesen telah diwartakan dalam undang-undang kecil secara berperingkat ke dalam lapan undang-undang kecil.

Untuk mengawal pergaulan bebas antara lelaki dan wanita pula, Kerajaan Negeri Kelantan telah bertindak mengasingkan tempat duduk dalam majlis rasmi antara lelaki dan wanita<sup>37</sup> serta mengasingkan juga kaunter bayaran antara lelaki dan wanita di pusat-pusat membeli belah.<sup>38</sup> Pihak kerajaan juga menetapkan peraturan kedai gunting rambut iaitu tidak boleh wujud bilik tambahan bagi mencegah unsur maksiat serta tukang gunting

<sup>33</sup> Pekeling Perkhidmatan Bilangan 1/1993, Kerajaan Negeri Kelantan, "Peraturan Berpakaian Masa Bertugas Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan", bertarikh 28 Januari 1993.

<sup>34</sup> Pemegang lesen bermaksud orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah undang-undang kecil MPKB. Seksyen 2, Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB 1989 (Pindaan 2002). Buletin, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, Bil. 18, Januari 1992, 1.

<sup>35</sup> Setiap kesalahan hanya dikenakan kompaun sebanyak RM10.00 sahaja setelah diberikan nasihat dan peringatan. Lihat: *Berita Harian*, 2 Jun 1994.

<sup>36</sup> Misalnya, satu taklimat khusus telah diadakan pada tahun 1993 oleh pihak MPKB untuk memberi kefahaman tentang peraturan menutup aurat dan berpakaian sopan kepada pemegang-pemegang lesen perniagaan dan para pekerja di premis perniagaan telah dihadiri oleh 642 orang peserta. Lihat: Laporan Tahunan 1993 MPKB, 74.

<sup>37</sup> Pekeling Pentadbiran Islamiah Bil. 1, Kerajaan Negeri Kelantan, Tahun 1994, "Garis Panduan bagi Majlis-majlis Rasmi Kerajaan", bertarikh 1 Safar 1415/ 10 Julai 1994.

<sup>38</sup> Peraturan pengasingan ini dikuatkuasakan pada tahun 1996. Manakala kawalan pergaulan bebas di taman-taman pula tertakluk kepada UUK Taman MPKB 1986.

lelaki menggunting lelaki manakala tukang gunting wanita untuk wanita, sama ada bagi yang beragama Islam mahupun bukan Islam.<sup>39</sup>

### **3.2.3 Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin 1991**

Seawal tahun 1991, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengeluarkan satu surat pekeliling untuk memanjangkan cuti bersalin pegawai dan kakitangan negeri, agensi-agensi dan badan-badan berkanun di bawah Kerajaan Negeri dari 42 hari kepada 60 hari.<sup>40</sup> Tindakan ini dibuat berdasarkan kepada faktor kesihatan fizikal dan psikologi seorang ibu yang baru melahirkan untuk kembali sihat dan juga keperluan anak yang baru lahir dari sudut penyusuan dan pencarian pusat jagaan anak atau pengasuh yang sesuai sebelum kembali memberi khidmat yang optimum di tempat kerja. Selaras dengan hasrat kerajaan Malaysia untuk melahirkan sebuah masyarakat yang penyayang, pihak Kerajaan Persekutuan juga telah membat perubahan yang sama dengan memanjangkan tempoh cuti bersalin kepada pegawai dan kakitangan kerajaan dari 42 hari kepada 60 hari bermula tahun 1998.<sup>41</sup>

Kerajaan Negeri Kelantan juga telah menggunakan pekeliling perkhidmatan persekutuan mengenai cuti isteri bersalin kepada kakitangannya dari tiga hari kepada

---

<sup>39</sup> Buletin Khas MPKB-BRI (t.t). Perubahan Yang Dilakukan MPKB-BRI selama 17 tahun di bawah Kepimpinan Ulamak. Jabatan Perhubungan Awam MPKB-BRI, Kota Bharu, 4. UUK Kedai Gunting Rambut Dan Pendandan Rambut MPKB (Pindaan) 2003.

<sup>40</sup> Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2, Kerajaan Negeri Kelantan, Tahun 1991, “Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin Bagi Pegawai/ Kakitangan Wanita Kerajaan Negeri di Bawah Perintah-perintah Am 25 Dan 26 Bab C”, bertarikh 12 Mac 1991.

<sup>41</sup> Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1998, Kerajaan Seri Paduka Baginda Malaysia, “Kemudahan Cuti Pegawai Bersalin”, bertarikh 25 April 1998. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah bersetuju menggunakan tempoh kelayakan cuti bersalin kepada pegawai dan kakitangan negeri sehingga 90 hari dan turut menyediakan kemudahan cuti menjaga anak kepada kaum wanita. Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil. 10, Tahun 2015, Kerajaan Negeri Kelantan, “Kemudahan Cuti Menjaga Anak”, bertarikh 11 Ogos 2015. Pekeliling ini bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5, Tahun 2014, Kerajaan Malaysia, “Kemudahan Cuti Menjaga Anak”, bertarikh 17 Disember 2014. Kemudahan ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2015.

tujuh hari<sup>42</sup> supaya dapat membantu menguruskan isteri yang baru bersalin dan anak yang baru dilahirkan.

### **3.2.4 Menyusun Semula Hari dan Masa Bekerja 1995**

Antara pembaharuan awal yang memberi kesan kepada kepentingan wanita termasuk dalam mengukuhkan hubungan kekeluargaan ialah langkah menyusun semula hari dan masa bekerja di negeri Kelantan. Hari bekerja yang asalnya selama enam hari seminggu telah dikurangkan kepada lima hari seminggu sahaja iaitu dari hari Ahad hingga Khamis dengan memanjangkan masa bekerja pada hari Khamis sehingga jam 5 petang,<sup>43</sup> sekaligus memperkenalkan cuti dua hari seminggu iaitu pada hari Jumaat dan Sabtu supaya hari Sabtu boleh dijadikan hari bersama keluarga dengan mengadakan aktiviti ziarah menziarahi dan lain-lain.<sup>44</sup> Pada awal pengumuman peraturan tersebut, Kerajaan Negeri Kelantan telah menerima pelbagai kecaman dari pelbagai pihak, antaranya yang menuduh pentadbiran Islam menggalakkan rakyat malas bekerja. Namun setelah peraturan baru tersebut dilaksanakan selama hampir tiga tahun dan menampakkan kesan yang positif terhadap hubungan keluarga dan masyarakat serta tidak mengurangkan hasil pendapatan negeri, pihak Kerajaan Persekutuan juga telah mengumumkan perubahan yang sama di peringkat pusat dengan menetapkan dua hari cuti rehat dalam seminggu.<sup>45</sup>

Kerajaan Negeri Kelantan juga telah menyusun semula waktu bekerja pada bulan Ramadan dengan menghapuskan waktu rehat tengahari dan menetapkan masa yang lebih

<sup>42</sup> Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil. 13 Tahun 2002, Kerajaan Negeri Kelantan, “Kemudahan Cuti Isteri Bersalin”, bertarikh 12 Disember 2002. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2002, Kerajaan Seri Paduka Baginda Malaysia, “Kemudahan Cuti Isteri Bersalin”, bertarikh 9 November 2002.

<sup>43</sup> Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8, Kerajaan Negeri Kelantan, Tahun 1995, “Menyusun Semula Hari dan Masa Bekerja Bagi Jabatan-jabatan, Badan-badan Berkunun Dan Penguasa-penguasa Tempatan Kerajaan Negeri Kelantan”, Bertarikh: 18 Rejab 1416/ 11 Disember 1995.

<sup>44</sup> Hubungan Keluarga Penting Dalam Islam- TMB, Buletin Darulnaim, tahun ke-24, bil. 160, Julai-Ogos 2014/ Ramadan-Syawal 1435H, h.5.

<sup>45</sup> Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7, Kerajaan Seri Paduka Baginda Malaysia, Tahun 1998, Hari Rehat Sabtu atau Hari Rehat Khamis Bagi Sektor Awam”, bertarikh: 16 Disember 1998. Cuti dua hari seminggu dikuatkuasakan di peringkat Kerajaan Persekutuan bermula pada 1 Januari 1999.

awal untuk pulang bekerja.<sup>46</sup> Tindakan ini merupakan satu bentuk galakan daripada pihak kerajaan kepada kaum wanita untuk menyediakan juadah berbuka puasa dengan lebih awal dan seterusnya lebih bersedia untuk mengerjakan solat terawih dan menghidupkan malam-malam Ramadan yang penuh barakah.

Kerajaan Negeri juga pernah melarang wanita daripada bekerja pada waktu malam. Larangan ini walau bagaimanapun telah menerima pelbagai kecaman, antaranya menuduh Kerajaan Negeri mendiskriminasikan wanita, menghalang wanita daripada terus maju, mengamalkan dasar yang kolot dan seumpamanya.<sup>47</sup> Namun setelah Kerajaan Negeri membenarkan dengan syarat yang ketat iaitu disediakan pengangkutan khas atau tempat tinggal yang berdekatan, kecaman tersebut lenyap dengan sendiri. Beberapa pihak turut akur bahawa saranan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri itu sebenarnya merupakan satu langkah yang baik demi untuk memelihara keselamatan wanita daripada terdedah kepada bahaya yang sepatutnya boleh dielakkan.<sup>48</sup>

### **3.2.5 Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998**

Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 telah diluluskan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan (DUN) pada 29 Oktober 1998.<sup>49</sup> Enakmen ini digubal selaras dengan kehendak Dasar Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan yang

<sup>46</sup> Lihat Lampiran D. Pekeling Perkhidmatan Negeri, bil. 2, Kerajaan Negeri Kelantan, tahun 1996, “Pindaan Kepada Pekeling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1991”, bertarikh 17 Januari 1996. Pekeling ini menetapkan bahawa waktu bekerja pada hari Ahad hingga Rabu ialah dari jam 8.00 pagi hingga 3.45 petang manakala pada hari Khamis bermula pada 8.00 pagi hingga 3.30 petang. Pada tahun 2011, satu pindaan telah dibuat terhadap waktu bekerja pada bulan Ramadan iaitu bermula dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang pada hari Ahad hingga Rabu dan bermula dari jam 8.00 pagi hingga 2.30 petang pada hari Khamis. Pekeling Perkhidmatan Negeri Bil.8 Tahun 2011, Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim, “Waktu Bekerja Bulan Ramadhan”, pindaan kepada Pekeling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996, bertarikh 28 Julai 2011.

<sup>47</sup> Nik Azlan Abdul Hadi, dalam temubual bersama penulis, 21 Januari 2016.

<sup>48</sup> Panel Pusat Kajian Strategik, “Isu-Isu Pentadbiran Kerajaan dan Pembangunan Sosio-Ekonomi Negeri Kelantan 1990-2010: Satu Analisis”, dalam *Seminar 20 Tahun Kepimpinan Ulamak Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan*, anjuran Pejabat Menteri Besar Kelantan (Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, 2009), 13.

<sup>49</sup> Enakmen No.8 Tahun 1998, P.U Kn.619/Jld.1; SUK.(S)D.200/420/1/2/Jld.47. Dokumen ini telah dipersetujui oleh Sultan Kelantan dengan menggunakan Mohor Kerajaan pada 8 November 1998.

telahpun wujud sejak tahun 1993 lagi.<sup>50</sup> Dengan berkuatkuasanya enakmen tersebut, maka termansuhlah Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 yang telah diguna pakai sejak zaman penjajah dengan nama *Theatres and Place of Public Amusement Enactment No.47/1936 [N.M.B]. En 47/36*. Walaupun Peraturan Panggung Wayang dan Tempat Penghiburan 1957 telah diwujudkan selepas negara kita merdeka, namun dari segi pelaksanaan masih lagi mengikut Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 tersebut.<sup>51</sup> Justeru itu, dengan termansuhnya enakmen terdahulu, pihak kerajaan negeri telah mendapat kuasa yang lebih luas untuk mengawal selia semua bentuk hiburan yang diadakan di dalam negeri Kelantan dari sudut perlesenan dan penguatkuasaan.

Enakmen ini telah menyenaraikan peruntukan-peruntukan berkenaan premis hiburan, masa persembahan, pihak yang diberi kuasa untuk meluluskan lesen bagi mengadakan program hiburan, termasuk juga aspek berkenaan cukai, denda, keamanan dan keselamatan awam, individu dan harta benda yang terlibat. Ia juga tidak membataskan jenis-jenis hiburan sama ada tradisional atau moden, malah meliputi semua bentuk hiburan, permainan, pameran, pertunjukan, pesta dan pertandingan yang dianjurkan di negeri Kelantan.<sup>52</sup>

Adapun dari sudut keterangan mengenai ciri-ciri hiburan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan, satu garis panduan yang dinamakan Garis Panduan Persempahan Kebudayaan (Hiburan) Negeri Kelantan 1998 telah diluluskan serentak bersama enakmen tadi di dalam sidang DUN yang sama pada 29 Oktober 1998. Garis panduan ini disusun sebagai panduan kepada pihak pelesenan, penggiat seni dan pihak awam agar kegiatan hiburan, kebudayaan dan kesenian yang diadakan di negeri Kelantan selari dengan Dasar

<sup>50</sup> Lihat: Kertas cadangan Garis Panduan Hiburan 1998.

<sup>51</sup> Mohd. Fadli Ghani, ed., *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*, 346.

<sup>52</sup> Lihat Jadual Seksyen 1 Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998.

Membangun Bersama Islam dan tidak melanggar hukum syarak. Berdasarkan prinsip dan garis panduan utama Dasar Kebudayaan Negeri Kelantan, kedudukan wanita dan lelaki dalam kegiatan kebudayaan mestilah diasingkan dan wanita tidak boleh dijadikan alat untuk tontonan lelaki.<sup>53</sup>

Pada tahun 2003 pula, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengemaskini garis panduan tersebut dan meluluskan Garis Panduan Persembahan Hiburan 2003 bagi menjelaskan lagi maksud, jenis dan kelas hiburan di bawah kawalan kerajaan negeri berdasarkan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Garis panduan ini secara jelas menegaskan tatacara penglibatan wanita dalam aktiviti hiburan, antaranya ialah:

- a) Tidak melibatkan perempuan (cukup umur), lelaki menyerupai perempuan dan sebaliknya.
- b) Tidak dipertunjukkan oleh lelaki bersama perempuan yang bercampur aduk tanpa batas syarie atau dipertunjukkan oleh perempuan yang mendedahkan aurat.

Tatacara tersebut jelas diwujudkan demi memelihara akhlak dan adab Islam serta mengelakkan daripada terbitnya gejala sosial yang boleh merosakkan akhlak masyarakat. Tujuan mengehadkan penglibatan kaum wanita yang cukup umur atau melebihi usia 12 tahun mengadakan persembahan di hadapan orang ramai adalah bagi mengelakkan daripada timbulnya fitnah dan monopolii ke atas wanita.<sup>54</sup>

Turut menjadi garis panduan dalam persembahan hiburan ialah dilarang sama sekali melebihi jam 12 malam bagi mengelakkan orang ramai daripada perkara yang

<sup>53</sup> Lihat Dasar Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan, prinsip ke-5.

<sup>54</sup> Mohd Asri Che Ibrahim dan Shukeri Mohamad, "Langkah-langkah Penjagaan Wanita Dalam Aktiviti Hiburan dan Kesenian Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2015," dalam *Wanita Islam Kontemporari: Isu-isu, Cabaran dan Amalan Terbaik*, ed. Badlihisham Mohd Nasir, Nurhafizah Musa dan Asmak Hussin, 191-200.

membahayakan kepada diri mereka yang kebiasaannya banyak berlaku pada lewat malam.

### **3.2.6 Penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan**

Perbincangan ini melihat dari sudut kedudukan dasar di dalam negara yang mengamalkan sistem dualisme pentadbiran. Berdasarkan kuasa yang diperuntukkan oleh perlembagaan dan undang-undang, kerajaan negeri diberikan kuasa untuk membuat dan melaksanakan dasar-dasar tertentu berpandukan kepada Senarai Negeri Dan Senarai Bersama sebagaimana yang telah digariskan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.<sup>55</sup> Penubuhan Jawatankuasa Penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan secara rasmi dikira agak lewat daripada resolusi seminar pada tahun 1993 untuk membentuk dasar-dasar sokongan bagi dasar utama Membangun Bersama Islam. Menurut kajian Nik Mohd Azlan Abdul Hadi, permulaan kepada proses penggubalan dasar tersebut telah berlaku sejak tahun 1998 lagi dengan menghimpunkan pakar-pakar yang dapat memberi sumbangan untuk menggariskan draf dasar wanita yang sesuai.<sup>56</sup> Pada tahun 2000, Jawatankuasa Penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan dipengerusikan oleh YB Dato Hj Muhammad bin Daud.<sup>57</sup> Sejak itu, beberapa siri mesyuarat dan kolokium telah diadakan untuk melengkapkan lagi pernyataan dasar yang digubal. Sebagai contoh, Kolokium Dasar Wanita Kelantan yang diadakan pada 4 November 2001 telah membentangkan Garis Panduan Dasar Wanita Negeri Kelantan yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Induk Dasar Wanita Negeri Kelantan untuk

<sup>55</sup> Lihat: *Perlembagaan Persekutuan*. Jadual Kesembilan, Perkara 74, 77, Senarai II dan III.

<sup>56</sup> Nik Mohd. Azlan Abdul Hadi, "Pembangunan Insan Di Negeri Kelantan Tahun 1978-2002: Kajian Cabaran dan Masalah," Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014, 122.

<sup>57</sup> Ditemui draf Dasar Wanita Negeri Kelantan yang pertama direkodkan juga bertarikh pada tahun 2000. Rekod-rekod bertulis mengenai mesyuarat-mesyuarat yang diadakan sebelum tahun 2000 tidak dapat ditemui sama ada di pejabat kerajaan maupun simpanan peribadi mereka yang terlibat dengan mesyuarat penggubalan tersebut. Namun hasil temubual dengan tiga orang tokoh yang terlibat iaitu Dato' Muhammad bin Daud, Dr Wan Nik bin Wan Yussof dan YB Mumtaz Mohd Nawi telah menegaskan perkara yang sama bahawa panel-panel penggubal dari pelbagai kepakaran telah dihimpun melebihi 5 kali dari seluruh negara selama beberapa tahun untuk memberi cadangan dalam mesyuarat penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan sebelum berjaya menghasilkan Dasar Wanita Negeri Kelantan.

dibincang dan dimurnikan. Pada tahun 2002, Kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan telah dikemas kini dan didokumenkan semula oleh Ketua Penulis Dasar iaitu Mohd Saidy Ismail bertarikh 17 Mac 2002. Pada tahun 2005, sebuah dokumen rasmi kerajaan telah diterbitkan bagi menghimpun dasar-dasar kerajaan negeri yang telahpun diluluskan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri<sup>58</sup>.

Sehubungan dengan itu, penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan ini secara asasnya bukanlah merupakan permulaan sebenar kepada pembentukan dasar negeri Kelantan terhadap wanita, tetapi lebih kepada usaha mengemaskini dasar-dasar negeri Kelantan terhadap wanita secara bertulis sebagaimana yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan sejak tahun 1990 supaya lebih tersusun dan dapat dirujuk oleh semua pihak yang berkaitan. Penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan telah memakan masa hampir empat tahun dan hal ini juga penting untuk membuktikan bahawa kerajaan negeri Kelantan begitu serius dan teliti dalam menyusun dasar tersebut.<sup>59</sup>

### **3.3 Perincian Dasar Wanita Negeri Kelantan**

Sebagai pendahuluan, kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan menjelaskan bahawa dasar ini telah digubal untuk menjadi panduan dan rujukan bagi menentukan neraca, nilai, halatuju dan objektif strategik yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam hal ehwal menjaga kepentingan dan pembangunan wanita selaras dengan dasar utama kerajaan negeri iaitu “Membangun Bersama Islam”. Untuk memberi gambaran lengkap mengenai kertas dasar tersebut, kajian ini akan menghuraikan perincian kertas dasar

<sup>58</sup> *Dasar-dasar Utama Kerajaan Negeri Kelantan* (Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, 2005) 3: 1-19.

<sup>59</sup> Ucapan Menteri Besar dalam Majlis Wacana Penerangan Dasar-dasar Kerajaan Negeri pada 14 Februari 2002 menjelaskan bahawa proses penyediaan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan negeri melibatkan tiga peringkat utama iaitu peringkat pernyataan dasar, penyediaan dasar dan pelaksanaan dasar, dan dua peringkat susulan iaitu peringkat pemantauan dan pembetulan. Lihat: Anual Bakri Haron, ed., *Koleksi Ucapan Rasmi II YAB Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan* (Kota Bharu, Dian Darulnaim Sdn. Bhd., 2004), 89.

tersebut secara analitikal berpandukan kepada konsep Siasah Syar'iyyah dan perkaitan dengan Dasar Wanita Negara.<sup>60</sup>

#### **(a) Dasar Utama**

Dasar Wanita Negeri Kelantan menegaskan bahawa dasar utamanya adalah Islam.<sup>61</sup> Pernyataan tersebut merupakan satu penegasan terhadap komitmen kerajaan negeri Kelantan untuk menjadikan ajaran Islam sebagai sumber dan landasan utama dalam mentadbir hal ehwal wanita dalam semua sektor dan bidang. Penegasan ini berkait rapat dengan pendekatan PAS sebagai parti pemerintah utama yang menguasai kerajaan negeri Kelantan selepas tahun 1990. Matlamat yang ditegaskan dalam perlembagaan PAS untuk membentuk sebuah negara yang melaksanakan nilai-nilai Islam dalam seluruh lapangan kehidupan telah diterapkan kepada dasar ini secara langsung.<sup>62</sup> Penegasan ini juga memperlihatkan perbezaan yang ketara antara inspirasi penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan dengan Dasar Wanita Negara yang menjadikan gagasan-gagasan antarabangsa sebagai rujukan utama tanpa elemen spiritual berasaskan agama yang menjadi roh kepada penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan. Keberanian kerajaan negeri untuk meletakkan Islam sebagai dasar utama adalah selari dengan prinsip Siasah Syar'iyyah yang menjadikan Islam sebagai asas dalam pentadbiran yang disebut sebagai prinsip *al-hākimiyah lillāh*. Pernyataan yang tuntas itu juga memperlihatkan bahawa titik tolak penggubalan antara Dasar Wanita Negeri Kelantan dan Dasar Wanita Negara adalah jelas berbeza. Dengan itu, penggubalan dasar wanita di peringkat negeri adalah perlu, kerana apa yang ingin dicapai oleh kerajaan negeri Kelantan pada hal ehwal yang melibatkan wanita Kelantan tidak dapat dicapai melalui pelaksanaan Dasar Wanita Negara semata-mata.

<sup>60</sup> Lihat Lampiran B, *Dasar Wanita Negara*.

<sup>61</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

<sup>62</sup> *Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (Pindaan 2011)*, Bab 3, Fasal 5, 2.

### **(b) Matlamat**

Matlamat Dasar Wanita Negeri Kelantan ialah untuk membangun dan mengembangkan kemuliaan dan potensi wanita bagi kemajuan dan kesejahteraan masyarakat Kelantan dan ummah seluruhnya berdasarkan penghayatan cara hidup Islam bagi orang-orang Islam serta cara hidup yang berdasarkan ketuhanan, nilai dan kepercayaan kaum serta nilai moral sejagat bagi golongan bukan Islam.<sup>63</sup>

Pernyataan di atas menegaskan bahawa dasar ini telah meletakkan matlamat yang jelas tentang halatuju dan tatacara yang akan diikuti. Matlamatnya ialah mencapai kemajuan dan kesejahteraan masyarakat bukan hanya di negeri Kelantan tetapi bagi kepentingan ummah seluruhnya. Manakala tatacara pelaksanaannya pula ialah dengan membangun dan mengembangkan kemuliaan dan potensi wanita melalui pendekatan yang menepati cara hidup Islam bagi mereka yang beragama Islam, serta cara hidup beragama dan nilai moral yang tinggi bagi yang bukan Islam. Kejelasan matlamat dan tatacara ini adalah penting kerana dalam amalan Islam, matlamat tidak menghalalkan cara. Kedua-duanya mestilah seiring dalam menepati kehendak syarak. Pernyataan ini juga menunjukkan bahawa Dasar Wanita Negeri Kelantan telah disesuaikan untuk diguna pakai ke atas wanita yang beragama Islam dan bukan Islam tanpa perlu diasingkan antara keduanya atau membentuk sebuah Dasar Wanita Islam yang khusus. Pernyataan ini sebenarnya adalah sesuai dengan sifat syariat Islam yang diturunkan oleh Allah SWT untuk memberikan kesejahteraan kepada semua, tidak kira Muslim mahupun non-Muslim.<sup>64</sup>

Walaupun Islam menjadi agama yang memerintah dan penghayatan terhadap cara hidup Islam merupakan matlamat utama yang ingin dicapai, namun penerapan nilai-nilai murni menerusi cara berfikir yang positif dan tindakan-tindakan yang bermoral merupakan matlamat yang dikongsi bersama untuk seluruh wanita Kelantan. Dari sudut Siasah

<sup>63</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

<sup>64</sup> Lihat Surah al-Anbiya', 21: 107.

Syar‘iyyah, matlamat ini dilihat selari dengan maqāsid Siasah Syar‘iyyah yang paling utama iaitu memelihara dan mengukuhkan agama dalam segenap lapangan hidup, seterusnya memelihara keamanan dan kestabilan sosial serta merealisasikan keadilan terhadap rakyat keseluruhan, sama ada yang beragama Islam mahupun tidak.<sup>65</sup>

### **(c) Pengiktirafan Islam Untuk Wanita**

Dasar ini merakamkan lima pengiktirafan Islam untuk wanita berasaskan kepada nas-nas al-Quran dan Sunnah. Pengiktirafan yang pertama menegaskan bahawa wanita adalah manusia yang dilengkapi dengan kemuliaan dan kehormatan sebagaimana yang dirumuskan daripada Surah al-Isrā’, ayat 70.<sup>66</sup> Penegasan di dalam sebuah dokumen dasar secara rasmi ini memberi gambaran awal bahawa Islam sebenarnya merupakan sebuah agama yang memuliakan wanita, dan justeru itu, kedudukan wanita di negeri Kelantan yang menjadikan Islam sebagai dasarnya yang utama sudah tentu akan diletakkan pada posisi yang mulia dan terhormat. Catatan ini juga bertujuan untuk memadamkan persepsi negatif yang ada dalam masyarakat bahawa Islam meletakkan wanita sebagai manusia kelas kedua.

Pengiktirafan kedua ialah bahawa wanita merupakan manusia yang menerima tanggungjawab dan boleh dipertanggungjawabkan atas setiap tindakannya seperti juga kaum lelaki. Penegasan ini dirumuskan daripada Surah al-Nahl, ayat 97,<sup>67</sup> Surah al-Nūr,

<sup>65</sup> Nūr al-Dīn Mukhtār al-Khadīmī, *al-Maqāṣid al-Shar‘iyyah: Ta’rīfuhā- Amthalatuhā- Ḥujjiyyatuhā*, 78-79.

<sup>66</sup> Ayat tersebut bermaksud: “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.” (Al-Isrā’, 17: 70).

<sup>67</sup> Ayat tersebut bermaksud: “Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya kami akan membala mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.” (Al-Nahl, 16: 97)

ayat 2<sup>68</sup> dan Surah al-Mā'idah, ayat 8.<sup>69</sup> Pernyataan ini memperlihatkan bahawa wanita juga memainkan peranan untuk memakmurkan dunia ini dengan memikul tanggungjawab sebagai khalifah dan hamba Allah SWT. Justeru itu, mereka juga perlu dididik agar menjadi seorang yang bertanggungjawab dan mampu memikul pelbagai tanggungjawab. Mereka juga boleh memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara sebagaimana golongan lelaki.

Pengiktirafan yang ketiga menegaskan bahawa wanita merupakan manusia yang mempunyai keperibadian yang tersendiri dan boleh memiliki kemahuan tersendiri, baik sebagai seorang gadis maupun sebagai janda. Pengiktirafan tersebut disandarkan kepada sabda Rasulullah SAW bahawa seorang janda tidak boleh dinikahkan sebelum diminta pertimbangannya manakala seorang gadis pula tidak boleh dinikahkan sebelum diminta persetujuannya.<sup>70</sup> Malah dalam Surah al-Tahrim ayat 10 dan 11, Allah SWT telah memberi contoh-contoh wanita yang memiliki keperibadian yang tersendiri iaitu isteri Nabi Nuh dan Nabi Lut a.s yang berbeza daripada suami mereka dan dipertanggungjawabkan ke atas kesalahan mereka sendiri. Begitu juga dengan Asiah isteri Firaun yang memiliki jati diri yang hebat dan kemahuan yang kuat terhadap kebaikan sehingga tidak terkesan dengan kezaliman suaminya.<sup>71</sup> Meskipun wanita dalam Islam perlu dilindungi oleh wali, namun tidak bermaksud mereka tidak mempunyai hak

<sup>68</sup> Ayat tersebut bermaksud: "Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman." (Al-Nur, 24: 2)

<sup>69</sup> Ayat tersebut bermaksud: "Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." (Al-Mā'idah, 5: 38)

<sup>70</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitāb al-Nikāh, Bāb Isti'dhān al-Thayyib fī al-Nikāh bi al-Nuṭq wa al-Bikr bi al-Sukūt, no.h.1419. Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al- Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 513.

<sup>71</sup> YAB Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz bin Nik Mat secara peribadi pernah mengutarakan kepada YB Hjh Mumtaz binti Md Nawi bahawa golongan wanita Kelantan perlu dididik berdasarkan ayat Surah al-Tahrim di atas agar mereka mengetahui bahawa mereka mempunyai keperibadian yang tersendiri dan wajib berusaha untuk kejayaan diri sendiri di dunia dan akhirat. YB Hjh Mumtaz binti Md Nawi, Mesyuarat Semakan Dasar Wanita Negeri Kelantan, UPWK, 25 Januari 2017.

untuk membuat keputusan untuk diri mereka sendiri dalam kebanyakan hal. Dalam konteks kerajaan negeri Kelantan, pengiktirafan ini diterjemahkan melalui usaha-usaha untuk mendidik wanita menjadi individu yang berilmu pengetahuan sehingga mampu berdikari dan memberi sumbangan yang positif kepada masyarakat di sekeliling.

Pengiktirafan Islam yang keempat dirumuskan daripada Surah al-Baqarah, ayat 187<sup>72</sup> dan Surah al-Nisā', ayat 34<sup>73</sup> yang menegaskan bahawa wanita adalah pendamping dan pembantu kaum lelaki dalam kehidupan rumah tangga dan masyarakat. Wanita bukanlah makhluk yang rendah tarafnya berbanding lelaki, malah mereka wajib diberikan hak yang selayaknya dengan peranan yang dijalankan oleh mereka, khasnya di dalam rumah tangga. Sebagai contoh di negeri Kelantan, wanita berhak menuntut harta sepencarian dan harta dom apabila berlakunya perpisahan sebagai pengiktirafan kepada sumbangan wanita dalam keluarga.

Pengiktirafan kelima pula dirumuskan daripada Surah al-Tawbah, ayat 71<sup>74</sup> yang menegaskan bahawa wanita adalah manusia yang memiliki potensi, cerdas dan mampu melibatkan diri dalam aktiviti politik dan sosial yang baik dan sesuai dengan fitrah wanita. Dalam konteks Dasar Wanita Negeri Kelantan, peluang-peluang dibuka kepada

---

<sup>72</sup> Ayat tersebut bermaksud: “Dihalalkan bagi kamu pada malam hari bulan Puasa bercampur dengan isteri-isteri kamu; mereka itu adalah pakaian bagimu, dan kamu pun adalah pakaian bagi mereka...” (Al-Baqarah, 2: 187)

<sup>73</sup> Ayat tersebut bermaksud: “Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi naafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemuliharaan Allah dan pertolonganNya dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.” (An-Nisa', 4: 34)

<sup>74</sup> Ayat tersebut bermaksud: “Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan milarang daripada berbuat kejahatan dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (Al-Tawbah, 9: 71)

wanita untuk sama-sama terlibat membangunkan masyarakat melalui lima belas agenda perubahan yang telah digariskan.

Rumusnya, tindakan pihak penggubal mendokumenkan secara bertulis pengiktirafan dalil-dalil nas terhadap kedudukan wanita secara langsung di dalam kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan membuktikan keseriusan mereka untuk menjadikan ajaran Islam sebagai sumber dasar tersebut. Malah pengertian lengkap kepada dalil-dalil tersebut juga dilampirkan bersama kertas dasar untuk dirujuk oleh semua pihak. Tindakan ini dilihat penting untuk diketengahkan di dalam dasar ini sebagai unsur didikan dan pelajaran bagi membangkitkan kesedaran dan memberi gambaran sebenar tentang kedudukan kaum wanita di dalam Islam yang diiktiraf sebagaimana lelaki, dan bukan sebagai manusia kelas bawahan sebagaimana yang didakwa oleh golongan yang prejedis terhadap Islam. Malah dengan mengaitkan dasar Islam yang ingin dibawa oleh kerajaan Kelantan dengan sumber al-Quran dan Sunnah secara langsung boleh meyakinkan masyarakat bahawa ajaran Islam yang sebenar sememangnya memberi keadilan, kebebasan dan kesamarataan kepada wanita demi membangunkan ummah sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini mengenai prinsip Siasah Syar‘iyyah dalam pembangunan wanita pada zaman Rasulullah SAW<sup>75</sup>.

**(d) Pernyataan Dasar**

Pernyataan Dasar Wanita Negeri Kelantan telah mengumumkan lima prinsip dasar sebagai acuan yang menentukan skop pelaksanaan dasar tersebut. Ia juga telah diselaraskan dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Dasar Wanita Kebangsaan serta Agenda Wanita Untuk Perubahan yang telah diisyiharkan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita nasional dalam tahun 1999.

---

<sup>75</sup> Lihat Bab Dua kajian ini.

Prinsip yang pertama menegaskan bahawa Dasar Wanita Negeri Kelantan berpegang pada cita-cita dan aspirasi Islam yang unggul dalam hal memuliakan, membangun dan memperkasakan wanita di negeri Kelantan. Dasar ini juga dengan jelas menegaskan bahawa apa sahaja yang termaktub di dalam prinsip Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Dasar Wanita Kebangsaan serta Agenda Wanita Untuk Perubahan boleh dilaksanakan dan diberi kerjasama seandainya tidak menyalahi aspirasi Islam, manakala yang bertentangan dengannya perlu diolah semula agar mematuhi piawaian syariah. Prinsip yang meletakkan aspirasi Islam sebagai komitmen pertama dalam membangunkan wanita khususnya ketika berlaku percanggahan, dilihat selari dengan prinsip kedaulatan syariat Islam atau *al-hākimiyah lillāh* dalam perbincangan Siasah Syar‘iyyah.

Prinsip kedua Dasar Wanita Negeri Kelantan ialah membela hak asasi wanita, menjamin perlindungan undang-undang dan kebebasan individu secara adil dan saksama. Prinsip ini sebenarnya tidak dilihat berbeza daripada prinsip Dasar Wanita Negara. Namun sudut pandang kerajaan negeri Kelantan terhadap hak asasi dan kebebasan individu adalah agak berbeza dengan sudut pandang kerajaan Persekutuan yang menjadikan perisytiharan hak asasi antarabangsa sebagai rujukan sehingga timbul perbezaan dari sudut pentafsiran dan pendekatan yang dilaksanakan. Prinsip hak asasi yang didukung oleh kerajaan negeri Kelantan sudah tentunya adalah yang selari dengan hak-hak yang dibenarkan oleh Islam dalam kerangka keadilan, kebebasan dan kesamarataan yang matijahkan keharmonian dalam masyarakat.

Prinsip ketiga pula ialah mengisyiharkan komitmen yang bersungguh-sungguh untuk memenuhi keperluan wanita dengan mengenalpasti dan menyelesaikan masalah, isu dan keperluan wanita agar tidak berlaku diskriminasi gender. Prinsip ini juga dari sudut tekstualnya tidak berbeza dengan prinsip Dasar Wanita Negara, namun sudut pandang Islam tentang isu dan keperluan wanita serta diskriminasi gender terhadap wanita juga berbeza dengan sudut pandang yang dimaksudkan oleh Dasar Wanita Negara.

Konvensyen Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) telah mentafsirkan diskriminasi terhadap wanita sebagai sebarang perbezaan, pengecualian atau sekatan yang dibuat berdasarkan jantina yang memberi kesan menghalang atau menafikan pengiktirafan, penggunaan atau pelaksanaan oleh wanita, hak-hak dan kebebasan hak asasi manusia dalam bidang politik, ekonomi, sosial, budaya, kehidupan awam atau sebarang bidang lain.<sup>76</sup> Definisi ini secara praktikalnya sukar untuk diselaraskan dengan pelaksanaan hukum Islam kerana perbezaan hukum antara lelaki dan wanita tercetus atas dasar perbezaan fitrah, fisiologi dan emosi antara lelaki dan wanita yang membawa kepada perbezaan hak dan tanggungjawab demi membentuk keharmonian gender, dan bukannya atas dasar diskriminasi. Muhammad Uthman El-Muhammady sebagai contoh telah mengemukakan istilah keharmonian gender<sup>77</sup> bagi membayangkan keadilan Islam yang hakiki dalam menyusun peranan lelaki dan wanita di tempat yang sesuai dengan meraikan perbezaan mereka demi membentuk sebuah masyarakat yang harmoni. Istilah tersebut dilihat lebih sesuai untuk dimasyurkan bagi memahamkan masyarakat bahawa keadilan gender yang dimaksudkan dalam Islam ialah yang mampu merealisasikan peranan secara harmoni, dan bukannya memberikan peranan dan hak yang sama kepada individu lelaki dan wanita tanpa meraikan perbezaan jantina sehingga mengakibatkan kepincangan dalam struktur asas keluarga dan masyarakat.

Prinsip keempat Dasar Wanita Negeri Kelantan ialah mengiktiraf dan menggalakkan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negeri dengan mengintegrasikan tenaga wanita secara adil dan bersesuaian dengan batas-batas syarak dan agama dalam sektor ekonomi, politik dan budaya. Pengiktirafan dan galakan Kerajaan Negeri kepada wanita

<sup>76</sup> Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, “Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita,” kertas kerja pembentangan, Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita, Kuala Lumpur, 2009, 3.

<sup>77</sup> Muhammad ‘Uthman El-Muhammady, “Wanita Dalam Era Cabaran Era Pasca-Modenisme Pendekatan Islam,” makalah, Seminar Wanita dan Cabaran Aliran Pasca-Modenisme: Penilaian dari Perspektif Islam, Institut Kefaham Islam (IKIM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Dewan Besar IKIM, Kuala Lumpur, 19-20 April 2011.

untuk melibatkan diri dalam proses pembangunan negeri bukanlah perkara yang asing dalam sistem kemasyarakatan dan negara Islam. Dengan membuat ketetapan bahawa penglibatan wanita dalam proses pembangunan negeri mestilah bersesuaian dengan batas-batas syarak dan agama, prinsip ini telah membentuk satu acuan yang jelas bagi merealisasikan peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita.

Prinsip yang terakhir ialah berusaha untuk meningkatkan pengiktirafan suara wanita dalam masyarakat sebagaimana yang ditekankan oleh dasar-dasar wanita seluruh dunia bagi mencapai dan menggalakkan keadilan gender dan berusaha ke arah masyarakat yang adil dan demokratik.<sup>78</sup> Walau bagaimanapun istilah keadilan gender yang dimaksudkan dalam prinsip Dasar Wanita Negeri Kelantan ini adalah berbeza dengan keadilan gender yang dimaksudkan oleh golongan feminis dan liberalis, kerana apa yang ingin dicapai dalam Islam adalah yang bersesuaian dengan peranan lelaki dan wanita dalam aspek pembangunan modal insan. Keadilan tersebut juga tidak boleh sama sekali diasingkan daripada panduan syariat yang menepati fitrah hidup manusia.

Rumusnya, kesemua prinsip Dasar Wanita Negeri Kelantan yang telah dikemukakan ini mendukung sepenuhnya prinsip dan matlamat Siasah Syar'iyyah. Ia juga memperlihatkan komitmen kerajaan negeri untuk memelihara kemaslahatan wanita, tidak kira sama ada yang beragama Islam mahupun tidak, dengan memenuhi keperluan mereka berpandukan kehendak Islam sebagai satu sistem hidup yang syumul dan menjamin keadilan sejagat.

#### **(e) Objektif Strategik<sup>79</sup>**

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan berhasrat untuk mencapai enam objektif strategik. Paling utama ialah untuk mengukuhkan akhlak dan

<sup>78</sup> *Ibid.*, 4.

<sup>79</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

moral wanita dalam skala yang besar supaya wanita Kelantan dikenali oleh masyarakat luar sebagai wanita yang berakhhlak mulia. Seiringan dengan itu, dasar ini juga bertujuan untuk membangunkan wanita sebagai potensi sumber manusia yang terpenting, menggalakkan wanita melibatkan diri dalam proses pembangunan, memastikan perkongsian adil terhadap manfaat pembangunan dan memastikan wanita mendapat peluang yang adil untuk memajukan kerjaya masing-masing. Dasar Wanita Negeri Kelantan juga meletakkan pengukuhan keluarga sebagai salah satu daripada objektif strategiknya kerana peranan wanita adalah amat sinonim dengan institusi kekeluargaan. Malah wanita juga diiktiraf sebagai sebuah “madrasah”<sup>80</sup> yang menggambarkan besarnya peranan wanita dalam menjayakan agenda pendidikan insan. Walau bagaimanapun, demi mengaktifkan lagi peranan pihak-pihak lain yang tidak kurang pentingnya dalam pengukuhan keluarga, maka pada tahun 2009, kerajaan negeri Kelantan telah menggubal satu dasar yang khusus bertujuan untuk mengukuhkan institusi keluarga yang dinamakan Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan. Sehubungan itu, objektif pengukuhan keluarga hanya dinilai secara umum dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan pasca penggubalan dasar keluarga tersebut.

Dari sudut teorinya, penyusunan objektif strategik dasar ini adalah selaras dengan metodologi Siasah Syar‘iyyah yang menggunakan kaedah *maṣāliḥ mursalah* bagi perkara yang tiada nas menyokong atau melarangnya, selagi mana ia membawa kepada kebaikan kepada rakyat yang dipimpin. Justeru itu, dalam konteks dasar wanita ini, semua objektif strategik yang disenaraikan merupakan satu kebaikan dan keperluan untuk individu wanita, keluarga dan juga masyarakat. Dari sudut praktikalnya pula, semua objektif yang

<sup>80</sup> Sebagaimana yang digambarkan di dalam sebuah syair Arab yang masyhur:  
الْأَمْ مَذْرُونَ إِنَّا أَغْذَدْنَاهَا # أَغْذَدْتَ شَفِيْا طَبِيبَ الْأَعْمَاقِ

Terjemahan: Seorang ibu adalah umpama sebuah sekolah, jika kamu persiapkannya; kamu sebenarnya mempersiapkan sebuah generasi yang baik akhlak dan keturunannya. Qasidah Ilmu dan Akhlak oleh Ḥāfiẓ Ibrāhīm. “Diwān Ḥāfiẓ Ibrāhīm,” laman sesawang *al-Hakawātī*, dicapai pada 21 Disember 2015, <http://al-hakawati.net/arabic/Civilizations/diwanindex6a1.pdf>

telah disenaraikan memerlukan perancangan strategik yang jelas dan berjadual dengan menyenaraikan pihak yang terlibat serta jangka masa yang tertentu agar kemaslahatan yang diharapkan benar-benar dapat dicapai. Walau bagaimanapun, sehingga akhir tempoh kajian ini dijalankan, objektif strategik dasar yang digariskan ini masih tidak dikepilkhan bersama pelan tindakan strategik yang menyeluruh.

#### *(f) Agenda Perubahan Untuk Wanita*

Untuk mengenalpasti masalah, isu dan keperluan wanita dalam pelbagai bidang, dasar ini merumuskan agenda perubahan untuk wanita yang meliputi lima belas sektor iaitu agama, pendidikan, undang-undang, ekonomi, pekerjaan, politik, harta, keluarga, kesihatan, rekreasi, media, sistem sokongan, jaringan, keperluan asasi dan masyarakat.<sup>81</sup>

Daripada lima belas agenda perubahan untuk wanita yang telah disenaraikan, agenda wanita dan agama diletakkan pada senarai yang teratas. Hal ini memperlihatkan bahawa Dasar Wanita Negeri Kelantan amat serius dalam menjadikan agama sebagai prioriti yang paling utama berbanding semua agenda yang lain sesuai dengan tingkatan *al-darūriyyāt al-khamsah* yang meletakkan penjagaan agama pada tingkat yangteratas. Berbeza dengan Dasar Wanita Negara, sebanyak tiga belas sektor telah diketengahkan, namun sektor agama berada pada bilangan ke-13 dengan digandingkan bersama sektor kebudayaan, kesenian dan warisan.<sup>82</sup> Hasil penelitian terhadap agenda perubahan untuk wanita sebagaimana yang telah dikemukakan di dalam Dasar Wanita Negeri Kelantan, terdapat tujuh sektor yang mempunyai persamaan dengan sektor-sektor yang telah dikemukakan oleh Dasar Wanita Negara iaitu sektor ekonomi, undang-undang, kesihatan, pendidikan,

<sup>81</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

<sup>82</sup> Tiga belas sektor tersebut ialah (1) Ekonomi, (2) Kemiskinan, (3) Undang-undang, (4) Keganasan terhadap wanita, (5) Kesihatan, (6) Pendidikan dan latihan, (7) Sains dan teknologi, (8) Pembuat keputusan (9) Mekanisme, jentera dan institusi pembangunan wanita, (10) Media, (11) Alam sekitar, (12) Sukan, (13) Kebudayaan, kesenian dan warisan. Lampiran C, *Dasar Wanita Negara* 2009. Manakala di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009 pula, menyenaraikan agama di dalam sektor kesebelas iaitu Wanita dan agama, kebudayaan, kesenian dan warisan. *Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009*, 9.

media dan agama. Walaupun demikian, Dasar Wanita Negeri Kelantan telah meletakkan sektor agama sebagai sektor yang berdiri sendiri sedangkan Dasar Wanita Negara pula menggandingkan sektor agama bersama dengan tiga sektor yang lain. Manakala sektor kemiskinan, keganasan terhadap wanita, sains dan teknologi, alam sekitar, sukan serta mekanisme, jentera dan institusi pembangunan wanita yang telah dikemukakan oleh Dasar Wanita Negara tidak disenaraikan di dalam agenda perubahan bagi Dasar Wanita Negeri Kelantan tetapi sebaliknya beberapa sektor yang lain pula telah diketengahkan iaitu sektor pekerjaan, harta, keluarga, rekreasi, sistem sokongan, jaringan, keperluan asasi dan masyarakat. Perbezaan tersebut boleh dikatakan berlegar dari sudut perbezaan istilah yang digunakan sahaja, kerana apabila diteliti, kedua-dua dasar tersebut mengiktiraf penglibatan wanita dalam semua sektor yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak dengan menggunakan istilah masing-masing. Dari sudut pandang Siasah Syar‘iyah pula, penentuan agenda-agenda yang memerlukan kepada penglibatan wanita secara lebih proaktif dalam Dasar Wanita Negeri Kelantan ini dilihat selari dengan metodologi Siasah Syar‘iyah yang meletakkan aspek kemaslahatan (*maṣāliḥ mursalah*) dan keperluan setempat (*al-‘urf*) dalam pertimbangan yang utama.

#### **(g) Peranan Wanita Kelantan**

Dasar Wanita Negeri Kelantan telah mengemukakan lima peranan utama yang cuba diterapkan pada golongan wanita bagi memastikan agar objektif dasar dapat dicapai. Lima peranan tersebut ialah sebagai pengukuh kesejahteraan keluarga, pendidik generasi akan datang, pemangkin produktiviti masyarakat, penyumbang kepada ilmu pengetahuan, sains dan teknologi serta sebagai pencetus kecaknaan aktivisme sosial.<sup>83</sup> Peranan-peranan tersebut dapat dijelaskan melalui jadual di bawah:

---

<sup>83</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

**Jadual 3.1: Rumusan Peranan Wanita Kelantan**

Peranan	Rasional	Matlamat
Pengukuh kesejahteraan keluarga	Sesuai dengan fitrah kelembutan dan kasih sayang yang ada pada wanita selaku anak, isteri dan ibu, wanita diharapkan dapat mewujudkan suasana rumah tangga yang bahagia dan harmonis dengan memastikan pengurusan rumah tangga yang baik.	Membawa kerukunan rumah tangga yang akan melimpahkan kesejahteraan ke dalam kejiranan, masyarakat dan negara.
Pendidik generasi akan datang	Nilai-nilai kasih sayang, ikhlas, jujur, hormat-menghormati, menjaga kebaikan, menghindari kemudaratan dan berpegang pada ciri-ciri murni sejagat pada hakikatnya bermula daripada didikan yang menjadi kebiasaan dalam keluarga.	Membentuk identiti unit-unit keluarga dan individu dengan nilai-nilai murni yang akan membentuk sistem ummah.
Pemangkin produktiviti masyarakat	Potensi wanita Kelantan yang terkenal dengan sifat keusahawannya perlu digunakan secara optimum melalui pendekatan yang khusus sehingga keupayaan yang halus dan terpendam dapat dipupuk dengan sebaiknya bagi menghasilkan sesuatu produk yang berkesan untuk kemajuan masyarakat.	Melibatkan wanita dalam usaha meningkatkan produktiviti masyarakat dalam berbagai-bagai bidang yang sesuai dengan fitrah dan kemampuan wanita serta mematuhi garis panduan syarak.
Penyumbang kepada ilmu pengetahuan, sains dan teknologi	Kecerdasan berfikir yang dimiliki oleh wanita perlu digunakan untuk menguasai ilmu pengetahuan dan mengambil manfaat daripada perubahan teknologi maklumat dan komunikasi, supaya fungsi dan peranan yang dimainkan oleh wanita menjadi efisien dan berkesan.	Menjadikan wanita sebagai penyumbang kepada ilmu pengetahuan, sains dan teknologi yang diperlukan oleh masyarakat sesuai dengan tuntutan abad ke-21.

Pencetus kecaknaan aktivisme sosial	Islam mengiktiraf wanita sebagai golongan yang mempunyai tahap kecaknaan yang tinggi tentang aktivisme sosial. <sup>84</sup>	Memastikan wanita menjadi cakna terhadap perjalanan, gejala dan aktivisme sosial untuk membangun ummah yang berwawasan dan mendekatkan seluruh kehidupan sosial dengan keampunan dan keredaan Tuhan.
-------------------------------------	--	--

Sumber: Analisis penulis.

Rumusnya, kesemua peranan di atas didokumenkan sebagai pelengkap kepada dasar ini bagi menerapkan kesedaran kepada setiap wanita Kelantan terhadap peranan mereka sebagai agen pembangunan, kemajuan, pengukuhan dan kesejahteraan masyarakat. Ia turut membayangkan bahawa dasar keIslamam ini mengiktiraf sumbangan wanita bukan hanya dalam lingkungan rumah tangga dan keluarga sahaja, tetapi juga meliputi masyarakat dan negara.

#### *(h) Strategi Pelaksanaan Dasar*

Strategi pelaksanaan perlu digaris untuk menentukan pihak-pihak yang terlibat secara langsung sebagai agensi pelaksana dasar<sup>85</sup> berserta pendekatan pelaksanaannya. Strategi pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dapat diringkaskan melalui jadual di bawah:

<sup>84</sup> Misalnya, al-Quran merakamkan keunggulan sifat cakna ini dengan kisah doa dan nazar isteri ‘Imrān supaya anak yang dikandungnya menjadi hamba yang soleh dan berkhidmat di Bayt al-Maqdis seperti yang dirakamkan dalam Surah Āli ‘Imrān, 3: 35.

<sup>85</sup> Jaitu badan yang ditugaskan untuk melaksanakan sesuatu projek sehingga matlamat tercapai. Agensi pelaksana terdiri daripada syarikat, jabatan kerajaan, kementerian atau pertubuhan antarabangsa. Agensi ini biasanya merupakan badan professional yang mengetahui selok-belok projek yang ingin dilaksanakan. *Kamus Sains Politik dan Pentadbiran Awam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 4, entri “agenzi pelaksana”.

### **Jadual 3.2: Strategi Pelaksanaan Dasar**

<b>Strategi</b>	<b>Fungsi</b>
Pembentukan Unit Pembangunan Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Menyelaras fungsi jabatan, unit dan agensi di bawah kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam konteks menjayakan Dasar Wanita Negeri Kelantan.</li> <li>ii) Menyelaras fungsi jabatan, unit dan agensi di bawah jadual bersama Persekutuan-Negeri atau Kerajaan Pusat; Badan-badan berkanun dan Bukan Kerajaan untuk menjayakan Dasar Wanita Negeri Kelantan.</li> <li>iii) Menyelaras, menyalur dan menggerakkan agenda-agenda perubahan untuk pembangunan wanita yang telah dipersetujui oleh kerajaan negeri kepada jabatan kerajaan, organisasi swasta dan badan-badan bukan kerajaan untuk dilaksanakan.</li> <li>iv) Merancang pengagihan sumber-sumber kepada pelbagai sektor yang mengendalikan program yang berkaitan dengan wanita.</li> <li>v) Menguatkuasakan peraturan dan tindakan yang tegas terhadap kes-kes penderaan dan diskriminasi terhadap wanita.</li> </ul>
Pembentukan Majlis Perundungan Wanita Kelantan (MPW)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i) Menjadi pusat pengumpulan maklumat dan maklum balas daripada khalayak untuk membantu kerajaan dan pentadbiran awam menyelesaikan masalah dan keperluan wanita.</li> <li>ii) Menjadi medan untuk memobilisasi penglibatan wanita dan aktivis-aktivis wanita serta pentadbiran awam yang mengendalikan hal ehwal yang melibatkan kepentingan wanita.</li> <li>iii) Menyediakan saluran maklumat, bantuan kewangan, teknikal dan khidmat nasihat daripada kerajaan kepada organisasi-organisasi wanita.</li> </ul>
Program Induksi Dasar Wanita Kelantan	Memastikan pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan disokong dan dilaksanakan secara menyeluruh oleh semua jabatan dan agensi kerajaan.
Kempen Kepakaan Gender	Membangkitkan kesedaran dan komitmen terhadap hak-hak wanita di kalangan pemimpin jabatan, agensi kerajaan, syarikat swasta dan masyarakat awam.
Peruntukan Anggaran Belanjawan	Menyediakan peruntukan belanjawan yang munasabah bagi memastikan pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan yang berkesan.

Sumber: Ringkasan daripada Dasar Wanita Negeri Kelantan

Berdasarkan strategi yang digariskan ini, terdapat dua pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan iaitu pihak Unit Pembangunan Wanita (UPW) dan Majlis Perundangan Wanita (MPW). Unit Pembangunan Wanita (UPW) Kelantan merupakan pihak utama yang ditubuhkan untuk merancang, menyusun dan mengawal program pembangunan wanita di Kelantan melalui usaha yang distrukturkan di bawah kerajaan negeri. Kedudukan Unit Pembangunan Wanita ini berubah-ubah mengikut susunan jawatankuasa yang dibentuk oleh kerajaan negeri pada setiap penggal pentadbiran. Sebagai contoh, Unit Pembangunan Wanita peringkat pertama telah digandingkan di dalam Portfolio Penerangan, Dakwah, Belia dan Hal Ehwal Wanita seterusnya diletakkan bersama Portfolio Belia dan Sukan, kemudian digandingkan bersama Portfolio Pembangunan Keluarga dan Kesihatan, seterusnya digandingkan bersama Portfolio Pembangunan Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat dan yang terkini ialah bersama Portfolio Pembangunan Keluarga dan Kebajikan. Implikasinya, peruntukan belanjawan yang diperolehi oleh untuk pembangunan wanita perlu dikongsi bersama portfolio-portfoli lain yang digandingkan bersama. Peranan Urus Setia Pembangunan Wanita juga perlu diselaraskan unit-unitnya sebagaimana portfolio yang terdapat di bawah Jawatankuasa Induk.<sup>86</sup>

Sehingga tahun 2012, UPW merupakan satu-satunya jentera kerajaan negeri yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan. Meskipun Majlis Perundangan Wanita (MPW) turut dinamakan sebagai pelaksana dasar tersebut, namun penubuhannya hanya berjaya dibuat pada bulan Mac 2012 iaitu lebih 10 tahun daripada tarikh penggubalan dasar, dengan menukar namanya kepada Majlis “Perundingan” Wanita Negeri dan Parlimen. Kelewatan penubuhan MPW merupakan

---

<sup>86</sup> Nur Adyani Mohamed (Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Wanita UPWK) dalam temubual bersama penulis, Pejabat UPWK, Kota Bharu, 21 September 2016.

salah satu daripada kesan kekangan pentadbiran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri.<sup>87</sup> Implikasinya, dalam tempoh kajian ini dijalankan, UPW dilihat sebagai satu-satunya pihak yang bertanggungjawab memastikan Dasar Wanita Negeri Kelantan dilaksanakan di seluruh negeri. Situasi ini merupakan satu cabaran yang besar kepada UPW memandangkan skop pelaksanaannya adalah di seluruh negeri Kelantan dan bukan hanya berpusat di ibu negeri sahaja.

Antara strategi utama yang disenaraikan juga ialah Program Induksi Dasar, Kempen Kepekaan Gender dan peruntukan anggaran belanjawan. Strategi-strategi tersebut adalah praktikal dan menggambarkan bahawa pelaksana dasar sudah mempunyai gambaran sejak awal tentang keperluan dasar pada peringkat pelaksanaan. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat pelan tindakan khusus yang telah dibentuk bagi memperincikan strategi Dasar Wanita Negeri Kelantan ini yang menyebabkan timbulnya beberapa kekurangan yang saling berkait antara satu sama lain.<sup>88</sup>

#### *(i) Strategi Persediaan Lanjutan untuk Wanita Kelantan*

Dasar Wanita Negeri Kelantan telah mengemukakan empat persediaan lanjutan yang perlu dimiliki oleh wanita Kelantan bermula dengan persediaan asas iaitu iman, ilmu, akhlak dan jiwa, seterusnya persediaan keluarga dan masyarakat, persediaan ilmu sains, teknologi dan kemahiran serta persediaan kepimpinan wanita mithali.<sup>89</sup> Oleh kerana skop persediaan lanjutan ini luas meliputi seluruh aspek yang memerlukan kepada persediaan, pelbagai strategi harus dilaksanakan dengan kerjasama portfolio-portfolio lain yang berkaitan. Meskipun di dalam kertas dasar ini hanya menyebut tiga portfolio sahaja iaitu Portfolio Pendidikan, Portfolio Dakwah Dan Portfolio Pembangunan Sumber Manusia,

<sup>87</sup> Abdul Fattah Mahmood (Mantan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan Negeri Kelantan), dalam temubual bersama penulis, Pejabat EXCO, Blok 1, Kota Darulnaim 18 Januari 2017.

<sup>88</sup> Nur Adyani Mohamed (Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Wanita UPWK) dalam temubual bersama penulis, Pejabat UPWK, Kota Bharu, 21 September 2016.

<sup>89</sup> Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

namun pada hakikatnya kerjasama dengan mana-mana portfolio perlu mengambil kira kesesuaianya dengan situasi dan keperluan semasa. Sebagai contoh, persediaan asas berbentuk pengisian keimanan, keilmuan, akhlak dan jiwa perlu dilaksanakan oleh atau bersama dengan Portfolio Pembangunan Islam dan Dakwah. Persediaan ilmu sains, teknologi dan kemahiran pula boleh dilaksanakan oleh atau bersama dengan Portfolio Pendidikan seperti yang melibatkan pendidikan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Manakala kemahiran wanita yang berbentuk pertanian sebagaimana projek “Gardenita” yang dilancarkan oleh UPWK pada tahun 2015 telah dilaksanakan dengan kerjasama Portfolio Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau.<sup>90</sup> Persediaan keluarga dan masyarakat pula walaupun dilihat lebih tertumpu kepada peranan Portfolio Pembangunan Wanita dan Keluarga sendiri, tetapi dalam beberapa keadaan perlu dilaksanakan secara bersama dengan Portfolio Kesejahteraan Rakyat dan Portfolio Pembangunan Islam dan Dakwah yang melibatkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan sendiri. Manakala persediaan kepimpinan wanita mithali boleh dilaksanakan dengan kerjasama Portfolio Belia mahupun Portfolio Pentadbiran Awam sekiranya sesuai.

Sektor-sektor swasta dan persendirian, institusi-institusi pendidikan, dakwah, masjid dan badan-badan sukarela juga perlu dilibatkan sekali dalam pelaksanaan strategi persediaan lanjutan ini bagi memastikan kesan pelaksanaannya secara menyeluruh kepada masyarakat umum di Kelantan. Perkara ini juga tidak dinyatakan dengan jelas dalam dasar ini memandangkan tiada pelan tindakan khusus yang digariskan oleh pihak penggubal dasar untuk menjadi panduan dalam peringkat pelaksanaan.

---

<sup>90</sup> Projek Gardenita atau Dapur Hijau merupakan hasil kerjasama UPWK dengan Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau, meliputi sayur-sayuran, ulam-ulaman, herba, rempah ratus dan bunga. Projek ini dilaksanakan di setiap DUN melalui PPWK dengan tema “Kita tanam apa yang kita makan dan kita makan apa yang kita tanam- Bertani satu Ibadah”, bagi menyedarkan wanita bahawa kita boleh menyediakan sendiri keperluan dapur untuk ahli keluarga. “UPWKK Perkenal Program Dapur Hijau,” dalam *Buletin Darulnaim*, 170: 15.

*(j) Garis Panduan Syarak untuk Penglibatan Wanita Islam dalam Masyarakat<sup>91</sup>*

Jawatankuasa penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan telah mengambil inisiatif untuk melampirkan garis panduan syarak bagi penglibatan wanita Islam dalam masyarakat sebagai panduan kepada wanita untuk mematuhi syariat dan pada masa yang sama melindungi mereka daripada pelbagai bentuk kerusakan dan kemudaratan yang mungkin timbul daripada penglibatan yang tidak terbatas. Garis panduan tersebut menyentuh berkenaan hak-hak wanita dalam Islam seperti hak untuk memiliki dan menguruskan harta sendiri, menuntut ilmu, melakukan pekerjaan yang diharuskan dan memilih pasangan hidup melalui perkahwinan. Lampiran tersebut juga menegaskan bahawa tanggungjawab lelaki yang lebih berat tidak boleh diterjemahkan sebagai satu keistimewaan gender yang mengharuskan penindasan ke atas wanita, kerana dari sudut fisiologi dan fitrah semula jadi, wanita mempunyai proses pertumbuhan dan kesihatan yang berbeza daripada lelaki iaitu mengalami proses haid, mengandung dan melahirkan anak. Wanita juga memerlukan masa untuk pulih selepas bersalin sedangkan pada masa yang sama wanita amat diperlukan untuk penjagaan rapi anak-anak terutama pada peringkat awal usia kanak-kanak. Wanita juga boleh mengundang fitnah kepada lelaki sekiranya mendedahkan aurat dan tidak membataskan pergaulan dengan pekerti yang sopan dan mulia. Berasaskan perbezaan fitrah dan sifat semula jadi tersebut, lelaki dan wanita mempunyai peranan khusus yang berbeza dalam masyarakat. Syarak mewajibkan suami untuk menanggung nafkah isteri dan anak-anaknya, bahkan ketika ketiadaan suami, bapa atau saudara lelaki yang berhak menjadi walinya diwajibkan menanggung

---

<sup>91</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*. Garis panduan syarak yang dilampirkan di dalam Kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan merupakan adaptasi daripada kertas Garis Panduan Dasar Wanita Negeri Kelantan yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Induk Kertas Kerja Dasar Wanita Negeri Kelantan untuk Kolokium Dasar Wanita Kelantan pada 4 November 2001.

nafkah tersebut. Justeru itu, Dasar Wanita Negeri Kelantan menetapkan bahawa penglibatan wanita mestilah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu:

- i. Pekerjaan yang diharuskan oleh syarak<sup>92</sup>
- ii. Tidak mengabaikan kewajipan wanita di rumah
- iii. Menutup aurat dan memelihara kehormatan<sup>93</sup>
- iv. Mendapat keizinan suami atau wali
- v. Pekerjaan yang sesuai dengan sifat kewanitaan
- vi. Pekerjaan yang tidak menimbulkan fitnah<sup>94</sup>
- vii. Menjaga batas akhlak di tempat kerja

Garis panduan tersebut juga menegaskan bahawa jika syarat-syarat yang telah diutarakan secara jelas menuntut wanita memastikan aktiviti kemasyarakatan yang disertai itu diharuskan syarak, tidak mengabaikan tanggungjawab keluarga, menutup aurat dan menjaga akhlak dalam masyarakat, maka kaum lelaki juga wajib menjadi contoh dalam mematuhi seluruh tuntutan syarak tersebut kerana mereka adalah pemimpin dan orang yang dipertanggungjawabkan terhadap isteri dan keluarga. Ini bermaksud, dalam usaha untuk membangunkan wanita, kedua-dua jantina perlu berganding bahu dan

<sup>92</sup> Jika terdapat dalam penglibatan wanita dalam kerjaya yang menimbulkan keraguan atau perselisihan, maka kedudukan tersebut akan diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Penglibatan Wanita Dalam Masyarakat di bawah Unit Pembangunan Wanita Negeri.

<sup>93</sup> Wanita Islam keluar atau terlibat dengan urusan kemasyarakatan wajib menutup aurat dengan menutup seluruh tubuhnya kecuali muka dan tapak tangan. Malah ciri-ciri pakaian wanita Islam mestilah longgar supaya bentuk tubuh wanita dapat dilindungi; tidak nipis; tidak menyerupai pakaian lelaki; tidak menyerupai pakaian orang-orang bukan Islam dan bukan pakaian kemegahan yang boleh menarik perhatian orang ramai. Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

<sup>94</sup> Perbincangan mengenai fitnah wanita telah banyak disinggung oleh para ulama dalam penulisan mereka. Abū Shuqqah berpendapat bahawa fitnah wanita ini ada dua peringkat, iaitu fitnah ‘ābirah dan fitnah ‘ārimah. Fitnah ‘ābirah adalah peringkat pertama berpuncak daripada daya tarikan semulajadi wanita yang perlu dihadapi dengan mematuhi garis panduan syarak dalam pergaulan dan pemakaian bagi mengelakkan berlakunya fitnah ‘ārimah yang lebih besar terhadap maruah dan agama. Golongan yang radikal terhadap wanita bertindak menghalang mereka daripada menyertai aktiviti kemasyarakatan untuk mengelakkan fitnah ‘ābirah dari awal. Mereka mengharamkan wanita daripada bekerja dan mengambil bahagian dalam aktiviti sosial dan politik. Namun golongan yang sederhana memberi hak kepada wanita untuk menyertai aktiviti sosial, ekonomi dan politik dengan garis panduan tertentu yang berupaya untuk mengawal daripada berlakunya fitnah. Golongan yang liberal pula menganggap fitnah wanita adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan lalu dibiarkan tanpa panduan dan batasan sehingga berlaku pelbagai kerosakan dalam masyarakat terhadap maruah individu, institusi keluarga dan agama. ‘Abd al-Halīm Abū Shuqqah, *Tahrīr al-Mar’ah fi ‘Aṣr al-Risālah*, 3: 189- 195.

dilibatkan secara langsung dengan penuh rasa tanggungjawab sehingga membentuk sebuah masyarakat yang harmoni.

Dari sudut Siasah Syar'iyyah, garis panduan ini dilihat selaras dengan kaedah *sad al-dharā'i* yang mengambil kira aspek pencegahan mungkar melalui kuasa politik dan pentadbiran. Justeru itu, keupayaan Dasar Wanita Negeri Kelantan untuk mengetengahkan garis panduan sebegini melalui kuasa yang dimiliki sebagai sebuah kerajaan negeri adalah selaras dengan tuntutan Siasah Syar'iyyah. Garis panduan sebegini tidak diberi perhatian dalam Dasar Wanita Negara.

Setelah membincangkan keseluruhan kandungan Dasar Wanita Negeri Kelantan di atas, kajian akan meneliti aspek pelaksanaan dasar mengikut strategi yang telah digariskan oleh pembuat dasar dan seterusnya menilai operasi dasar mengikut beberapa kriteria yang telah ditentukan.

### **3.4 Pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan Berpandukan Strategi Pelaksanaan Dasar**

Pelaksanaan sesuatu dasar secara konsisten merupakan faktor utama yang menentukan kejayaan sesuatu sistem pentadbiran negara. Kejayaan sesuatu dasar atau sebaliknya adalah bergantung kepada pelaksanaan yang cekap dan berkesan serta sambutan atau respon dari semua peringkat termasuk penerimaan kumpulan-kumpulan sasaran.<sup>95</sup> Persekutaran politik dan ekonomi baik di dalam maupun di luar negeri juga merupakan faktor yang penting. Dalam proses pelaksanaan dasar, ramai pihak yang turut terlibat khususnya ahli-ahli eksekutif, pegawai-pegawai kerajaan dan juga pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi.<sup>96</sup> Dasar-dasar awam yang diimplementasikan oleh

<sup>95</sup> *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia, 1994), 7.

<sup>96</sup> Seperti penghulu, penggawa dan seumpamanya. *Ibid.*

pihak kerajaan akan dapat dilaksanakan sepenuhnya atau mencapai kadar pelaksanaan yang diharapkan jika pegawai-pegawai kerajaan di pelbagai peringkat yang merupakan pelaksana terpenting memahami dan menghayati dasar-dasar tersebut.<sup>97</sup> Aspek ini perlu diberi penekanan kerana pemahaman yang tepat sebagaimana yang dihasratkan oleh penggubal dasar akan menjadikan mereka lebih komited dalam melaksanakan dasar-dasar itu bagi mencapai kesan yang dikehendaki.<sup>98</sup>

Proses pemilihan strategi juga memberi kesan langsung terhadap pelaksanaan sesebuah dasar. Strategi yang digariskan mestilah bersetujuan dengan matlamat yang dipilih serta dapat dikaitkan dengan peruntukan sumber yang perlu agar strategi itu dapat dilaksanakan dengan lancar mengikut apa yang telah dirancang. Strategi pelaksanaan seharusnya merangkumi pelbagai langkah pelaksanaan seperti penubuhan jawatankuasa pelaksana, penjadualan yang rapi, penentuan matlamat yang ingin dicapai, penggunaan belanjawan dan guna tenaga yang optima, perkongsian yang sesuai jika perlu serta koordinasi yang mantap.<sup>99</sup> Pelaksanaan yang strategik akan mengurangkan sebarang halangan dan akan memenuhi kehendak kumpulan sasaran atau keperluan pentadbiran. Objektif program juga akan tercapai dengan baik sekiranya dilaksanakan secara strategik. Seterusnya jika semakan telah dibuat terhadap sesuatu dasar, pihak penggubal hendaklah peka untuk menghubungkaitkan antara strategi baru dengan strategi lama. Gabungan antara strategi yang baru dengan yang lama berkemungkinan dapat mempertingkatkan keberkesanan proses menyelesaikan masalah yang dihadapi.<sup>100</sup>

Dalam konteks Dasar Wanita Negeri Kelantan, lima strategi utama dan empat strategi persediaan lanjutan telah digariskan sejak awal penggubalan dasar bagi memastikan pelbagai program dan tindakan dapat dilaksanakan secara bersepadu dan terancang.

<sup>97</sup> Ibid. Lihat juga: Sabitha Marican, *Dasar Awam di Malaysia: Isu dan Konsep*, 185-186.

<sup>98</sup> *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*, 7.

<sup>99</sup> *Kamus Sains Politik Pentadbiran Awam*, 162, entri “stretgegi pelaksanaan”.

<sup>100</sup> Sabitha Marican, *Dasar Awam di Malaysia: Isu dan Konsep*, 159.

Walau bagaimanapun, istilah strategi persediaan lanjutan yang dimaksudkan dalam dasar ini adalah berbeza dengan strategi pelaksanaan dasar. Justeru itu adalah lebih baik sekiranya satu semakan semula dapat dilakukan terhadap penggunaan istilah tersebut bagi mengelakkan kekeliruan dalam memahami maksud sebenar bagi strategi persediaan lanjutan ini. Sehubungan itu, penulis akan meninjau aspek pelaksanaan dasar mengikut strategi-strategi pelaksanaan dasar terlebih dahulu, sebelum menilai persediaan lanjutan yang perlu dilengkapkan pada wanita Kelantan berserta strateginya yang sesuai dan berkesan.

### **3.4.1 Pembentukan Unit Pembangunan Wanita (UPW)**

UPW merupakan pelaksana utama yang telah dibentuk untuk menjalankan tugas sebagai sebuah unit penyelarasan bagi pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan. UPW pada tahun 1990-an merupakan sebuah unit kecil yang bergerak di bawah Urus Setia Penerangan Negeri Kelantan yang diuruskan oleh 2 orang kakitangan sahaja. Seterusnya, pegawai unit tersebut berkembang kepada 4 orang kakitangan yang dilantik di bawah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Wanita, Belia, Sukan dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan.<sup>101</sup> Pada tahun 2005, fungsi UPW telah dinaik taraf daripada sebuah unit kepada sebuah Urus Setia secara rasmi dengan nama Urus Setia Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan (UPWBS) yang dipengerusikan di peringkat EXCO oleh YB Dato' Abdul Fattah Mahmood, manakala En. Abdul Aziz Yunus telah dilantik sebagai pengarahnya yang pertama. Dengan terbentuknya sebuah urus setia, agenda pemerkasaan wanita di negeri Kelantan dipantau secara langsung oleh YAB Menteri Besar. Hal ini dapat difahami melalui gambarajah di bawah.

---

<sup>101</sup> Abdul Fattah Mahmood (Mantan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan Negeri Kelantan) dalam temubual bersama penulis, Pejabat EXCO, Blok 1, Kota Darulnaim, 18 Januari 2017. Azlina binti Che Harun (Mantan Penolong Pengarah UPWK) dalam temubual bersama penulis, Pejabat PMBK Invest, Cawangan Tunjung, 1 Februari 2017.

**Rajah 3.1: Carta Kerajaan Negeri Kelantan**



Sumber: *Dokumen Taklimat Tadbir Urus Kerajaan Negeri Kelantan*, 2015.<sup>102</sup>

Seterusnya pada tahun 2008, portfolio pembangunan wanita diletakkan di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan telah dipengerusikan oleh YB Hjh. Wan Ubaidah Omar, EXCO Wanita yang pertama dilantik di bawah dasar Membangun Bersama Islam. Pentadbiran Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan (UPWKK) ketika itu mula ditadbir oleh pengarah wanita yang pertama iaitu Puan Zainiah binti Halim. Pada tahun 2013, Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat telah dipengerusikan pula oleh YB Hjh. Mumtaz Md Nawi. Setahun kemudian portfolio tersebut disusun semula menjadi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan. Penyusunan semula portfolio ini dilihat mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. Dari sudut positif, penyusunan ini telah membantu pihak Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (UPWK) untuk memberikan tumpuan terbaik terhadap agenda pembangunan wanita, kerana agenda pembangunan keluarga dan

<sup>102</sup> *Dokumen Taklimat Tadbir Urus Kerajaan Negeri Kelantan* (2015), dalam program Induksi Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP) pada 21 Disember 2015 bertempat di Kompleks Kota Darulnaim.

kebijakan juga sangat berkait rapat dengan golongan wanita. UPWK juga telah menyusun semula unit-unit utama di bawah urus setia iaitu Unit Pembangunan Wanita, Unit Kemahiran Wanita, Unit Pembangunan Keluarga dan Unit Pembangunan Kebajikan dengan fungsi-fungsi yang telah dikemaskini, berbeza daripada fungsi UPW yang terkandung di dalam kertas dasar yang asal.<sup>103</sup> Antaranya ialah merangka pelan tindakan untuk pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan. Namun kekurangannya ialah pihak UPWK perlu mengagihkan tumpuan kepada bidang yang amat luas iaitu kebijakan yang bersangkut dengan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira usia dan jantina.

Sejak tahun 2005 hingga tahun 2015, Urus Setia Pembangunan Wanita telah berusaha merancang, menyelaras dan melaksanakan program-program untuk kepentingan wanita. Program-program yang telah dilaksanakan telahpun menyentuh lima belas Agenda Wanita Untuk Perubahan sebagaimana yang telah disenaraikan di dalam kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan. Berdasarkan laporan *Key Performance Index* Semakan Dasar Wanita Negeri Kelantan 2017, sebanyak 171 buah program yang telah dilaksanakan di bawah Unit Pembangunan Wanita, Unit Kemahiran Wanita dan Unit Pembangunan Keluarga dari tahun 2005 hingga 2016.<sup>104</sup> Walaupun agama menjadi prioriti utama dalam pelaksanaan dasar, namun penulis akan mengklasifikasikan program-program tersebut mengikut tiga kategori sahaja iaitu sosio-budaya, sosio-ekonomi dan sosio-politik memandangkan unsur agama sentiasa diterapkan dalam setiap program kerajaan Kelantan kerana polisi kerajaan negeri ialah mewajibkan adanya syarahan yang menyentuh tentang ilmu agama dalam setiap program walaupun yang berbentuk sukan dan hiburan.<sup>105</sup>

<sup>103</sup> Lihat Lampiran H, *Bidang Tugas Unit-Unit Bagi Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Kebajikan Negeri Kelantan*.

<sup>104</sup> Laporan *Key Performance Index* Semakan Dasar Wanita Negeri Kelantan 2017, Urus Setia Pembangunan Wanita. Dokumen tidak diterbitkan.

<sup>105</sup> Wan Ubaidah binti Omar (Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, Kampung Padang Bongor, 21 Ogos 2017.

### (a) Program-program Sosio-budaya<sup>106</sup>

Kerajaan negeri Kelantan telah berusaha untuk menerapkan serta memelihara pengaruh agama Islam dalam aktiviti sosio-budaya masyarakat Kelantan. Justeru itu, pelaksanaan program-program di bawah Urus Setia Pembangunan Wanita juga mendukung hasrat yang murni itu. Antara program yang telah dijalankan adalah berbentuk kuliah-kuliah agama untuk wanita,<sup>107</sup> seminar ilmiah, bengkel pemantapan kerjaya perguruan dan kaunselor, kempen penjagaan aurat, kempen hormati ibubapa, sambutan hari ibubapa, kursus kecemerlangan kerjaya dan keluarga untuk suami dan bapa, seminar wali cakna, kempen kesedaran kesihatan wanita dan keluarga, hari kebudayaan dan kesenian wanita, Sukan Wanita, Mini Festival Wanita Muda, program jati diri anak yatim, armalah dan duda, penubuhan Rumah Perlindungan Sinar Harapan, penubuhan Skuad Kita Cakna dan penubuhan Taska Mawaddah.<sup>108</sup> Program-program sosio-budaya yang dilaksanakan oleh UPW menyentuh agenda agama, pendidikan, keluarga, kesihatan, rekreasi, media, sistem sokongan dan masyarakat.

### (b) Program-program Sosioekonomi

Pendekatan utama UPW dalam melaksanakan program sosio-ekonomi untuk wanita Kelantan ialah dengan menubuhkan sebanyak 46 buah Pusat Pembangunan Wanita di seluruh negeri Kelantan. Ia berfungsi sebagai pusat kegiatan sosio-ekonomi wanita Kelantan yang menyediakan program kemahiran jahitan, sulaman, kulinari dan

<sup>106</sup> Sosiobudaya ialah amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi sesebuah masyarakat yang lahir daripada kecenderungan diri masyarakat berkenaan dalam pelbagai bidang kehidupan untuk memberi kepuasan dan merangsang pembangunan masyarakat tersebut. Manakala sosiobudaya Islam pula ialah amalan yang berupa gaya hidup dan peradaban bagi sesebuah masyarakat yang lahir daripada akidah dan petunjuk Islam, bersangkutan dengan akhlak dan pergaulan masyarakat untuk merangsang pembangunan masyarakat tersebut mengikut apa yang direhui oleh Allah SWT. Mohd Arshad Taib, "Pembangunan Sistem Sosio-Budaya Islam dalam Konteks Masyarakat Malaysia," laman sesawang *Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan*, dicapai pada 25 Ogos 2017, <https://dppwp.wordpress.com/usrah/pembangunan-sistem-sosio-budaya-islam-dalam-kontek-masyarakat-malaysia/>

<sup>107</sup> Kuliah Bulanan Wanita telah diadakan bermula tahun 2010, manakala Kuliah Fiqh Wanita telah bermula pada tahun 27 Mei 2015. Laopran Pelancaran Kuliah Fiqh Wanita, UPWK, tidak diterbitkan.

<sup>108</sup> Laporan *Key Performance Index Semakan Dasar Wanita Negeri Kelantan 2017*, UPWK, tidak diterbitkan.

keusahawanan kepada wanita. Pusat Sulaman Wanita Kelantan dan Pusat Kemahiran Wanita Kelantan juga telah dibina bertujuan memberikan kemahiran kepada wanita untuk memulakan perniagaan sendiri bagi meningkatkan ekonomi diri dan keluarga. Kursus-kursus keusahawanan untuk armalah juga diberikan penekanan agar mampu berdikari dan memberi sumbangan ekonomi kepada masyarakat dan negara. Program-program sosio-ekonomi yang dilaksanakan oleh UPW menyentuh agenda ekonomi, pekerjaan, harta dan keperluan asasi.<sup>109</sup>

c) Program-program Sosiopolitik

Program-program sosio-politik yang dilaksanakan oleh UPW adalah yang menyentuh aspek undang-undang, politik dan jaringan. Justeru itu, ia lebih berkait dengan semakan enakmen keluarga Islam, semakan dasar, persidangan meja bulat, siding-sidang pakar, kursus-kursus protocol dan birokrasi serta jarring dengan pihak NGO.<sup>110</sup>

Berdasarkan kepada analisis terhadap program-program berkaitan, sebanyak 75 buah program yang berbentuk sosio-budaya telah diadakan dari tahun 2005 hingga 2015, 19 buah program berbentuk sosio-ekonomi, manakala program berbentuk sosio-politik adalah sebanyak 17 buah program. Kekerapan program juga didapati berbeza, sama ada diadakan secara tahunan ataupun secara berterusan di premis yang disediakan. Manakala terdapat sebahagian kecil program yang diadakan secara *ad-hoc*. Analisis terhadap program-program anjuran UPW juga mendapati bahawa kesemua program tersebut memberikan kemaslahatan kepada wanita dan mengambilkita uruf wanita Kelantan yang rata-ratanya mementingkan agama, menjaga budaya, suka berniaga dan mempunyai kesedaran politik yang tinggi.

---

<sup>109</sup> *Ibid.*

<sup>110</sup> *Ibid.*

### **3.4.2 Pembentukan Majlis Perundingan Wanita<sup>111</sup> (MPW) Kelantan**

Pembentukan Majlis Perundingan Wanita telah termaktub di dalam Kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan sebagai antara strategi utama pelaksanaannya sejak awal penggubalan, namun dari sudut pelaksanaan, ia telah tertangguh selama lebih sepuluh tahun disebabkan oleh beberapa kekangan pentadbiran<sup>112</sup> Majlis Perundingan Wanita Kelantan berjaya ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2012<sup>113</sup> dengan dipengerusikan di peringkat kerajaan negeri oleh EXCO Pembangunan Wanita, manakala Timbalan EXCO secara otomatik dilantik sebagai Timbalan Pengurus Majlis Perundingan Wanita di peringkat negeri dianggotai oleh wakil-wakil agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam menjaga kepentingan dan kemaslahatan wanita. Berdasarkan laporan minit mesyuarat Semakan Dasar Wanita kali pertama yang telah membincangkan secara khusus berkenaan penubuhan Majlis Perundingan Wanita Kelantan pada 20 Mac 2012, mesyuarat telah bersetuju menetapkan Ahli-ahli Jawatankuasa Induk bagi Majlis Perundingan Wanita Negeri Kelantan terdiri daripada wakil pihak kerajaan negeri, pemimpin-pemimpin politik, wakil NGO, wakil agensi-agensi kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan, badan-badan berkanun, ahli-ahli akademik dan wakil kaum.<sup>114</sup>

---

<sup>111</sup> Walaupun termaktub di dalam kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan sebagai “Majlis Perundingan Wanita”, namun sesuai dengan objektif penubuhannya sebagai forum untuk membincangkan semua isu wanita yang mencakupi pelbagai bidang dan bukan hanya melibatkan isu perundangan, nama yang digunakan oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan secara rasmi di peringkat pelaksanaan ialah Majlis “Perundingan” Wanita (MPW). Perubahan ini telah diumumkan secara rasmi di dalam Mesyuarat Semakan Dasar Wanita Kali Ke-2 pada 27 Mac 2012. Lihat: Laporan Minit Mesyuarat Semakan Dasar Wanita (Majlis Perundingan Wanita Kelantan) Kali Ke-2, Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan (UPWKK) Kerajaan Negeri Kelantan, bertempat di Bilik Mesyuarat UPWKK, 27 Mac 2012.

<sup>112</sup> Menurut Abdul Fattah Mahmood, kelewatan pembentukan MPW merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Pihak penggubal dan Kerajaan Negeri telahpun mempunyai gambaran tentang MPW yang sepatutnya dibentuk tetapi atas kekangan yang ada, pelaksanaan strategi dasar terpaksa dilaksanakan secara berperingkat. Abdul Fattah Mahmood (mantan EXCO Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan Kerajaan Negeri Kelantan), dalam temubual bersama penulis, Pejabat EXCO Kerajaan Negeri Kelantan, Blok 1, Kota Darulnaim, Kota Bharu, 18 Januari 2017.

<sup>113</sup> Laporan minit mesyuarat Semakan Dasar Wanita Kelantan, Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan (UPWKK) Kerajaan Negeri Kelantan, bertarikh 20 Mac 2012. dan Laporan minit mesyuarat Semakan Dasar Wanita Kali Ke-2, Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan (UPWKK) Kerajaan Negeri Kelantan, bertarikh 27 Mac 2012.

<sup>114</sup> Lihat Lampiran E, *Ahli Jawatankuasa Induk Majlis Perundingan Wanita Negeri Kelantan*.

Antara aktiviti yang dijalankan di bawah Majlis Perundingan Wanita ialah Mesyuarat Isu-isu Wanita bersama semua anggota Majlis Perundingan Wanita di peringkat Parlimen pada tahun 2014, Kembara Siasah pada tahun 2015<sup>115</sup> dan Kuliah Fiqh Wanita di setiap jajahan juga bermula pada tahun 2015.<sup>116</sup>

### **3.4.3 Program Induksi Dasar Wanita Kelantan**

Bagi memperkenalkan Dasar Wanita Negeri Kelantan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan supaya dapat memahami dan seterusnya menjadikan dasar ini sebagai rujukan dan panduan dalam penggubalan polisi, peraturan dan program awam yang menyentuh secara langsung dengan kepentingan dan keperluan wanita, program-program induksi Dasar Wanita Kelantan telah dijadikan sebagai sebahagian daripada strategi utama pelaksanaan dasar. Walau bagaimanapun setelah meneliti dokumen-dokumen yang diperolehi, hanya sebuah program yang berbentuk induksi dasar telah dilaksanakan dalam tempoh yang dikaji iaitu pada tahun 2015 dalam bentuk Semakan Dasar Wanita yang melibatkan pihak-pihak yang disasarkan.<sup>117</sup> Hal ini perlu dilihat sebagai satu kelemahan yang tidak sepatutnya berlaku kerana akan menyebabkan Dasar Wanita yang telah digubal dengan sebeginu baik tidak dapat mencapai objektif sebagaimana yang diharapkan. Langkah yang lebih agresif untuk memperkenalkan Dasar Wanita Negeri Kelantan dengan lebih meluas ke semua jabatan, institusi dan masyarakat awam perlu diambil serius.

---

<sup>115</sup> Program ini telah melibatkan seramai 47 orang AJK MPWP dan 10 orang kakitangan UPWK mengadakan lawatan ke Kuala Lumpur dan Shah Alam bagi beramah mesra di samping bertukar pandangan dan berkongsi pendapat dalam urusan berkaitan wanita secara lebih kondusif serta memberi pendedahan kepada wanita tentang maklumat dan ilmu baru seiring dengan peredaran masa untuk pembangunan diri dan keluarga. *Laporan UPWK*, tidak diterbitkan.

<sup>116</sup> Bermula 27 Mei 2015, Kuliah Fiqh Wanita telah dilancarkan di setiap jajahan di negeri Kelantan sebagai satu kuliah bulanan untuk wanita menimba ilmu fiqh daripada tenaga pengajar wanita. Sebanyak lima jajahan telah memulakan Kuliah Fiqh Wanita pada tahun 2015 manakala selebihnya iaitu 9 jajahan yang lain memulakannya pada tahun berikutnya. *Laporan UPWK*, tidak diterbitkan.

<sup>117</sup> Laporan Semakan Dasar Wanita, UPWK, tidak diterbitkan.

### **3.4.4 Kempen Kepekaan Gender**

Kempen kepekaan gender di bawah Dasar Wanita Negeri Kelantan telah diadakan dalam bentuk program-program sambutan<sup>118</sup> seperti Sambutan Hari Wanita (sejak tahun 2007), Sambutan Hari Suami Isteri (pada tahun 2010 dan 2012), Sambutan Hari Keluarga Mawaddah (bermula tahun 2012), Sambutan Hari Suri Mithali (bermula tahun 2014) dan Sambutan Hari Ibu Bapa (sejak tahun 2014). Program-program tersebut antara lainnya bertujuan untuk memberi kesedaran terhadap hak dan tanggungjawab wanita dan lelaki serta peranan yang seharusnya dimainkan oleh setiap anggota keluarga yang berbeza gender mengikut posisi masing-masing bagi membentuk masyarakat yang harmoni dan penyayang.

Dalam majlis-majlis sambutan yang telah diadakan, TG Nik Abdul Aziz selaku Menteri Besar telah memainkan peranan beliau untuk menerbitkan sensitiviti gender dalam kalangan masyarakat bersandarkan kepada pandangan Islam yang manyamakan taraf wanita dengan lelaki dari sudut kedudukan dan peranan, tetapi membezakan beberapa hak dan tanggungjawab wanita daripada lelaki agar kehidupan menjadi lengkap dan harmoni.<sup>119</sup> Contohnya sewaktu berucap merasmikan Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Kelantan pada tahun 2003, TG Nik Abdul Aziz telah menjelaskan bahawa wanita mempunyai peranan yang sama penting dengan lelaki sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Tawbah 11: 71 iaitu dalam melaksanakan tuntutan amar makruf dan nahi mungkar, menegakkan solat, mengeluarkan zakat dan mentaati Allah SWT. Seruan untuk menuntut persamaan hak dan pembebasan wanita tidak perlu wujud dalam

<sup>118</sup> Ibid. Nur Adyani Mohamed (Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Wanita UPWK) dalam temubual bersama penulis, Pejabat UPWK, Kota Bharu, 21 September 2016.

<sup>119</sup> Lihat Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, "Ucapan Majlis Perasmian Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Kelantan pada 21 Rejab 1424 bersamaan 18 September 2003", dalam *Koleksi Ucapan Rasmi II YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz b Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan*, ed. Anual Bakri Haron (Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd., 2004), 237. Lihat Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, "Majlis Perasmian Kempen Menutup Aurat Anjuran Dewan Muslimat PAS Kawasan Kota Bharu," dalam *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz b Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan*, ed. Wan Ismail bin Wan Jusoh (Kota Bharu, Dian Darulnaim, 1999), 592- 593.

Islam kerana Islam telah memberikan kedudukan, hak dan tanggungjawab yang selayaknya kepada wanita. Dalam Majlis Pelancaran Kempen Menutup Aurat Anjuran Dewan Muslimat PAS Kawasan Kota Bharu pada 26 Jun 1999 pula, beliau menjelaskan bahawa persoalan aurat menjadi persoalan penting dalam kehidupan manusia bukanlah bererti untuk menyekat kebebasan berpakaian di kalangan wanita, tetapi bertujuan untuk menjaga dan menyelamatkan manusia daripada bahaya yang lebih besar, baik kepada golongan lelaki maupun kepada golongan wanita sendiri.<sup>120</sup>

### **3.4.5 Peruntukan Anggaran Belanjawan**

Kerajaan Negeri Kelantan telah memperlihatkan komitmen terhadap kepentingan wanita melalui peruntukan belanjawan yang munasabah pada setiap tahun meskipun memiliki sumber kewangan yang terhad.<sup>121</sup> Belanjawan untuk kepentingan wanita telah disalurkan melalui beberapa peruntukan iaitu kebajikan dan pembangunan wanita, kebajikan golongan armalah atau ibu tunggal, latihan belia dan wanita serta tabung usahawan wanita. Peruntukan belanjawan ini adalah penting dalam usaha untuk

---

<sup>120</sup> Lihat Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, "Majlis Perasmian Kempen Menutup Aurat Anjuran Dewan Muslimat PAS Kawasan Kota Bharu," dalam *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz b Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan*, ed. Wan Ismail bin Wan Jusoh (Kota Bharu, Dian Darulnaim, 1999), 592- 593.

<sup>121</sup> Lihat: Nik Mohd. Azlan Abdul Hadi, "Pembangunan Insan Di Negeri Kelantan Tahun 1978-2002: Kajian Cabaran dan Masalah." Keterhadan sumber kewangan Kerajaan Negeri juga dapat dilihat melalui Belanjawan Tahunan yang dibentangkan sentiasa berada dalam keadaan defisit iaitu jumlah anggaran hasil yang tidak dapat menampung perbelanjaan mengurus. Sebagai contoh, anggaran hasil bagi belanjawan tahun 2005 berjumlah RM276.82 juta manakala perbelanjaan mengurus dianggarkan berjumlah RM311.85 juta mengakibatkan berlakunya defisit sebanyak RM35.03 juta. Pada tahun 2015 pula anggaran hasil berjumlah RM530.82 juta manakala perbelanjaan mengurus dianggarkan berjumlah RM601.51 juta. Lihat: *Ucapan Belanjawan 2005*. Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesebelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, h.7. *Ucapan Belanjawan 2015*. Bagi Tempoh Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Ketigabelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, h.20. Hanya pada tahun 2013 sahaja Bajet Negeri Kelantan dianggarkan sebagai belanjawan lebihan berpunca daripada tuntutan hasil royalti petroleum yang patut dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan iaitu sebanyak RM200.0 juta. Namun dalam Bajet tahun-tahun seterusnya, pendapatan jangkaan yang masih dalam proses penyelesaian ini tidak dimasukkan dalam senarai punca hasil. Lihat: *Ibid.*, 20. dan *Ucapan Belanjawan 2013*. Bagi Tempoh Penggal Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Keduabelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 19.

melahirkan masyarakat penyayang dan memperkasa golongan wanita sebagaimana yang termaktub di dalam Ucapan-ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan.<sup>122</sup>

Pada tahun 2001, kerajaan negeri Kelantan telah mula memperuntukkan anggaran belanjawan yang khusus untuk pelaksanaan program-program pembangunan wanita dan armalah.<sup>123</sup> Namun pada peringkat awal, kerajaan dilihat tidak konsisten dalam menyatakan jumlah peruntukan secara khusus dan tepat. Hal ini mungkin disebabkan oleh kedudukan portfolio pembangunan wanita ketika itu yang digandingkan bersama dengan portfolio belia dan sukan. Walau bagaimanapun, dalam tempoh 10 tahun terakhir, peruntukan untuk pembangunan wanita telah memperlihatkan peningkatan yang ketara daripada jumlah RM1.0 juta pada tahun 2005 kepada RM4.75 juta pada tahun 2015.<sup>124</sup> Peruntukan untuk kebijakan golongan armalah sebanyak RM1.5 juta pada tahun 2005 pula telah meningkat kepada RM2.5 juta pada tahun 2015.<sup>125</sup> Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan tahunan untuk program latihan belia dan wanita antara RM300,000 hingga RM500,000 dari tahun 2005 hingga 2013.<sup>126</sup> Pada tahun 2014 dan 2015, peruntukan untuk latihan belianita telah diasingkan daripada peruntukan latihan belia, dengan menyerapkannya ke dalam peruntukan pembangunan wanita dan keluarga.<sup>127</sup>

---

<sup>122</sup> Hal ini boleh dilihat di dalam setiap buku Ucapan Belanjawan Kerajaan Negeri Kelantan yang memfokuskan perbelanjaan negeri kepada pembinaan insan berteraskan Islam untuk mencapai pembangunan berimbang dan pembelaan golongan daif untuk melahirkan masyarakat penyayang. Lihat misalnya: *Ucapan Belanjawan 2007*. Bagi Tempoh Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesebelas. (Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan), 24. *Ucapan Belanjawan 2014*. Bagi Tempoh Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Ketigabelas (Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan), 12- 15.

<sup>123</sup> Ucapan Belanjawan 2001, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesepuluh. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam belanjawan tersebut, sebanyak RM180 ribu diperuntukkan untuk pembangunan wanita dan belia, manakala RM1.0 juta diperuntukkan untuk kebijakan golongan armalah. Peruntukan khas sebegini tidak dibuat dalam belanjawan tahun-tahun sebelumnya. Lihat: Ucapan Belanjawan 2000, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesembilan. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

<sup>124</sup> Lihat *Ucapan Belanjawan Tahun 2005*, 21. *Ucapan Belanjawan Tahun 2015*, 18

<sup>125</sup> Lihat *Ucapan Belanjawan Tahun 2005*, 22. *Ucapan Belanjawan Tahun 2015*, 16.

<sup>126</sup> Lihat *Ucapan Belanjawan Tahun 2005*, 21. *Ucapan Belanjawan Tahun 2013*, 16

<sup>127</sup> Hal ini mengakibatkan peningkatan yang ketara terhadap peruntukan pembangunan wanita pada tahun 2013 yang berjumlah RM2.5 juta kepada RM3.8 juta pada tahun 2014 dan RM4.75 juta pada tahun 2015.

Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan kepada wanita yang bergiat sebagai usahawan sebagai salah satu daripada program-program yang diletakkan di bawah Program Pembangunan Usahawan iaitu Program Galakan Perindustrian dan Pembangunan Usahawan, Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan, Program Khas Siswazah, Skim Kerjaya Penganggur, Dana Belia Niaga dan Tabung Usahawan Wanita.<sup>128</sup> Pada tahun 2011, peruntukan untuk Program Pembangunan Usahawan ini berjumlah RM2.0 juta, meningkat kepada RM2.5 juta pada tahun 2012 dan 2013.<sup>129</sup>

Pihak Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan belanjawan yang khusus untuk beberapa NGO wanita seperti PUSPANITA dan PURNAMA. Pada tahun 2005, PUSPANITA telah menerima peruntukan sebanyak RM10,000<sup>130</sup> manakala pada tahun 2007 pula meningkat kepada RM30,000. PURNAMA juga telah menerima peruntukan sebanyak RM30,000 pada tahun yang sama.<sup>131</sup>

Ringkasan peruntukan belanjawan tahunan Kerajaan Negeri Kelantan yang bersangkutan dengan kepentingan wanita secara langsung<sup>132</sup> dapat dilihat sebagaimana jadual di bawah:

---

Lihat *Ucapan Belanjawan Tahun 2013*. *Ibid.*, 16. *Ucapan Belanjawan Tahun 2014*, 15. *Ucapan Belanjawan 2015*, 18.

<sup>128</sup> *Ucapan Belanjawan Tahun 2012*. Bagi Tempoh Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Keduabelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 17.

<sup>129</sup> *Ucapan Belanjawan Tahun 2012*. *Ibid.*, 17. *Ucapan Belanjawan Tahun 2013*. *Op. cit.*, 11.

<sup>130</sup> *Ucapan Belanjawan Tahun 2005*. *Op. cit.*, 22.

<sup>131</sup> *Ucapan Belanjawan Tahun 2007*, 24.

<sup>132</sup> Manakala peruntukan terhadap kepentingan wanita secara tidak langsung pula disalurkan melalui sumbangan kebajikan anak yatim, warga emas, pesakit kronik, OKU, peruntukan Skim al-Ziwaj, Skim al-It'am, Program Pembangunan Insan di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JAHEAIK), Program Pendidikan Islam di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan lain-lain. Sebagai contoh, YIK telah menerima peruntukan sebanyak RM40.0 juta daripada Kerajaan Negeri untuk menjalankan program-program pendidikan Islam yang terdiri daripada pelajar-pelajar lelaki dan perempuan. Manakala pada tahun 2015, sebanyak 72.0 juta telah diperuntukkan bagi tujuan yang sama. Sudah tentu peruntukan tersebut memberi kesan yang positif kepada kepentingan wanita. Lihat: *Ucapan Belanjawan 2005*, 15. *Ucapan Belanjawan 2015*, 15.

**Jadual 3.3: Ringkasan Peruntukan Anggaran Belanjawan Untuk Kebajikan Dan Pembangunan Wanita Dari Tahun 2005 Hingga 2015**

Tahun	Peruntukan (RM)		
	Kebajikan Armalah	Pembangunan Wanita	Latihan Belia dan Wanita
2001	1.0 juta	0.18 juta	
2002	1.0 juta	Dinyatakan tanpa menyebut jumlah	
2003	1.5 juta	Dinyatakan tanya menyebut jumlah	
2004	1.5 juta	1.165 juta	
2005	1.5 juta	1.0 juta	0.5 juta
2006	1.5 juta	1.0 juta	0.5 juta
2007	2.0 juta	1.0 juta	0.5 juta
2008	2.0 juta	2.0 juta	0.5 juta
2009	2.0 juta	1.5 juta	0.3 juta
2010	2.5 juta	2.0 juta	0.5 juta
2011	2.5 juta	2.0 juta	0.5 juta
2012	2.5 juta	2.5 juta	0.5 juta
2013	2.5 juta	2.5 juta	0.3 juta
2014	2.5 juta	3.8 juta	
2015	2.5 juta	4.75 juta	

Sumber: Ucapan-ucapan Belanjawan Tahun 2001 hingga 2015.

Walau bagaimanapun, peruntukan pembangunan wanita sebagaimana yang tertera dari sudut realitinya hendaklah dikongsi bersama dengan portfolio yang digandingkan dengan jawatankuasa pembangunan wanita yang sentiasa berubah pada setiap penggal pentadbiran sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

### **3.5 Persediaan Lanjutan Wanita Kelantan dan Strateginya**

Dasar Wanita Negeri Kelantan telah menggariskan empat persediaan lanjutan untuk wanita yang perlu dilaksanakan secara berterusan iaitu persediaan asas dari sudut iman, ilmu, akhlak dan jiwa, persediaan keluarga dan masyarakat, persediaan ilmu sains, teknologi dan kemahiran dan persediaan kepimpinan wanita mithali. Strategi tersebut perlu direalisasikan dengan penglibatan semua portfolio Kerajaan Negeri, NGO, institusi pendidikan, anggota masyarakat dan institusi keluarga. Kajian ini akan memperincikan program-program yang telah dijalankan berdasarkan kepada setiap bidang persediaan tersebut.

#### **a) *Persediaan Asas – Iman, Ilmu, Akhlak dan Jiwa***

Persediaan asas yang berbentuk iman, ilmu, akhlak dan jiwa merupakan strategi lanjutan utama yang diambil berat oleh Dasar Wanita Negeri Kelantan. Sejak awal penubuhan Unit Pembangunan Wanita dengan hanya dua orang pegawai yang dilantik di bawah Urusetia Penerangan, Dakwah, Belia dan Hal Ehwal Wanita, pelbagai program yang berbentuk pengisian rohani telah dilaksanakan khas untuk wanita sahaja seperti Majlis Sambutan Hari Kebesaran seperti Ceramah Isra' Mikraj, Ceramah Maulidul Rasul, Sambutan Hari Wukuf dan lain-lain. Ceramah di surau-surau di seluruh negeri Kelantan juga diadakan khas untuk wanita dengan kerjasama Unit Dakwah Halaqat di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).<sup>133</sup> Unit Dakwah Halaqat telah melantik seorang Pegawai Dakwah Halaqat wanita di setiap DUN dan beberapa orang Pembantu Pegawai Dakwah Halaqat wanita.<sup>134</sup> Sebagai contoh, di Masjid Bara'ah yang terletak di perkarangan Pasar Siti Khadijah Kota Bharu mengadakan ceramah agama

<sup>133</sup> Unit Dakwah Halaqat telah ditubuhkan pada 8 April 1991 sebagaimana kertas mesyuarat MMK HJH.9/325/91(16) untuk memajukan urusan dakwah dan perkembangan Islam di seluruh negeri Kelantan. "Pengenalan Halaqat Negeri," laman sesawang *Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan*, dicapai pada 6 Oktober 2016, <http://www.jaheaik.gov.my/v5/index.php/bahagian/halaqat-negeri/pengenalan>

<sup>134</sup> Pada tahun 2015, jumlah pegawai dan pembantu pegawai dakwah Halaqat wanita adalah seramai 154 orang yang ditugaskan di seluruh negeri Kelantan.

selama satu jam sehari yang boleh didengari oleh peniaga dan pengunjung di setiap premis yang mana kebanyakan mereka adalah wanita.<sup>135</sup> Unit Dakwah Halaqat juga telah melantik 2,070 orang guru al-Quran wanita daripada jumlah keseluruhan 2,583 orang guru al-Quran di seluruh Kelantan.<sup>136</sup>

Selepas tahun 2008, pelbagai program baru telah dianjurkan bagi melengkapkan wanita dengan persediaan iman, ilmu, akhlak dan jiwa seperti Kuliah Bulanan Wanita (bermula tahun 2010), Kem Management Qalbu (bermula tahun 2013), Bengkel Asas Kaunseling untuk Pendidikan Awal Kanak-kanak (bermula tahun 2014)<sup>137</sup> dan Kuliah Fiqh Wanita (bermula tahun 2015).

Program Kuliah Bulanan Wanita boleh dianggap sebagai “*benchmark*” bagi program persediaan asas untuk wanita, diadakan pada setiap bulan khusus kepada wanita dari seluruh negeri Kelantan. Sasaran peserta adalah dari agensi kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, syarikat-syarikat swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), guru dan kakitangan sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan, sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia, institusi-institusi pengajian tinggi, Pusat Pembangunan Wanita Kelantan, Pusat Pembangunan Armalah DUN, institusi-institusi perbankan dan NGO-NGO wanita.

Kuliah Bulanan Wanita menampilkan slot pengisian ilmu dan motivasi daripada penceramah-penceramah yang berkaliber, di samping menjadi saluran maklumat terkini daripada pihak kerajaan negeri. Pencapaian program ini juga dapat dinilai melalui jumlah kehadiran peserta yang konsisten.<sup>138</sup>

<sup>135</sup> Samhani Ismail, *Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Wanita Kelantan*, 53.

<sup>136</sup> *Ibid.*, 58.

<sup>137</sup> Laporan Semakan Dasar Wanita 2017, UPWK, tidak diterbitkan.

<sup>138</sup> Sehingga tahun 2015, dianggarkan purata kehadiran kakitangan wanita seramai 500 orang setiap kali program tersebut diadakan. Samhani Ismail, *Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Wanita Kelantan*, 65.

Bermula pada tahun 2014, Kuliah Fiqh Wanita pula dilancarkan di setiap jajahan di negeri Kelantan dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Kelantan dan Majlis Perundingan Wanita di setiap Parlimen. Kuliah-kuliah tersebut memfokuskan kepada pengajian ilmu fiqh oleh tenaga pengajar wanita untuk kaum wanita bagi menyemarakkan lagi budaya ilmu yang dapat menyuluh kehidupan para wanita Kelantan dengan cahaya agama.

**b) Persediaan Keluarga dan Masyarakat**

Terdapat pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi melengkapkan rakyatnya dengan persediaan keluarga dan masyarakat. Usaha-usaha tersebut melibatkan pasangan yang bakal berkahwin, pasangan suami isteri, golongan ibu bapa, golongan lelaki atau ketua keluarga, golonganarmalah, remaja, anak yatim dan juga kanak-kanak.

Kerajaan negeri Kelantan juga telah memasyurkan slogan “Kelantan Cakno Wanita”<sup>139</sup> pada tahun 2005 bagi membudayakan kecaknaan keluarga, masyarakat mahupun kerajaan negeri sendiri terhadap kebajikan dan kesejahteraan wanita melalui pelbagai program.<sup>140</sup>

Bagi pasangan yang bakal berkahwin, Kerajaan Negeri telah menganjurkan program kursus perkahwinan,<sup>141</sup> mewajibkan ujian HIV kepada bakal-bakal pengantin lelaki dan

<sup>139</sup> Menurut Abdul Fattah Mahmood, penggunaan istilah “cakna” ini telah dicadangkan oleh Prof Emeritus Dr Nik Safiah Karim pada tahun 2005 yang pada ketika itu melihat bahawa perkataan cakna yang terdapat di dalam Kamus Dewan masih belum digunakan secara meluas. Slogan tersebut telah diisytiharkan oleh YAB Dato’ Menteri Besar Kelantan sendiri dengan satu logo khas dan telah berjaya memberi impak yang besar kepada wanita Kelantan dan rakyat Kelantan amnya. Temubual bersama Abdul Fattah Mahood, EXCO Kerajaan Negeri Kelantan, pada Januari 2017 di Pejabat EXCO, Kota Darulnaim. Selain dari itu, pada tahun 2016, pihak PKS telah menerbitkan sebuah buku “Memartabatkan Wanita Kelantan” yang memuatkan 100 Inisiatif Kelantan Cakno Wanita sejak dari tahun 1990 hingga 2016. Samhani Ismail, *Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Wanita Kelantan*, 106-125.

<sup>140</sup> Pada tahun 2016, pihak PKS telah menerbitkan sebuah buku “Memartabatkan Wanita Kelantan” yang memuatkan 100 Inisiatif Kelantan Cakno Wanita sejak dari tahun 1990 hingga 2016. Samhani Ismail, *Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Wanita Kelantan*, 106-125.

<sup>141</sup> Program ini dianjurkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).

wanita,<sup>142</sup> menganjurkan Majlis Kahwin Perdana<sup>143</sup> dan melancarkan Skim Gerbang az-Ziwaaj<sup>144</sup> kepada individu yang layak.

Antara usaha besar yang dilakukan juga adalah yang melibatkan penggubalan dasar keluarga yang khusus iaitu Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan pada tahun 2009. Setelah Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan Dasar Keluarga Mawaddah pada 16 Disember 2009 di dalam Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Kelantan di Kota Darulnaim, program-program berbentuk kekeluargaan telah dirancang, diselaras dan digerakkan oleh Unit Pembangunan Keluarga secara berasingan.<sup>145</sup> Penggubalan Dasar Keluarga Mawaddah itu sendiri merupakan antara usaha besar yang telah dilaksanakan bagi mempersiapkan wanita dengan persediaan keluarga dan masyarakat serta memberi panduan tentang hak dan tanggungjawab setiap ahli keluarga agar tanggungjawab yang besar ini dapat dijalankan secara bersama demi memperoleh hasil yang optimum.

Kerajaan Negeri Kelantan juga telah menerbitkan Buku Panduan Keluarga Mawaddah sejak tahun 2010 bertemakan “Keluarga Bahagia Adalah Syurga”<sup>146</sup> bagi memberikan panduan kepada rakyat untuk membina Keluarga Mawaddah mengikut model keluarga

---

<sup>142</sup> Brosur Kelantan Membangun Bersama Islam. Urus Setia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

<sup>143</sup> Program ini telah diadakan pada 25 Disember 2010 bertempat di Pusat Tabiah Islamiyyah Kelantan (PUTIK) yang melibatkan 101 pasangan pengantin yang diakad nikah secara serentak. Objektifnya adalah untuk membantu rakyat mendirikan rumah tangga. 81 pasangan yang menyertai program ini termasuk dalam golongan berpendapatan rendah, dua pasangan yang terdiri daripada golongan muallaf, manakala 18 pasangan yang lain melibatkan pasangan atau salah satunya dari kalangan masyarakat orang asli. Lihat: Samhani Ismail, *Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Wanita Kelantan*, 77-78.

<sup>144</sup> Skim ini diperkenalkan oleh Urus Setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan pada tahun 2011 dengan memberikan sumbangan untuk perkahwinan sebanyak RM1000 kepada salah seorang pasangan yang memenuhi syarat yang digariskan.

<sup>145</sup> Dari sudut proses penggubalan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan ini sebenarnya telah bermula sejak tahun 2008 iaitu melalui Mesyuarat Unit Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan pada 28 September dan 6 November 2008 dan seterusnya mengadakan Sidang Pakar pada 22 Disember 2008 dan 3 Mac 2009. Pada 15 September 2009 pula, Mesyuarat Teknikal Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan telah diadakan buat pertama kalinya, disusuli dengan mesyuarat pada kali kedua pada 8 November 2009. Setelah draf Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan dibentangkan di dalam Seminar Penggubalan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan pada 16 November 2009 dan mengambil cadangan serta komentar daripada peserta seminar tersebut, Mesyuarat Teknikal Dasar telah diadakan buat kali terakhir pada 24 November 2009 sebelum diangkat kepada Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Kelantan pada 16 Disember 2009 yang telah meluluskan dasar tersebut secara rasmi. Lihat: Lampiran I, *Kertas Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan*.

<sup>146</sup> *Ibid.*, 24.

Rasulullah SAW.<sup>147</sup> Sehingga tahun 2015, sebanyak 50,000 naskhah Buku Panduan Keluarga Mawaddah telah diedarkan di tempat-tempat awam, pusat membeli belah, jabatan-jabatan kerajaan dan melalui program-program di peringkat Kerajaan Negeri, peringkat jajahan dan juga DUN di negeri Kelantan.<sup>148</sup> Kerajaan Negeri melalui UPWK juga telah melancarkan Risalah Suri Mithali sebagai panduan khusus kepada kaum wanita mengenai kemahiran asas seorang suri rumah tangga.<sup>149</sup>

Bagi memantapkan lagi persediaan keluarga dan masyarakat, UPWK menganjurkan program Bengkel Ibu Bapa Muda, Forum Keluarga Rasulullah dan Seminar Keluarga Mawaddah yang diadakan di peringkat negeri dan jajahan.<sup>150</sup> Kerajaan Negeri juga telah mengisytiharkan setiap hujung minggu terakhir bulan Mei sebagai Hari Keluarga Mawaddah bermula pada tahun 2015.<sup>151</sup> Dengan pengisytiharan tersebut, semua jabatan di bawah kerajaan negeri tidak dibenarkan mengadakan program rasmi kecuali program yang melibatkan keluarga sahaja pada hari Jumaat dan Sabtu terakhir bulan Mei setiap tahun. Program Hari Keluarga Mawaddah juga dianjurkan di 45 buah DUN di negeri Kelantan dengan pengisian utama berbentuk ceramah motivasi keluarga dan penganugerahan tokoh Keluarga Mawaddah kepada keluarga contoh yang terpilih.

Antara program yang dilaksanakan bagi melengkapkan persediaan keluarga dan masyarakat juga adalah dengan melibatkan para suami dan bapa dalam beberapa siri program yang khusus bagi memberi kesedaran bahawa peranan lelaki dalam keluarga sebagai pemimpin, wali dan menanggung nafkah ahli keluarga adalah amat besar dan memberi kesan terhadap golongan wanita yang menganggotai sesebuah keluarga. Untuk

<sup>147</sup> Buletin Darulnaim, bil.171, 9. Samhani Ismail, *Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Wanita Kelantan*.

<sup>148</sup> Ucapan YB Mumtaz di Seminar Keluarga Mawaddah peringkat Jajahan Bachok pada 9 Mac 2015 di Dewan IKBN Bachok. *Buletin Darulnaim* bil.164, 16.

<sup>149</sup> Risalah Suri Mithali, UPWK.

<sup>150</sup> Buletin Darulnaim, bil.160, 11.

<sup>151</sup> Diisyiharkan sewaktu merasmikan Seminar Keluarga Mawaddah Peringkat Negeri Kelantan pada 28 Januari 2015 di Dewan Besar Balai Islam, Kompleks Islam Darulnaim Lundang. Lihat: *Buletin Darulnaim*, bil. 163, 20.

tujuan tersebut, Seminar Wali Cakno dan Kursus Kecemerlangan Kerjaya dan Keluarga (KKKK) telah diadakan khas untuk lelaki para penjawat awam, NGO, institusi kewangan, jabatan swasta dan lain-lain bermula pada tahun 2013.<sup>152</sup>

Antara pelaksanaan awal terhadap strategi persediaan keluarga dan masyarakat ialah yang berkait dengan kebajikan golongan armalah atau ibu tunggal seperti Pelan Takaful Armalah yang kemudiannya diganti dengan Skim Bantuan Khairat Armalah yang telah dilancarkan pada 16 Ogos 2007. Fungsi utamanya ialah memungut data bagi golongan armalah dan menjaga hal ehwal kebajikan armalah di seluruh Kelantan.<sup>153</sup> Skim ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu Skim Khairat Armalah, iaitu sebagai bantuan kepada keluarga apabila armalah tersebut meninggal dunia; dan Skim Manfaat Armalah, yang berbentuk bantuan kepada bakal armalah atau wanita apabila kematian suami. Tujuan skim ini dilaksanakan adalah untuk memberi bantuan kewangan kepada bakal armalah dan keluarga sekiranya berlaku kematian demi meningkatkan kualiti kehidupan yang lebih baik sama ada kepada armalah itu sendiri dan ahli keluarga yang lain termasuk golongan anak yatim.<sup>154</sup> Selain daripada itu, Kursus Keusahawan Armalah juga diadakan di peringkat DUN bermula pada tahun 2013 bagi membantu golongan armalah meningkatkan kedudukan ekonomi keluarga tanpa suami. Apa yang menarik ialah golongan duda juga diberikan perhatian oleh pihak kerajaan negeri melalui program-

<sup>152</sup> Laporan Semakan Dasar Wanita UPWK. Tidak diterbitkan. Kursus Kecemerlangan Kerjaya dan Keluarga untuk kaum lelaki ini diadakan sebanyak dua kali dalam setahun.

<sup>153</sup> Sehingga tahun 2011, jumlah keseluruhan armalah yang berdaftar di bawah skim ini ialah seramai 17,621 orang manakala 12,797 orang lagi, iaitu yang berusia 60 tahun ke atas berdaftar di bawah Skim Takaful Kifalah. Lihat: *Buletin Darulnaim*, UPKN, Tahun ke 21, 16-30 Jun 2011/ Rejab 1432H, bil. 113, 6. Ini menjadikan keseluruhan jumlah armalah yang berdaftar dengan pihak kerajaan negeri Kelantan sehingga tahun 2011 seramai 30,418 orang. *Ibid.*

<sup>154</sup> Bantuan yang akan diberikan adalah berbentuk one-off iaitu sebanyak RM1000 kepada armalah yang mempunyai tanggungan 5 orang ke atas, manakala sebanyak RM700 diberikan kepada armalah yang mempunyai tanggungan seramai satu hingga 4 orang. Syarat kelayakan bagi skim ini adalah mereka yang terdiri daripada golongan armalah yang berusia 60 tahun ke bawah atau keluarganya yang miskin dengan pendapatan tidak melebihi RM700.00 sebulan atau mengikut garis kemiskinan semasa yang dikeluarkan di peringkat nasional. Selain itu, faktor bilangan anak atau tanggungan, keadaan rumah kediaman, usia pemohon, kecacatan, keuzuran dan lain-lain seumpamanya juga diambil kira.

program seperti Konvensyen Armalah/ Duda dan Bengkel Jati Diri Armalah/ Duda pada tahun 2010.

Pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Cuti Ihdad<sup>155</sup> selama 30 hari bagi wanita yang kematian suami buat kali pertama.<sup>156</sup> Ini menjadikan negeri Kelantan sebagai negeri yang pertama menyediakan kemudahan cuti ihdad dengan bergaji penuh agar kehidupan berkeluarga lebih menepati syariat dan golongan bahu diberi peluang untuk menguruskan hal-hal penting di dalam keluarga selepas kematian suami sebelum kembali berkhidmat.

Antara program yang dilaksanakan di bawah strategi persediaan keluarga dan masyarakat juga adalah dengan menyediakan sistem sokongan kepada wanita dalam membesarkan anak-anak. Kerajaan Negeri melalui UPWK telah menujuhkan Taska Keluarga Mawaddah yang mula beroperasi pada 1 Jun 2015 untuk pengambilan kanak-kanak berusia dari 6 bulan sehingga 4 tahun.<sup>157</sup> Selain daripada penubuhan taska, UPWK juga menganjurkan agar khidmat nurseri ditawarkan di program-program besar seperti Madinah Ramadhan, Kuliah Bulanan Wanita, Sambutan Hari Wanita, Kuliah-kuliah Fiqh Wanita dan seumpamanya bagi memberi peluang kepada ibu-ibu memberikan fokus kepada program yang disertai.

*c) Persediaan Ilmu Sains, Teknologi dan Kemahiran*

Bagi mempersiapkan wanita Kelantan dengan persediaan ilmu sains, teknologi dan kemahiran, beberapa strategi jangkamasa panjang dan pendek telah dilaksanakan. Antara strategi jangkamasa panjang ialah melalui sistem pendidikan yang dikendalikan oleh

<sup>155</sup> Meskipun Cuti Ihdad di dalam syariat Islam adalah selama 4 bulan 10 hari bagi wanita yang tidak hamil, namun peruntukan 30 hari tersebut boleh dianggap sebagai satu kejayaan yang besar bagi Kerajaan Negeri Kelantan kerana melibatkan implikasi pentadbiran dan kewangan.

<sup>156</sup> Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil.5 Tahun 2013 dan sidang media bersama YB Mumtaz Md Nawi Pengurus JK PWK, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan pada 23 Oktober 2013 di Kota Darulnaim. Lihat Lampiran F, *Pekeliling Cuti Kematian Suami*.

<sup>157</sup> Buletin Darulnaim, bil. 167, 19. Lokasi taska tersebut adalah bersebelahan pejabat UPWK iaitu di Lot 3542E, Jalan Telipot, Kota Bharu.

pihak Kerajaan Negeri Kelantan iaitu dengan menubuhkan sebuah sekolah Maahad Tahfiz Sains di Tanah Merah. Penubuhan Maahad Tahfiz Sains oleh kerajaan negeri Kelantan merupakan hasil cetusan YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat selaku Menteri Besar yang mengharapkan agar wujudnya kesepadan ilmu wahyu dan ilmu semasa dalam kurikulum. Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah telah mula beroperasi pada 25 Januari 2004 dengan jumlah pelajar seramai 60 orang lelaki dan 50 orang perempuan.<sup>158</sup> Permintaan yang tinggi terhadap sekolah beraliran tafsir sains yang dipelopori oleh kerajaan negeri Kelantan ini menyebabkan Maahad Tahfiz Sains di Tanah Merah Kelantan pada tahun 2013 mula dikhususkan kepada pelajar perempuan sahaja, manakala pelajar-pelajar lelaki diasingkan di empat buah sekolah Maahad Tahfiz Sains yang lain di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan. Sekolah tersebut menempatkan seramai 674 orang pelajar perempuan yang menggabungkan antara sukan pelajaran tafsir, agama dan akademik. Walaupun telah dikhususkan kepada pelajar perempuan sahaja, Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah masih meneruskan pencapaian keputusan 100% dalam peperiksaan SPM setiap tahun. Pencapaian tersebut membuktikan bahawa golongan wanita juga setaraf dengan lelaki dalam menerima ilmu pengetahuan. Selain daripada itu, Yayasan Islam Kelantan menyediakan peluang yang sama berdasarkan merit untuk pelajar perempuan bersaing dengan pelajar lelaki bagi mendapat tempat pengajian di 89 buah sekolah kelolaan YIK di seluruh negeri Kelantan.<sup>159</sup>

Antara program yang dilaksanakan untuk memberi persediaan kemahiran kepada golongan wanita juga ialah dengan menubuhkan Pusat Kemahiran Wanita Kelantan

<sup>158</sup> "Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah," laman sesawang *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 6 Oktober 2016, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Maahad\\_Tahfiz\\_Sains\\_Tanah\\_Merah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Maahad_Tahfiz_Sains_Tanah_Merah)

<sup>159</sup> Daripada 89 buah agama di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK), hanya 3 daripadanya merupakan sekolah menengah agama lil banat atau untuk perempuan sahaja iaitu Maahad Muhammadi Perempuan Kota Bharu, Maahad Syamsul maarif Lilbanat Pulai Chondong dan Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah. Pada peringkat awal penubuhan ketiga-tiga Mahad tersebut menempatkan kedua-jantina pelajar perempuan dan lelaki. Namun setelah jumlah pelajar semakin bertambah dan terdapat permintaan agar diasinkan pelajar lelaki dan perempuan, pihak YIK telah membina sekolah yang lain bagi mencapai tujuan tersebut.

(PKWK) untuk mengembangkan industri kerajinan tangan dan kraftangan Kelantan, memelihara kesenian tradisi warisan dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi pengusaha khususnya wanita Kelantan. Di bawah pusat kemahiran ini, terdapat 46 buah Pusat Pembangunan Wanita Kelantan di 45 buah DUN dan sebuah Pusat Sulaman Negeri Kelantan.

Penubuhan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) di peringkat DUN bermula pada tahun 2005 untuk melatih golongan wanita di dalam bidang kerjaya, kemahiran dan perekonomian. Sehingga tahun 2015, sebanyak 46 buah PPWK telah ditubuhkan di 45 buah DUN di seluruh negeri Kelantan. Program yang dijalankan di sini mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat setempat terutama golongan wanita sebagai peserta. Yuran yang dikenakan serendah RM5.00 atau RM10.00 setiap bulan adalah amat berbaloi memandangkan mereka dilatih dengan kemahiran jahitan, asas berdikari, keusahawanan dan perniagaan.

Antara pencapaian PPWK ini ialah apabila para peserta berjaya menghasilkan produk-produk usahanita yang khusus bagi setiap PPWK seperti baju kurung tradisional, baju kurung moden, pakaian kanak-kanak, blaus, *skirt* dan seluar *slack*. Sehingga tahun 2015, 2,044 orang peserta PPWK telah bergraduat setelah berjaya menyempurnakan enam modul jahitan sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak UPWK.<sup>160</sup>

Di samping pembelajaran bermodul tersebut, PPWK juga telah berjaya menganjurkan beberapa program untuk memupuk sifat berdikari dalam diri wanita. Antaranya ialah projek Jom Buat Duit Dari Rumah, Bengkel Pengendalian dan Penyelenggaraan Mesin Jahit dan Kem Bina Usahawan PPWK. Program-program tersebut menzahirkan keprihatinan Kerajaan Negeri Kelantan dalam menggalakkan penyertaan wanita dalam

---

<sup>160</sup> Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan, *Buku Majlis Graduasi Pusat Pembangunan Wanita Kelantan 2016*, 24.

bidang sosio ekonomi dengan membekalkan ilmu dan kemahiran menurut keperluan semasa.

UPWK juga telah menganjurkan Program Pembangunan Kemahiran Ekonomi Wanita sebagai satu medium untuk membantu melahirkan golongan wanita yang mampu menjana ekonomi keluarga. Antara projek yang dijalankan di bawah program ini ialah Kursus Jom Buat Duit Dari Rumah, Kursus Usahawan Armalah, Kursus Bina Usahawan, Projek Tabung Wanita Niaga, Kursus Asas Bekam, Bengkel Kulinari dan penubuhan Kelab Alumni Jahitan Wanita Kelantan (AJWA).

Antara projek yang menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap penggunaan kemahiran dan teknologi ialah projek usahasama UPWK, PKWK dan PAPISMA untuk mencipta seluar bersalin yang patuh syariah,<sup>161</sup> dalam masa yang sama menepati spesifikasi yang diperlukan sewaktu menjalani prosedur bersalin di hospital. Patuh syariah di sini bermaksud dapat meminimakan kawasan aurat yang terbuka sewaktu prosedur bersalin, bagi menepati kaedah syarak yang berbunyi "الضرورة تقدر بقدرها", iaitu apa yang diharuskan ketika darurat hendaklah diharuskan sekadar yang perlu sahaja. Dengan terciptanya seluar "Mama Pride" ini, terdapat satu bukaan besar yang diperlukan untuk pengeluaran bayi dan satu bukaan kecil untuk suntikan di bahagian paha, manakala kawasan-kawasan yang lain tidak terdedah sewaktu bersalin. Dengan itu, tercapailah maksud untuk meminimakan kawasan aurat yang terbuka bagi menepati kehendak syariat. Seluar bersalin yang dinamakan "Mama Pride" ini dilancarkan pada tahun 2014 dan telah diterima untuk digunakan di 92 buah hospital di Malaysia.<sup>162</sup>

<sup>161</sup> Patuh syariah di sini bermaksud dapat meminimakan kawasan aurat yang terbuka sewaktu prosedur bersalin, bagi menepati kaedah syarak yang berbunyi "الضرورة تقدر بقدرها", iaitu apa yang diharuskan ketika darurat hendaklah diharuskan sekadar yang perlu sahaja. Dengan terciptanya seluar "Mama Pride" ini, terdapat bukaan besar yang diperlukan untuk pengeluaran bayi dan satu bukaan kecil untuk suntikan di bahagian paha, manakala kawasan-kawasan yang lain tidak terdedah sewaktu bersalin. Dengan itu, tercapailah maksud untuk meminimakan kawasan aurat yang terbuka bagi menepati kehendak syariat.

<sup>162</sup> "Senarai Hospital," laman sesawang MamaPride.com, dicapai pada 16 Februari 2017, <http://seluarbersalinmamapride.blogspot.my/p/hospital-mesra-mamapride.html>

Projek “Dapur Hijau” atau “Gardenita” yang telah dilancarkan pada tahun 2015 pula merupakan satu projek usahasama antara UPWK dengan Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau untuk melengkapkan wanita dengan kemahiran yang berbentuk pertanian.<sup>163</sup> Projek ini dilaksanakan di setiap DUN melalui PPWK meliputi penanaman sayur-sayuran, ulam-ulaman, herba, rempah ratus dan bunga bagi menyedarkan wanita bahawa mereka boleh menyediakan sendiri keperluan dapur untuk ahli keluarga. Tema program tersebut ialah “Kita tanam apa yang kita makan dan kita makan apa yang kita tanam- Bertani Satu Ibadah”,

Tidak ketinggalan, Kerajaan Negeri Kelantan juga menyediakan platform yang patuh syariah kepada para wanita untuk mengasah kemahiran dan bakat seni melalui penganjuran program “Wanita Kelantan Got Talent” pada tahun 2012. Program tersebut walaupun telah mendapat pelbagai reaksi dan komen daripada pelbagai lapisan masyarakat berjaya menunjukkan bahawa Dasar Wanita Negeri Kelantan telah berusaha untuk menyediakan ruang yang patuh syariah untuk penyertaan wanita yang memiliki pelbagai bidang ilmu dan bentuk kemahiran.

*d) Persediaan Kepimpinan Wanita Mithali*

Kepimpinan wanita merupakan sesuatu yang tidak asing bagi masyarakat Kelantan. Cik Siti Wan Kembang<sup>164</sup> dan Puteri Saadong<sup>165</sup> merupakan antara pemerintah wanita

---

<sup>163</sup> Buletin Darulnaim, UPWKK Perkenal Program Dapur Hijau, bil.170, 15.

<sup>164</sup> Cik Siti Wan Kembang mencatat sejarah sebagai pemerintah wanita yang paling lama di atas tahta sebuah kerajaan dalam dunia Melayu, iaitu selama hampir 60 tahun pemerintahannya dari tahun 1610 hingga tahun 1667. Dalam sejarah kesultanan Kelantan pula, baginda merupakan raja perempuan pertama di sebuah negara Islam. Baginda pada peringkat awalnya bersemayam di Gunung Cinta Wangsa di Ulu Kelantan, manakala pada peringkat akhir pemerintahannya berpindah ke Serendah (Seri Indah) Sekebum Bunga Cerang Tegayung. Namanya yang asal ialah Wan Kembang tetapi pedagang Arab memberi gelaran Paduka Cik Siti. Lihat: Sa'ad Shukri bin Haji Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan* (Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971). Lihat juga: Nisriwani Yahya & Syed Zulflida S.M.Noor. *101 Puteri Dunia Melayu Sejarah dan Legenda*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti, 2003, h. 68-73.

<sup>165</sup> Puteri Sa'adong merupakan anakanda kepada Raja Loyor, iaitu pemerintah Kerajaan Jembal di Kelantan pada kurun ke-17. Cik Siti Wan Kembang telah menjadikannya sebagai anak angkat semenjak kecil. Hasil didikannya, Puteri Sa'adong telah beri kepercayaan untuk ditabalkan sebagai raja negeri Kelantan yg ke-7. Nur Saidatul Al Fasihah bt Mohammad Nafi, “Puteri Saadong Legenda Wanita Kelantan Tersohor,” laman sesawang Academia, dicapai pada 25 Ogos 2017, <https://www.academia.edu/11646202/>

yang tersohor dalam sejarah Kelantan. Dengan mengambil kira panduan syariat terhadap kedudukan wanita sebagai pemimpin, Dasar Wanita Negeri Kelantan telah menggariskan strategi lanjutan untuk persediaan kepimpinan wanita mithali. Kepimpinan wanita di sini mencakupi kepimpinan dari sudut politik, pentadbiran dan kepimpinan masyarakat.

Dari sudut kepimpinan politik, Kerajaan Negeri Kelantan di bawah dasar Membangun Bersama Islam telah melantik senator atau Ahli Dewan Negera dari kalangan wanita sejak tahun 1990-an lagi. Antaranya ialah Kalthom Othman, Hunaizah Mohd Noor, Siti Zailah Mohd Yusoff, Wan Ubaidah Omar, Mumtaz Md Nawi dan Khairiah Mohamed. Pada tahun 2004, wanita Kelantan di bawah dasar Membangun Bersama Islam mula diberi peluang untuk bertanding dalam pilihanraya. Rohani Ibrahim merupakan ADUN wanita pertama di bawah dasar Membangun Bersama Islam setelah memenangi kerusi DUN Tanjong Mas. Pada tahun 2008, Wan Ubaidah Omar menang tanpa bertanding di DUN Kijang dan dilantik sebagai EXCO wanita yang pertama di bawah dasar Membangun Bersama Islam. Manakala pada tahun 2013, Mumtaz Md Nawi, ADUN Demit pula dilantik sebagai EXCO Pembangunan Wanita sehingga kini. Wanita juga diberi tempat untuk bertanding sebagai Ahli Dewan Rakyat. Kalthom Othman telah bertanding untuk kerusi Parlimen Pasir Puteh pada tahun 2008. Manakala Siti Zailah Mohd Yusof telah memenagi kerusi Parlimen Rantau Panjang dari tahun 2008 hingga kini.

Dari sudut pentadbiran pula, Fadhilat Ismail pernah dilantik sebagai Ketua Eksekutif pertama bagi Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) pada tahun 2006 hingga 2008<sup>166</sup> menjadikan beliau satu-satunya wanita yang pernah dilantik sebagai Ketua Eksetutif GLC di negeri Kelantan di bawah dasar Membangun Bersama Islam. Manakala Zainiah Halim merupakan Pengarah Urus Setia Wanita yang pertama dilantik pada tahun

---

PROJEK PENYELIDIKAN. Lihat juga Nisriwani Yahya & Syed Zulflida S.M.Noor. 101 Puteri Dunia Melayu Sejarah dan Legenda. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti, 2003, h. 278-285.

<sup>166</sup> Laporan PMBK. Tidak diterbitkan. Samhani Ismail, *Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Wanita Kelantan*, 51.

2008. Dari sudut pentadbiran pendidikan pula, wanita telah diberikan kepercayaan untuk mentadbir sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan sebagai pengetua dan penolong-penolong kanan, namun hanya seorang sahaja pengetua wanita yang telah dilantik dalam satu-satu masa meskipun terdapat 89 buah sekolah yang bernaung di bawah Yayasan Islam Kelantan.<sup>167</sup> Wanita juga pernah dilantik sebagai Penolong Pengarah Yayasan Islam Kelantan. Wanita juga turut dilantik bagi jawatan-jawatan seperti Ahli-ahli Majlis Daerah, Pegawai Tadbir Negeri (PTN) dan Pegawai Tadbir Ugama (PTU).

Dari sudut kepimpinan masyarakat juga wanita diberi peluang yang sama, justeru itu dapat dilihat beberapa jawatan yang telah diwujudkan oleh kerajaan negeri Kelantan selepas tahun 1990 seperti Penghulu Wanita Tanpa Mukim, Pegawai dan Pembantu Pegawai Dakwah Halaqat dan Penyelaras Pembangunan Armalah DUN.<sup>168</sup>

Bagi menyediakan wanita dengan keperluan kepimpinan dan pentadbiran, UPWK telah mengadakan program seperti Bengkel Pengurusan Organisasi.<sup>169</sup> Manakala dari sudut pengiktirafan terhadap kepimpinan wanita pelbagai peringkat pula telah ditonjolkan melalui penganugerahan tokoh ibu dan tokoh wanita di dalam sambutan-sambutan Hari Ibu dan Hari wanita. Bermula tahun 2015, Sambutan Hari Saidatina Khadijah telah menyediakan 5 kategori anugerah Tokoh Wanita Kelantan iaitu Anugerah Saidatina Khadijah Khuwailid (kategori usahawan), Anugerah Saidatina Aisyah Abu Bakar (kategori pendidikan), Anugerah Siti Aminah Abdul Wahhab (kategori armalah/ ibu tunggal), Anugerah Zinnirah al-Rumiyah (kategori OKU) dan anugerah Zainab Khuzaimah (kategori kepimpinan dan kemasyarakatan).<sup>170</sup> Kesemua anugerah ini

<sup>167</sup> Temubual bersama YBrs. Dr. Wan Nik Wan Yussof, Pengarah Pusat Kajian Strategik (PKS) di Pejabat PKS, Kota Bharu, pada 27 Januari 2016. Beliau berpandangan sudah tiba masanya bagi Yayasan Islam Kelantan (YIK) untuk membuka lebih banyak peluang kepada wanita untuk menjadi pengetua di sekolah-sekolah menengah YIK.

<sup>168</sup> Brosur Membangun Bersama Islam. UPKN.

<sup>169</sup> Laporan Semakan Dasar Wanita Negeri Kelantan, tidak diterbitkan.

<sup>170</sup> Buletin Darulnaim, HSK, istimewa buat seluruh wanita di negeri Kelantan, bil. 166,16.

berbentuk pengiktirafan terhadap kepimpinan wanita sekaligus menjadi contoh kepada seluruh wanita Kelantan untuk terus berusaha memberi khidmat kepada masyarakat.

### **3.6 Penilaian Dasar Wanita Negeri Kelantan Dari Sudut Operasi**

Dari sudut operasi, dasar ini dinilai berdasarkan kepada sepuluh aspek yang telah dirumuskan oleh Sabitha Marican dalam menilai sesuatu dasar awam iaitu indeks prestasi utama atau KPI dasar, ujikaji sebelum penggubalan dasar , sasaran dasar, skop dasar, isu politik dalam pelaksanaan dasar, masalah sosial yang dihadapi dalam pelaksanaan dasar, jangkamasa pelaksanaan, jentera pelaksanaan, sistem penyelarasan dan peruntukan kewangan. Di samping sepuluh aspek tersebut, beberapa batasan yang selalunya menyukarkan pencapaian hasil yang dikehendaki juga dikenalpasti, seperti ketiadaan formula yang tepat untuk menentukan tahap kejayaan ketika menggubal sesuatu dasar, ketiadaan sebarang ujikaji yang boleh dijalankan sebelum ianya digubal, perbezaan kehendak kumpulan sasaran yang mungkin akan menimbulkan penentangan terhadap sesuatu dasar dan campurtangan politik oleh pihak yang berkepentingan sehingga mengabaikan kepentingan awam yang sepatutnya dijaga melalui dasar tersebut. Batasan-batasan juga mungkin disebabkan oleh skop dasar yang luas dan masalah sosial yang kompleks sehingga menimbulkan masalah-masalah yang tidak dijangka, jangkamasa pelaksanaan yang tidak tetap, keupayaan jentera pelaksanaan yang tidak cekap, sistem penyelarasan yang rumit, peruntukan kewangan yang tidak cukup dan perkongsian kuasa yang menyukarkan kerjasama dan koordinasi sesuatu dasar.<sup>171</sup> Meskipun kedudukan Dasar Wanita Negeri Kelantan sebagai satu dasar sokongan di peringkat negeri tidak seharusnya dibandingkan dengan dasar-dasar awam negara, namun batasan-batasan yang telah disinggung oleh beliau merupakan sebahagian daripada batasan yang telah dihadapi dalam melaksanakan Dasar Wanita Negeri Kelantan. Justeru itu, penulis menggunakan

<sup>171</sup> Sabitha Marican, *Dasar Awam di Malaysia: Isu dan Konsep*, 175-182.

aspek-aspek yang telah dikemukakan oleh beliau sebagai panduan dalam menilai operasi dasar ini.

*(i) Indeks Prestasi Utama atau KPI Dasar*

Dari sudut KPI dasar, pihak penggubal dasar ini didapati tidak menetapkan formula yang tertentu bagi menilai kejayaan Dasar Wanita Negeri Kelantan ketika penggubalannya, menyebabkan kajian-kajian dalaman terhadap tahap kejayaan dasar tersebut tidak mempunyai penanda aras untuk menilai secara tepat dan konsisten. Walaupun pihak UPWK telah menubuhkan satu unit khas untuk menguruskan data-data bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan,<sup>172</sup> namun dokumen-dokumen yang telah disusun oleh pihak UPWK untuk tujuan semakan dasar menunjukkan bahawa pihak UPWK sendiri masih mencari-cari satu formula yang spesifik sebagai penanda aras ataupun KPI dasar ini. Penilaian terhadap program-program lepas juga telah dilakukan melalui observasi yang terlalu umum.<sup>173</sup> Situasi ini berpunca daripada tiga faktor utama iaitu ketiadaan KPI pada peringkat penggubalan, kurang kemahiran dalam menjalankan penyelidikan dan kurang mengambil serius berkenaan keperluan bahagian penyelidikan untuk mengenalpasti keberkesanan dasar. Justeru itu, kekurangan ini seharusnya diatasi dengan segera seandainya UPWK komited untuk menjayakan dasar ini pada peringkat pelaksanaan.

*(ii) Ujikaji sebelum penggubalan dasar*

Kajian terhadap tahap pra-penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan mendapati bahawa tidak ada sebarang ujikaji yang telah dijalankan sebelum ianya digubal bagi mengenalpasti kemampuannya untuk dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Walau

---

<sup>172</sup> Lampiran H, *Bidang Tugas Unit-unit Bagi Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan*.

<sup>173</sup> Dokumen Semakan Dasar Wanita Negeri Kelantan, UPWK, tidak diterbitkan.

bagaimanapun, sesi persidangan pakar yang telah beberapa kali diadakan di dalam dan di luar negeri Kelantan dari tahun 1998 hingga 2001 telah meneliti aspek-aspek persamaan dan perbezaannya dengan Dasar Wanita Negara sekaligus menjustifikasi penggubalannya demi mencapai matlamat dasar utama Membangun Bersama Islam dalam skop yang berkaitan dengan wanita.<sup>174</sup> Walau bagaimanapun, meskipun dasar wanita ini digubal tanpa ujikaji, penggubalannya dilihat relevan apabila dinilai dari sudut sumber yang berbeza antara Dasar Wanita Negara dan Dasar Wanita Negeri Kelantan yang pastinya akan membawa kepada pendekatan dan matlamat yang berbeza. Dasar Wanita Negara merujuk kepada gagasan-gagasan antarabangsa yang asasnya bersifat secular tanpa mengira agama, manakala Dasar Wanita Negeri Kelantan pula merujuk kepada aspirasi Islam yang sesuai dengan masyarakat pelbagai agama dan bangsa di Kelantan<sup>175</sup> dalam skop yang dibenarkan oleh Perlembagaan Malaysia. Bagi pihak kerajaan negeri, pelaksanaan dasar-dasar Islam tidak memerlukan ujikaji kerana ia adalah satu kewajipan yang mesti dilaksanakan melalui pelaksanaan Siasah Syar‘iyyah. Walau bagaimanapun, dari sudut operasinya ketiadaan ujikaji sebelum penggubalan dasar ini menimbulkan implikasi dalam menilai keberkesanan dan kejayaan dasar setelah lebih satu dekad ia dilaksanakan. Seandainya ujikaji telah dibuat pada peringkat awal, nescaya tahap pelaksanaan, penilaian program dan semakan dasar akan menjadi lebih jelas dan terarah.

### ***(iii) Isu politik dalam pelaksanaan dasar***

Oleh kerana skop berkenaan wanita ini berada dalam senarai bersama antara kerajaan negeri dan persekutuan mengikut Jadual Kesembilan Perlembagaan Malaysia,<sup>176</sup>

<sup>174</sup> Temubual bersama YBrs. Dr. Wan Nik Wan Yussof, Pengarah Pusat Kajian Strategik (PKS) di Pejabat PKS, Kota Bharu, pada 27 Januari 2016.

<sup>175</sup> Menurut perangkaan tahun 2010, masyarakat Kelantan terdiri daripada 95.2% Muslim, manakala selebihnya bukan Islam, berbeza dengan keseluruhan rakyat Malaysia yang terdiri daripada 61.3% Muslim manakala selebihnya bukan Islam. Lihat: Jabatan Perangkaan Malaysia, *Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi* (t.t.p.: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010), 13.

<sup>176</sup> Lihat Lampiran G, *Senarai III Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan*.

pelaksanaan dasar wanita di peringkat negeri seharusnya dijayakan secara bersama oleh pihak kerajaan negeri dan agensi kerajaan persekutuan yang dipertanggungjawabkan di negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, sehingga akhir tempoh kajian ini dijalankan, kerajaan negeri Kelantan didapati mempunyai hubungan yang sangat minima dengan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Kerajaan Persekutuan yang berada di negeri Kelantan. Malah sehingga tahun 2015, tiada hubungan rasmi yang berjaya dijalankan antara UPW dan JPW kerana kepentingan politik atau ideologi politik yang berbeza.<sup>177</sup> Menurut kajian Nik Mohd Azlan Abdul Hadi, kerjasama yang sepatutnya diperolehi daripada pihak Kerajaan Persekutuan tidak diperolehi oleh kerajaan negeri kerana program-program yang dianjurkan oleh parti pembangkang walaupun di atas nama kerajaan negeri secara rasmi masih dilihat mempunyai agenda politik di belakangnya.<sup>178</sup> Sebagai implikasi terhadap situasi tersebut, pelaksanaan dasar wanita di negeri Kelantan tidak berjaya dikoordinasikan dan menjadi terbatas. Justeru itu, langkah-langkah yang proaktif perlu dilakukan oleh UPW untuk menjalankan hubungan rasmi dengan JPW bagi memastikan bahawa agenda pemerkasaan wanita di negeri Kelantan dapat dijalankan dengan lebih bersepadu. Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) 2009 yang telah digazetkan bersama Dasar Wanita Negara juga dapat dilaksanakan secara bersepadu dan berkesan jika turut sama melibatkan agensi-agensi kerajaan negeri Kelantan.

(iv) *Skop dasar*

Dari sudut skop dasar, Dasar Wanita Negeri Kelantan telah menyenaraikan 15 agenda perubahan untuk wanita yang memerlukan fokus pada peringkat pelaksanaan dasar.<sup>179</sup> Lima belas agenda tersebut adalah agama, pendidikan, undang-undang, ekonomi, pekerjaan, politik, harta, keluarga, kesihatan, rekreasi, media, sistem sokongan, jaringan,

---

<sup>177</sup> Nur Adyani Mohamed, dalam temubual bersama penulis, 21 September 2016.

<sup>178</sup> Nik Mohd. Azlan Abdul Hadi, "Pembangunan Insan Di Negeri Kelantan Tahun 1978-2002: Kajian Cabaran dan Masalah," (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 122.

<sup>179</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

keperluan asasi dan masyarakat. Senarai tersebut menjadikan skop dasar amat luas, kerana semeangnya golongan wanita wujud dalam hamper kesemua sektor dalam masyarakat. Namun dari sudut pelaksanaannya, tidak semua bidang yang disenaraikan itu perlu diletakkan di bawah tugas Portfolio Pembangunan Wanita kerana skop yang begitu luas perlu melibatkan peranan portfolio-portfolio yang lain juga. Walau bagaimanapun, dari sudut operasi yang berlaku, telah timbul permasalahan apabila kebanyakan hal yang bersangkutan dengan wanita diserahkan kepada Portfolio Pembangunan Wanita sedangkan terdapat portfolio-portfolio lain yang telah dibentuk khas untuk bidang tersebut yang melibatkan kedua-dua golongan lelaki dan wanita.<sup>180</sup> Keadaan sebegini menyebabkan UPW tidak berkesempatan untuk menumpukan fokus mereka terhadap kepada fungsi sebenar penubuhannya sebagai sekretariat pelaksanaan dasar. Misalnya, hal ehwal guru-guru wanita sepatutnya diuruskan oleh portfolio pendidikan, usahawan wanita diuruskan oleh portfolio usahawan, petani wanita diuruskan oleh portfolio pertanian, kesihatan wanita diuruskan oleh portfolio kesihatan dan seterusnya. Adalah tidak konstruktif sekiranya semua perkara yang melibatkan wanita diserahkan pengurusannya kepada Portfolio Pembangunan Wanita kerana golongan wanita sememangnya menceburi hampir kesemua bidang bersama dengan kaum lelaki. UPW seharusnya menjadi penyelaras sahaja bagi memastikan dasar-dasar kerajaan negeri terhadap wanita ini telah diterapkan dalam semua portfolio dan pihak yang bertanggungjawab.

**(v) *Masalah sosial yang dihadapi dalam pelaksanaan dasar***

Dalam melaksanakan Dasar Wanita Negeri Kelantan, kerajaan negeri berhadapan dengan beberapa masalah sosial yang kompleks. Masalah-masalah seperti kes-kes penyalahgunaan dadah, bilangan pesakit HIV, kes-kes rogol, kes-kes perceraian dan lain-

---

<sup>180</sup> Nur Adyani Mohamed, dalam temubual bersama penulis, 21 September 2016. Perkara yang sama juga telah dinyatakan oleh Wan Ubaidah Omar, dalam temubual bersama penulis, 21 Ogos 2017.

lain tidak mampu diselesaikan hanya melalui kuasa yang dimiliki oleh sebuah kerajaan negeri. Kedudukan negeri Kelantan di sempadan negara Thailand juga telah mendorong kepada wujudnya masalah sosial yang kompleks di negeri Kelantan. Justeru itu, dalam melaksanakan dasarnya terhadap wanita, satu kerjasama yang bersepada perlu diadakan antara semua pihak berkaitan terutamanya agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri bagi memastikan agar masalah sosial sebegini dapat diatasi dan mampu mencapai objektif dasar sebagaimana yang diharapkan. Ini adalah kerana dengan berterusannya masalah sosial sebegini, kerajaan negeri akan terus dituding sebagai pihak yang gagal dalam melaksanakan dasar Islamnya sedangkan bidangkuasanya adalah terhad dan tidak mampu untuk menangani kesemua permasalahan tersebut tanpa kerjasama daripada agensi kerajaan persekutuan.

Selain daripada itu, kewujudan Majlis Perundingan Wanita di peringkat negeri dan parlimen juga perlu diperkasakan sebagai satu platform untuk mengatasi masalah sosial yang mengganggu kelancaran proses pelaksanaan dasar. Jika dilihat pada senarai ahli jawatankuasa induk Majlis Perundingan Wanita Negeri (MPWN), agensi-agensi seperti pihak hospital, tentera, polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan badan-badan NGO turut dilibatkan bersama.<sup>181</sup> Golongan tersebut sememangnya mampu berperanan untuk membantu kerajaan negeri mengatasi masalah sosial yang pelbagai.

#### **(vi) *Jangkamasa pelaksanaan***

Antara kekangan utama dalam operasi pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan ialah apabila tidak ditetapkan jangkamasa pelaksanaan melalui satu pelan tindakan yang berfasa untuk dirujuk oleh pihak yang terlibat. Implikasinya sebagai contoh ialah berkenaan Majlis Perundingan Wanita yang hanya berjaya ditubuhkan pada tahun 2012 walaupun telah disenaraikan dalam kertas dasar sejak awal penggubalannya. Sudah tentu

<sup>181</sup> Lihat Lampiran F, *Ahli Jawatankuasa Induk Majlis Perundingan Wanita Negeri Kelantan*.

sekiranya termaktub jangkamasa yang jelas, penubuhannya tidak mungkin tertangguh sehingga lebih 10 tahun kerana desakan-desakan akan dibuat oleh pelbagai pihak yang memantau proses pelaksanaannya. Begitu juga dengan pelaksanaan program induksi dasar. Ketiadaan jangkamasa yang jelas menyebabkan strategi induksi dasar tidak berjaya mencapai objektifnya walaupun setelah 15 tahun ianya dilaksanakan. Menurut rekod yang diperolehi daripada UPWK, hanya terdapat satu bentuk program yang telah dilaksanakan sebagai program induksi dasar wanita, iaitu melalui majlis-majlis sambutan hari wanita, hari ibu, hari Saidatina Khadijah dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, penulis berpandangan bahawa mengkategorikan program sedemikian sebagai program induksi dasar adalah kurang tepat kerana matlamat asal program induksi ialah memperkenalkan Dasar Wanita Negeri Kelantan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan agar turut sama menjayakan dasar tersebut di peringkat masing-masing; sedangkan majlis-majlis sambutan sedemikian mempunyai objektif dan sasaran yang berbeza. Oleh itu, penulis merumuskan bahawa sehingga tahun 2015, program induksi dasar sebagaimana yang dimaksudkan dalam kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan sebenarnya belum berjaya diadakan.<sup>182</sup> UPW seharusnya merujuk kepada Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) 2009 bagi menentukan jangkamasa pelaksanaan yang relevan dengan Dasar Wanita Negeri Kelantan kerana tanpa menentukan jangkasama pelaksanaan dasar, strategi yang digariskan sebenarnya tidak mempunyai perancangan jangkamasa panjang yang diperlukan. Meskipun UPW pada penggal pentadbiran yang terkini telah mengemas kinikan fungsinya untuk merangka pelan tindakan bagi pelaksanaan dasar, namun didapati bahawa pelan tindakan tersebut digariskan secara tahunan sahaja. Pendekatan jangkamasa pendek sebegitu adalah tidak efektif untuk pelaksanaan sebuah dasar di peringkat negeri.

---

<sup>182</sup> Laporan Semakan Dasar Wanita Negeri Kelantan, UPWK, tidak diterbitkan.

### **(vii) Jentera pelaksanaan**

Jentera utama bagi pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan sejak mula ia digubal ialah Unit Pembangunan Wanita yang seterusnya dinaik taraf sebagai Urus Setia Pembangunan Wanita. Kedudukannya sebagai sebuah urus setia di bawah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita menjadikan status perlantikan semua kakitangan UPW dari peringkat Pengarah hingga ke kakitangan sokongan diletakkan di dalam kategori “lantikan politik” yang berkhidmat secara kontrak berelaun ataupun sambilan. Implikasinya, mereka tidak mendapat keistimewaan sebagaimana kakitangan kerajaan negeri yang lain seperti kemudahan latihan peruntukan bayaran untuk kerja lebih masa (*overtime*) dan pemberian slip gaji.<sup>183</sup> Tanpa peruntukan kemudahan latihan kepada kakitangan UPWK, keupayaan mereka sebagai sekretariat dasar menjadi kurang cekap lantaran tugas-tugas pentadbiran yang perlu dilakukan melibatkan pelbagai pihak yang sudah tentunya memerlukan kursus dan latihan bagi mempertingkatkan kemahiran dan profesionalisme kerjaya dari semasa ke semasa. Sistem pergajian yang tidak setaraf dengan kakitangan kerajaan yang lain juga menimbulkan beberapa kesulitan kepada kakitangan UPWK untuk menggunakan kemudahan yang biasa ditawarkan kepada kakitangan awam.<sup>184</sup> Rentetan daripada itu, seringkali terdapat kakitangan yang sudah lama berkhidmat memilih untuk berhenti kerja apabila mendapat tawaran pekerjaan yang lebih terjamin walaupun mereka berpuas hati dengan suasana bekerja di pejabat UPWK.

Demi mengekalkan komitmen staf sebagai pelaksana utama bagi agenda yang besar ini, pihak UPWK telah mengambil beberapa inisiatif seperti mengamalkan budaya kerja

---

<sup>183</sup> Nur Adyani Mohamed, dalam temubual bersama penulis, 21 September 2016.

<sup>184</sup> Hal ini berlarutan sehingga akhir tempoh kajian. Pada tahun 2012, YB Mumtaz Md Nawi sebagai EXCO Portfolio Wanita telah meneliti semula sistem pergajian kakitangan UPWK dan mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan negeri agar penambahbaikan dapat dilaksanakan terhadap sistem tersebut. Nur Adyani Mohamed, dalam temubual bersama penulis, 21 September 2016. Lihat juga: Lampiran J, Pekeling Perkhidmatan Negeri Bilangan 3 Tahun 2016, Kerajaan Negeri Kelantan, Penambahbaikan Skim Perkhidmatan dan Pelarasian Gaji Kakitangan Urusetia Belia dan Sukan, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri, Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan dan semua kakitangan yang berkhidmat secara berelaun dan sambilan di jabatan-jabatan negeri Kelantan. 14 Mac 2016.

bersama-sama sebagai satu pasukan umpama sebuah keluarga yang besar setiap kali program diadakan walaupun program tersebut asalnya dianjurkan oleh salah satu daripada unit-unit yang wujud di dalam Urus Setia bagi menerbitkan rasa kebersamaan atau *sense of belonging*.<sup>185</sup> Corak bekerja sebegini juga dapat meringankan tugas sesuatu unit turut dibantu oleh staf dari unit-unit yang lain. Pada masa yang sama, semua staf UPWK dapat meluaskan pengalaman mereka apabila turut dilibatkan dalam program-program yang dianjurkan oleh unit-unit yang berlainan. Walaupun bagaimanapun dari sudut pandang yang lain pula, penglibatan semua staf dalam semua program boleh menyebabkan staf kehilangan focus dan tidak dapat memberi tumpuan untuk melengkapkan keperluan dalam unit masing-masing.

Bermula tahun 2013 pula, pihak UPWK mula menganjurkan usrah mingguan kepada semua staf yang dikendalikan bagi mengukuhkan ukhuwwah dan menambah penghayatan terhadap teras *ubudiah*, *mas'uliyyah* dan *itqan* (UMI) melalui pengisian ilmu dan kerohanian. Usrah tersebut dikendalikan oleh tenaga pengisi jemputan atas persetujuan EXCO Wanita. Di samping pengisian kerohanian dan motivasi kerjaya, aspek kebijakan staf juga amat dititik beratkan oleh EXCO Wanita. Hasil daripada pendekatan-pendekatan yang diambil, pihak UPWK dapat mengekalkan kakitangan yang berketerampilan tinggi dan mempunyai latar belakang pendidikan tinggi dari peringkat diploma sehingga ke peringkat sarjana, yang penuh keikhlasan dan integriti serta bersungguh-sungguh membawa aspirasi Islam sebagai kakitangan mereka. Walaupun pendekatan sebegini telah sedikit sebanyak menerbitkan rasa *sense of belonging* terhadap program-program yang dianjurkan oleh UPWK, namun perasaan *sense of belonging* terhadap Dasar Wanita Negeri Kelantan itu sendiri masih belum berjaya diterapkan, mungkin berpunca daripada proses penggubalan dasar yang dibuat sebelum penubuhan

<sup>185</sup> Nur Adyani Mohamed, dalam temubual bersama penulis, 21 September 2016.

urus setia dan tidak dapat diberikan penghayatan secukupnya kepada kakitangan UPWK.<sup>186</sup>

#### *(viii) Sistem penyelarasan*

Program wanita yang diaksanakan oleh pihak UPWK bukan hanya dilaksanakan di peringkat negeri, tetapi juga diperturunkan ke peringkat Parlimen dan DUN. Malah beberapa program di peringkat DUN dilaksanakan di beberapa tempat yang berbeza agar manfaat program dapat dirasai oleh lebih ramai kumpulan sasaran sehingga ke akar umbi. Untuk menjayakan matlamat yang diinginkan oleh kerajaan negeri, kakitangan UPW dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan bentuk pelaksanaan program dengan pihak pelaksana di semua peringkat. Tugas perhubungan dan penyelarasan dengan pihak pelaksana program di peringkat parlimen dan DUN berkait rapat dengan seni berkomunikasi dalam menyalurkan maklumat dan mengumpul kembali laporan yang diperlukan. Antara cabaran yang timbul ialah apabila matlamat program tidak dapat disampaikan dengan tepat. Justeru itu, bagi mengurangkan masalah yang mungkin timbul, pihak UPWK telah menyediakan garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (S.O.P) yang perlu diikuti oleh semua kakitangan dalam melaksanakan tugas mereka. Taklimat demi taklimat diberikan setiap kali tugas ingin dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan sistem perhubungan dan penyelarasan program terutamanya terhadap pihak pelaksana di peringkat parlimen dan DUN. Justeru itu, bagi memudahkan pengurusan dengan pelaksana program di peringkat akar umbi, UPWK telah mengkhususkan satu hari dalam seminggu sebagai Hari Pelanggan.<sup>187</sup>

<sup>186</sup> Nur Adyani Mohamed, dalam temubual bersama penulis, 21 September 2016. Perkara yang sama juga telah dinyatakan oleh Wan Ubaidah Omar, dalam temubual bersama penulis, 21 Ogos 2017.

<sup>187</sup> Nurul Akma Mohamed dan Shukeri Mohamad, "Program Wanita Negeri Kelantan di Bawah Dasar Membangun Bersama Islam: Pencapaian dan Cabaran," (makalah, Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016, Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Selangor, 22-23 November 2016), 28-41.

#### **(ix)      Publisiti dan penerangan**

Memandangkan program-program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri Kelantan tidak diberi ruang untuk mendapat liputan publisiti dan penerangan di dalam kebanyakan akhbar, siaran televisyen dan media massa, adalah tidak menghairankan apabila terdapat sebilangan rakyat Kelantan yang masih tidak sedar tentang usaha-usaha dan program-program yang dilaksanakan di negeri sendiri. Justeru itu, bagi memastikan program-program mendapat publisiti yang sewajarnya, pihak UPWK telah mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan saluran publisiti dan penerangan kepada rakyat mengenai usaha-usaha kerajaan negeri Kelantan memartabatkan wanita melalui penggunaan *billboard*, sistem khidmat pesanan ringas atau SMS, melalui media sosial seperti *facebook*, *youtube*, aplikasi *telegram*, *whatsapp* dan lain-lain. Perhubungan melalui SMS dan media sosial dipermudahkan lagi apabila pihak UPWK menjalankan proses pendaftaran program secara berkomputer bagi mengumpul maklumat peserta yang hadir untuk dihubungi bagi program-program seterusnya. Malah pihak UPWK juga telah membuktikan kreativiti dan inovasi mereka dengan membina aplikasi mudah alih “myUPWK” yang boleh dimuat turun pada telefon pintar bagi memaparkan informasi terkini daripada pihak UPWK.<sup>188</sup>

Walau bagaimanapun, hasil temubual penulis dengan pelaksana-pelaksana dasar di peringkat parlimen telah mendapati bahawa promosi dan publisiti terhadap program-program yang diadakan masih terlalu kurang sehingga menyebabkan penyertaan program wanita yang dianjurkan hanya berlebar dalam kalangan peserta yang sama.<sup>189</sup> Walaupun tenaga pengisi jemputan yang terkenal kerap dijemput untuk menarik kehadiran masyarakat awam, namun kebanyakan daripada mereka tidak mampu untuk mengaitkan

---

<sup>188</sup> *Ibid.*

<sup>189</sup> Wan Rafizah Wan Abdullah (Ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Rantau Panjang) dalam temubual kumpulan terfokus bersama penulis, JKR10, Kota Bharu, 3 Mac 2018. Kenyataan ini juga disokong oleh Dr. Wan Martina Wan Yusoff (Ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Bachok) dalam temubual yang sama, serta dipersetujui oleh informan-informan lain yang hadir.

pengisian program dengan Dasar Wanita Negeri Kelantan kerana kurang terdedah kepada maklumat yang diperlukan. Justeru itu, pihak UPWK diharapkan dapat memberi penerangan yang cukup kepada tenaga penceramah jemputan yang akan turun ke parlimen atau DUN.

**(x) Peruntukan kewangan**

Sewaktu menghuraikan mengenai strategi pelaksanaan dasar, isu-isu berkenaan peruntukan belanjawan kepada pihak UPW telahpun disentuh. Ia memperlihatkan bahawa peruntukan kewangan terhadap pembangunan wanita telah meningkat daripada RM1.0 juta pada tahun 2005 kepada RM4.75 juta pada tahun 2015. Walaupun peruntukan tersebut adalah munasabah untuk program-program asas bagi pembangunan wanita dengan keupayaan perbendaharaan kerajaan negeri Kelantan yang terhad, namun ia sebenarnya perlu dikongsi dengan unit-unit lain yang berada di bawah portfolio yang sama. Justeru itu, kerajaan negeri perlu meningkatkan usaha untuk mengukuhkan kedudukan kewangan negeri supaya dapat mempelbagaikan lagi pendekatan dalam melaksanakan Dasar Wanita Negeri Kelantan bagi manfaat semua, sama ada berbentuk sumbangan kebajikan, penyediaan kemudahan, penganjuran program dan penambahan gaji atau elauan kepada kakitangan UPWK.

**3.7 Kesimpulan**

Menerusi data-data yang dipaparkan di atas, kajian ini mendapati bahawa komitmen kerajaan negeri Kelantan untuk menjaga kepentingan wanita berdasarkan prinsip Islam telahpun bermula sejak penghujung tahun 1990 lagi. Susur galur penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan adalah selaras dengan matlamat Siasah Syar'iyyah untuk menjaga kemaslahatan umum dan mengelakkan kerosakan daripada semua pihak khususnya wanita, sama ada di dunia mahupun akhirat Meskipun masih tertakluk kepada Dasar Wanita Negara, kerajaan negeri Kelantan melihat kepada keperluan yang

mendesak untuk menggubal sebuah dasar yang baru dari perspektif yang berbeza, khususnya dari segi sumber dan rujukannya, selaras dengan dasar utama Membangun Bersama Islam. Dalam pada itu, prinsip-prinsip Dasar Wanita Negeri Kelantan yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri Kelantan adalah selari dengan prinsip-prinsip Siasah Syar'iyyah yang menekankan konsep keadilan, hak asasi dan tanggungjawab. Semangat untuk melaksanakan syariat Islam dengan dipandu oleh konsep UMI yang mendasari dasar Membangun Bersama Islam di kalangan para pentadbir dan pelaksana dasar tersebut telah memudahkan dari aspek pelaksanaan berdasarkan kehendak Islam.

Dapat dirumuskan juga bahawa pelaksanaan strategi dasar tersebut telah berlaku secara peringkat demi peringkat walaupun ianya telah termaktub di dalam kertas dasar yang asal sejak dari awal. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun telah mempunyai gambaran dan hasrat yang jelas terhadap apa yang mahu dilaksanakan, masih terdapat halangan dan cabaran yang membantu pelaksanaan di peringkat awal. Apabila diteliti dari sudut program-program yang telah dilaksanakan oleh UPWK secara khusus, dapat disimpulkan bahawa pihak berkenaan telah berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik bagi mencapai matlamat:

بَلَدٌ ظَيْنَةٌ وَرَبُّ عَفْوٍ ﴿١٥﴾

Saba' 34: 15

Terjemahan: Negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun.

Walau bagaimanapun penilaian yang dibuat terhadap operasi dasar pula menunjukkan bahawa masih terdapat ruang-ruang yang perlu kepada penambahbaikan bagi memastikan pelaksanaan dasar dari sudut realitinya dapat mencapai matlamat yang dicitakan.

## **BAB EMPAT: ANALISIS SIASAH SYAR'IYYAH TERHADAP PELAKSANAAN DASAR WANITA NEGERI KELANTAN**

### **4.1 Pendahuluan**

Dasar Wanita Negeri Kelantan adalah berlandaskan Islam dan bermatlamat untuk membangun dan mengembangkan kemuliaan dan potensi wanita berdasarkan penghayatan cara hidup Islam. Bagi mencapai matlamat tersebut, pelbagai strategi telah digariskan bagi memastikan agar Dasar Wanita Negeri Kelantan ini dapat dilaksanakan. Menurut Shukeri Mohamed, Dasar Wanita Negeri Kelantan secara umumnya menepati kehendak Siasah Syar'iyyah dari sudut prinsip, metodologi dan maqasidnya.<sup>1</sup>

Bab ini akan menilai aspek pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan secara lebih terperinci bagi melihat sudut ketepatannya dengan peranan-peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita. Peranan-peranan tersebut diklasifikasikan kepada lima tema utama iaitu memandu wanita melaksanakan syariat, melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan, meninggikan martabat wanita, menjamin kebajikan wanita dan membentuk wanita yang bertanggungjawab. Justeru itu, program-program yang telah dilaksanakan di bawah Dasar Wanita Negeri Kelantan akan dikategorikan mengikut tema yang bertepatan dengannya. Analisis dalam bab ini merangkumi penelitian terhadap program dan aktiviti yang telah dilaksanakan di bawah Dasar Wanita Negeri Kelantan mengikut tiga kategori di bawah:

- a) Program yang diperkenalkan selepas penggubalan dasar
- b) Program yang dimulakan sebelum penggubalan dasar dan masih diteruskan selepas daripada penggubalan

---

<sup>1</sup> Shukeri Mohamad, Mohd. Yakub dan Mohd. Azreen, "Analisis Pelaksanaan Dasar Wanita di Negeri Kelantan dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Masyarakat," (makalah, World Conference on Islamic Thought and Civilization, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, 2012) dalam laman sesawang *UM Repository*, dicapai pada 31 Ogos 2015, <http://repository.um.edu.my/23709/>

- c) Program yang dimulakan sebelum penggubalan dasar dan telah ditambahbaik selepas penggubalannya

Bagi memenuhi keperluan analisis ini, penulis menggunakan metode tematik kritis untuk mengkategorikan data yang diperolehi daripada pelbagai dokumen dan transkrip temubual.

#### **4.2 Mengurus Aktiviti Wanita Berpandukan Syarak**

Peranan utama Siasah Syar'iyyah terhadap wanita ialah memandu wanita melaksanakan syariat dalam skala yang besar. Meskipun setiap individu muslim dan muslimah bertanggungjawab untuk memastikan diri masing-masing melaksanakan tuntutan syarak ke atas diri mereka dan individu-individu yang berada di bawah tanggungjawab mereka, namun kuasa pihak pemerintah adalah lebih menyeluruh dalam menyediakan suasana yang kondusif bagi pelaksanaan syariat Islam melalui dasar-dasar dan polisi-polisi yang dapat merealisasikan matlamat tersebut di peringkat yang lebih tinggi. Peranan ini juga termasuk di bawah tanggungjawab amar makruf dan nahi mungkar sebagaimana yang telah dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran, Surah al-Hajj, ayat 41.<sup>2</sup> Al-Qurtubi<sup>3</sup> di dalam pentafsirannya terhadap ayat ini telah menuliskan pandangan al-Dahhāk bahawa mendirikan solat, memberi zakat, menunaikan amar makruf dan nahi mungkar merupakan syarat yang telah diwajibkan oleh Allah SWT ke atas sesiapa yang diberi kuasa pemerintahan. Manakala Sahl bin ‘Abd Allāh pula menegaskan bahawa melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar adalah wajib ke atas pemerintah dan ulama. Sehubungan dengan itu, Abū Ḥāmid al-Ghazālī dalam kata-katanya yang masyhur menegaskan bahawa agama merupakan asas kepada kehidupan,

<sup>2</sup> Ayat tersebut bermaksud: “Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.” Al-Hajj 22: 41. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubi, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān* (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 6: 68.

manakala kuasa pemerintahan adalah penjaga yang akan bertindak memastikan asas agama itu dipelihara.<sup>3</sup> Sehubungan itu, penulis akan menganalisis empat program atau tindakan utama yang telah menepati peranan ini iaitu arahan berpakaian menutup aurat, sistem pajak gadai Islam, pendedahan ilmu agama dan garis panduan syarak bagi penglibatan wanita dalam aktiviti masyarakat.

#### **4.2.1 Arahān Berpakaian Menutup Aurat**

Dalam konteks Kerajaan Negeri Kelantan, peranan untuk memandu wanita melaksanakan syariat telah cuba untuk dipenuhi sejak awal pemasyhuran dasar Membangun Bersama Islam pada tahun 1990 lagi, di mana pelbagai peraturan dan pendekatan telah dilakukan bagi memastikan agar golongan wanita dipandu untuk melaksanakan syariat dalam pelbagai aspek kehidupan bermasyarakat.<sup>4</sup> Arahān berpakaian menutup aurat di pejabat-pejabat kerajaan telah dikeluarkan sejak penghujung tahun 1990,<sup>5</sup> begitu juga dengan larangan memperagakan gambar wanita yang tidak menutup aurat pada papan-papan iklan di seluruh negeri Kelantan serta tindakan memasang papan tanda tatasusila berpakaian dan sepanduk di pintu masuk ke negeri Kelantan dilaksanakan bagi menyediakan persekitaran yang menyokong wanita untuk menjalankan kewajipan menutup aurat dan berpakaiansopan. Rozi Bainon berpandangan bahawa larangan memperagakan gambar wanita yang tidak menutup aurat merupakan usaha untuk membentuk persekitaran yang menghidupkan nilai-nilai yang murni dan sopan.<sup>6</sup> Persekitaran sebegini merupakan antara bentuk kawalan sosial yang dapat

<sup>3</sup> Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī al-Ṭūsi, *al-Iqtisād fī al-I'tiqād* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004), 128.

<sup>4</sup> Kenyataan ini dipersetujui oleh Shukeri Mohamad, Wan Nik Wan Yussof dan Mohd Fadli Ghani dalam kajian mereka mengenai dasar Membangun Bersama Islam.

<sup>5</sup> "Kakitangan wanita diarah pakai tudung – Rozali," *Utusan Malaysia*, 8 November 1990. Walau bagaimanapun pekeliling terhadap arahan tersebut dikeluarkan pada awal tahun 1993. Lihat: Pekeling Perkhidmatan Bilangan 1/1993, Kerajaan Negeri Kelantan, "Peraturan Berpakaian Masa Bertugas Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan", bertarikh 28 Januari 1993.

<sup>6</sup> Beliau menyebut "Tindakan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat untuk menutup dan memadamkan papan-papan iklan (bill-board) yang memaparkan wajah-wajah wanita (yang mendedahkan aurat) di sekitar Bandar Kota Bharu adalah disokong. Haji Nik Aziz mengarahkan papan-papan iklan itu ditampal atas alasan untuk menghindarkan perbuatan mengeksploritasikan wanita dengan gaya yang kurang

membantu wanita mematuhi syariat dalam kehidupan sehari-hari. Rohani Ibrahim menyebut bahawa TG Nik Abdul Aziz menganggap isu aurat wanita perlu ditangani dengan segara walaupun melibatkan beberapa tindakan yang agak drastik kerana ia melibatkan persoalan halal dan haram.<sup>7</sup> Hal ini disokong oleh Wan Nik Wan Yussof dan Nik Mohd Azlan Abdul Hadi.<sup>8</sup> Peranan ini menepati prinsip *al-hākimiyah* yang menjadi tonggak utama Siasah Syar‘iyyah, kerana arahan menutup aurat telah termaktub secara tegas di dalam al-Quran<sup>9</sup>. Walaupun arahan menutup aurat ini telah dikeluarkan melalui pekeliling-pekeliling terdahulu, namun setelah pengubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan secara rasmi, arahan-arahan tersebut tetap berkuatkuasa kerana ia sememangnya merupakan satu kewajipan yang tidak berubah walau berubahnya masa.

#### 4.2.2 Sistem Pajak Gadai Islam

Penubuhan Sistem Pajak Gadai Islam iaitu al-Rahn merupakan antara tindakan awal yang telah dicetuskan oleh TG Nik Abdul Aziz bagi memastikan agar golongan wanita yang menjadi pengunjung utama pusat-pusat gadaian konvensional yang melibatkan riba dapat mengubah destinasi mereka kepada pusat-pusat gadaian yang patuh syariah berpandukan sistem al-Rahn.<sup>10</sup> Dengan penubuhan Pusat-pusat al-Rahn ini, wanita di negeri Kelantan dipandu untuk melaksanakan syariat serta membentuk sensitiviti terhadap pengharaman riba dalam urusan muamalat. Jika sebelumnya kebanyakan wanita

---

sopan di papan-papan tanda iklan. Jika dinilai dari aspek keuntungan hasil daripada papan-papan tanda tentulah lumayan, namun Dato’ Haji Halim Mohammad, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) yang juga Pengurus Jawatankuasa Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar lebih mengutamakan nilai-nilai murni dan sopan dari iklan berkenaan.” Rozi Bainon, *Wanita: Penghapusan Diskriminasi dari Perspektif Islam dan Undang-undang Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), 151.

<sup>7</sup> Rohani Ibrahim (Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan) dalam temubual bersama penulis, Hospital Pakar Perdana, Kota Bharu, 21 Januari 2016.

<sup>8</sup> Wan Nik Wan Yusoff (Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan) dalam temubual bersama penulis, pejabat Pusat Kajian Strategik, Kota Darulhaim, Kota Bharu, 27 Januari 2016. Nik Mohd Azlan bin Abdul Hadi (mantan Setiausaha Sulit Menteri Besar Kelantan) dalam temubual penulis, Pejabat Timbalan Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, 21 Januari 2016.

<sup>9</sup> Rujuk Surah an-Nūr, 24:31 dan Surah al-Ahzāb, 33: 59.

<sup>10</sup> Dr Wan Nik Wan Yusoff (Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan) dalam temubual bersama penulis, pejabat Pusat Kajian Strategik, Kota Darulhaim, Kota Bharu, 27 Januari 2016.

tidak sedar tentang wujudnya unsur riba yang diharamkan dalam sistem gadaian konvensional, maka dengan tertubuhnya Pusat al-Rahn ini para wanita Islam bukan sahaja diberi ruang untuk membuat gadaian dengan cara Islam tetapi juga membuka mata mereka terhadap unsur-unsur riba yang turut terdapat dalam urusan-urusan kewangan yang lain.

Walau bagaimanapun, setelah lebih dua puluh tahun Pusat Gadaian al-Rahn ini diperkenalkan, pusat-pusat pajak gadai konvensional di sekitar bandar Kota Bharu masih lagi dikunjungi oleh wanita-wanita Islam.<sup>11</sup> Justeru itu, informasi yang berunsur pendidikan dan penerangan mengenai bahaya riba kepada masyarakat Islam di Kelantan perlu terus diberikan selari dengan penerusan sistem al-Rahn ini. Dalam masa yang sama, mutu perkhidmatan yang ditawarkan di Pusat-pusat al-Rahn negeri Kelantan juga perlu dipertingkatkan.<sup>12</sup> Rakyat perlu terus difahamkan bahawa kewujudan al-Rahn yang dipelopori oleh Kerajaan Negeri Kelantan ini bukan sekadar untuk menyediakan alternatif kepada pusat gadaian konvensional, tetapi atas dasar tanggungjawab pemerintah Islam untuk memandu rakyat khususnya wanita yang banyak terlibat dengan transaksi gadaian ini untuk mematuhi batasan syariat Islam.

#### **4.2.3 Pendedahan Ilmu Agama**

Kerajaan Negeri Kelantan telah menggunakan pendekatan dakwah dan pendidikan bagi memastikan agar panduan-panduan syariat disampaikan kepada wanita Kelantan melalui saluran rasmi mahupun tidak rasmi. Pendidikan umum yang dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) melibatkan kuliah-kuliah agama

<sup>11</sup> Pemilik dua buah Pusat Pajak Gadai yang terletak di Jalan Tengku Putera Semerak dan Jalan Kebun Sultan mengakui bahawa terdapat pelanggan wanita bertudung yang berkunjung untuk menggadaikan barang kemas di kedua-dua premis.

<sup>12</sup> Persaingan dengan Skim al-Rahn yang lain mendapati bahawa masing-masing cuba mengemukakan perkhidmatan yang terbaik supaya menjadi pilihan pelanggan. Sebagai contoh, dari sudut caj penyimpanan yang dikenakan oleh al-Rahn Kelantan terhadap barang yang digadai dikira mengikut perkiraan bulan sedangkan dalam skim al-Rahn YPIEM dan Bank Rakyat mengenakan caj mengikut perkiraan hari yang dilihat lebih tepat dan tidak merugikan pihak penggadai.

yang dianjurkan oleh Unit Dakwah Halaqat<sup>13</sup> dan penerbitan buku-buku kecil dan pamphlet ringkas yang diedarkan di dalam program-program anjuran kerajaan negeri. Pendidikan agama kepada generasi muda pula diperkasakan melalui saluran-saluran rasmi di sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK). Pendekatan-pendekatan ini diambil tanggungjawab oleh Portfolio Pendidikan serta Portfolio Dakwah dan Pembangunan Islam di negeri Kelantan. Penubuhan Unit Dakwah Halaqat secara dasarnya merupakan satu usaha TG Nik Abdul Aziz untuk memacu pemahaman Islam sebagai *al-Dīn* sebagai satu sistem hidup dalam urusan kerajaan mahupun rakyat. Walaupun Unit Dakwah Halaqat dilihat dalam pendekatan politiknya ditubuhkan untuk memperkuuh keyakinan rakyat terhadap dasar PAS sebagai parti yang sedang memerintah, tetapi TG Nik Abdul Aziz telah menegaskan dalam sebuah ucapan beliau di Balai Islam sewaktu Sambutan Tiga Tahun Pentadbiran Kerajaan Membangun Bersama Islam bahawa misi beliau sebagai Menteri Besar adalah untuk memberi kefahaman agama kepada rakyat dan seterusnya mengubah cara berfikir yang bersifat adat kepada cara berfikir berlandaskan agama. Disebabkan oleh latarbelakang rakyat Kelantan ialah rakyat beragama, usaha kerajaan mesti ditegaskan melalui pengisian Islam sebagai *al-Dīn* yang dilaksanakan oleh Unit Dakwah Halaqat.<sup>14</sup>

Bermula pada tahun 2010, pihak UPWK pula telah memperkenalkan Kuliah Bulanan Wanita sebagai satu platform yang baru bagi menyampaikan ilmu pengetahuan mengenai tuntutan-tuntutan syarak kepada wanita dalam pelbagai aspek kehidupan individu, berkeluarga dan bermasyarakat. Kuliah Bulanan Wanita ini mensasarkan golongan wanita yang berkerjaya yang tidak berpeluang untuk mengikuti kuliah-kuliah agama

<sup>13</sup> Di bawah Unit Dakwah Halaqat ini, terdapat seramai 154 orang guru agama wanita yang dinamakan Pegawai Dakwah dan Pembantu Pegawai Dakwah, tidak termasuk 2070 orang guru al-Quran wanita yang dilantik di setiap DUN di negeri Kelantan dan diberi elauan khas oleh kerajaan negeri Negeri Kelantan. Guru-guru agama wanita ditugaskan untuk menyampaikan kuliah agama di masjid-masjid dan surau-surau di DUN masing-masing sama ada pada waktu pagi ataupun petang bagi menyediakan pengisian ilmu agama kepada wanita Kelantan.

<sup>14</sup> Wan Nik Wan Yusoff (Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan) dalam temubual bersama penulis, Pejabat Pusat Kajian Strategik, Kota Darulnaim, Kota Bharu, 27 Januari 2016.

anjuran Unit Dakwah Halaqat di surau dan masjid.<sup>15</sup> Topik-topik yang dibentangkan dalam Kuliah Bulanan Wanita ini mencakupi syariat Islam yang luas sama ada yang melibatkan akidah, ibadat, muamalat, kekeluargaan, kerjaya, kewangan, kesihatan, kemasyarakatan dan lain-lain.<sup>16</sup>

Setelah Majlis Perundingan Wanita pula ditubuhkan pada tahun 4 April 2012, pihak UPWK telah melangkah lebih maju ke hadapan dalam usaha memberi pendedahan ilmu agama kepada golongan wanita melalui pelancaran Kuliah Fiqh Wanita di semua jajahan dengan kerjasama Jabatan Mufti Kelantan. Pelancaran Kuliah Fiqh Wanita ini merupakan satu anjakan paradigm terhadap pelaksanaan program UPWK agar tidak hanya diadakan secara berpusat di ibu negeri sebagaimana penganjuran Kuliah Bulan Wanita tetapi dapat turun ke semua jajahan negeri Kelantan bagi manfaat masyarakat yang lebih luas.

Samhani Ismail ketika mengulas mengenai Kuliah Bulanan Wanita telah menyatakan bahawa purata jumlah kehadiran dalam setiap Kuliah Bulanan Wanita ialah seramai 500 orang.<sup>17</sup> Jumlah ini sebenarnya masih lagi kecil jika dibandingkan dengan jumlah wanita yang bekerja di negeri Kelantan iaitu seramai 231,800 orang daripada jumlah keseluruhan wanita di negeri Kelantan iaitu seramai 833,000 orang.<sup>18</sup> Penulis menganggarkan bahawa nisbah kehadiran wanita dalam Kuliah Bulanan Wanita hanyalah sebanyak 0.21% berbanding jumlah wanita bekerja di negeri Kelantan, manakala nisbahnya berbanding jumlah keseluruhan wanita di Kelantan ialah sebanyak 0.06%. Justeru itu, langkah mengadakan Kuliah Fiqh Wanita di semua jajahan merupakan satu langkah yang disokong bagi memastikan agar lebih ramai wanita dapat menyertai kuliah-kuliah ilmu

<sup>15</sup> Samhani Ismail, *Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Wanita Kelantan*.

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Lihat: Jabatan Perangkaan Malaysia (2011). *Statistik Utama Kelantan 2010*. Kota Bharu: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan.

yang membantu wanita Islam memahami tuntutan syarak yang wajib dilaksanakan oleh mereka.<sup>19</sup>

Sehubungan itu, kerajaan negeri Kelantan dilihat telah menjalankan tanggungjawab dalam skop bidang kuasa dan kemampuannya sebagai sebuah kerajaan negeri bagi menyediakan ruang menuntut ilmu syariah kepada wanita Islam di seluruh negeri Kelantan dan seterusnya melaksanakan tuntutan syarak dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, promosi terhadap program-program kuliah sebegini perlu dipertingkatkan manakala sedutan-sedutan Kuliah Bulanan Wanita juga wajar dihimpunkan oleh pihak UPW untuk menjadi bahan edaran yang tersusun secara bertulis mahupun dalam bentuk digital yang boleh disebarluaskan melalui media baru agar manfaatnya dapat disebarluaskan kepada masyarakat yang lebih luas.

#### **4.2.4 Garis Panduan Syarak Bagi Penglibatan Wanita Dalam Aktiviti Masyarakat**

Pada tahun 2001, kerajaan negeri telah bersetuju untuk melampirkan garis panduan syarak bagi penglibatan wanita Islam dalam aktiviti masyarakat bersama kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan.<sup>20</sup> Tindakan pihak penggubal dasar melampirkan garis panduan tersebut memperlihatkan unsur didikan dari sebuah kerajaan kepada rakyat agar mengambil kira tentang garis panduan syarak dalam aspek kehidupan yang pelbagai, apatah lagi dalam aspek kehidupan bersangkutan wanita yang dikira sangat berkait rapat dengan maruah, moral dan akhlak masyarakat seluruhnya. Garis panduan tersebut menyebut bahawa aktiviti yang dilakukan oleh wanita Islam mestilah melibatkan pekerjaan yang diharuskan oleh syarak, sesuai dengan sifat kewanitaan serta tidak

<sup>19</sup> Berdasarkan laopran UPWK mengenai Kuliah Fiqh Wanita, dianggarkan jumlah kehadiran di sesebuah Kuliah Fiqh Wanita setiap jajahan boleh mencapai 200 orang pada setiap kuliah. Justeru itu, boleh dianggarkan bahawa jumlah kehadiran wanita di seluruh negeri Kelantan boleh mencapai 2800 orang setiap bulan, berbanding kehadiran 500 orang pada setiap kali Kuliah Bulanan Wanita diadakan secara berpusat di ibu negeri. Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (2017). *Laporan Kuliah Fiqh Wanita MPWP*. Tidak diterbitkan.

<sup>20</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

menimbulkan fitnah, tidak mengabaikan kewajipan asasi di rumah sebagai isteri dan ibu, menutup aurat dan memelihara kehormatan, mendapat keizinan suami atau wali untuk keluar rumah serta menjaga batas-batas akhlak dan adab di tempat kerja khususnya apabila melibatkan kaum lelaki yang ajnabi. Garis panduan yang dilampirkan ini merujuk kepada rumusan para ulama dalam pelbagai sumber rujukan klasik dan kontemporari berkenaan syarat-syarat yang harus diambil kira oleh wanita Islam untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial, khususnya di luar rumah.<sup>21</sup> Ia telah dibentangkan dalam Kolokium Dasar Wanita Kelantan 2001 untuk dimurnikan oleh pakar-pakar syariah dan undang-undang sebelum dipersetujui untuk dilampirkan bersama dasar tersebut. Keputusan kerajaan negeri untuk menjelmakan syarat-syarat ini dalam bentuk garis panduan am di dalam Dasar Wanita Negeri Kelantan telah menepati peranan Siasah Syar'iyyah dalam memandu wanita Islam untuk melaksanakan kehidupan bersyariat. Tanpa peranan Siasah Syar'iyyah, kesemua syarat tersebut akan terus tersimpan di dalam tulisan-tulisan para ulama yang jarang dirujuk oleh masyarakat awam melainkan atas usaha individu yang tertentu sahaja. Garis panduan ini turut memperlihatkan keseriusan kerajaan negeri menyediakan panduan kepada wanita Islam agar penglibatan mereka dalam semua aktiviti kemasyarakatan mendapat keredhaan Allah.<sup>22</sup> Ia juga menepati kewajipan pemerintah untuk melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar kepada seluruh rakyat, dan tidak hanya menganggap bahawa pelaksanaan syariat hanyalah sebagai tanggungjawab individu dengan Tuhan semata-mata.

<sup>21</sup> Ismail Noh, *Deraf Garis Panduan Dasar Wanita Negeri Kelantan 2001* (kertas pembentangan, Kolokium Dasar Wanita Kelantan, 2001).

<sup>22</sup> Sebagai contoh, setiap wanita yang dicalonkan sebagai wakil rakyat oleh PAS Kelantan untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Rakyat mahupun Ahli Dewan Negara mewakili dasar Membangun Bersama Islam ini akan dipanggil oleh TG Nik Abdul Aziz bersama suami mereka bagi meminta keizinan suami atas keputusan parti memilih isteri mereka sebagai calon wakil rakyat. Hal ini telah ditegaskan oleh Hunaizah Mohd Noor, mantan Ahli Dewan Negara dan Rohani Ibrahim, ADUN Tanjung Mas dalam temubual bersama mereka. Hunaizah Mohd Noor (mantan Ahli Dewan Negara) dalam temubual bersama penulis, Kampung Kedai Menanti, Pasir Puteh, 26 Januari 2016. Rohani Ibrahim (Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan) dalam temubual bersama penulis, Hospital Pakar Perdana, Kota Bharu, 21 Januari 2016.

Dari sisi yang lain, lampiran garis panduan syarak tersebut walaupun hanya dikhaskan kepada orang Islam sahaja, namun adalah penting untuk turut dibaca oleh golongan bukan Islam agar mereka mengetahui batasan yang melibatkan wanita Islam yang mungkin menjadi majikan, pekerja, pelanggan ataupun jiran tetangga mereka. Pengetahuan sebegini adalah penting untuk menjaga keharmonian di dalam sebuah masyarakat majmuk sebagaimana orang Islam juga harus diberi pendedahan tentang adat serta pantang larang kaum lain bagi mengekalkan hubungan masyarakat yang harmoni.

Dengan wujudnya lampiran tersebut, program-program yang melibatkan wanita mempunyai garis panduan khusus untuk diikuti walau apa jua bentuk program yang diadakan. Sebagai contoh, Sukan Wanita atau Nisa' Games yang telah diadakan pada tahun 2007 telah menjadi panduan kepada kaum wanita untuk bersukan secara patuh syariah. Ia telah diadakan secara tertutup, hanya melibatkan wanita sahaja dan buat pertama kalinya telah memasyurkan pemakaian *t-shirt* muslimah sebagai pakaian rasmi bagi aktiviti sukan untuk wanita.<sup>23</sup> Pelaksanaan program tersebut telah cuba untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam aktiviti kesukaran. Satu lagi garis panduan yang melibatkan aktiviti wanita yang telah dikemukakan oleh kerajaan negeri Kelantan adalah berkenaan hiburan iaitu melalui Enakmen Kawalan Hiburan 1998. Ia juga merupakan sebahagian pelaksanaan yang merealisasikan peranan Siasah Syar'iyyah ini. Sesuai dengan dasar keislamannya, pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dilihat telah memenuhi peranan pihak pemerintah untuk memandu wanita melaksanakan syariat, terutama dengan menyediakan garis panduan untuk menguruskan aktiviti-aktiviti wanita berlandaskan syarak. Seiring dengan pelbagai perkembangan terkini yang melibatkan

<sup>23</sup> Reka bentuknya yang longgar dan labuh ke paras lutut ini dan dipadankan pula dengan seluar labuh yang tidak ketat dilihat memenuhi kriteria pakaian muslimah dan tidak mengehadkan pergerakan ketika bersukan. T-shirt muslimah ini kemudiannya dijadikan pakaian di sekolah-sekolah menengah agama di negeri Kelantan. Mengikut pemerhatian penulis, beberapa buah sekolah menengah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan juga telah menggunakan rekabentuk t-shirt muslimah yang mencecah lutut itu sebagai pakaian sukan bagi pelajar perempuan di sekolah mereka bagi mengganikan t-shirt sukan biasa di paras punggung. Pandangan yang sama telah dinyatakan oleh Nur Adyani Mohamed, dalam temubual bersama penulis, 21 September 2016.

media sosial dan kerjaya dari rumah secara atas talian, adalah wajar sekiranya kerajaan negeri melalui UPWK dapat mengemaskinikan garis panduan tersebut agar mencakupi penglibatan wanita dalam aktiviti sosial yang melibatkan pelbagai media sosial walaupun berada di rumah sendiri.<sup>24</sup>

Pelaksanaan-pelaksanaan di atas membuktikan bahawa pentadbiran negeri yang menepati Siasah Syar'iyyah mampu berperanan secara efektif untuk menguruskan aktiviti wanita berlandaskan syarak.

### **4.3 Melindungi Wanita Daripada Mungkar dan Kerosakan**

Aplikasi Siasah Syar'iyyah dalam bentuk jaminan perlindungan terhadap wanita dapat dilihat dalam tiga aspek yang utama iaitu penggunaan kaedah *sadd al-dharā'i*, pemerksaan sistem wali dan penguatkuasaan undang-undang jenayah moral. Ketiga-tiga aspek ini telah diberikan perhatian oleh kerajaan negeri Kelantan sejak awal pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam.

#### **4.3.1 Pendekatan *Sadd al-Dhara'i***

Pada fasa pra-penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan, arahan-arahan TG Nik Abdul Aziz selaku Menteri Besar Kelantan banyak menumpukan kepada pendekatan *sadd al-dharā'i* untuk melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan. Antaranya ialah arahan berpakaian menutup aurat dan berpakaian sopan kepada peniaga dan penjawat awam<sup>25</sup> bagi mencegah kemungkaran akhlak dan sosial yang akan timbul daripada pendedahan aurat, melarang penggunaan *billboard* yang mengeksplotasikan wanita dengan memaparkan gambar-gambar wanita yang tidak menutup aurat<sup>26</sup> bagi

<sup>24</sup> Cadangan ini disokong oleh fakta-fakta yang membuktikan bahawa lebih ramai wanita Islam yang tidak mematuhi syariat dalam media sosial berbanding dalam hubungan bersemuka kerana menganggap hubungan maya selamat daripada gangguan secara langsung.

<sup>25</sup> Utusan Malaysia. *Kakitangan wanita diarah pakai tudung – Rozali*. 8 November 1990.

<sup>26</sup> Mohd Fadli Ghani, ed., *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*.

tujuan yang sama, membina Pusat Gadaian ar-Rahn bagi menggantikan pusat-pusat pajak gadai konvensional yang banyak dikunjungi oleh golongan wanita<sup>27</sup> bagi melindungi wanita daripada dosa riba, melarang wanita bekerja malam<sup>28</sup> bagi melindungi wanita daripada terdedah kepada bahaya dan pelbagai bentuk jenayah, melarang wanita menyertai musabaqah tilawah al-Quran<sup>29</sup> bagi melindungi wanita daripada fitnah, mengasingkan kaunter bayaran lelaki dan wanita di pusat membeli belah<sup>30</sup> bagi mengelakkan pergaulan bebas, mengasingkan tempat duduk antara lelaki dan wanita dalam majlis-majlis rasmi<sup>31</sup> bagi tujuan yang sama dan meluluskan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998<sup>32</sup> bagi melindungi wanita daripada pelbagai gejala sosial yang timbul daripada aktiviti hiburan dan pergaulan bebas yang tidak terkawal. Peraturan yang dikenakan terhadap salon-salon rambut iaitu dengan mengasingkan antara tukang gunting lelaki dan wanita juga merupakan sebahagian daripada tindakan awal Kerajaan Negeri Kelantan yang berkaitan dengan peranan ini. Begitu juga dengan kawalan terhadap premis arak dan judi yang bertujuan untuk melindungi wanita termasuk golongan bukan Islam daripada keganasan rumah tangga akibat penglibatan para suami dan bapa dalam aktiviti yang melibatkan arak dan judi.<sup>33</sup> Kebanyakan peraturan tersebut dikuatkuasakan di peringkat PBT di negeri Kelantan dan

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> Nik Mohd. Azlan Abdul Hadi, "Pembangunan Insan Di Negeri Kelantan Tahun 1978-2002: Kajian Cabaran dan Masalah."

<sup>29</sup> Utusan Malaysia, Kelantan larang wanita serta ujian tilawah al-Quran, 21 November 1990, 2. Berita Harian, Tilawah: Saranan Nik Aziz dibantah, 22 November 1990, 2.

<sup>30</sup> Peraturan pengasingan ini dikuatkuasakan pada tahun 1996.

<sup>31</sup> Pekeliling Pentadbiran Islamiah Bil. 1, Kerajaan Negeri Kelantan, Tahun 1994, "Garis Panduan bagi Majlis-majlis Rasmi Kerajaan", bertarikh 1 Safar 1415/ 10 Julai 1994.

<sup>32</sup> Lihat: Enakmen Kawal Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Kerajaan Negeri Kelantan.

<sup>33</sup> Apabila kerajaan negeri Kelantan memutuskan penutupan premis-premis judi dan kawalan terhadap premis-premis yang menjual arak, terdapat wanita-wanita bukan Islam yang menghubungi TG Nik Abdul Aziz melalui telefon untuk mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana setelah dasar tersebut dilaksanakan, suami mereka pulang awal ke rumah dalam keadaan yang tidak mabuk. Maklumat ini diperolehi melalui temubual bersama Nik Mohd Azlan Abdul Hadi dan diperakui oleh Wan Nik Wan Yussof dan Ustaz Mohd Saiba Yaacob. Nik Mohd Azlan bin Abdul Hadi (mantan Setiausaha Sulit Menteri Besar Kelantan) dalam temubual bersama penulis, Pejabat Timbalan Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, 21 Januari 2016. Wan Nik Wan Yussoff (Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan) dalam temubual bersama penulis, Pejabat Pusat Kajian Strategik, Kota Darulnaim, Kota Bharu, 27 Januari 2016. Mohd Saiba bin Yaacob (mantan Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan) dalam temubual bersama penulis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, 11 Disember 2015.

masih lagi dilaksanakan sehingga ke hari ini, melainkan larangan wanita bekerja malam dan larangan wanita menyertai musabaqah Tilawah al-Quran.

Dalam isu larangan terhadap wanita untuk bekerja malam, larangan tersebut telah disuarakan oleh Menteri Besar Kelantan pada penghujung tahun 1990 setelah menimbang antara aspek keperluan bekerja dan aspek keselamatan diri wanita. Jika dinilai dari sudut metodologi Siasah Syar'iyyah, larangan tersebut menepati kaedah *sadd al-dhara'i* untuk mencegah kemudarat yang lebih besar terhadap wanita.<sup>34</sup> Setelah menerima pelbagai reaksi daripada masyarakat dan juga majikan yang memerlukan khidmat pekerja wanita pada waktu malam, pihak kerajaan negeri telah bersetuju untuk membenarkan wanita bekerja malam dengan syarat pihak majikan khususnya pengusaha kilang-kilang menyediakan asrama untuk pekerja wanita atau kenderaan yang selamat untuk wanita pulang bekerja pada waktu malam.<sup>35</sup>

Dalam isu larangan terhadap wanita untuk menyertai pertandingan Tilawah al-Quran pula, larangan tersebut telah berjalan selama lebih 20 tahun, di mana negeri Kelantan tidak menganjurkan pertandingan Tilawah al-Quran secara terbuka kepada wanita dan tidak menghantar wanita sebagai wakil negeri untuk bertanding dalam mana-mana Musabaqah Tilawah al-Quran. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010, TG Nik Abdul Aziz telah meminta pandangan daripada Dewan Ulama PAS Negeri Kelantan untuk menyemak semula larangan tersebut dengan mengadakan perbincangan ilmiah secara tertutup mengenai pandangan-pandangan ulama berkenaan hukum suara wanita.<sup>36</sup> Menurut Zulqarnain Hassan, setelah membentangkan tiga pandangan ulama yang berbeza pendapat dalam isu tersebut, pihak Dewan Ulamak PAS Kelantan pada ketika itu masih

<sup>34</sup> Abdul Fattah Mahmood, dalam temubual bersama penulis. Pandangan ini disokong oleh Nik Mohd Azlan Abdul Hadi dan Wan Nik Wan Yussof dalam temubual bersama penulis.

<sup>35</sup> Lihat: New Straits Time, *Pas wants women to work day shifts only*, 24 Oktober 1990, 24. Abdul Fattah Mahmood, dalam temubual bersama penulis.

<sup>36</sup> Zulqarnain Hassan (Ahli Jawatankuasa Dewan Ulamak PAS Negeri Kelantan) dalam temubual bersama penulis, Nilam Puri, 17 Julai 2017.

melihat bahawa larangan terhadap wanita untuk menyertai Musabaqah Tilawah al-Quran wajar dikekalkan.<sup>37</sup> Namun demikian, pada tahun 2012, TG Nik Abdul Aziz telah mengemukakan pandangan beliau untuk membenarkan semula wanita menyertai Musabaqah Tilawah al-Quran di negeri Kelantan.<sup>38</sup> Muhammad Daud al-Iraqi<sup>39</sup> telah menegaskan bahawa dalam masalah khilafiyah sebegini, TG Nik Abdul Aziz berhak membuat keputusan sebagai Ketua Negeri yang bertaraf ulama dengan berpandukan kepada kaedah fiqh yang berbunyi:

حُكْمُ الْحَاكِمِ فِي مَسَائِلِ الْإِجْتِهَادِ يَرْفَعُ الْخِلَافَ

Terjemahan: Keputusan pemerintah pada masalah ijtihad akan menyelesaikan pertikaian.<sup>40</sup>

Pandangan tersebut juga adalah selaras dengan prinsip yang telah dikemukakan oleh Hassan al-Banna dalam *al-Uṣūl al-‘Ishrīn* iaitu:

*Pandangan pemerintah atau naibnya pada perkara yang tidak ada nas, atau pada perkara yang boleh diandaikan beberapa pandangan, atau yang berbentuk “maṣāliḥ mursalah” boleh dipraktikkan selagi tidak bertembung dengan kaedah syarak. Adakalanya ia berubah, bergantung kepada keadaan, ‘uruf dan adat.*<sup>41</sup>

Prinsip di atas telah dijadikan asas perbincangan Siasah Syar‘iyyah oleh al-Qaradawi dalam bukunya *Al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī ḏaw’i Nuṣūṣ al-Shari‘ah wa Maqāṣidihā*.<sup>42</sup> Rentetan daripada keputusan tersebut, kerajaan negeri Kelantan telah bersetuju untuk menjadi tuan rumah kepada Musabaqah Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan pada

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> Kelantan benarkan peserta tilawah al-Quran wanita mulai tahun depan. Sinar Harian. 14 Jun 2012. Pemakluman tersebut dibuat oleh TG Nik Abdul Aziz dalam sebuah sidang media selepas meraikan Qari Kelantan Muhammad Anuar Ghazali yang menjadi juara tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan 2012.

<sup>39</sup> Muhammad bin Daud al-Iraqi (Ketua Dewan Ulama PAS Negeri Kelantan) dalam temubual bersama penulis, Nilam Puri, 9 Januari 2013.

<sup>40</sup> Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs bin ‘Abd al-Raḥmān al-Qarāfi, *Al-Furūq* (t.t.: ‘Ālam al-Kutub, t.t.), 2: 103.

<sup>41</sup> Hasan al-Bannā, *Majmū‘ah al-Rasā’il al-Imām al-Shahīd Ḥasan al-Bannā*. (t.t.: Dār al-Yūsuf, t.t.). 357.

<sup>42</sup> Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Daw’ Nuṣūṣ al-Shari‘ah wa Maqāṣidihā*, 7.

tahun 2013 iaitu selepas 23 tahun larangannya dikuatkuasakan.<sup>43</sup> Menurut Mohd Saiba Yaacob, larangan yang telah dibuat selama tempoh tersebut adalah bertitik tolak daripada pelaksanaan Siasah Syar'iyyah di negeri Kelantan, bukan kerana hukum yang mengharamkan. Pembatalan larangan tersebut juga adalah menepati aplikasi Siasah Syar'iyyah berpandukan kaedah *sadd al-dharā'i* kerana berdasarkan kepada kaedah ini, apabila sesuatu perkara dilarang untuk mencegah kerosakan yang bakal timbul dan bukan kerana hukumnya yang asal haram, larangan tersebut boleh dibatalkan semula apabila kerosakan yang dikhuatiri itu tidak lagi timbul (*faih al-dhari'ah*).<sup>44</sup>

Selain daripada itu, aspek perlindungan terhadap wanita daripada mungkar dan kerosakan telah diperluaskan lagi selepas penubuhan UPW melalui penganjuran beberapa program sukan dan hiburan yang patuh syariah untuk wanita. Penganjuran Sukan Wanita atau Nisa' Games pada tahun 2007 telah cuba untuk menepati kaedah *sadd al-dharā'i* dengan menyediakan pakaian sukan wanita yang patuh syariah,<sup>45</sup> menjalankan semua acara sukan tanpa percampuran dengan kaum lelaki dan mengehadkan semua liputan media melainkan pada acara-acara tertentu sahaja.<sup>46</sup> Program Ladies' Nite pada tahun 2012 pula menyediakan platform kepada wanita Kelantan untuk menyampaikan pelbagai persembahan nyanyian dan pertunjukan fesyen muslimah secara tertutup bagi mengelakkan daripada unsur-unsur yang melampaui batas-batas syarak. UPW juga telah menganjurkan pertandingan Wanita Kelantan Got Talent pada tahun 2012 untuk wanita muda menguji bakat hiburan secara tertutup. Pertandingan diadakan dalam bentuk "audition" yang dihakimi oleh artis wanita jemputan.<sup>47</sup> Kesemua program tersebut dianjurkan untuk memberi contoh program hiburan wanita yang patuh syariah kepada

<sup>43</sup> Utusan Malaysia. *Kelantan tuan rumah tilawah al-Quran Kebangsaan 2013*. 9 Januari 2013. Musabaqah tersebut telah diadakan pada 6 hingga 10 Jun 2013 di bawah pentadbiran YB Dato' Ahmad bin Yaacob, Menteri Besar Kelantan yang ke-18.

<sup>44</sup> Mohd Saiba bin Yaacob (mantan Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kelantan) dalam temubual bersama penulis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, 11 Disember 2015.

<sup>45</sup> Nur Adyani Mohamed, dalam temubual bersama penulis, 21 September 2016.

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> Samhani Ismail, *Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Wanita Kelantan*.

masyarakat yang dapat mengelakkan gejala sosial yang selalunya timbul akibat pergaulan bebas dan pendedahan aurat di dalam program-program sedemikian. Pada tahun 2013, program Mini Festival Wanita Muda telah diadakan bagi tujuan yang sama.<sup>48</sup> Program-program hiburan alternatif untuk wanita ini tidak hanya diadakan di peringkat negeri dengan penyertaan yang terhad. UPW juga telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Hari Kebudayaan dan Kesenian Wanita di peringkat DUN pada tahun 2012 dan 2013 serta Festival Wanita DUN pada tahun 2013<sup>49</sup> bagi membuka peluang yang lebih banyak kepada wanita untuk melibatkan diri dalam acara-acara hiburan yang tidak melampau, dalam masa yang sama melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan. Jika dinilai dari aspek Siasah Syar‘iyyah, penganjuran program-program di atas melibatkan aplikasi kaedah *sadd al-dharā’i*, iaitu untuk menutup ruang-ruang kemungkaran yang lebih besar dalam program-program hiburan yang terbuka. Program-program ini disusun oleh Kerajaan Negeri Kelantan dengan mengambil kira aspek maslahah yang ingin dicapai. Melalui galakan yang diberikan kepada wanita untuk mengambil bahagian di dalam program-program yang bermanfaat, ia secara tidak langsung dapat mengurangkan penglibatan wanita di dalam program-program yang boleh meruntuhkan moral dan memberikan mudarat kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Walau bagaimanapun, oleh kerana kerajaan negeri tidak membina premis yang khusus untuk hiburan dan rekreasi wanita, peluang-peluang untuk wanita berhibur secara patuh syariah tidak dapat disediakan secara konsisten malah hanya mampu melibatkan penyertaan yang amat terhad berbanding dengan jumlah keseluruhan penduduk wanita di Kelantan. Disebabkan situasi terbut, ada pihak yang mendakwa bahawa penganjuran program-program tersebut hanya diadakan di ambang pilihanraya umum yang mempunyai agenda politik yang tersirat. Justeru itu, usaha-usaha perlu dipergiatkan untuk

---

<sup>48</sup> Dokumen Semakan Dasar Wanta Kelantan, UPWK, tidak diterbitkan.

<sup>49</sup> Ibid.

membina pusat rekreasi dan hiburan untuk wanita bagi mengelakkan tumbuhnya pusat-pusat hiburan yang menggalakkan kemungkaran secara haram.

#### **4.3.2 Pemerkasaan Sistem Wali**

Selain daripada penggunaan kaedah *sadd al-dharā'i* bagi memastikan golongan wanita dilindungi daripada pelbagai kerosakan sosial dan moral, Islam telah mensyariatkan sistem wali yang berperanan sebagai pelindung wanita dalam keluarga, bukan hanya untuk menyediakan keperluan dari sudut material semata-mata tetapi mesti berperanan untuk memastikan wanita di bawah tanggungannya dijauhkan daripada dosa, kerosakan, kemudaratan dan gejala negatif. Berdasarkan kepada aktiviti dan program yang telah dilaksanakan di bawah Dasar Wanita Negeri Kelantan, didapati bahawa pihak kerajaan negeri melalui UPWK telah melaksanakan beberapa program yang khusus untuk memperkasakan peranan wali sebagai penjaga dan pelindung yang bertanggungjawab ke atas wanita. Kedudukan wali sebagai pelindung kepada wanita telah disinggung dalam kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan pada Garis Panduan Syarak untuk Penglibatan Wanita Dalam Masyarakat. Antaranya menyebut bahawa penglibatan wanita itu haruslah mendapat keizinan suami atau wali.<sup>50</sup> Malah setelah menyenaraikan kesemua garis panduan syarak untuk wanita, termaktub satu penegasan bahawa kaum lelaki wajib menjadi contoh dalam mematuhi seluruh tuntutan syarak tersebut kerana kaum lelaki merupakan pemimpin dan orang yang dipertanggungjawabkan terhadap isteri dan keluarga.<sup>51</sup> Kenyataan di atas merupakan satu bukti bahawa Dasar Wanita Negeri Kelantan menekankan usaha untuk memperkasa peranan wali dalam masyarakat dalam erti kata sebagai pelindung yang sebenar kepada kaum wanita. Malah tanggungjawab

<sup>50</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

<sup>51</sup> *Ibid.*

inilah yang selalu disebut oleh TG Nik Abdul Aziz di dalam ucapan-ucapan dan kuliah-kuliah agama yang telah beliau sampaikan.<sup>52</sup>

Pada tahun 2009, kerajaan negeri telah bertindak mengasingkan Dasar Keluarga daripada Dasar Wanita Negeri Kelantan melalui penggibalan Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan bagi memperkasakan peranan setiap anggota keluarga termasuk para wali dengan lebih optimum. Salah satu prinsip dan garis panduan utama Dasar Keluarga Mawaddah ini ialah mengembalikan semula peranan dan fungsi asal bagi setiap ahli keluarga iaitu suami bertindak sebagai pemimpin keluarga dan pencari nafkah utama, isteri sebagai pengurus rumah tangga, serta anak-anak sebagai pelengkap yang melaksanakan konsep ihsan terhadap ibu bapa. Manakala satu lagi prinsip dasar ini menegaskan bahawa konsep kepimpinan keluarga adalah tanggungjawab suami untuk memimpin, melindungi dan membentuk visi dan misi keluarga dengan kerjasama isteri.<sup>53</sup> Tugas melaksanakan program-program di bawah dasar ini diletakkan di bawah Unit Pembangunan Keluarga yang bernaung di bawah urus setia yang sama.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2013, UPWK melalui Unit Pembangunan Keluarga telah menganjurkan Seminar Wali Cakno bagi menyedarkan para wali tentang tanggungjawab yang dipikul dan kesan pengabaianya ke atas keluarga, masyarakat dan negara. Bermula tahun 2013 juga, Kursus Kecemerlangan Kerjaya dan Keluarga untuk kaum lelaki sebagai ketua keluarga mula dianjurkan sebanyak dua kali dalam setahun secara konsisten.<sup>54</sup> Dalam Islam, apa juu aktiviti wanita di luar rumah wajib mendapat

<sup>52</sup> Menurut Nik Mohd Azlan Abdul Hadi, TG Nik Abdul Aziz cukup marah terhadap suami yang pemalas dan tidak bertanggungjawab. Nik Azlan Abdul Hadi, dalam temubual bersama penulis.

<sup>53</sup> Lihat Lampiran I, *Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan*.

<sup>54</sup> Dokumen Semakan Dasar Wanita Kelantan, UPWK, tidak diterbitkan. Pada 6 Ogos 2015, Kursus Kecemerlangan Kerjaya dan Keluarga untuk Ketua Keluarga telah diadakan di Dewan Besar Balai Islam Lundang yang menampilkan dua pembentangan bertajuk “Aku Suami Luar Biasa” oleh Ustaz Zul Ramli M. Razali, selebriti TV al-Hijrah dan pembentangan bertajuk “Suami Idaman Isteri” oleh Ustazah Asmak Husin, selebriti Tanyalah Ustazah TV9. Sebelum itu pada 9 April 2015, siri kursus yang sama telah menampilkan dua pembentangan oleh Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis dan Ustaz Zamri Zainal Abidin, seorang penceramah bebas.

keizinan wali atau suami. Seandainya pihak wali atau suami tidak memahami peranan mereka dan juga kedudukan serta hak wanita di dalam Islam, sudah tentu akan wujud halangan-halangan yang akan membantutkan sumbangan wanita dalam masyarakat. Justeru itu, pengajuran program-program tersebut merupakan satu anjakan paradigma yang memperlihatkan kesungguhan pihak kerajaan negeri untuk terus memperbaiki kedudukan wanita di dalam masyarakat melalui pemerkasaan peranan wali sebagai penjaga dan pelindung. Realitinya, usaha untuk menyedarkan kaum lelaki tentang tanggungjawab tersebut tidak hanya dijalankan oleh pihak UPWK kerana program-program seminar secara berpusat tidak mampu untuk menyedarkan para lelaki di negeri Kelantan yang majoritinya tidak menghadiri program tersebut. Peranan ini juga dilaksanakan oleh pihak JAHEAIK menerusi pendekatan pendidikan dan penguatkuasaan seperti mewajibkan ujian HIV kepada bakal-bakal pengantin lelaki dan wanita dan pengajuran kursus-kursus perkahwinan kepada bakal suami isteri,<sup>55</sup> pengajuran kuliah-kuliah Maghrib yang disampaikan oleh Pegawai-pegawai Dakwah Halaqat<sup>56</sup> serta pengkunan Enakmen Keluarga Islam Kelantan 2002, Walau bagaimanapun, kesan usaha ini perlu sentiasa dikaji kerana berdasarkan kepada kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Polis Kelantan pada tahun 2016, kes-kes jenayah seksual terhadap wanita di negeri Kelantan berada di tahap yang membimbangkan.<sup>57</sup>

Sehubungan itu, adalah wajar sekiranya program-program induksi dasar yang menekankan peranan wali dapat diadakan di seluruh agensi kerajaan dan swasta sebagaimana yang telah termaktub dalam strategi Dasar Wanita Negeri Kelantan bagi membuka ruang kepada penglibatan lebih ramai kaum lelaki dalam menjayakan dasar ini. Realitinya, pihak UPW sebagai pelaksana utama kepada dasar ini masih perlu mengambil

<sup>55</sup> Brosur Membangun Bersama Islam (t.t) Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

<sup>56</sup> Pihak MAIK pula berperanan memberi kesedaran terhadap tanggungjawab wali dalam melindungi wanita melalui teks khutbah Jumaat yang mampu disebarluaskan di semua masjid di seluruh negeri Kelantan.

<sup>57</sup> "Jenayah terhadap wanita di Kelantan meningkat," kman sesawang Berita Harian Online, 3 Mac 2016, dicapai pada 10 Ogos 2016, <https://www1.bharian.com.my>

langkah yang lebih proaktif untuk mengimplementasikan strategi induksi dasar sebagai salah satu daripada strategi pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan.<sup>58</sup> Kegagalan dalam melaksanakan program induksi dasar sebenarnya merupakan satu kelemahan yang tidak sepatutnya berlaku terhadap sebuah dasar negeri yang mempunyai matlamat yang begitu murni. Faktor utama kepada kekurangan ini berpunca daripada ketiadaan pelan tindakan berpusat yang mengambarkan perancangan strategik Dasar Wanita Negeri Kelantan secara jelas dan berfasa. Berbeza pula dengan program-program induksi Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan yang telah berjaya dilaksanakan di sepuluh buah jajahan di negeri Kelantan melalui penganjuran program Hari Keluarga Mawaddah.<sup>59</sup> Oleh yang demikian, langkah kerajaan negeri untuk memperkasakan peranan wali di bawah Dasar Keluarga Mawaddah juga boleh dianggap sebagai satu usaha untuk mengukuhkan lagi pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan.

Selain daripada usaha-usaha memperkasakan tanggungjawab para wali selaku pelindung kepada kaum wanita, kerajaan negeri sebagai pemerintah juga mengambil tanggungjawab untuk melindungi kaum wanita yang bermasalah sebagaimana syarak telah memperuntukkan kuasa kepada wali hakim untuk mengahwinkan wanita yang tidak mempunyai wali dari kalangan ahli keluarga. Sebagai contoh, penubuhan Rumah Perlindungan Sementara (Darul Auni) di Pengkalan Chepa pada tahun 2011 oleh pihak UPWK merupakan satu bentuk perlindungan oleh pihak kerajaan bagi mengambil alih tugas wali yang menghadapi masalah untuk melindungi wanita yang terlibat dengan keganasan rumah tangga dan seksual.<sup>60</sup> Pihak UPW juga telah mengadakan taklimat kesedaran berkaitan keganasan rumah tangga dan HIV/Aids sebagai salah satu usaha

<sup>58</sup> Antara dokumen yang dipohon oleh penulis daripada pihak UPWK adalah berkenaan program-program induksi Dasar Wanita Negeri Kelantan yang telah dilaksanakan sehingga tahun 2015. Namun jawapan balas daripada pihak UPWK menyatakan bahawa laporan program induksi Dasar Wanita Negeri Kelantan sebagaimana yang termaktub dalam kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan itu tidak pernah direkodkan kerana masih belum berjaya untuk dilaksanakan. Jawapan balas daripada UPWK telah dibuat melalui aplikasi *whatsapp* pada 9 Julai 2017.

<sup>59</sup> Nurhafilah Musa, Asmak Husin & Mumtaz Md Nawi, Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan – Penghayatan Prinsip Kekeluargaan Dalam Al-Quran Ke Arah Pembinaan Ummah Terbaik, 2015.

<sup>60</sup> Samhani Ismail, *Membangun Bersama Islam: Memartabatkan Wanita Kelantan*.

untuk memberi kesedaran kepada golongan wanita mengenai aspek pencegahan dan ruang-ruang pembelaan daripada pihak berkuasa yang boleh diperolehi oleh wanita yang terbabit dengan isu-isu yang dibincangkan.<sup>61</sup> Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk melaksanakan peranan ini perlu dipergiatkan lagi dengan mengambil kira kemampuan yang dimiliki oleh sebuah kerajaan negeri.

#### 4.3.3 Peruntukan Undang-undang

Selain daripada penggunaan kaedah *sadd al-dharā'i* sebagai satu bentuk kawalan sosial dan usaha-usaha untuk memperkasakan peranan wali di dalam keluarga bagi melindungi kaum wanita, kerajaan negeri juga telah mengambil kira aspek penguatkuasaan undang-undang sama ada yang melibatkan ruang lingkup kekeluargaan seperti Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 2002, mahupun yang melibatkan ruang lingkup masyarakat seperti penguatkuasaan Undang-undang Kecil di peringkat PBT bagi melindungi wanita daripada gejala sosial yang akan timbul daripada pendedahan aurat dan pergaulan bebas. Kerajaan Negeri Kelantan juga telah meluluskan Enakmen Jenayah Syariah II 1993 sebagai satu usaha untuk melindungi kaum wanita daripada jenayah moral yang dikenali sebagai undang-undang hudud. Meskipun pada peringkat awal, Enakmen Jenayah Syariah II 1993 ini mendapat tentangan pelbagai pihak kerana didakwa terlalu radikal dan tidak mewakili Islam,<sup>62</sup> namun perkembangan mutakhir memperlihatkan bahawa rasional untuk meluluskan enakmen tersebut telah mula difahami oleh masyarakat Islam setelah melihat keperluan untuk memperkasakan kedudukan mahkamah syariah di Malaysia.<sup>63</sup> Penguatkuasaan undang-undang ini bertujuan memastikan wanita dapat dilindungi dalam skala yang besar.

<sup>61</sup> Dokumen Semakan Dasar Wanita Negeri Kelantan 2017. Tidak diterbitkan.

<sup>62</sup> Enakmen Jenayah Syariah II 1993 telah dituduh sebagai Hudud PAS.

<sup>63</sup> Hal ini dibuktikan melalui persetujuan Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2015 untuk membentangkan Rang Undang-undang 355 di parliment bagi meningkatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang jauh lebih rendah daripada Mahkamah Sivil di Malaysia.

Daripada analisis yang telah dikemukakan di atas, didapati bahawa pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan di negeri Kelantan telah memerlukan peranan Siasah Syar'iyyah untuk melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan dengan kapasiti yang tidak mampu dilaksanakan oleh orang perseorangan, keluarga, maupun institusi yang lain. Namun demikian, aspek operasinya perlu dipertingkatkan demi mencapai objektif yang telah digariskan.

#### **4.4 Meninggikan Kedudukan Wanita**

Usaha kerajaan negeri Kelantan untuk meninggikan kedudukan wanita juga merupakan salah satu daripada aplikasi Siasah Syar'iyyah terhadap wanita di Kelantan. Setelah meneliti aspek pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan, didapati bahawa usaha untuk meninggikan martabat wanita telah dilaksanakan dalam bentuk program-program sambutan dan penganugerahan kepada tokoh-tokoh wanita, melengkapkan wanita dengan pelbagai ilmu dan kemahiran serta memberi kepercayaan kepada wanita untuk berada pada posisi-posisi yang penting dari sudut pengurusan, pentadbiran dan kepimpinan.

##### **4.4.1 Pengiktirafan Terhadap Sumbangan Wanita, Ibu dan Suri Rumah**

Sebagai Menteri Besar pertama di bawah Dasar Membangun Bersama Islam, TG Nik Abdul Aziz telah berperanan secara efektif untuk mencetuskan kesedaran rakyat Kelantan terhadap isu gender mengikut perspektif Islam. Pelbagai langkah telah dilakukan bagi memperlihatkan bahawa kerajaan negeri Kelantan di bawah dasar tersebut mengiktiraf kedudukan dan peranan wanita sebagai individu, ahli keluarga dan anggota masyarakat yang produktif. Pengiktirafan terhadap wanita dibuat sebagai usaha untuk meninggikan martabat kaum wanita sebagaimana yang dipelihara oleh Islam, sekaligus menolak tuduhan-tuduhan yang mendakwa bahawa pelaksanaan dasar-dasar Islam yang radikal di

negeri Kelantan menyebabkan kaum wanita ditindas dan dikongkong daripada melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan.<sup>64</sup>

Satu langkah yang mungkin dilihat kecil tetapi mempunyai kesan psikologi yang besar dari sudut pengiktirafan terhadap wanita ialah dengan menukar nama pasar besar Kota Bharu sebagai Pasar Siti Khadijah pada tahun 1995.<sup>65</sup> Seterusnya ialah pembinaan Hospital al-Nisa' yang menyediakan khidmat rawatan khusus kepada golongan wanita dengan lebih baik dan selaras dengan tuntutan Islam.

Program-program sambutan dan penganugerahan tokoh-tokoh wanita di negeri Kelantan merupakan salah satu bukti bahawa kerajaan negeri mengiktiraf sumbangan kaum hawa dalam aspek yang pelbagai. Setelah penubuhan UPW sebagai sebuah urus setia pada tahun 2005, Sambutan Hari Ibu telah diadakan oleh kerajaan negeri pada setiap tahun.<sup>66</sup> Sambutan-sambutan tersebut telah menyaksikan beberapa penganugerahan tokoh ibu mithali kepada para ibu yang telah berjaya mendidik anak-anak dalam aspek yang boleh dijadikan contoh kepada para ibu yang lain.<sup>67</sup> Sambutan Hari Wanita juga telah diadakan secara konsisten setiap tahun. Pada tahun 2015, sambutan Hari Wanita telah dijenamakan semula sebagai Sambutan Hari Saidatina Khadijah bagi mengetengahkan Saidatina Khadijah sebagai ikon wanita unggul untuk kaum wanita negeri Kelantan.<sup>68</sup> Pada tahun 2010 dan 2012, Sambutan Hari Suami Isteri telah diadakan

<sup>64</sup> Hassan Harun, *Kelantan Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan* (Kuala Lumpur: DD Mediaconsult Sdn. Bhd, 1999), xiv.

<sup>65</sup> Dinsman, *Kota Bharu Bandar Raya Islam* (Kota Bharu: Majlis Perbandaran Kota Bharu, 2004).

<sup>66</sup> Laporan Semakan Dasar Wanita Negeri Kelantan, UPWK, tidak diterbitkan.

<sup>67</sup> YB Mumtaz Md Nawi menegaskan bahawa negeri Kelantan tidak ketandusan wanita yang boleh dijadikan contoh dalam melaksanakan tanggungjawab membina modal insan. Malah sewaktu proses saringan, terdapat lebih 200 orang wanita yang mempunyai lebih daripada 10 orang anak untuk dinilai dari sudut sumbangan mereka. YB Hjh Mumtaz binti Md Nawi (EXCO Kerajaan Negeri Kelantan) dalam temubual bersama penulis, 2 Mac 2016. Tokoh-tokoh yang telah dinobatkan sebagai ibu mithali negeri Kelantan juga telah diraikan dalam beberapa program yang lain seperti Malam Penghargaan Ibu Mithali Kelantan yang telah diadakan pada tahun 2007 dan program Hi-Tea Ibu Mithali pada tahun 2010. UPWK juga telah mengadakan Kempen Sayangi Ibu secara besar-besaran pada tahun 2012 sebagai pengiktirafan kepada kaum ibu sebagaimana kedudukan yang diberikan kepada mereka dalam Islam.

<sup>68</sup> Penggunaan nama Saidatina Khadijah sebagai mengartikan nama Sambutan Hari Wanita di negeri Kelantan mula dicetuskan dalam Seminar Khadijah al-Khuwailid yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2007. Seminar tersebut merumuskan bahawa Saidatina Khadijah merupakan ikon yang terbaik dan paling hampir dengan kriteria wanita Kelantan yang terkenal sifat usahawannya.

di peringkat negeri Kelantan sebagai mengiktiraf peranan besar seorang wanita sebagai isteri yang melengkapkan seorang suami. Manakala pada tahun 2014, Sambutan Hari Suri Mithali pula telah diadakan di peringkat negeri Kelantan bagi mengiktiraf peranan para suri rumah yang memberi sumbangan yang besar terhadap pembinaan generasi.

Pengiktirafan terhadap wanita, para ibu dan suri rumah ini sebenarnya adalah selaras dengan pelaksanaan Dasar Wanita Negara yang mengiktiraf sumbangan dan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan informal atau “*unpaid work*”, di mana Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009 telah menggariskan strategi untuk mengenal pasti nilai ekonomi yang telah disumbangkan oleh wanita melalui sektor pekerjaan informal dan “*unpaid work*” ini.<sup>69</sup> Walau bagaimanapun aspek yang dinilai terhadap wanita di negeri Kelantan adalah berbeza kerana menekankan aspek yang lebih holistik, bukan hanya dinilai dari sudut ekonomi semata-mata tetapi juga menekankan sudut agama, akhlak dan sumbangan dari sudut sosial.<sup>70</sup> Hal ini dapat dilihat melalui penganjuran pertandingan “Mendodoi Anak, Mengulit Suami” pada tahun 2006 bagi mengiktiraf kedudukan wanita sebagai isteri dan ibu sebagai satu sumbangan yang bermakna dalam membina masyarakat penyayang meskipun tiada nilai dari sudut ekonomi. Pada masa yang sama, wanita muda juga diiktiraf peranan dan sumbangan mereka dengan memberikan anugerah Tokoh Anak Muda kepada yang terpilih dan layak untuk menjadi contoh kepada golongan belia dan belianis dalam bidang masing-masing.

---

Penggunaan nama Saidatina Khadijah bagi menggantikan nama Pasar Buluh Kubu pada tahun 1991 juga merupakan salah satu bukti bahawa Kerajaan Negeri Kelantan mengiktiraf sumbangan wanita dalam bidang ekonomi atau dalam kata lain meletakkan kedudukan wanita pada martabat yang tinggi sesuai dengan sumbangan mereka.

<sup>69</sup> *Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). 31.

<sup>70</sup> Antara anugerah yang telah diberikan kepada wanita Kelantan ialah Anugerah Saidatina Khadijah Khuwailid (kategori usahawan), Anugerah Saidatina Aisyah Abu Bakar (kategori pendidikan), Anugerah Siti Aminah Abdul Wahhab (kategori armalah/ ibu tunggal), Anugerah Zinnirah al-Rumiyah (kategori OKU) dan anugerah Zainab Khuzaimah (kategori kepimpinan dan kemasyarakatan). Buletin Darulnaim, HSK, istimewa buat seluruh wanita di negeri Kelantan, bil. 166, 16.

#### **4.4.2 Ilmu Pengetahuan Dan Kemahiran**

Antara usaha untuk meninggikan martabat wanita juga ialah dengan menyediakan ruang yang secukupnya untuk wanita mendapat ilmu dan kemahiran. Dari sudut pendidikan formal, peranan ini telah dilaksanakan oleh Portfolio Pendidikan Negeri Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan yang menyediakan sekolah-sekolah yang menerima kemasukan pelajar lelaki dan perempuan dengan persaingan berdasarkan merit. Yayasan Islam Kelantan juga telah menyediakan empat buah sekolah untuk pelajar perempuan sahaja iaitu Maahad Muhammadi Lilbanat di Kota Bharu, Maahad Muhammadi Pasir Pekan, Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah dan Maahad Syamsul Maarif Lilbanat di Pulai Chondong. Peluang yang diberikan kepada pelajar perempuan untuk bersaing secara sihat bagi mendapat tempat dalam pendidikan formal merupakan salah satu bukti bahawa Dasar Wanita Negeri Kelantan meninggikan martabat wanita kerana kedudukan seseorang dalam Islam dinilai berdasarkan ilmu.<sup>71</sup>

Dari sudut peluang mendapat ilmu yang tidak formal, perlantikan wanita sebagai Pegawai-pegawai Dakwah dan Pembantu Pegawai Dakwah Halaqat di setiap DUN di negeri Kelantan yang dikelolakan oleh JAHEAIK sejak tahun 1991 telah mewajibkan setiap Pegawai Dakwah dan Pembantunya untuk mengadakan kuliah agama untuk wanita di surau dan masjid di DUN masing-masing. Dengan itu, usaha untuk memartabatkan wanita melalui ilmu pengetahuan melalui Unit Dakwah Halaqat telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri Kelantan sebelum penubuhan UPWK lagi. Dengan memiliki lebih daripada 150 orang pegawai dan pembantu pegawai dakwah halaqat wanita serta lebih daripada 2000 orang guru al-Quran wanita yang ditugaskan di seluruh jajahan di negeri Kelantan pada tahun 2015, kerajaan negeri Kelantan dilihat telah berupaya untuk meninggikan martabat wanita Kelantan dalam skop dan kapasiti yang dimiliki.

<sup>71</sup> Lihat: Surah al-Zumar, 39: 9.

UPWK pula telah mengadakan pelbagai program berbentuk teori dan kemahiran untuk wanita seperti Kursus Kemahiran Komputer dan Pengaplikasian Internet pada tahun 2005, Bengkel Intensif Wanita Celik IT pada tahun 2007, Bengkel Asas Kaunseling pada tahun 2010, 2014 dan 2015, Kursus Pemantapan Kaunselor pada tahun 2014, Bengkel Cikgu Cakno pada tahun 2010 dan 2012 dan seterusnya Bengkel Pemantapan Guru pada tahun 2013, 2014 dan 2015.<sup>72</sup> Pelbagai aspek ilmu dan kemahiran telah diberikan kepada wanita sebagai usaha untuk meninggikan martabat wanita di negeri Kelantan.

Manakala penubuhan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) di 45 buah DUN di Kelantan bermula tahun 2005 dan sebuah Pusat Kemahiran Wanita Kelantan (PKWK) merupakan satu usaha yang signifikan bagi UPWK dalam meninggikan martabat wanita di negeri Kelantan. Malah pelatih-pelatih di setiap PPWK yang telah berjaya menamatkan kursus jahitan telah diberikan sijil kemahiran dalam Majlis Graduasi PPWK yang telah diadakan sejak tahun 2007 hingga kini. Sijil-sijil ini membantu para graduat PPWK untuk memulakan perniagaan masing-masing berdasarkan jahitan. Pencapaian PPWK dan PKWK juga dapat dilihat melalui kejayaan kerajaan negeri Kelantan melancarkan seluar bersalin “Mama Pride”, iaitu seluar bersalin khas wanita yang pertama dihasilkan di negeri Kelantan, di Malaysia dan di dunia.<sup>73</sup> Seluar yang telah dihasilkan dengan kerjasama PKWK dan PAPISMA ini menggabungkan aspek keperluan perubatan dan pematuhan unsur syariah bagi membuktikan bahawa kerajaan negeri Kelantan sentiasa berusaha untuk memelihara maruah dan meninggikan martabat wanita walaupun dalam situasi yang kritikal.

Begini juga dengan penubuhan Pusat Sulaman Wanita Kelantan pada tahun 2009 untuk menyediakan prasarana bagi golongan wanita mempelajari kemahiran sulaman

<sup>72</sup> Laporan Semakan Dasar Wanita Kelantan, UPWK, tidak diterbitkan.

<sup>73</sup> Lebih 1000 Meriahkan Hari Wanita Negeri Kelantan 2014, Buletin Darulnaim, tahun ke-24, bil. 160, Julai-Ogos 2014/ Ramadhan-Syawal 1435H, 10.

yang berkualiti tinggi. Pada tahun 2015, kerajaan negeri Kelantan melalui UPWK telah mengadakan majlis pelancaran Mini Darul Niswah bagi menaik taraf PPWK yang layak untuk menjadi sebuah “*one stop centre*” kepada aktiviti wanita tempatan. Kesemua aktiviti yang disenaraikan di atas merupakan sebahagian bukti bahawa pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan menepati peranan Siasah Syar'iyyah dalam meninggikan martabat wanita melalui ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk kemaslahatan wanita dan bersesuaian dengan uruf setempat, agar golongan wanita dapat memberi sumbangan yang selayaknya terhadap perkembangan ekonomi dan sosial negara.

#### **4.4.3 Penglibatan Wanita Pada Peringkat Pembuat Keputusan**

Antara usaha yang penting dalam meninggikan martabat wanita ialah dengan melibatkan wanita dalam peringkat pentadbiran dan proses membuat keputusan. Dalam pelaksanaan Siasah Syar'iyyah, prinsip Syura merupakan satu prinsip utama yang turut melibatkan wanita sejak zaman Rasulullah SAW lagi.<sup>74</sup> Dalam hal ini, kerajaan negeri Kelantan mempunyai dasar yang jelas berkenaan wanita sejak awal pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam. Persediaan kepimpinan wanita mithali merupakan salah satu daripada persediaan lanjutan untuk wanita yang termaktub dalam Dasar Wanita Negeri Kelantan. Ia dibuat bagi meneruskan lagi dasar negeri Kelantan yang mengiktiraf penglibatan wanita yang layak diangkat sebagai pemimpin masyarakat. Dalam usaha tersebut, wanita Kelantan telah dilantik sebagai Ahli EXCO Kerajaan Negeri, Timbalan EXCO Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandaraya Islam dan Majlis-majlis Daerah, Pegawai Tadbir Negeri, Pegawai Tadbir Ugama, Ketua Eksekutif bagi anak syarikat kerajaan negeri, Pengarah Urus Setia Kerajaan Negeri dan Timbalan Pengarah Urus Setia.

---

<sup>74</sup> Lihat Bab Dua kajian.

Walaupun pelbagai ruang dan peluang telah diberikan kepada wanita di negeri Kelantan untuk menjawat pelbagai jawatan penting di peringkat kepimpinan negeri sehingga ke akar umbi, namun nisbah wanita yang dilantik berbanding lelaki untuk posisi pembuat keputusan dan politik ini masih rendah dan tidak mencapai sasaran 30% sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak CEDAW mahupun Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009. Walau bagaimanapun dari perspektif Siasah Syar'iyyah, pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan telah merealisasikan peranannya untuk meninggikan martabat wanita mengikut situasi dan kemampuan. Ibnu Taymiyyah menegaskan bahawa pemilihan pemimpin mesti dinilai pada kelayakannya kerana amanah kepimpinan itu melibatkan hak-hak rakyat yang wajib dilaksanakan.<sup>75</sup> Justeru itu, usaha untuk mencapai nisbah yang ditetapkan oleh pihak kerajaan dan konvensyen antarabangsa dari sudut kuantiti hendaklah seiring dengan usaha untuk melahirkan pemimpin wanita yang layak dari sudut kualiti pada pandangan syarak.<sup>76</sup> Hakikatnya penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dalam negara Malaysia juga belum mencapai nisbah 30%. Hal ini sukar untuk diatasi kerana wanita dari sudut fisiologinya mempunyai peranan yang tidak sama dengan lelaki, malah ketikamana wanita mahu mengambil peranan yang sama dengan kaum lelaki, peranan mereka sebagai wanita pula tidak mampu untuk dilaksanakan oleh kaum lelaki.

Rohani Nordin berpandangan, tidak ramai wanita yang dapat membahagikan masa mereka dalam tiga bidang serentak iaitu rumah tangga, kerjaya dan politik. Penyertaan dalam politik memerlukan kerajinan, kecekalan dan yang paling penting ialah persefahaman, pengorbanan dan sokongan keluarga. Oleh itu sekiranya berlaku sesuatu konflik kebanyakkan wanita lebih mengutamakan keluarga masing-masing.<sup>77</sup> Dari

<sup>75</sup> Ibn Taymiyyah, *al-Siyāsah al-Shar'iyyah Fī Islāḥ al-Rā'i wa al-Ra'iyyah*, 20.

<sup>76</sup> Iaitu dengan memenuhi garis panduan penglibatan wanita dalam aktiviti masyarakat.

<sup>77</sup> Rohani binti Nordin, "Penyertaan Politik Wanita: Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Dalam Pembangunan" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999), 49.

perspektif syarak pula, pembahagian tugas antara lelaki dan wanita ini walaupun zahir perbezaannya dalam sesetengah perkara, ia sebenarnya adalah bertitik tolak daripada konsep hak dan tanggungjawab yang saling melengkapi bagi mencapai keharmonian gender dan bukannya dibuat atas dasar diskriminasi gender. Apa yang penting ialah kerajaan harus menyediakan peluang yang munasabah kepada wanita untuk menyertai proses membuat keputusan dalam pelbagai peringkat sebagai satu indikator kepada kedudukan wanita yang diiktiraf di dalam negara tersebut. Sekiranya kerajaan berhasrat untuk meningkatkan bilangan penyertaan wanita sehingga 30% sebagai membuat keputusan, satu usaha yang jelas dan berterusan seperti penubuhan pusat latihan kepimpinan wanita hendaklah ditubuhkan dengan mengenalpasti beliawanis-beliawanis yang berbakat sejak zaman persekolahan lagi untuk dilatih sebagai membuat keputusan dan akhirnya disalurkan kepada peringkat yang sesuai. Malah kerajaan juga harus mengenal pasti halangan-halangan terhadap penyertaan wanita dengan lebih ramai dalam proses membuat dasar dan keputusan agar langkah-langkah penyelesaian yang praktikal dapat dirancang dan dilaksanakan.

#### **4.5 Memelihara Kebajikan Wanita**

Pelaksanaan Siasah Syari'iyah sejak zaman Rasulullah SAW telah memperlihatkan bahawa aspek jaminan kebajikan wanita amat dititik beratkan oleh baginda SAW sama ada melibatkan golongan ibu, isteri mahupun anak, apatah lagi golongan ibu tunggal yang kehilangan suami, mahupun isteri-isteri para mujahidin yang keluar berjuang di jalan Allah. Hal ini dapat difahami melalui sabda-sabda Nabi SAW dan perbuatan baginda.<sup>78</sup> Seterusnya pada zaman Khulafā' al-Rāshidīn dan para khalifah selepas mereka, pelbagai inisiatif telah dibuat bagi memelihara kebajikan wanita sehingga golongan wanita berasa selamat dan tidak terabai. Jaminan kebajikan ini merangkumi aspek *darūriyyāt* dan

<sup>78</sup> Lihat Bab Dua kajian ini.

*hājiyyāt* bagi kehidupan wanita seluruhnya. Pendekatan kebaikan yang dilaksanakan terhadap wanita di Kelantan tidak hanya mencakupi keperluan ekonomi.

#### **4.5.1 Kebajikan Wanita Bersalin**

Dalam konteks kerajaan negeri Kelantan, aspek kebaikan wanita telah ditekankan sejak awal pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam. Perubahan awal yang paling signifikan bagi wanita ialah dengan memanjangkan cuti bersalin daripada 42 hari sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan ketika itu kepada 60 hari.<sup>79</sup> Perubahan ini amat bertepatan dengan keperluan ibu dan anak yang baru dilahirkan bagi memastikan agar golongan wanita dapat kembali ke alam pekerjaan dengan lebih sihat, bersedia dan stabil dari sudut emosi.

#### **4.5.2 Kebajikan Wanita Bekerja**

Seterusnya ialah keputusan kerajaan negeri Kelantan menetapkan lima hari bekerja sahaja, dengan menjadikan cuti mingguan sebanyak dua hari bermula pada tahun 1995.<sup>80</sup> TG Nik Abdul Aziz telah mengisyiharkan bahawa cuti mingguan pada hari Jumaat perlu dijadikan sebagai hari ilmu bagi rakyat Kelantan manakala hari Sabtu pula sebagai hari keluarga untuk ziarah menziarahi dan memenuhi keperluan ahli keluarga. Tindakan ini memperlihatkan unsur jaminan kebaikan wanita kerana wanita merupakan golongan yang paling banyak terkesan dengan waktu bekerja yang panjang. Dalam Islam, wanita dibenarkan bekerja di luar rumah dengan syarat tidak mengabaikan tanggungjawab atas mereka sebagai isteri dan ibu. Justeru itu, peruntukan cuti mingguan sebanyak dua hari dilihat relevan dengan keperluan wanita yang memerlukan lebih masa untuk

<sup>79</sup> Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2, Kerajaan Negeri Kelantan, Tahun 1991, "Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin Bagi Pegawai/ Kakitangan Wanita Kerajaan Negeri di Bawah Perintah-perintah Am 25 Dan 26 Bab C", bertarikh 12 Mac 1991.

<sup>80</sup> Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8, Kerajaan Negeri Kelantan, Tahun 1995, "Menyusun Semula Hari dan Masa Bekerja Bagi Jabatan-jabatan, Badan-badan Berkawan Dan Penguasa-penguasa Tempatan Kerajaan Negeri Kelantan", Bertarikh: 18 Rejab 1416/ 11 Disember 1995.

menyelesaikan urusan keluarga dan rumahtangga,<sup>81</sup> dalam masa yang sama mereka masih lagi memberikan sumbangan yang aktif dalam pembangunan ekonomi negara.

Begitu juga dengan tindakan kerajaan negeri memperawalkan waktu pulang kerja di bulan Ramadhan dengan ditiadakan waktu rehat tengah hari bermula pada tahun 1996.<sup>82</sup> Tindakan ini diambil bagi menjaga kepentingan kakitangan wanita supaya dapat menyediakan juadah berbuka puasa dengan lebih awal, menguruskan keperluan keluarga dan seterusnya dapat bersedia untuk sama-sama menghidupkan malam-malam Ramadan dengan solat terawih dan amal ibadat yang lain. Tindakan ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri Kelantan tidak hanya menekankan aspek kebajikan fizikal, tetapi juga aspek keperluan spiritual kaum wanita agar menjadi individu yang seimbang dan dapat melahirkan keluarga yang bahagia dan masyarakat yang penyayang.

#### **4.5.3 Khidmat Kaunseling**

Antara usaha untuk menjaga kebajikan wanita juga adalah melalui khidmat kaunseling secara percuma oleh kaunselor berpengalaman yang telah disediakan oleh pihak UPWK. Wanita yang memerlukan khidmat kaunseling boleh membuat temujanji ataupun mengunjungi pejabat urus setia bagi mendapat khidmat kaunseling tersebut. Walau bagaimanapun, khidmat kaunseling ini tidak berjalan secara konsisten. Penulis berpandangan bahawa UPWK boleh membuat kerjasama dengan pihak KPWKM di negeri Kelantan yang menyediakan khidmat talian Nuruntuk membuat penyelesaian dari sudut ruang lingkup kaunseling yang disediakan oleh kedua-dua pihak.

#### **4.5.4 Kesihatan Wanita**

Antara pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dalam usaha untuk menjaga kebajikan wanita ialah melalui program-program kesedaran kesihatan seperti Cakna

<sup>81</sup> Lihat *Ucapan Belanjawan 2002, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kelantan (Kota Bharu: Urus Setia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 2002).*

<sup>82</sup> Lihat Lampiran D, *Pekeliling Waktu Bekerja Bulan Ramadhan*.

Hawa yang telah diadakan dari tahun 2007 hingga tahun 2011 dan Kempen Kesedaran Penyakit Kanser di Kalangan Wanita pada tahun 2008. Pada tahun 2010 pula, Forum Pencegahan Kanser Pangkal Rahim dan Karnival Kesihatan Wanita telah diadakan. Begitu juga dengan Seminar Kesihatan Keluarga: Sakit Tuan, Sakit Puan dan Bayi IVF.<sup>83</sup> Kesemua program tersebut menyediakan khidmat pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada semua peserta yang hadir. Walau bagaimanapun, program kesihatan ini tidak lagi diteruskan setelah portfolio kesihatan tidak lagi digandingkan bersama Portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan. Penulis berpandangan bahawa khidmat kebajikan berbentuk kesihatan wanita wajar diteruskan sebagai salah satu daripada agenda perubahan yang termaktub di dalam kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan walaupun ianya tidak dilaksanakan oleh pihak UPWK. Malah ia memang tidak mampu dilaksanakan oleh pihak UPWK tanpa kerjasama daripada pihak lain terutama daripada pihak hospital dan pusat-pusat kesihatan. Malah kerjasama daripada pihak KPWKM dan LPPKN juga amat diperlukan dalam menjayakan usaha yang murni ini.

#### **4.5.5 Kebajikan Golongan Armalah**

Dari sudut ekonomi, kerajaan negeri menekankan kebajikan golongan armalah iaitu para ibu tunggal yang terdapat di negeri Kelantan secara khusus dengan mengadakan program pembangunan armalah dan program takaful armalah. Kursus keusahawanan armalah juga telah diadakan bagi melengkapkan golongan armalah dengan ilmu keusahawanan untuk melahirkan armalah yang berdikari dan memiliki jatidiri yang tinggi. Bagi memastikan agar sumbangan dan program yang melibatkan armalah dapat diselaraskan di seluruh negeri, pihak UPW telah melantik seorang Penyelaras Pembangunan Armalah di setiap DUN. Langkah ini merupakan satu keperluan dari sudut pengurusan.

<sup>83</sup> Laporan Semakan Dasar Wanita, UPWK, tidak diterbitkan.

#### **4.5.6 Peruntukan Belanjawan Untuk Wanita**

Bagi memastikan agar kebijakan wanita dapat dijagamengikut perancangan yang telah dibuat, peruntukan belanjawan yang munasabah telah disediakan oleh kerajaan negeri untuk kebijakan armalah dan pembangunan wanita pada setiap tahun. Anggaran belanjawan untuk kebijakan wanita telah memperlihatkan peningkatan sebanyak RM1.0 juta sahaja pada tahun 2015 iaitu sebanyak RM2.5 juta berbanding peruntukan sebanyak RM1.5 juta pada tahun 2005. Hal ini adalah kerana dalam memberikan sumbangan kebijakan kepada golongan armalah, pihak kerajaan negeri telah mendapat kerjasama yang baik daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat di negeri Kelantan. Justeru itu, keperluan kebijakan golongan armalah di negeri Kelantan tidak hanya bergantung kepada peruntukan belanjawan oleh kerajaan negeri, tetapi juga melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diperuntukkan oleh Belanjawan Kerajaan Malaysia. Manakala peruntukan untuk pembangunan wanita pula telah meningkat sebanyak RM 3.75 juta pada tahun 2015 iaitu sebanyak RM4.75 juta berbanding peruntukan sebanyak RM1.0 juta pada tahun 2005. Peruntukan ini dilihat munasabah dengan kemampuan kerajaan negeri dan keperluan pembangunan wanita pada tahap yang sederhana. Jika kerajaan negeri mampu memperuntukkan belanjawan yang lebih banyak, sudah tentu pembangunan wanita dapat dioptimumkan dan lebih banyak prasana yang lengkap dapat disediakan untuk keperluan wanita secara menyeluruh. Perlu disedari bahawa aspek kebijakan dan hal ehwal wanita merupakan bidang yang berada di bawah senarai bersama antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Justeru itu, satu kerjasama antara kedua-dua kerajaan perlu dibuat dengan mengenepikan perbezaan ideologi politik sebagaimana yang berjaya diadakan antara pihak UPWK dan Jabatan Kebajikan Masyarakat di negeri Kelantan demi memelihara kebijakan wanita yang akan memberi impak yang besar kepada masyarakat seluruhnya.

Jika diperhatikan kepada kemampuan kerajaan negeri untuk menjaga kebijakan wanita di peringkat negeri, usaha-usaha yang dibuat melalui peruntukan belanjawan yang terhad itu hanya mampu menjadi bantuan kebijakan bagi meringankan beban wanita yang kurang bermasib baik, dan bukannya berbentuk jaminan kebijakan kepada semua wanita yang menyumbang kepada pembinaan modal insan di negeri Kelantan. Justeru itu, pelbagai usaha untuk meningkatkan perbendaharaan negeri wajar dilaksanakan bagi memastikan agar kerajaan negeri Kelantan dapat melaksanakan peranan tersebut dengan lebih baik.

#### **4.6 Membentuk Wanita Yang Bertanggungjawab**

Langkah-langkah untuk memperkasakan wanita tidak akan lengkap tanpa usaha yang berterusan untuk memberdayakan wanita bagi memikul amanah dan tanggungjawab dengan sempurna. Terdapat bukti-bukti sejak zaman Rasulullah SAW dan para Khulafā' al-Rāshidīn bahawa pemerintah Islam telah memainkan peranan dalam membentuk sifat bertanggungjawab ini. Antara prinsip Siasah Syar'iyyah yang dikemukakan oleh Muḥammad al-Mubārak ialah prinsip *mas'ūliyyah*.<sup>84</sup> Ia adalah bertepatan dengan penegasan al-Quran tentang konsep amanah<sup>85</sup> dan juga hadis Nabi SAW yang telah diriwayatkan oleh Muslim bahawa setiap manusia termasuk wanita adalah pemimpin yang akan dipertanggungjawabkan ke atas pihak yang dipimpin.<sup>86</sup>

##### **4.6.1 Penerapan Konsep UMI**

Bagi kerajaan negeri Kelantan, usaha membentuk rakyat dan penjawat awam yang bertanggungjawab telah bermula sejak awal pengisytiharan teras '*Ubūdiyyah, Mas'ūliyyah* dan *Itqān* sebagai prinsip utama dasar Membangun Bersama Islam Ketiga-

<sup>84</sup> Muḥammad al-Mubārak, *Niẓām al-Islam: Al-Hukm wa al-Daulah*, 29- 50.

<sup>85</sup> Lihat Surah al-Nisā', 4:58.

<sup>86</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Imārah, Bab Faḍilah al-Imām al-'Ādil wa 'Uqūbah al-Jā'ir wa al-Hath 'alā al-Rifq bi al-Ra'iyyah wa al-Nahy 'an Idkhāl al-Mashaqqah 'Alaihim, no. Hadith 1829. Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Šaḥīh Muslim*, 711.

tiga teras di atas yang lebih dikenali sebagai UMI amat ditekankan terhadap penjawat awam negeri Kelantan tanpa mengira jantina melalui pelaksanaan pelbagai modul demi memastikan agar dasar Membangun Bersama Islam dapat dihayati dan memberi impak yang positif kepada pembangunan negeri.<sup>87</sup> Hasilnya, sejak dasar Membangun Bersama Islam mula dilaksanakan sehingga tahun 2015, tiada satu pun kes rasuah atau pecah amanah telah dilaporkan terhadap mana-mana penjawatawam negeri Kelantan.<sup>88</sup>

#### 4.6.2 Perlantikan Wanita Sebagai Pemimpin

Dalam kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan, Peranan Wanita Kelantan telah digariskan dengan baik sebagai satu amanah dan tanggungjawab yang harus dimainkan oleh wanita Kelantan bagi memastikan agar objektif dasar dapat dicapai. Peranan-peranan tersebut ialah sebagai pengukuh kesejahteraan keluarga, pendidik generasi akan datang, pemangkin produktiviti masyarakat, penyumbang kepada ilmu pengetahuan, sains dan teknologi serta sebagai pencetus kecaknaan aktivisme sosial.<sup>89</sup> Dengan didasari oleh teras ‘Ubūdiyyah, Mas’ūliyyah dan Itqān, peranan-peranan ini akan membentuk wanita yang amanah dan bertanggungjawab secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, tiada pelan tindan yang khusus telah dikemukakan oleh kerajaan bagi memastikan agar peranan ini diketahui dan dihayati oleh seluruh wanita Kelantan.

Antara peranan signifikan dalam membentuk wanita yang amanah dan bertanggungjawab dapat dilihat melalui tindakan TG Nik Abdul Aziz melantik wanita sebagai senator bagi mewakili rakyat Kelantan ke Dewan Negara sejak penggal pertama pentadbiran. Kemampuan kerajaan PAS untuk mengetengahkan calon wanitanya sendiri sebagai Ahli Dewan Negara sebaik sahaja mengambil alih pentadbiran negeri Kelantan

<sup>87</sup> Modul penghayatan teras UMI di pejabat dan agensi kerajaan telah diadakan secara berterusan sejak tahun 1991 melalui kuliah bulanan, usrah mingguan mahupun bengkel.

<sup>88</sup> “25 tahun, Kelantan Bebas Rasuah - 24 November 2015,” laman sesawang *Urusetia Penerangan Negeri Kelantan*, dicapai pada 5 Mei 2017, <http://www.upknkelantan.com>

<sup>89</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

merupakan hasil daripada dasar PAS itu sendiri yang telah mentarbiah ahli termasuk wanita mereka untuk menerima amanah dengan penuh tanggungjawab. Malah dengan adanya Dewan Muslimat sebagai salah satu sayap parti yang aktif, menjadi satu medan kepada para muslimat PAS untuk membiasakan diri memegang amanah yang lebih besar di peringkat kawasan, negeri dan pusat sambil mengasah bakat kepimpinan mereka. Meskipun pada peringkat awal, PAS Kelantan tidak mengetengahkan wanita mereka sebagai sebagai calon Ahli Dewan Negeri mahupun Ahli Dewan Rakyat yang perlu memasuki gelanggang pilihanraya umum, namun hakikatnya dasar PAS sendiri tidak menghalang wanita untuk menjadi calon wakil rakyat yang bertanding dalam pilihanraya sekiranya keadaan adalah selamat dan memenuhi keperluan siasah.<sup>90</sup> Ini terbukti dengan pencalonan wakil rakyat wanita PAS yang pertama pada pilihanraya umum pertama negara pada tahun 1959 iaitu Khatijah Sidek telah memenangi pilihanraya tersebut mewakili PAS di parlimen Dungun, Terengganu.<sup>91</sup> Walau bagaimanapun, tiada calon wanita lain yang telah diketengahkan selepas itu sehingga tahun 2004 setelah berlaku beberapa insiden keselamatan yang menyebabkan pihak kepimpinan PAS berpandangan bahawa situasi politik ketika itu adalah tidak selamat untuk mengetengahkan calon-calon wanita. Dalam pilihanraya umum 2004, kepimpinan PAS telah membuat keputusan untuk mengetengahkan seorang calon wanita sebagai ADUN untuk bertanding di DUN Tanjong Mas iaitu Rohani Ibrahim dan seorang lagi calon ADR untuk bertanding di Parlimen Pasir Puteh iaitu Kalthom Othman. Keputusan ini dibuat melalui cetusan Wan Rahim yang akhirnya diangkat sebagai satu usul yang dibahaskan dan seterusnya diluluskan dalam Muktamar Agung PAS.<sup>92</sup> Keputusan PAS Kelantan untuk mencalonkan muslimat mereka

<sup>90</sup> Temubual dengan Dr Wan Nik Wan Yusoff, Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan di pejabat Pusat Kajian Strategik, Kota Darulnaim, Kota Bharu pada 27 Januari 2016.

<sup>91</sup> Rohana Mohamed Nor, “*Perjuangan Politik Khadijah Sidek*” disertasi Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, 2002, 44. Nik Safiah Karim & Rokiah Talib, *Pergerakan Wanita Dalam Memperjuangkan Hak* (UKM Bangi: Penerbit UKM, 2016), 153.

<sup>92</sup> Rohani Ibrahim ketika ditemubual telah menyebut bahawa sebelum beliau diputuskan oleh pemimpin parti untuk menjadi calon wanita pertama bertanding sebagai ADUN di bawah dasar Membangun Bersama Islam, Wan Rahim yang pada ketika itu merupakan Setiausaha Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan telah menyebut dalam sebuah mesyuarat perhubungan bahawa dalam kalangan ketua-ketua muslimat

sebagai calon bukan datang secara tiba-tiba tetapi telah melalui proses latihan yang panjang melalui gerak kerja muslimat PAS membantu kelancaran pentadbiran di bawah dasar Membangun Bersama Islam.<sup>93</sup>

Begitu juga dengan perlantikan EXCO Pembangunan Wanita dari kalangan wanita sendiri bermula pada tahun 2008 iaitu Wan Ubaidah Omar, ADUN Kijang ketika itu dan pada penggal seterusnya dilantik pula ADUN Demit, Mumtaz Md Nawi bermula pada tahun 2013. Menurut Wan Nik Wan Yussof, keputusan kerajaan negeri mewujudkan EXCO wanita dari kalangan wanita sendiri adalah atas dasar untuk menjaga hal ehwal berkait wanita yang berlaku dalam masyarakat kerana hakikatnya pemimpin wanita lebih bertanggungjawab untuk membuat keputusan untuk kepentingan wanita.<sup>94</sup> Skop tanggungjawab yang seharusnya dibentuk pada wanita Kelantan sudah difahami oleh para pemimpin wanita yang wujud dalam kerajaan negeri. Malah Mumtaz Md Nawi, dalam sebuah ucapan pada tahun 2015 telah menegaskan bahawa wanita adalah rakan kongsi kerajaan negeri dalam usaha membangunkan modal insan yang berkualiti dan seterusnya melahirkan masyarakat madani yang akhirnya membentuk sebuah negeri yang berkat.<sup>95</sup>

---

kawasan dalam kerajaan negeri Kelantan ini, Ketua Dewan Muslimat Kawasan Kota Bharu sahaja yang tidak pernah bergantung dengan muslimin, dalam ertikata melaksanakan gerak kerja secara berdikari. Selang beberapa tahun, sewaktu merasmikan Mesyuarat Agung Dewan Muslimat Kawasan Kota Bharu dalam tahun 2000, Wan Rahim mengucapkan bahawa dalam pemerhatian beliau, sudah tiba masanya untuk mengangkat muslimat menjadi calon dalam pilihanraya. Dalam sebuah Mesyuarat Agung PAS yang lain selepas itu, Wan Rahim menyebut lagi bahawa beliau merasakan bahawa kawasan Kota Bharu akan menjadi kawasan pertama mencalonkan muslimat sebagai wakil rakyat. Temubual dengan YB Rohani Ibrahim, Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan di Hospital Pakar Perdana, Kota Bharu pada 21 Januari 2016.

<sup>93</sup> Sebagai contoh, sehari sebelum penamaan calon pada pilihanraya umum 2004, TG Nik Abdul Aziz telah memanggil Rohani Ibrahim bersama suami beliau bagi menyampaikan hasrat beliau yang sudah lama berfikir untuk mengangkat muslimat sebagai calon kerana beliau sudah lama memerhatikan gerak kerja muslimat. Keputusan itu juga disifatkan oleh beliau sebagai satu tanda penghargaan ke atas kemampuan muslimat melaksanakan tanggungjawab dan gerak kerja. Setelah berbincang dengan kepimpinan parti, majority telah memilih Rohani Ibrahim dan Kalthom Othman sebagai calon. Dalam pertemuan tersebut TG Nik Abdul Aziz telah meminta keizinan daripada suami Rohani Ibrahim kerana beliau menyifatkan bahawa keizinan dan sokongan suami adalah amat penting memandangkan amanah sebagai calon wakil rakyat ini akan berhadapan dengan banyak cabaran, halangan, ujian dan fitnah. Temubual dengan YB Rohani Ibrahim, Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan di Hospital Pakar Perdana, Kota Bharu pada 21 Januari 2016.

<sup>94</sup> Wan Nik Wan Yussoff, dalam temubual bersama penulis, 27 Januari 2016.

<sup>95</sup> Buletin Darulnaim, UPWKK Bakal Lancar Risalah Suri Mithali, bil.169, 11.

Dalam usaha untuk membentuk sifat bertanggungjawab ke atas permasalahan masyarakat setempat, kerajaan negeri Kelantan telah melantik wanita sebagai Pegawai Tadbir Negeri, Pegawai Tadbir Ugama, Ahli-ahli Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran (PBT) dan juga sebagai Penghulu-penghulu Tanpa Mukim di setiap DUN di negeri Kelantan. Malah bukan hanya wanita yang beragama Islam yang dilantik sebagai penghulu, tetapi wanita-wanita bukan Islam juga telah dilantik sebagai Penghulu Wakil Kaum yang mewakili kaum Cina, India dan Siam. Perlantikan ini menjadi satu indikator keharmonian yang wujud antara kaum yang terdapat di negeri Kelantan atas rasa tanggungjawab yang telah berjaya dibentuk oleh kerajaan negeri dalam kalangan wanita di negeri Kelantan.

Pada tahun 2008, satu jawatan yang baru iaitu Penyelaras Pembangunan Armalah DUN (PPAD) telah diwujudkan bagi memberikan satu tanggungjawab kepada golongan wanita sendiri untuk menguruskan hal ehwal armalah atau ibu tunggal di tempat masing-masing. Dengan perlantikan seramai 45 orang wanita untuk menggalas tugas ini, kerajaan negeri Kelantan telah maju selangkah ke hadapan dalam membentuk wanita yang amanah dan bertanggungjawab dari peringkat akar umbi.

Pada tahun 4hb April 2012 pula, dengan penubuhan Majlis Perundingan Wanita Negeri Kelantan (MPWN) secara rasmi melalui Mesyuarat Ahli MMK Negeri Kelantan, dan seterusnya perlantikan ahli-ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen (MPWP) pada bulan Julai tahun yang sama, wanita-wanita Kelantan terus dibentuk agar bertanggungjawab terhadap permasalahan setempat dan berperanan sebagai agen *check and balance* untuk sama-sama membantu kerajaan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat khususnya wanita melalui mesyuarat bersama antara

semua MPWP bersama MPWN pada setiap tahun, program Kembara Siasah pada tahun 2015.<sup>96</sup>

#### **4.6.3 Penyertaan Wanita Dalam NGO**

Selain daripada membentuk wanita yang mampu menggalas tanggungjawab sebagai pemimpin untuk berperanan sebagai pencetus kecaknaan terhadap aktivisme masyarakat, penglibatan wanita dalam kegiatan kesukarelaan dan NGO juga merupakan salah satu daripada usaha untuk membentuk sifat tanggungjawab pada diri wanita terhadap bencana yang berlaku kepada anggota masyarakat. Bagi memperkasakan peranan wanita sebagai anggota masyarakat yang proaktif, kerajaan negeri Kelantan telah membentuk Majlis Sukarelawan Rakyat Kelantan (MeSRA) pada penghujung tahun 2014 melalui portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan rentetan daripada banjir besar yang telah berlaku pada 24 Disember 2014.<sup>97</sup>

#### **4.6.4 Penganjuran Program Teknikal Pengurusan**

Pihak UPW juga telah menyusun beberapa program sebagai sebahagian usaha untuk membentuk pekerja-pekerja wanita yang bertanggungjawab memangkin produktivisme masyarakat. Program terawal adalah berbentuk Kursus Protokol, Birokrasi dan Pengurusan Cemerlang yang telah diadakan pada tahun 2005 khusus untuk peserta wanita. Kursus ini telah memberi pendedahan kepada wanita mengenai protokol yang perlu diikuti, kerentak birokrasi yang perlu dihadapi serta tips-tips pengurusan cemerlang dalam menjawat apa juar jawatan pengurusan dalam mama-mana agensi kerajaan. Seumpamanya juga ialah penganjuran Kursus Pemantapan Organisasi pada tahun 2005 dan 2006 serta Kursus Pengurusan Organisasi pada tahun 2009. Setelah penubuhan

<sup>96</sup> Laporan Program Kembara Siasah MPWP 2015, UPWK, tidak diterbitkan.

<sup>97</sup> Purnama teruskan ziarah al-mala'. Buletin Darulnaim,bil.171, 11. Muslimat sewa jengkaut dan lori bantu mangsa banjir. Misi bantuan kemanusiaan dan Gotong Royong Perdana anjuran beberapa organisasi termasuk MeSRA dan PAPISMA. Buletin Darulnaim, bil.163, 9. Membina Rumah Mawaddah di Manek Urai. Buletin Darulnaim, Lensa, bil. 168, 7

PPWK di setiap DUN pula, wanita dilantik sebagai Pengurus PPWK dan wanita juga yang menjadi pelatih PPWK untuk menerima latihan dan memperoleh kemahiran jahitan secara bersijil agar dapat melaksanakan peranan tersebut dengan lebih baik.

#### **4.6.5 Pengasingan Dasar Keluarga Daripada Dasar Wanita**

Bagi memperhebatkan usaha membentuk wanita yang bertanggungjawab sebagai pengukuh kesejahteraan keluarga dan pendidik generasi akan datang, kerajaan negeri Kelantan telah mengambil inisiatif untuk mengasingkan Dasar Keluarga daripada Dasar Wanita Negeri Kelantan pada tahun 2009. Pengasingan tersebut telah menyaksikan pelbagai program dan pendekatan yang telah dilaksanakan bagi melahirkan wanita sebagai isteri dan ibu yang bertanggungjawab.<sup>98</sup> Melalui pelaksanaan tersebut juga, buku Panduan Keluarga Mawaddah telah diedarkan yang telah memuatkan senarai semak tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh setiap ahli keluarga. Dengan memperincikan hak dan tanggungjawab setiap anggota keluarga, wanita sebagai seorang ibu diharapkan dapat mendidik anak-anaknya supaya dapat melaksanakan tanggungjawab masing-masing apabila mendirikan rumah tangga sendiri pada masa akan datang. Usaha ini adalah amat perlu bagi memastikan keluarga mawaddah dapat dibentuk secara berterusan dari generasi ke generasi.

#### **4.6.6 Peranan Wanita Kelantan**

Jika diamati pendekatan-pendekatan yang telah dilaksanakan sebelum ini, ruang dan peluang telahpun diwujudkan oleh kerajaan negeri untuk membentuk wanita yang bertanggungjawab melalui pelbagai usaha secara langsung dan tidak langsung. Malah kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan sendiri telah mengemukakan lima tanggungjawab

<sup>98</sup> Nurhafilah Musa, Asmak Husin dan Mumtaz Md Nawi, "Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan – Penghayatan Prinsip Kekeluargaan Dalam Al-Quran Ke Arah Pembinaan Ummah Terbaik." Makalah, Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, 6- 7 Oktober 2015.

utama yang harus dimainkan oleh wanita Kelantan bagi memastikan agar objektif dasar dapat dicapai iaitu sebagai pengukuh kesejahteraan keluarga, pendidik generasi akan datang, pemangkin produktiviti masyarakat, penyumbang kepada ilmu pengetahuan, sains dan teknologi serta sebagai pencetus kecaknaan aktivisme sosial.<sup>99</sup> Walau bagaimanapun, pihak kerajaan wajar memikirkan modul-modul tertentu untuk merealisasikan peranan tersebut secara berterusan dan terarah bagi memastikan bahawa wanita yang amanah dan bertanggungjawab ini dapat dibentuk secara berterusan di negeri Kelantan sehingga diiktiraf sebagai modal insan yang paling berkualiti dalam negara Malaysia.

#### **4.7 Kesimpulan**

Setelah menganalisis program-program pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dengan kelima-lima peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita, didapati bahawa pelaksanaannya telahpun mencakupi kesemua peranan tersebut, iaitu memandu wanita melaksanakan syariat, melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan, meninggikan martabat wanita, menjamin kebajikan wanita dan membentuk wanita yang amanah dan bertanggungjawab. Program-program yang telah disusun juga menepati peruntukan nas yang menghendaki potensi wanita juga dibangunkan untuk melaksanakan taklif dengan berkesan sama seperti lelaki. Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan semua program tersebut dengan penuh sedar bahawa kaum wanita harus dilengkapi dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan peranan mereka dalam semua sektor dengan mengambilkira agama sebagai pengetahuan asas yang diperlukan oleh setiap wanita.

Usaha-usaha yang disenaraikan juga memperlihatkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan mengguna pakai kaedah ijтиhad yang bertepatan dengan Siasah Syar'iyyah

---

<sup>99</sup> Lihat Lampiran A, *Dasar Wanita Negeri Kelantan*.

untuk menyusun program-program yang dapat menjamin kesejahteraan wanita dan seluruh ahli keluarga secara bersepada, termasuk untuk golongan yang bukan Islam. Program-progam dan pendekatan yang disenaraikan juga menepati piawaian Siasah Syar'iyyah dari sudut pertimbangan *maṣlahah, sadd al-dharā'i* dan uruf wanita di negeri Kelantan. Kesemuanya dirangka untuk membela kemaslahatan dan memelihara kepentingan wanita supaya dapat berperanan sebagaimana yang diharapkan.

## BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN

### 5.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan mengenai aplikasi konsep Siasah Syar'iyyah dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan. Pada dasarnya, kajian ini meninjau lima persoalan utama iaitu peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita, ketepatan latar belakang penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan dengan konsep Siasah Syar'iyyah, perincian yang terkandung dalam Dasar Wanita Negeri Kelantan, strategi dan program yang telah dilaksanakan di bawah Dasar Wanita Negeri Kelantan dan aspek pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan yang menepati peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita.

Bagi menjawab persoalan tersebut, penulis telah menggunakan metode tematik kritis bagi menganalisis data-data yang telah diperolehi melalui kaedah dokumentasi dan temubual. Sehubungan dengan itu, penulis merumuskan beberapa hasil dapatan yang selari dengan objektif kajian yang telah dinyatakan pada bab yang pertama.

Sebagai penutup kepada rumusan kajian ini, penulis mengemukakan beberapa cadangan bagi memantapkan lagi pelaksanaan dasar wanita di semua peringkat. Cadangan kajian lanjutan juga dikemukakan terhadap isu yang memerlukan pemerhatian akademik yang lebih terperinci pada masa hadapan.

### 5.2 Rumusan Hasil Kajian

Bagi memperincikan hasil dapatan bagi kajian ini, penulis mengklasifikasikan rumusan kajian kepada empat topik utama iaitu Siasah Syar'iyyah memelihara kesejahteraan wanita, pemakaian konsep Siasah Syar'iyyah dalam penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan, penilaian Dasar Wanita Negeri Kelantan dari sudut operasi dan

pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan mengukuhkan kedudukan dan peranan wanita.

### **5.2.1 Siasah Syar'iyyah Memelihara Kesejahteraan Wanita**

Hasil kajian perpustakaan yang telah dijalankan terhadap hampir 40 buah penulisan klasik dan kontemporari berkenaan Siasah Syar'iyyah dalam pentadbiran negara dan hak-hak wanita dalam sesebuah negara Islam telah mendapat bahawa pelaksanaan Siasah Syar'iyyah sejak zaman Rasulullah SAW telah memberi kesan yang positif terhadap wanita dalam semua aspek. Ini dapat dilihat melalui prinsip keadilan, persamaan dan kebebasan yang telah ditegakkan oleh Rasulullah SAW kepada golongan wanita pada zaman baginda dan diikuti oleh para Khulafā' al-Rāshidīn selepas itu. Prinsip-prinsip tersebut jugalah yang wajib ditegakkan oleh pemerintah Islam kepada golongan wanita sepanjang zaman termasuk pada hari ini.

Kedudukan yang diberikan oleh Islam kepada wanita adalah berbeza dengan amalan zaman jahiliyah yang telah menyaksikan pelbagai bentuk penindasan ke atas kaum wanita. Mereka tidak diberikan hak persamaan sebagaimana kaum lelaki, tidak dilayan secara adil dan tidak diberikan kebebasan selaku individu, ahli keluarga maupun anggota masyarakat. Namun kedatangan nas-nas syariat Islam telah menegaskan bahawa kaum wanita wajib diberikan hak keadilan, persamaan dan kebebasan sebagai seorang individu yang mukallaf sebagaimana lelaki. Sedikit perbezaan yang timbul dalam sesetengah hal seperti penentuan had aurat, kelayakan untuk menjadi saksi, kewajipan memberi nafkah, pembahagian harta pusaka, kewajipan solat Jumaat, berjihad dan lain-lain adalah selari dengan perbezaan fisiologi dan emosi antara lelaki dan wanita sehingga membawa kepada perbezaan hak dan tanggungjawab masing-masing. Namun hakikatnya perbezaan ini telah diletakkan pada tempatnya yang sesuai secara adil bagi mewujudkan keharmonian gender, kerukunan keluarga dan masyarakat.

Sehubungan itu, prinsip-prinsip Siasah Syar'iyyah dalam membangunkan wanita pada zaman Rasulullah SAW telah menonjolkan lima peranan utama Siasah Syar'iyyah terhadap wanita iaitu memandu wanita melaksanakan syariat, melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan, meninggikan martabat wanita, menjamin kebajikan wanita dan membentuk wanita yang bertanggungjawab. Setiap peranan tersebut diuraikan bersama elemen-elemen yang menyokongnya sebagaimana yang diringkaskan dalam Jadual 5.1 di bawah.

**Jadual 5.1: Peranan Siasah Syar'iyyah Terhadap Wanita dan Elemenanya**

Peranan	Elemen
1. Memandu wanita melaksanakan syariat	- Pelaksanaan konsep amar makruf dan nahi mungkar
2. Melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan	- Pensyariatan sistem wali - Pengaplikasian kaedah <i>sadd al-dharā'i'</i> - Pensyariatan hukuman jenayah moral
3. Meninggikan martabat wanita	- Pengiktirafan terhadap kedudukan wanita sebagai individu, ahli keluarga dan anggota masyarakat sebagaimana lelaki
4. Menjamin kebajikan wanita	- Mementingkan kemaslahatan wanita sebagaimana yang diperuntukkan oleh syariat
5. Membentuk wanita yang bertanggungjawab	- Penerapan konsep amanah dan <i>mas'ūliyyah</i> - Melibatkan wanita dalam aktiviti sosio-politik

Sumber: Analisis penulis

Kesemua peranan tersebut adalah saling berkait rapat antara satu sama lain dan mempunyai pengaruh yang besar dalam memelihara kesejahteraan wanita di dunia dan akhirat. Objektif utama yang sepatutnya dicapai daripada kelima-lima peranan tersebut ialah memberi keuntungan dan kesejahteraan kepada wanita, keluarga, masyarakat dan negara. Jika dilihat kepada elemen-elemen yang terkandung dalam setiap peranan di atas, kesemuanya perlu dipastikan kewujudannya dalam pelaksanaan Siasah Syar'iyyah kerana

tanpa elemen-elemen tersebut, kerajaan tidak akan berjaya melaksanakan peranan yang dituntut terhadap golongan wanita.

Kajian ini juga mendapati bahawa tanggapan yang menggambarkan bahawa Siasah tidak penting untuk wanita adalah sama sekali tidak benar kerana ia mempunyai kesan yang mendalam dalam mencorak peribadi, keluarga, kepimpinan dan masa hadapan. Rumusnya, fungsi dan peranan Siasah Syar'iyyah dalam memelihara kepentingan wanita ini sewajarnya diketengahkan secara praktikal dan dijadikan landasan untuk membangunkan wanita dalam konteks Malaysia.

### **5.2.2 Pemakaian Konsep Siasah Syar'iyyah Dalam Penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan**

Penelitian terhadap dokumen-dokumen dan hasil temubual telah merumuskan bahawa komitmen kerajaan negeri Kelantan untuk menjaga kepentingan wanita berdasarkan prinsip Islam telah bermula sejak penghujung tahun 1990. Meskipun masih tertakluk kepada Dasar Wanita Negara, kerajaan negeri Kelantan merupakan satu-satunya negeri dalam tempoh kajian yang telah melihat kepada keperluan untuk menggubal sebuah dasar yang baru dari perspektif yang berbeza, selaras dengan dasar utama Membangun Bersama Islam. Walau bagaimanapun, Dasar Wanita Negeri Kelantan dilihat tidak mengambil kira prinsip-prinsip CEDAW mahupun deklarasi-deklarasi antarabangsa yang lain dalam penggubalannya yang mendedahkan kerajaan negeri kepada kritikan-kritikan di peringkat antarabangsa. Hal ini perlu diatasi dengan baik supaya tidak meluaskan lagi jurang perbezaan antara kerajaan negeri dengan pelaksana dasar wanita di peringkat persekutuan dan antarabangsa yang dipandang dari sudut negatif.

Walau bagaimanapun, penilaian dari sudut Siasah Syar'iyyah yang dijalankan dalam kajian ini mendapati bahawa penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan telah memakai konsep Siasah Syar'iyyah dari sudut dorongan, sumber rujukan, prinsip, matlamat dan

kaedah penggubalannya. Dorongan penggubalan dasar telah dinyatakan dengan jelas melalui resolusi Seminar Memahami Dasar Membangun Bersama Islam pada tahun 1993 iaitu untuk mengukuhkan dasar Islam yang diamalkan di negeri Kelantan. Kenyataan ini dikukuhkan dengan meneliti rujukan utama yang digunakan bagi menonjolkan pengiktirafan-pengiktiran terhadap wanita, kesemuanya adalah bersumberkan kepada al-Quran dan Hadith.

Dari sudut prinsip pula, kelima-lima prinsip Dasar Wanita Negeri Kelantan iaitu bertekad untuk membangunkan wanita mengikut aspirasi Islam, membela hak asasi wanita melalui jaminan undang-undang, memenuhi keperluan dan menyelesaikan masalah wanita, menggalakkan penglibatan wanita dalam pembangunan negeri mengikut batas-batas syarak dan meningkatkan pengiktirafan suara wanita dalam masyarakat; adalah selari dengan prinsip-prinsip Siasah Syar‘iyyah yang menekankan prinsip *al-hākimiyyah lillāh*, prinsip *al-‘adālah wa al-musāwāh*, prinsip *al-mas’ūliyyah* dan prinsip *al-shūrā* sebagaimana yang telah dihuraikan pada Bab Tiga kajian ini.

Matlamat penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan juga adalah bertepatan dengan Siasah Syar‘iyyah dari sudut maqasidnya yang bertujuan untuk memastikan bahawa pengurusan hal ehwal wanita adalah selaras dengan kehendak Islam, menjamin seluruh kepentingan dan kemaslahatan wanita pada setiap masa dan tempat termasuk wanita bukan Islam dan menjadikan Islam sebagai sistem yang relevan dalam pentadbiran negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan agama. Keselarasan Dasar Wanita Negeri Kelantan dengan *al-Darūriyyāt al-Khamsah* yang bertujuan untuk memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta juga dapat dilihat melalui objektif strategik Dasar Wanita Negeri Kelantan yang menjadikan aspek kebajikan, pembelaan, pembangunan dan kemaslahatan wanita sebagai tujuannya yang utama.

Penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan juga menepati kaedah atau metodologi Siasah Syar'iyyah seperti kaedah *al-maṣāliḥ al-mursalah*, *sadd al-dharā'i* dan *al-'urf*. Pengaplikasian kaedah *sadd al-dharā'i* sebagai contoh adalah signifikan dalam membuat peraturan yang perlu dipatuhi oleh wanita Kelantan dalam fasa pra penggubalan dasar seperti Peraturan Berpakaian Menutup Aurat 1992 dan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Kajian turut mendapati bahawa peranan kepimpinan ulama, terutama Menteri Besarnya Tuan Guru Nik Abdul Aziz yang menerajui negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga tahun 2013 telah memudahkan lagi pemakaian kaedah Siasah Syar'iyyah dalam penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan kerana pengaplikasian kaedah tersebut memerlukan kepada pengetahuan yang cukup mengenai ilmu Fiqh, *Uṣūl Fiqh* dan Siasah Syar'iyyah.

Rumusnya, penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan telah menepati konsep Siasah Syar'iyyah dari sudut dorongan dan sumber, prinsipnya juga bertepatan dengan prinsip asas Siasah Syar'iyyah, matlamatnya pula mendukung *Maqāṣid* Siasah Syar'iyyah dan pendekatannya telah mengaplikasikan kaedah ataupun metodologi Siasah Syar'iyyah.

### **5.2.3 Penilaian Dasar Wanita Negeri Kelantan Dari Sudut Operasi**

Kemampuan kerajaan negeri Kelantan melaksanakan dasar wanita yang tersendiri dalam bidang kuasa yang dizinkan oleh perlembagaan Malaysia memperlihatkan bahawa syariat Islam bukan semata-mata bersifat penguatkuasaan, tetapi juga bersifat mencegah, mengawal dan mendidik. Justeru itu, kedudukan Dasar Wanita Negeri Kelantan dari sudut pentadbiran adalah sebagai panduan kepada pemerintah dan rakyat untuk menyusun program dan membuat peraturan terhadap wanita di negeri Kelantan. Dasar ini sendiri bukanlah berbentuk undang-undang yang dikuatkuasakan, tetapi ia menjadi asas kepada pihak PBT atau majikan di jabatan-jabatan sebagai contoh, untuk merangka peraturan

atau undang-undang kecil yang mendukung dasar ini dalam bidang kuasa yang dimiliki oleh mereka.

Dari sudut operasinya juga, pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dalam tempoh kajian telah berlaku secara berfasa dan beransur-ansur. Walaupun pelbagai strategi telah dirangka sejak dari awal untuk merealisasikan matlamat dasar, pelaksanaan strategi dasar tersebut telah berlaku secara peringkat demi peringkat mengikut kemampuan kerajaan negeri yang terhad. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun mempunyai gambaran dan hasrat yang jelas terhadap apa yang mahu dilaksanakan, namun terdapat halangan dan cabaran yang membantu pelaksanaan di peringkat awal.

Selepas penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan, pengukuhan terhadap polisi-polisi yang telah diperkenalkan pada fasa pra penggubalan Dasar Wanita Negeri Kelantan telah dilaksanakan. Bermula dengan peruntukan anggaran belanjawan untuk wanita pada tahun 2001 dan seterusnya penubuhan urus setia sebagai pelaksana utama program-program wanita di negeri Kelantan pada tahun 2005, pelbagai program dan aktiviti untuk wanita telah dilaksanakan yang menyentuh aspek sosio-budaya, sosio-ekonomi dan sosio-politik. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program mengikut sektor tersebut tidak berlaku secara seimbang dan tidak melibatkan semua agensi kerana ketiadaan pelan tindakan jangka masa panjang yang berpusat bagi pelaksanaan dasar.

Kajian ini juga mendapati bahawa kerajaan negeri Kelantan mengguna pakai pendekatan yang bertepatan dengan kaedah Siasah Syar'iyyah bagi menyusun program-program yang dapat menjamin kesejahteraan wanita seperti kaedah *al-maṣāliḥ al-mursalah*, *sadd al-dharā'i*, dan *al-'urf*. Program-program yang telah disusun didapati telah menepati peruntukan nas yang menghendaki agar potensi wanita juga dibangunkan untuk melaksanakan taklif dengan berkesan sama seperti lelaki.<sup>1</sup> Kerajaan negeri

<sup>1</sup> Surah al-Tawbah, 10: 71.

Kelantan juga telah melaksanakan semua program dengan penuh sedar bahawa kaum wanita harus dilengkapi dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan peranan mereka dalam semua sektor dengan mengambil kira agama sebagai pengetahuan asas yang diperlukan oleh setiap wanita. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui dasar kerajaan negeri bahawa setiap program yang dilaksanakan wajib diselitkan dengan sebuah syarahan yang berkaitan walaupun dalam program yang berbentuk sukan dan hiburan.

Walau bagaimanapun, dari sudut urus tadbir operasi dasar, aspek kecekapan dan keberkesanannya masih memerlukan kepada penambah baikan. Hal ini dapat dilihat melalui penilaian operasi dasar berdasarkan kepada sepuluh aspek iaitu petunjuk prestasi dasar, ujikaji sebelum penggubalan dasar , sasaran dasar, skop dasar, isu politik dalam pelaksanaan dasar, masalah sosial yang dihadapi dalam pelaksanaan dasar, jangkamasa pelaksanaan, jentera pelaksanaan, sistem penyelaras dan peruntukan kewangan. Hal penilaian terhadap sepuluh aspek tersebut, didapati bahawa dasar ini walaupun mempunyai asas dan matlamat yang jelas, namun operasi dasar dan pelaksanaan strategiknya dalam tempoh kajian ini dijalankan berada pada tahap yang sederhana.

Hasil kajian ini mendapati bahawa UPWK sebagai pelaksana utama dasar mempunyai hubungan yang sangat minima dengan Jabatan Pembangunan Wanita Kerajaan Persekutuan di negeri Kelantan. Implikasinya, aspek pelaksanaan dasar adalah tidak menyeluruh kerana bidangkuasa ini termasuk dalam senarai bersama antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kajian ini juga mendapati bahawa Dasar Wanita Negeri Kelantan tidak disebarluaskan kepada masyarakat awam secara proaktif seperti mana penyebaran Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan. Implikasinya, agensi-agensi kerajaan, masyarakat awam, institusi pendidikan dan malah kakitangan kerajaan sendiri masih kurang jelas dengan prinsip-prinsip dan tuntutan Dasar Wanita Negeri Kelantan.

Kajian ini juga mendapati bahawa kedudukan UPWK sebagai pelaksana utama Dasar Wanita Negeri Kelantan membunyai skop tugas yang terlalu luas. Implikasinya, kakitangan UPWK menjadi terlalu fokus kepada pelaksanaan program yang berlaku sepanjang tahun sehingga tidak sempat menguruskan data dengan efisien mahupun menumpukan pada kajian keberkesanan program sepanjang tempoh pelaksanaan dasar ini.

#### **5.2.4 Pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan Mengukuhkan Kedudukan Dan Peranan Wanita**

Setelah menganalisis pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan, didapati bahawa kesemua program yang dilaksanakan dapat dikategorikan di bawah salah satu atau lebih daripada lima tema asas kajian yang memperincikan peranan Siasah Syar ‘iyyah terhadap wanita.

Pelaksanaan dasar ini telah berfungsi menguruskan aktiviti wanita berpandukan syarak melalui arahan berpakaian sopan dan menutup aurat, penubuhan sistem pajak gadai Islam, pendedahan ilmu agama dan penyediaan garis panduan syarak bagi penglibatan wanita dalam aktiviti sosial. Kesemua tindakan tersebut telahpun dimulakan oleh kerajaan negeri sebelum penggubalan dasar lagi, dan terus dilaksanakan selepas itu memandangkan ianya berkait dengan tuntutan syarak yang tidak berubah.

Pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan juga telah berfungsi melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan melalui pendekatan *sadd al-dharā'i*, pemerkasaan sistem wali dan peruntukan undang-undang yang berkaitan. Program-program yang menggunakan kaedah *sadd al-dharā'i* adakalanya telah melalui beberapa penambahbaikan seperti larangan wanita menyertai pertandingan tilawah al-Quran dan larangan wanita bekerja malam, setelah mengambil kira perubahan situasi masyarakat dari sudut

kefahaman Islam dan kemampuan pihak yang terlibat untuk memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan.

Pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan juga telah berupaya untuk meninggikan kedudukan wanita melalui pengiktirafan terhadap sumbangan wanita, ibu dan suri rumah. Surirumah diberikan pengiktirafan yang tinggi sebagai pembina generasi, berbeza dengan Dasar Wanita Negara yang mengiktiraf sumbangan wanita dalam kategori *unpaid work* secara umum sahaja. Wanita di Kelantan juga sama-sama membangunkan ilmu pengetahuan dan kemahiran seperti kemasukan ke sekolah tahliz, penubuhan Pusat Pembangunan Wanita Kelantan dan Pusat Kemahiran Wanita Kelantan dan penglibatan wanita sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan dan Unit Dakwah Halaqat. Wanita juga dilibatkan pada peringkat pembuat keputusan sama ada di peringkat kerajaan mahupun swasta sebagai wakil rakyat, Ketua Eksekutif Syarikat, Pengarah Urus Setia Kerajaan, Timbalan Pengarah dan Penolong-penolong Pengarah.

Pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan juga telah berperanan untuk memelihara kebijakan wanita mengikut kemampuan dan peruntukan belanjawan yang telah disediakan oleh kerajaan negeri, khususnya kepada golongan armalah. Kebajikan dari sudut emosi juga diambil berat oleh kerajaan negeri Kelantan seperti menambah hari cuti dalam seminggu, mengurangkan waktu bekerja pada bukan Ramadhan dan memperuntukkan cuti kematian suami bagi kakitangan wanita di negeri Kelantan.

Pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan juga telah berperanan membentuk wanita yang bertanggungjawab melalui penerapan konsep UMI, perlantikan wanita sebagai pemimpin dan pentadbir, penyertaan wanita dalam NGO dan penganjuran program teknikal pengurusan. Pengasingan dasar keluarga daripada Dasar Wanita Negeri Kelantan juga telah berjaya memperincikan lagi tanggungjawab setiap anggota keluarga sehingga memungkinkan pembinaan keluarga yang mempunyai anggota yang bertanggungjawab

dan menguntungkan lagi kaum wanita. Seterusnya penegasan terhadap Peranan Wanita Kelantan sebagaimana yang termaktub dalam kertas Dasar Wanita Negeri Kelantan juga berfungsi untuk membina wanita yang bertanggungjawab dalam pelbagai aspek.

Setelah meneliti elemen-elemen Siasah Syar'iyyah yang terkandung dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan, boleh dinumuskan bahawa kerajaan Negeri Kelantan telah mengemukakan satu model pelaksanaan dasar wanita yang patuh syariah, praktikal dan kontemporari bagi mengukuhkan keyakinan umat Islam mahupun bukan Islam terhadap kemampuan Siasah Syar'iyyah untuk menjaga kebijakan, melindungi dan memartabatkan wanita. Hasil daripada analisis yang telah dijalankan, didapati bahawa semua program wanita yang diperkenalkan di negeri Kelantan sebagaimana yang telah disenaraikan telah menepati elemen-elemen Siasah Syar'iyyah secara jelas. Walau bagaimanapun, keupayaan kerajaan negeri untuk melebarkan impak dasar kepada seluruh wanita di negeri Kelantan masih lagi perlu dikaji untuk dipertingkatkan.

### **5.3 Cadangan**

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, penulis menyenaraikan beberapa cadangan yang ditujukan kepada kerajaan negeri Kelantan, Kerajaan Persekutuan dan NGO. Seterusnya cadangan kajian lanjutan juga dikemukakan untuk diberi perhatian akademik yang khusus bagi mengembangkan lagi hasil kajian ini.

#### **5.3.1 Cadangan Kepada Kerajaan Negeri Kelantan**

(a) Kajian ini mencadangkan agar kerajaan negeri Kelantan dapat menyediakan satu Pelan Tindakan berpusat terhadap pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan yang melibatkan strategi, objektif, agensi, KPI dan fasa yang jelas. Hanya dengan cara tersebut sahaja semakan dasar dapat dibuat secara terpandu dari semasa ke semasa dan penglibatan semua agensi dan portfolio kerajaan dapat diselaraskan. Kajian ini mendapati bahawa

sepanjang lima belas tahun ia digubal, belum dirangka satu Pelan Tindakan berpusat untuk pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan secara berstruktur dalam jangkamasa yang panjang. Perancangan hanya dibuat secara tahuran dan mengakibatkan perhatian terhadap setiap strategi dasar adalah tidak seimbang. Adalah disarankan agar strategi yang digariskan oleh pihak kerajaan dapat dikemaskini dengan menentukan tempoh masa, objektif dan sasaran yang khusus agar pihak pelaksana dasar dapat menggiatkan usaha untuk mengatasi segala halangan bagi mencapai matlamat yang diharapkan.

(b) Kajian ini mencadangkan agar Kerajaan Negeri Kelantan memastikan penglibatan semua portfolio kerajaan negeri dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan kerana wanita Kelantan terlibat dalam semua sektor sebagaimana yang diperincikan dalam lima belas Agenda Perubahan Untuk Wanita. Kajian ini mendapati bahawa sejak penubuhan UPWK, hal ehwal wanita kebanyakannya diserahkan kepada urus setia berkenaan semata-mata walaupun melibatkan isu-isu yang berkaitan dengan sektor-sektor yang lain.

(c) Kajian ini juga mencadangkan agar pengukuhan terhadap pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dapat dibuat dengan mengambil kira prinsip dan pendekatan CEDAW yang merupakan perjanjian hak asasi manusia antarabangsa pertama bagi memenuhi keperluan wanita selama mana ia tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam. Kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti sudut-sudut yang boleh diterima oleh kerajaan negeri secara kompromi kerana tidak menyentuh dasar-dasar dan hukum-hukum Islam yang qat'ie.

(d) Kajian ini juga mencadangkan agar Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan dapat berusaha untuk mewujudkan hubungan yang baik dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita di peringkat negeri Kelantan bagi menyelaraskan pelaksanaan dasar wanita di negeri Kelantan. Hubungan ini adalah perlu memandangkan hal ehwal

wanita terletak di bawah senarai bersama antara kuasa negeri dan persekutuan. Kajian ini mendapati bahawa hubungan antara keduanya adalah sangat minima sedangkan hubungan dan kerjasama yang baik telah dapat dijalankan oleh Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di negeri Kelantan.

- (e) Kajian ini turut mencadangkan agar Peranan Wanita Kelantan dikeluarkan dalam bentuk edaran kepada rakyat sebagaimana diedarkan Panduan Keluarga Mawaddah dan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan. Kajian ini mendapati bahawa kewujudan Dasar Wanita Negeri Kelantan tidak disebar luaskan kepada rakyat sebagaimana disebarluaskan mengenai kewujudan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan.
- (f) Kajian ini mencadangkan agar bidangkuasa UPWK dinilai semula agar dapat menentukan skop yang lebih berkesan untuk bertindak sebagai sebuah sekretariat kepada pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan atau dapat dinaik taraf sebagai sebuah jabatan. Kajian ini mendapati bahawa UPWK telah dibebani dengan tugas merangka, melaksana dan memantau ratusan program sepanjang tahun, mengakibatkan tugasnya yang asasi sebagai sekretariat pelaksanaan dasar tidak mampu dilaksanakan.

### **5.3.2 Cadangan Kepada Kerajaan Persekutuan**

- (a) Selaras dengan Perlembagaan Malaysia yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan, adalah dengan ini dicadangkan agar aspek pelaksanaan syariat diambil berat dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negara dengan mengambil contoh daripada pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan dan tidak hanya membiarkannya kepada kehendak individu semata-mata.
- (c) Pihak-pihak yang berwajib perlu mendalami konsep dan metodologi Siasah Syar'iyyah untuk dijadikan satu pendekatan bagi menyelesaikan pelbagai isu di dalam

negara, terutama yang berkait dengan wanita. Malah pihak yang terlibat dengan pentadbiran negara sewajarnya diberikan ilmu tentang hukum syarak untuk menilai realiti semasa dan situasi orang ramai yang pelbagai menurut perspektif syarak secara tepat dan teliti.

(d) Kajian ini juga mencadangkan agar agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dapat memberi kerjasama kepada pihak kerajaan negeri Kelantan dalam melaksanakan Dasar Wanita Negeri Kelantan kerana pelaksanaan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009 tidak akan berjaya tanpa hubungan rasmi dengan kerajaan negeri.

### **5.3.3 Cadangan Kepada Pihak NGO**

(a) Kajian ini mencadangkan agar pihak NGO, khususnya NGO-NGO wanita, dapat berfungsi memperkasakan peranan wanita sebagai pengukuh kesejahteraan keluarga, pendidik generasi akan datang, pemangkin produktiviti masyarakat, penyumbang kepada ilmu pengetahuan, sains dan teknologi serta pencetus kecaknaan aktivisme sosial sebagaimana yang termaktub dalam Dasar Wanita Negei Kelantan berkenaan Peranan Wanita Kelantan.

### **5.3.4 Cadangan Kajian Lanjutan**

Dalam tempoh kajian ini dijalankan, penulis mendapati bahawa terdapat satu isu utama yang memerlukan pemerhatian akademik secara khusus iaitu mengenai tahap keberkesanan dasar dan pencapaiannya sejak awal ia diperkenalkan. Kajian ini mendapati bahawa UPWK sebagai pelaksana utama Dasar Wanita Negeri Kelantan belum menjalankan kajian impak terhadap dasar ini dan tiada pihak lain dalam kerajaan negeri yang melaksanakan tugas ini. Malah kajian impak juga belum pernah dijalankan terhadap Dasar Wanita Negeri Kelantan oleh mana-mana ahli akademik. Oleh kerana UPWK

sudah memulakan langkah ke arah semakan Dasar Wanita Negeri Kelantan pada tahun 2015, adalah penting bahawa semakan tersebut dibuat berdasarkan kepada kajian impak yang menyeluruh bagi memastikan agar penambahbaikan yang dibuat tidak bersifat *superficial* atau luaran semata-mata. Penulis mencadangkan agar kajian lanjutan ini menggunakan kaedah *policy impact analysis* bagi menganalisis data yang diperolehi secara kualitatif dan juga kuantitatif. Kajian tersebut dijangka akan memperlihatkan keberkesanan dasar dan pencapaiannya, serta sudut kelemahan yang perlu diperbaiki. Malah keberkesanan dasar terhadap wanita bukan Islam juga boleh dinilai melalui kajian yang dicadangkan ini.

#### **5.4 Penutup**

Konklusi penting daripada kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Dasar Wanita Negeri Kelantan sejak tahun 2001 hingga tahun 2015 telah melaksanakan fungsinya yang selaras dengan peranan Siasah Syar'iyyah terhadap wanita. Dasar Wanita Negeri Kelantan telah menguruskan aktiviti wanita berpandukan syarak, melindungi wanita daripada mungkar dan kerosakan, meninggikan martabat wanita, menjaga kebajikan wanita dan seterusnya membentuk wanita yang mampu memikul tanggungjawab. Walaupun dari sudut operasinya masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi, namun kewujudan dasar wanita yang khusus di peringkat kerajaan negeri Kelantan ini merupakan satu kelebihan kepada pelaksanaan dasar-dasar Islam berpandukan kepada konsep Siasah Syar'iyyah di Malaysia. Rumusnya, kewujudan Dasar Wanita Negeri Kelantan telah berjaya mengaplikasikan konsep Siasah Syar'iyyah dalam hal ehwal yang melibatkan wanita secara realiti dan praktikal.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

### BUKU-BUKU BAHASA ARAB

Aḥmad, ‘Arafah Muḥammad ‘Arafah. *Mubāsharah al-Mar’ah li al-Ḥuqūq wa al-Hurriyyāt al-Siyāsiyyah*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Qanuniyyah, 2011.

‘Aṭwah, ‘Abd al-‘Āl Aḥmad. *Al-Madkhāl ilā al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*. Kaherah: Dār al-Salām, 2014.

‘Awdah, ‘Abd al-Qadir. *Al-Islām wa Awḍā ‘unā al-Siyāsiyyah*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1997.

‘Itr, Hasan Ḏiyā’ al-Dīn Muhammād. *Al-Shūra Fi Ḏaw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Dubai: Dār al-Buhūth Li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa Iḥyā’ al-Turāth, 2001.

Abū Fāris, Muhammād ‘Abd al-Qādir. *Al-Nizām al-Siyāsī fī al-Islām*. ‘Ammān: Dār al-Furqān, 1986.

\_\_\_\_\_. “*Huqūq al-Mar’ah al-Madaniyyah wa al-Siyāsiyyah fī al-Islām*.” ‘Ammān: Dār al-Furqān, 2000.

Abū Jayb, Sa‘dī. *Dirāsah fī Minhāj al-Islām al-Siyāsī*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985.

Abū Shuqqah, ‘Abd al-Ḥalīm. *Taḥrīr al-Mar’ah fī ‘Aṣr al-Risālah*. Kuwait: Dār al-Qalam, 2002.

Al-‘Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī Ibn Ḥajar. *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz. Beirut: Dār al-Fikr, 1993.

\_\_\_\_\_. *Al-Īṣābah fī Tamyīz al-Ṣahābah*, ed. ‘Alī Muḥammad al-Bajāwī (Beirut: Dār al-Jīl, 1412H)

Al-‘Alamī, Muḥammad. *Al-Madkhāl ilā Fiqh al-Dawlāh fī al-Islām*. Kaherah: Dār al-Kalimah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2010.

Al-‘Awwā, Muḥammad Salīm et al. *Taf’īl Maqāṣid al-Shari‘ah fī al-Majāl al-Siyāsi*, *Majmū‘ah Buḥūth*. London: Mu’assasah al-Furqān li al-Turāth al-Islāmi, 2014.

Al-Bannā, Ḥasan. *Majmū‘ah al-Rasā’il al-Imām al-Shahīd Ḥasan al-Bannā*. T.t.p.: Dār al-Yūsuf, t.t.

Al-Barbarī, ‘Abd al-Rahmān. *Al-Qur’ān Yataḥaddath ‘An al-Siyāsah*. Tanta: Dār al-Bashīr, 2002.

Al-Bujayrimī, Sulaymān Ibn ‘Umar Ibn Muḥammad. *Hāshiyah al-Bujayrimī ‘ala al-Manhaj*. Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh, 1965.

Al-Būṭī, Muhammād Sa‘īd Ramaḍān. *Qadāya Fiqhiyyah Mu‘āṣirah*. Damshik: Maktabah al-Farābī, 1994.

Al-Ghannūshī, Rāshid. *Al-Mar‘ah Bayna al-Qur’ān wa Wāqi‘ al-Muslimīn*. Beirūt: Al-Mu’assasah al-Islāmiyyah, 2000.

Al-Hāshimī, Muḥammad ‘Ali. *Shakhṣiyyah al-Mar‘ah al-Muslimah Kamā Yaṣūghuhā al-Islām fī al-Kitāb wa al-Sunnah*. Beirūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2002.

\_\_\_\_\_. “*Al-Mujtama‘ al-Muslim Kamā Yubayyinuhū al-Islām fī al-Kitāb wa al-Sunnah*.” Beirūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2002.

Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. *I'lām al-Muwaqqi‘īn ‘An Rabb al-‘Ālamīn*. Beirut: Sharikat Dar al-Arqam bin Abī al-Arqam, 1997.

\_\_\_\_\_. *Al-Turuq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shari‘iyah*.” Kaherah: Dār al-Hadīth, 2002.

Al-Khālidī, Maḥmūd. *Maṣḥūm al-Iqtisād fī al-Islām*. \*Ammān: Maktabah al-Risālah al-Hadīthah, 1986.

Al-Khālidī, Maḥmūd ‘Abd al-Majīd. *Qawā‘id Niżām al-Ḥukm fī al-Islām*. Kuwait: Dār al-Buḥūth al-Islāmiyyah, 1980.

Al-Khawlī, Hind Maḥmūd. ‘Amal al-Mar‘ah: *Dawābiṭuhū, Aḥkāmuḥuhū, Thamarātuḥuhū – Dirāsaḥ Fiqhiyyah Muqāranah*. Damsyik: Dār al-Farābī lī al-Ma‘ārif, 2001.

Al-Nasafī, Najm al-Dīn Ibn Ḥafṣ ‘Umar Ibn Muḥammad. *Tilbah al-Talabah fī al-Iṣṭilāh al-Fiqhīyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.

Al-Nawawī, Muhyiddīn Abū Zakariyyā Yāḥyā bin Sharaf. *Minhāj al-Tālibīn*. Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2011.

Al-Naysābūrī, Al-Ḥakim Muḥammad bin ‘Abd Allāh. *Al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*. Beirut: Dār al-Fikr, 2002.

Al-Naysābūrī, Muslim bin al-Hajjāj al-Qushayrī. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2004.

Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī Daw’ Nuṣūṣ al-Shari‘ah wa Maqāṣidihā*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1998.

Al-Qarāfī, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs bin ‘Abd al-Rahmān. *Al-Furūq*. T.tp.: ‘Ālam al-Kutub, t.t.

Al-Qurashī, ‘Abd al-Ghālib ‘Abd al-Kāfi. *Awwaliyyāt al-Fārūq al-Siyāsiyyah*. Manṣūrah: Dār al-Wafā’: 1990.

Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī. *Al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Fikr, 1994.

Al-Rays, Muḥammad Ḏiyā’uddīn. *Al-Naẓariyyāt al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah*, Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, t.t.

Al-Riḍā, ‘Abd al-Ṣamad. *Qawā’id al-Ijtihād fī al-Siyāsah al-Shar‘iyyah Dirāsah Tārīkhīyyah Ta’siliyyah Mustaqbaliyyah*. Irbid: ‘Ālam al-Kutub al-Ḥadīth, 2011.

Al-Sajastānī, Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash‘ath. *Sunan Abū Dāwūd*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t.

Al-Sanhūrī, ‘Abd al-Razzāq. *Fiqh al-Khilāfah*, ed. Tawfiq Muḥammad al-Shāwī dan Nādiyah ‘Abd al-Razzāq al-Sanhūrī. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001.

Al-Shantūt, Khālid Aḥmad. *Al-Tarbiyah al-Siyāsiyyah fī al-Mujtama‘ al-Muslim*. Beirut: Dār al-Bayāriq, 2000.

Al-Shāṭibī, Ibrāhīm bin Mūsā Abū Ishāq. *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari‘ah*, ed. Ibrāhīm Ramadān. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1997.

Al-Shaybānī, Abū ‘Abd Allāh Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, ed. Shu‘ayb al-Arnā’ut. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2001.

Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr. *Al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998.

Al-Ṭarābulṣī, Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn Khalīl. *Mu‘in al-Hukkām fīmā Yataraddad Bayna al-Khaṣmayn min al-Hukkām*. T.tp: Dār al-Fikr, t.t.

Al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah. *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, t.t.

Al-Tūsi, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī. *Al-Iqtisād fī al-Itiqād*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004.

Al-‘Uthmānī, Sa‘ad al-Dīn. *Taṣarrufāt al-Rasūl bi al-Imāmah, al-Dalālāt al-Manhajiyah al-Tashri‘iyah*. Kaherah: Dār al-Kalimah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2011.

\_\_\_\_\_. *Fiqh al-Ma‘ālāt, Maṣlūmahū wa Qawā‘idah*. Kaherah: Dār al-Kalimah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2015.

Bābīlī, Maḥmūd Muḥammad. *Maqām al-Mar‘ah fī al-Islām*. Beirut: Dār al-Sharq al-‘Arabī, 1993.

Baltājī, Muḥammad. *Makānah al-Mar‘ah fī al-Qur‘ān al-Karīm wa al-Sunnah al-Sahīhah: Al-Huqūq al-Siyāsiyyah wa al-Ijtīmā‘iyah wa al-Shakhṣiyyah li al-Mar‘ah fī al-Mujtama‘ al-Islāmī*, Dirāsah Mu’ashalah Muwaththaqah Muqāranah. Kaherah: Dār al-Salām, 2000.

Darwazah, Muḥammad ‘Izzat. *Al-Mar‘ah fī al-Qur‘ān wa al-Sunnah*. Beirūt: Manshūrāt al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 1980.

Għadbān, Munīr Muḥammad. *Al-Huqūq al-Mi‘ah li al-Mar‘ah al-Muslimah*. Kaherah: Dār al-Salām, 2011.

Hasan, Hafṣah Aḥmad. *Uṣul Tarbiyah al-Mar'ah al-Muslimah al-Mu'āṣirah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2001.

Ibn 'Abd al-Bar, Yūsuf bin 'Abd Allāh bin Muḥammad. *Al-Tamhīd li mā fī al-Muwatṭa'* min al-Ma'āni wa al-Asāni. Al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1967.

Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amin. *Ḩāshiyah Radd al-Mukhtār 'ala al-Durr al-Mukhtār*. Beirut: Dār al-Fikr, 1966.

Ibn Farhūn, Ibrāhīm Shams al-Dīn. *Tabṣirah al-Hukkām fi Uṣūl al-Aqdiyah wa Manāhiy al-Aḥkām*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1301H.

Ibn Fūdī, 'Abdullah bin Muḥammad. *Diyā' al-Siyāsāt wa Fatāwā al-Nawāzil*. Kaherah: Al-Zahrā' li al-I'lām al-'Arabi. 1988.

Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'iil. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Riyadh: Maktabah Dār al-Salām, 1994.

Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn (t.t). *Al-Bahr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqā'iq*. Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmi.

Ibn Rushd al-Qurtubī, Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad. *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1995.

Ibn Taymiyyah, Taqīyy al-Dīn. *Al-Siyāsah al-Shar'iyyah fī Islah al-Rā'i wa al-Rā'iyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1988.

. *Majmū'ah al-Fatāwā*. Mansurah: Dār al-Wafā', 1998.

Ilāhi, Faḍl (1999). *Mas'ūliyyah al-Nisā' fī al-Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahy 'an al-Munkar fī Ḏaw' al-Nuṣūṣ wa Siyar al-Ṣāliḥāt*. Beirut: Mu'assasah al-Rayyān.

Khallāf, 'Abd al-Wahhāb. *Al-Siyāsah al-Shar'iyyah fī Shu'un al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah*. Kuwait: Dār al-Qalam, 2010.

Mahmūd, 'Alī 'Abd al-Ḥalīm. *Al-Mar'ah wa Fiqh al-Daw'ah Ilā Allāh*. Manṣūrah: Dār al-Wafā', 1992.

Muhannā, Umaymah Fu'ād. *Al-Mar'ah wa al-Waṣīfah al-Āmmah*. T.tp.: Dār al-Nahḍah al-‘Arabiyyah, t.t.

Qal'ah Jī, Muḥammad Rawwās. *Qirā'ah Siyāsiyyah li al-Sīrah al-Nabawiyyah*. Beirut: Dār al-Nafā'is, 2000.

Tāj, 'Abd al-Rahmān. *Al-Siyāsah al-Shar'iyyah wa al-Fiqh al-Islāmi*. Qāherah: Dār al-Salām, 2014.

\*Uways, 'Abd al-Halīm. *Dirāsah li Suqūt Thalāthīn Dawlah Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Šāhwah, 1989.

Zaydān, 'Abd al-Karīm. *Al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1994.

Ziyādah, Asmā' Muḥammad Aḥmad. *Dawr al-Mar'ah al-Siyāsi fī 'Ahd al-Nabi SAW wa al-Khulafā' al-Rāshidīn*. Qāherah: Dār al-Salām, 2001.

## BUKU-BUKU BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS

A. Bryman. *Social Research Methods*, ed. Ke-3. Oxford: Oxford University Press, 2008.

Abdul Hadi Awang. *Bagaimana Islam Memerintah Negara*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2009.

Abdul Wahhab Khallaf. *Siasah Shar'iyyah Dalam Pemerintahan Islam*, terj. Mohd Hapiz Mahaiyadin. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2003.

Annelies Moors. *Registering a Token Dower: The Multiple Meanings of a Legal Practice. Narratives of Truth In Islamic Law*. Ed. Baudouin Dupret, Barbara Drieskens, Annelies Moors. London, New York: I. B. Tauris, 2008, 85-104.

Anual Bakri Haron, ed. *Koleksi Ucapan Rasmi II YAB Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan*. Kota Bharu, Dian Darulnaim Sdn. Bhd., 2004.

David Easton. *An Approach to the Analysis of Political System*. T.tp.: World Politics, 1957.

Dinsman. *Kota Bharu Bandar Raya Islam*. Kota Bharu: Majlis Perbandaran Kota Bharu, 2004.

Fatima Mernisi. *Menengok Kontroversi Peran Wanita Dalam Politik*. Terj. M. Masyhur Abadi. Surabaya: Dunia Ilmu, 1997.

\_\_\_\_\_. *Beyond The Veil, Male-Female Dynamics in Muslim Society*. London: Saqi Books, 2003.

\_\_\_\_\_. *Pemberontakan Wanita*. Bandung: Penerbit Mizan, 1999.

Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2016.

Harun Taib. *Muslimat Pembangun Ummah*. Terengganu: Lajnah Tarbiah dan Perkaderan PAS Negeri Terengganu, 2007.

Hassan Harun. *Kelantan Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*. Kuala Lumpur: DD Mediaconsult Sdn. Bhd., 1999.

Helen Mary Rizzo. Islam, *Democracy, and The Status of Women: The Case In Kuwait*, ed. Shahrough Akhavi. New York & London: Routledge, 2005.

Hibah Rauf Izzat. *Penglibatan Wanita Dalam Politik Mengikut Perspektif Islam*, terj. Bahruddin Fannani. Petaling Jaya: The International Institute of Islamic Thought, 1997.

Idris Awang. *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009.

Imam Soprayogo dan Tobroni. *Metodologi Penelitian Agama*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2003.

Ismail Yusoff. *Tuan Guru Nik Abdul Aziz: Pemikiran Agama dan Politik*. Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia, 2015.

*Istilah Sains Politik: Politik Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

J. Habakkuk. "The Entreprenuer and Economic Development", dalam *Development Economics and Policy*, ed. Ian Livingstone. London: George Allen, Unwin, 1981.

James E. Anderson. *Public Policy Making*. New York: Holt, Rinehart and Winston, 1979.

Jamilah Ariffin, ed. *Himpunan Makalah Wanita dan Pembangunan di Malaysia*. Petaling Jaya: MPH Publishing, 2010.

Jasser Auda. Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid Dalam Pembaharuan Islam Kontemporer. Terj. Marwan Bukhari bin A. Hamid. Kuala Lumpur: PTS Islamika, 2015.

Jawiah Dakir. "Prinsip Ketujuh: Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita," dalam *Siri Penerbitan Pendekatan Islam Hadari*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, 2008.

John W. Creswell, *Qualitative Inquiry and Research Design, Choosing among Five Approaches* California: SAGE Publications, Inc., 2007.

*Kamus Dewan*. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

*Kamus Sains Politik Pentadbiran Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

*Kelantan Menerajui Perubahan*. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, 2008.

Khoiruddin Nasution. *Hukum Perkahwinan 1 Dilengkapi Perbandingan Undang-udang Negara Muslim Kontemporer*. Yogyakarta: Penerbit Academia & Tazzafa, 2004.

Marohaini Yusoff, ed. *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001.

Mek Wok Mahmud, ed. *Ilmuwan Wanita Islam: Globalisasi dan Hak Wanita*. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2014.

Mohamad S. El-Awa. *On The Political System of The Islamic State*. Indiana: American Trust Publication, 1980.

Mohd Fadli Ghani, ed. *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, 2011.

Mohd Kamil Ab Majid, Mat Zain Ab Ghani dan Mohamad Zaidi Abdul Rahman. *Biografi Tokoh Agung: Dr. Yusuf Al-Qaradhawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

Mohd Roslan Mohd Nor, ed. *Wanita Islam: Isu-isu dan Pemerkasaan Hak*. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2011.

Mohd Saiba bin Yaacob. *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan*. Kota Bharu: Dian Darulnaim, 2008.

Muhammad 'Ali Qutb. *Bai'at Kaum Wanita Terhadap Rasulullah*, terj. Jamaluddin Kafie. Johor Bharu: Penerbit Penamas Sdn. Bhd, 1984.

Nafisah Tahir dan Nurhidayah Jaafar. *Muslimah Celik Politik*. Batu Caves: Dewan Muslimat PAS Kawasan Gombak, t.t.

Najah Nadiah Amran. *Isu Mengenai Wanita Islam dalam Pemikiran MB Kelantan Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat: Ulasan dan Kritikan*. Kota Bharu: SUBUR, 2001.

Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Kelantan Universiti Politik Terbuka*. Nilam Puri: Maahad Dakwah wal Imamah, 1995.

Nik Safiah Karim & Rokiah Talib. *Pergerakan Wanita Dalam Memperjuangkan Hak*. UKM Bangi: Penerbit UKM, 2016.

Nisriwani Yahya & Syed Zulflida S.M.Noor. *101 Puteri Dunia Melayu Sejarah dan Legenda*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti, 2003.

Nor Aini Haji Idris. *Wanita dan Pembangunan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.

Noraini Idris. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2010.

Othman Lebar. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2009.

Raja Rohana Raja Mamat. *Peranan dan Status Wanita Melayu Di Malaysia Daripada Perspektif Sosial dan Undang-undang*. DBP.

Robert Wuthnow, ed. *The Encyclopedia of Politics And Religion*. London: Routledge, 1998. Vol. II.

Rozi Bainon. *Wanita: Penghapusan Diskriminasi dari Perspektif Islam dan Undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.

Sa'ad Shukri bin Haji Muda. *Detik-detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971.

Sabitha Marican. *Dasar Awam di Malaysia: Isu dan Konsep*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1997.

Salahuddin bin Abdullah dan Hydselan bin Hashim. *Sejarah PAS Negeri Kelantan 1959-1978: Langkah-langkah Menuju Mardhatillah*. Kota Bharu: Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan, 2010.

Sayuthy Abdul Manas. *Apa Kata Islam Mengenai Wanita Berpolitik*. Batu Caves: PTS Islamika, 2008.

Shayan Afzal Khan. *Unveiling the Ideal: A New Look at Early Muslim Women*. Petaling Jaya: Sisters In Islam, 2007.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Islām and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2014.

Thomas R. Dye. *Understanding Public Policy*. New Jersey: Englewood Cliffs, 1978.

W. Lawrence Neuman. *Social Research Methods, Qualitative and Quantitative Approaches*. USA: Allyn & Bacon, 1997.

Wan Azmi Ramli. *Dasar Awam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Golden Books Center Sdn. Bhd., 1993.

Wan Ismail bin Wan Jusoh. *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat Menteri Besar Kelantan*. Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd., 1999.

Wan Nik Wan Yussof, *Legasi Tok Guru Politik dan Dakwah*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, 2015.

Yusof Ismail, ed. *Muslim Women in Organisations: A Malaysian Perspective*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1994.

Yusuf al-Qardhawi. *Ciri-ciri Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*, terj. Mohammad Zaini Yahya. Bandar Baru Bangi: Penerbitan Seribu Dinar, 2000.

\_\_\_\_\_. *Fiqh Daulah Menurut Perspektif Islam*, terj. Juanda Jaya. Bandar Baru Bangi: Maktabah al-Qardawi, 2002.

Zeenath Kauthar. *Muslim Women at The Crossroads: The Rights of Women in Islam and General Muslim Practices*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd, 2006.

\_\_\_\_\_. Political Participation Of Women: Contemporary Perspectives of Gender Feminists & Islamic Revivalists. Batu Caves: Thinker's Library, 2008.

\_\_\_\_\_. Women's Empowerment and Islam: The UN Beijing Document Platform for Action. Batu Caves: Thinker's Library, 2007.

Zulqarnain Hassan dan Mohd Zaidi Abdul Rahman. *Wanita Sebagai Calon Pilihan Raya: Suatu Perbahasan Dari Sudut Siyasah Shar'iyyah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions, 2008.

## KERTAS KERJA/ TESIS/ JURNAL/ MAKALAH

Amriah Buang, Ratnawati Yuni Suryandari. *Education, Political Empowerment and Muslim Women in the Middle East: Understanding the Paradox*. Dalam Women And Empowerment In The Global South. Ed. Amriah Buang, Janet Momsen. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013. Hh.133-152.

Bharuddin Che Pa, "Hak dan Tanggungjawab Masyarakat Dalam Konteks Siasah Shar'iyyah." Makalah, Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siasah Shar'iyyah Dalam Konteks Masa Kini: Isu dan Cabaran, Kolej Universiti Islam Melaka, 21 Februari 2013.

Bharuddin Che Pa, “*Islam Dalam Tadbir Urus Negara dan Masyarakat.*” Makalah, Seminar Memposisi Islam Dalam Kerangka Demokrasi Moden, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 3-4 September 2013.

Bharuddin Che Pa, Siti Arni Basir, dan Shukeri Mohamed, “Pelaksanaan Siyāsah Shar‘iyyah Dalam Pentadbiran di Malaysia,” *Jurnal al-Tamaddun* 5 (2010): 57-72.

Fadilla Shaharom dan Mahamatayuding Samah, “Ratifikasi CEDAW Di Malaysia: Kesan Menurut Undang-undang Dan Hukum Syarak,” *Journal of Shariah Law Research* 2, 2 (2017): 207-234.

Jaclyn Ling-Chien Neo, “Anti-God, Anti-Islam and Anti-Quran: Expanding The Range of Participants and Peremeters in Discourse Over Women’s Rights and Islam in Malaysia,” *Pacific Basin Law Journal* 21 (2003): 29-74.

John Hursh, “Advancing Women’s Rights Through Islamic Law: The Example of Morocco,” dalam *Berkeley Journal of Gender, Law & Justice* 27, No. 2 (2012): 252-306.

Madhushree Das & Bimal K. Kar. “Empowerment Begins with Recognition: Female Workforce and its Under-recognised Contribution to the Economy of North East India.” Dalam *Women And Empowerment In The Global South*, ed. Amriah Buang dan Janet Momsen, 153-166. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.

Md. Asham Ahmad. “Feminisme Islami: Satu Sanggahan Terhadap Faham Keadilan Musawah.” Makalah, Seminar Wanita dan Cabaran Aliran Pasca-Modenisma: Penilaian Dari Perspektif Islam, Institut Kefahaman Islam dengan kerjasama JAKIM, 19-20 April 2011.

Mohamad Hashim Kamali, “Siasah Shar‘iyyah or The Policies of Islamic Government,” *The American Journal of Islamic Social Sciences* 6, 1 (September 1989): 59-80.

Mohd. Zaidi Abd. Rahman, “Analisis Perbandingan Metodologi Siyasah Syar ‘iyyah Dengan Usul al-Fiqh,” *Jurnal Syariah* 13, 2 (2005): 147- 158.

Nik Mohd. Azlan Abdul Hadi. “Pembangunan Insan Di Negeri Kelantan Tahun 1978-2002: Kajian Cabaran dan Masalah.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014.

Nik Safiah binti Abdul Karim. "Sejauh Manakah Kerajaan Mengambil Kira Era Pasca-Modenisma Dalam Polisi Tentang Wanita." Makalah, Seminar Wanita dan Cabaran Aliran Pasca-Modenisma: Penilaian Dari Perspektif Islam, Institut Kefahaman Islam dengan kerjasama JAKIM, 19-20 April 2011.

Nik Salida Suhaila Nik Saleh, "A Brief Study on the Positive Attentions to Muslim Women's Right in Malaysia." *International Journal of Business, Humanities and Technology* 2, no. 2 (March 2012): 163-172.

Noor Azliyah bt Razalli. "Penggunaan Metode Usul al-Fiqh Dalam Menganalisis Dasar Pendidikan Negara." Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

Nor Hanim Awang @ Mohd Noor. "Diskriminasi Terhadap Wanita di Tempat Kerja: Kajian Terhadap Pegawai Kerajaan Negeri di Daerah Kota Bharu." Disertasi Sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2012.

Nurhafilah Musa, Asmak Husin dan Mumtaz Md Nawi. "Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan – Penghayatan Prinsip Kekeluargaan Dalam Al-Quran Ke Arah Pembinaan Ummah Terbaik." Makalah, Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, 6- 7 Oktober 2015.

Nurul Akma Mohamed dan Shukeri Mohamad. "Program Wanita di Negeri Kelantan di bawah Dasar Membangun Bersama Islam: Pencapaian dan Cabaran." Makalah, Muzakarah Fiqh and International Fiqh Conference, Kolej Universiti Islam Selangor, 22-23 November 2016.

Nurul Akma binti Mohamed. "Mushārakah al-Mar'ah fi al-Majālis al-Niyābiyyah Nākhībah wa Muntakhabah: Dirāsah Fiqhiyyah Mu'aṣṣalah Muqāranah." Disertasi Sarjana, Universiti al-Yemenia, Sana'a, 2004.

, "Jaminan Kesejahteraan Wanita Melalui Pelaksanaan Siasah Shar'iyyah: Mengungkap Pengalaman Kerajaan Negeri Kelantan." Makalah, Seminar Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah Dalam Konteks Semasa Peringkat Kebangsaan, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, 2011,

Nurulbahiah binti Awang dan Nik Salida Suhaila Nik Saleh. "Empowering The Role Of Wali In Strengthening Women's Right". Dalam *Wanita Islam Kontemporari: Isu-isu, Cabaran dan Amalan Terbaik*, ed. Badlihisham Mohd Nasir, Nurhafilah Musa dan Asmak Husin, 95-108. Shah Alam: Persatuan Ulama' Malaysia, 2016.

Panel Pusat Kajian Strategik, “Isu-isu Pentadbiran Kerajaan dan Pembangunan Sosio-Ekonomi Negeri Kelantan 1990-2010: Satu Analisis.” Makalah, Seminar Menjelang 20 Tahun Kepimpinan Ulamak Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan, Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, Kota Bharu, 10 Disember 2009.

Rahimin Affandi Abdul Rahim, “Etika Penyelidikan Islam: Suatu Analisa,” *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* (Jun 2000), 177.

---

. “Persoalan Gender di dalam Perundangan Islam Di Malaysia: Suatu Analisis Ringkas” dalam *Wanita dan Perundangan Islam*, ed. Raihanah Abdullah, 2- 8. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn Bhd, 2001.

Rana Muhammad Dishad dan Muhammad Ijaz Latif, “*Focus Group Interview as a Tool for Qualitative Research: An Analysis*,” *Pakistan Journal of Social Sciences* 33, no.1 (2013), 191-198.

Rashila Ramli dan Saliha Hassan, “Wanita dan Pembangunan Politik di Malaysia: Alaf Baru, Politik Baru,” dalam *Himpunan Makalah Wanita dan Pembangunan di Malaysia: Satu Kesinambungan*, ed. Jamilah Ariffin, Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd, 2010.

Rohana Mohamed Nor. “Perjuangan Politik Khadijah Sidek.” Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002.

Rohani binti Nordin. “Penyertaan Politik Wanita: Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Dalam Pembangunan.” Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.

Rus-Sanani@ Asiah binti Hassan. “Hak-hak Wanita dalam Undang-undang Keluarga Islam dan Enakmen Keluarga Islam di Malaysia: Rujukan Khusus di Negeri Kelantan.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005.

Sharifah Hayaati Syed Ismail, “Kepimpinan Wanita Dalam Politik Dari Perspektif Siyāsah Syar‘iyyah,” *Jurnal Syariah* 10, 2 (2002), 109- 122.

Shukeri Mohamad. “Siasah Shar‘iyyah dan Kedudukannya sebagai Method Penentuan Hukum.” Dalam *Hukum Islam Semasa bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj Azhari. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 1999.

Shukeri Mohamad. "Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Shar'iyyah Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Kelantan." Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.

. "Siasah Shar'iyyah Dalam Membentuk Gagasan Fiqh Masyarakat Majmuk." Makalah, Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam. Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor, 23-24 Disember 2009.

. "Siasah Shar'iyyah: Pelaksanaannya Dalam Pentadbiran Negara." Kertas kerja pembentangan, Seminar Pelaksanaan Siasah Shar'iyyah Dalam Konteks Semasa Peringkat Kebangsaan, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, 17 September 2011.

Shukeri Mohamad, Mohd. Yakub dan Mohd. Azreen. "Analisis Pelaksanaan Dasar Wanita di Negeri Kelantan dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Masyarakat." Makalah, World Conference on Islamic Thought and Civilization, 2011.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. "*Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita*". Kertas kerja pembentangan, Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita, Kuala Lumpur, 2009.

Wan Nik Wan Yussof. "Program Pentadbiran Kerajaan dan Pembangunan Sosio-Ekonomi Negeri Kelantan 1990-2001." Kertas kerja pembentangan, Seminar Menjelang 20 Tahun Kepimpinan Ulamak Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan, Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, Kota Bharu, 10 Disember 2009.

Widad binti Mat Ali. "Dasar Wanita Kelantan Daripada Perspektif Maqasid al-Shari'ah." Disertasi sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2013.

Zakaria Othman. "Penyertaan Masyarakat Dalam Dasar Awam Menurut Islam: Analisis Terhadap Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2009-2014)." Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.

Zul'azmi Yaakob & Zailan Moris. "Peranan Persekutuan terhadap Tuntutan Hak Asasi Manusia: Cabaran bagi Umat Islam." Dalam International Journal of Islamic Thought, 5 (June 2014), 82-91.

Zulqarnain bin Hassan. "Penglibatan Wanita sebagai Calon dalam Pilihanraya: Tinjauan dari Sudut Siasah Shar'iyyah." Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006.

## **PEKELILING**

Pekeling Perkhidmatan Bilangan 2, Kerajaan Negeri Kelantan, Tahun 1991, "Pindaan Kelayakan Cuti Bersalin Bagi Pegawai/ Kakitangan Wanita Kerajaan Negeri di Bawah Perintah-perintah Am 25 Dan 26 Bab C", bertarikh 12 Mac 1991.

Pekeling Perkhidmatan Bilangan 1/1993, Kerajaan Negeri Kelantan, "Peraturan Berpakaian Masa Bertugas Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan", bertarikh 28 Januari 1993.

Pekeling Pentadbiran Islamiah Bil. 1, Kerajaan Negeri Kelantan, Tahun 1994, "Garis Panduan bagi Majlis-majlis Rasmi Kerajaan", bertarikh 1 Safar 1415/ 10 Julai 1994.

Pekeling Perkhidmatan Bil. 8, Kerajaan Negeri Kelantan, Tahun 1995, "Menyusun Semula Hari dan Masa Bekerja Bagi Jabatan-jabatan, Badan-badan Berkanun Dan Penguasa-penguasa Tempatan Kerajaan Negeri Kelantan", Bertarikh: 18 Rejab 1416/ 11 Disember 1995.

Pekeling Am Negeri Bilangan 4, Tahun 2003, "Cadangan Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di Negeri Kelantan. Garis Panduan Kawalan Hiburan (2003)", bertarikh 23 Oktober 2003.

Pekeling Perkhidmatan Negeri, Bil. 5, Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim, Tahun 2013, "Pelaksanaan Dasar Baru Kemudahan-kemudahan Cuti Kematian Suami Selama 30 hari", bertarikh 1 November 2013.

Pekeling Perkhidmatan Bil. 7, Kerajaan Seri Paduka Baginda Malaysia, Tahun 1998, Hari Rehat Sabtu atau Hari Rehat Khamis Bagi Sektor Awam", bertarikh: 16 Disember 1998.

Pekeling Perkhidmatan Negeri, bil. 2, Kerajaan Negeri Kelantan, tahun 1996, "Pindaan Kepada Pekeling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1991", bertarikh 17 Januari 1996.

## **PENYATA RASMI**

Ucapan Belanjawan 2000, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesembilan. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2001, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesepuluh. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2002, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesepuluh. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2003, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesepuluh. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2004, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesepuluh. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2005, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesebelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2006, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesebelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2007, Bagi Tempoh Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesebelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2008, Bagi Tempoh Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesebelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2009, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Keduabelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2010, Bagi Tempoh Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Keduabelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2011, Persidangan Kali Yang Ke 3 (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesebelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2012, Bagi Tempoh Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Keduabelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2013, Bagi Tempoh Penggal Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Keduabelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2014, Bagi Tempoh Penggal Yang Pertama Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Ketigabelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ucapan Belanjawan 2015, Bagi Tempoh Penggal Yang Kedua Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Ketigabelas. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

## **STATUT**

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (1983). Negeri Kelantan

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (2002). Negeri Kelantan

Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II), 1993. Negeri Kelantan

Enakmen Kawal Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Kerajaan Negeri Kelantan

Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB 1989 (Pindaan 2002).

Undang-undang Kecil Taman MPKB 1986.

Undang-undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pendandan Rambut MPKB (Pindaan) 2003.

## KERTAS DASAR

*Dasar-dasar Negara*. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia, 1993.

*Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia, 1994.

*Dasar-dasar Utama Kerajaan Negeri Kelantan*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, 2005.

*Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2009.

Ismail Noh. "Deraf Garis Panduan Dasar Wanita Negeri Kelantan 2001." Kolokium Dasar Wanita Kelantan, 2001.

*Kertas Dasar Keluarga Mawaddah Negeri Kelantan*, 2009.

Mohd Saidy Ismail. *Dasar Wanita Negeri Kelantan*, 2002.

Urusetia Hal Ehwal Wanita. *Dasar Wanita Negara*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1994.

Wan Nik Wan Yussof. *Deraf Dasar Wanita Kelantan*, 2000.

## LAPORAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (2011). *Statistik Utama Kelantan 2010*. Kota Bharu: Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan.

Laporan Minit Mesyuarat Semakan Dasar Wanita Kelantan, Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan (UPWKK) Kerajaan Negeri Kelantan, bertarikh 20 Mac 2012.

Laporan Minit Mesyuarat Semakan Dasar Wanita Kali Ke-2, Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan (UPWKK) Kerajaan Negeri Kelantan, bertarikh 27 Mac 2012.

Laporan Tahunan 1993 Majlis Perbandaran Kota Bharu.

Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan (2017). *Laporan Kuliah Fiqh Wanita MPWP*. Tidak diterbitkan.

## **PERLEMBAGAAN**

*Perlembagaan Persekutuan Malaysia.*

*The Constitution of State of Kelantan*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan.

*Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS)* (Pindaan 2011). Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS.

## **AKHBAR DAN MAJALAH**

Buletin, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, Bil. 18, Januari 1992.

Buletin Khas MPKB-BRI (t.t). Perubahan Yang Dilakukan MPKB-BRI selama 17 tahun di bawah Kepimpinan Ulamak. Jabatan Perhubungan Awam MPKB-BRI, Kota Bharu.

Buletin Darulnaim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Tahun ke-21, 16-30 Jun 2011/ Rejab 1432H, Bil. 113.

Buletin Darulnaim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Tahun ke-24, Julai-Ogos 2014/ Ramadhan-Shawal 1435H, Bil. 160.

Buletin Darulnaim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Tahun ke-25, Januari-Februari 2015/ Rabiul Awal-Rabiul Akhir 1436H, Bil. 163.

Buletin Darulnaim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Tahun ke-25, Mac 2015/ Jamadil Awal-Jamadil Akhir 1436H, Bil. 164.

Buletin Darulnaim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Tahun ke-25, April 2015/ Jamadil Akhir-Rejab 1436H, Bil. 165.

Buletin Darulnaim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Tahun ke-25, 1-15 Mei 2015/ Rejab 1436H, Bil. 166.

Buletin Darulnaim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Tahun ke-25, 16 Mei-15 Jun 2015/ Rejab-Syaaban 1436H, Bil. 167.

Buletin Darulnaim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Tahun ke-25, Julai 2015/ Ramadhan-Syawal 1436H, Bil. 169.

Buletin Darulnaim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Tahun ke-25, Ogos 2015/ Shawal-Zulkaedah 1436H, Bil. 170.

Buletin Darulnaim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Tahun ke-25, Oktober-November 2015/ Zulkaedah-Muharram 1437H, Bil. 171.

Buletin Darulnaim, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan (UPKN), Tahun ke-25, November-Disember 2015/ Muharram-Rabiul Awal 1437H, Bil. 172.

“Kakitangan wanita diarah pakai tudung – Rozali,” *Utusan Malaysia*, 8 November 1990.

“Kelantan benarkan peserta tilawah al-Quran wanita mulai tahun depan,” *Sinar Harian*, 14 Jun 2012.

“Kelantan larang wanita sertai ujian tilawah al-Quran”, *Utusan Malaysia*, 21 November 1990.

“Tilawah: Saranan Nik Aziz dibantah,” *Berita Harian*, 22 November 1990.

## LAMAN SESAWANG

David Boersema, “Cairo Declaration on Human Rights”, *Encyclopedia of Global Justice*, ed. Deen K. Chatterjee, laman sesawang *Springer Link*, dicapai pada 10 Ogos 2017, [https://link.springer.com/referenceworkentry/10.1007%2F978-1-4020-9160-5\\_580](https://link.springer.com/referenceworkentry/10.1007%2F978-1-4020-9160-5_580)

Mohd Arshad Taib, "Pembangunan Sistem Sosio-Budaya Islam dalam Konteks Masyarakat Malaysia," laman sesawang *Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan*, dicapai pada 25 Ogos 2017, <https://dppwp.wordpress.com/usrah/pembangunan-sistem-sosio-budaya-islam-dalam-kontek-masyarakat-malaysia/>

Muhammad Shākir al-Sharīf, "al-Siasah al-Shar'iyyah Ta'rif wa Ta'sil", laman sesawang *Sayd al-Fawā'id*, dicapai pada 5 Mac 2016, <http://www.saaid.net?Doat/al-sharef/6.htm>.

Nur Saidatul Al Fasihah bt Mohammad Nafi, "Puteri Saadong Lagenda Wanita Kelantan Tersohor," laman sesawang *Academia*, dicapai pada 25 Ogos 2017, [https://www.academia.edu/11646202/PROJEK\\_PENYELIDIKAN](https://www.academia.edu/11646202/PROJEK_PENYELIDIKAN)

Shukeri Mohamad, Mohd. Yakub dan Mohd. Azreen, "Analisis Pelaksanaan Dasar Wanita di Negeri Kelantan dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Masyarakat," (makalah, World Conference on Islamic Thought and Civilization, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, 2012) dalam laman sesawang *UM Repository*, dicapai pada 31 Ogos 2015, <http://repository.um.edu.my/23709/>

"Cik Siti Wan Kembang," laman sesawang *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 10 Ogos 2017, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Cik\\_Siti\\_Wan\\_Kembang](https://ms.wikipedia.org/wiki/Cik_Siti_Wan_Kembang)

"Convention on The Ellimination of All Forms of Discrimination Against Women, New York, 18 December 1979", laman sesawang *United Nations Human Rights Office of The High Commissioner*, dicapai pada 10 Ogos 2017, <http://www.ohchr.org/EN/ProfessionalInterest/Pages/CEDAW.aspx>.

"Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan," laman sesawang *Kerajaan Negeri Kelantan*, dicapai pada 9 November 2016, <http://www.kelantan.gov.my/index.php/en/polisi-kerajaan/217-dasar-keluarga-mawaddah-negeri-kelantan/file>

"Dasar Wanita Negara," laman sesawang *Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*, dicapai pada 10 Ogos 2017, [https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR%20WANITA%20NEGARA\\_bm.pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/DASAR%20WANITA%20NEGARA_bm.pdf)

"Dasar Wanita Negeri Kelantan," laman sesawang *Kerajaan Negeri Kelantan*, dicapai pada 9 November 2016, [www.kelantan.gov.my/index.php/en/polisi-kerajaan/218-dasar-wanita-negeri-kelantan/file](http://www.kelantan.gov.my/index.php/en/polisi-kerajaan/218-dasar-wanita-negeri-kelantan/file).

"Diwān Ḥāfiẓ Ibrāhīm," laman sesawang *al-Hakawātī*, dicapai pada 21 Disember 2015, <http://al-hakawati.net/arabic/Civilizations/diwanindex6a1.pdf>

“Hijab by Country,” laman sesawang *Wikipedia The Free Encyclopedia*, dicapai pada 25 Ogos 2017, [https://en.wikipedia.org/wiki/Hijab\\_by\\_country](https://en.wikipedia.org/wiki/Hijab_by_country)

“History of The United Nations”, laman sesawang *United Nations*, dicapai pada 10 Ogos 2017, <http://www.un.org/en/sections/history/history-united-nations/index.html>

“Human Rights”, laman sesawang *United Nations Treaty Collection*, dicapai pada 10 Ogos 2017, [https://treaties.un.org/Pages/ViewDetails.aspx?src=TREATY&mtdsg\\_no=IV-8&chapter=4&lang=en](https://treaties.un.org/Pages/ViewDetails.aspx?src=TREATY&mtdsg_no=IV-8&chapter=4&lang=en)

“Jenayah terhadap wanita di Kelantan meningkat,” laman sesawang *Berita Harian Online*, 3 Mac 2016, dicapai pada 10 Ogos 2016, <https://www1.bharian.com.my>

“Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah,” laman sesawang *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 6 Oktober 2016, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Maahad\\_Tahfiz\\_Sains\\_Tanah\\_Merah](https://ms.wikipedia.org/wiki/Maahad_Tahfiz_Sains_Tanah_Merah)

“Makam Cik Siti Wan Kembang,” laman sesawang Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam, dicapai pada 25 Ogos 2017, <http://www.mpkbbri.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/sejarah/makam-cik-siti-wan-kembang>

“Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009”, laman sesawang *Portal Rasmi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*, dicapai pada 16 September 2015, <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/PELAN%20TINDAKAN%20PEMBANGUNAN%20WANITA%202009.pdf>

“Pengenalan Halaqat Negeri,” laman sesawang *Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan*, dicapai pada 6 Oktober 2016, <http://www.jaheaik.gov.my/v5/index.php/bahagian/halaqat-negeri/pengenalan>

“Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu,” laman sesawang *Wikipedia*, dicapai pada 10 Ogos 2017, [https://ms.wikipedia.org/wiki/Pertubuhan\\_Bangsa-Bangsa\\_Bersatu](https://ms.wikipedia.org/wiki/Pertubuhan_Bangsa-Bangsa_Bersatu)

“Senarai Hospital,” laman sesawang MamaPride.com, dicapai pada 16 Februari 2017, <http://seluarbersalinmamapride.blogspot.my/p/hospital-mesra-mamapride.html>

“Universal Declaration of Human Rights”, laman sesawang *United Nations*, dicapai pada 10 Ogos 2017, <http://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/>

“Universal Islamic Declaration of Human Rights”, laman sesawang *al-Hewar*, dicapai pada 10 Ogos 2017, <http://www.alhewar.com/ISLAMDECL.html>

“Universal Islamic Declaration of Human Rights”, laman sesawang *Human Rights Library, University of Minnesota*, dicapai pada 10 Ogos 2017, [http://hrlibrary.umn.edu/instre/islamic\\_declaration\\_HR.html](http://hrlibrary.umn.edu/instre/islamic_declaration_HR.html)

“25 tahun, Kelantan Bebas Rasuah - 24 November 2015,” laman sesawang *Urusetia Penerangan Negeri Kelantan*, dicapai pada 5 Mei 2017, <http://www.upknkelantan.com>

## TEMUBUAL

Abdul Fattah bin Mahmud (EXCO Kerajaan Negeri Kelantan, Mantan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Belia dan Sukan Kerajaan Negeri Kelantan dari tahun 2005 hingga 2008), dalam temubual dengan penulis, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kota Darulnaim, 18 Januari 2017.

Azrina binti Che Harun (Mantan Penolong Pengarah UPWKK) dalam temubual dengan penulis, Pejabat PMBK Invest, Cawangan Tunjung, 1 Februari 2017.

Hunaizah binti Mohd Noor (Mantan Ahli Dewan Negara), dalam temubual dengan penulis, Kampung Kedai Menanti, Pasir Puteh, 26 Januari 2016.

Mohd Saiba bin Yaacob (Mantan Setiausaha Akhbar Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, 11 Disember 2015.

Muhammad bin Daud al-Iraqi (Ketua Dewan Ulamak PAS Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, Nilam Puri, 9 Januari 2013.

Mumtaz binti Nawi (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, Pejabat Urus Setia Pembangunan Wanita , Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan, 2 Mac 2016.

Nik Mohd Azlan bin Abdul Hadi (Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, mantan Setiausaha Sulit Menteri Besar Kelantan), dalam temubual dengan penulis, Pejabat Timbalan Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, 21 Januari 2016.

Nur Adyani bin Mohamed (Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Wanita, Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan) dalam temubual dengan penulis, Pejabat Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan, Kota Bharu, 21 September 2016.

Rohani binti Ibrahim (Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, Hospital Pakar Perdana, Kota Bharu, 21 Januari 2016.

Wan Martina Wan Yusoff (Ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Bachok), dalam temubual kumpulan terfokus, JKR 10, Kota Bharu, 3 Mac 2018.

Wan Nik bin Wan Yusoff (Pengarah Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, Pejabat Pusat Kajian Strategik, Kota Darulnaim, 27 Januari 2016.

Wan Rafizah Wan Abdullah (Ahli Majlis Perundingan Wanita Parlimen Rantau Panjang), dalam temubual kumpulan terfokus, JKR 10, Kota Bharu, 3 Mac 2018.

Wan Ubaidah binti Omar (Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, Kampung Padang Bongor, 21 Ogos 2017.

Zainiah binti Halim (Pengarah Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, Pejabat Urus Setia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Negeri Kelantan, 22 Mac 2017.

Zulqarnain bin Hassan (Ketua Penerangan Dewan Ulamak PAS Negeri Kelantan), dalam temubual dengan penulis, Nilam Puri, 17 Julai 2017.